

*Naskhah belum semak*



**DEWAN NEGARA  
LAPORAN PENYATA RASMI  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

Bil. 23

Selasa

17 Disember 2019

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 2)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2020	(Halaman 31)
<b>USUL :</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 58)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran (Dilantik)(LS)
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
3. " Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
4. " Tuan Adrian Banie Lasimbang (Dilantik)
5. " Dr. Ahmad Azam bin Hamzah ((Negeri Sembilan)
6. " Tuan Aknan A/L Ehtook (Dilantik)
7. " Tuan Alan Ling Sie Kiong (Dilantik)
8. " Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
9. " Puan Asmak binti Husin (Kelantan)
10. " Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik)
11. " Dato' Chai Kim Sen (LS)
12. " Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
13. " Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin (Dilantik)
14. " Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat (Dilantik)
15. " Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
16. " Datuk Haji Husam bin Musa
17. " Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (LS)
18. " Dato' Isa bin Ab. Hamid (Dilantik)
19. " Datuk Haji Ismail bin Ibrahim (Dilantik)
20. " Tuan Ismail bin Yusop (Perak)
21. " Datuk John Ambrose (Dilantik)
22. " Tuan Kamarudin bin Abdun [Perlis]
23. " Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
24. " Tuan Khairul Azwan bin Harun
25. " Datuk Lee Tian Sing (Lantikan baharu)
26. " Tuan Liew Chin Tong- *Timbalan Menteri Pertahanan*
27. " Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
28. " Datuk Lim Pay Hen (Lantikan baharu)
29. " Tuan Manolan bin Mohamad (Dilantik)
30. " Datuk Wira Haji Marzuki bin Yahya- *Timbalan Menteri Luar Negeri*
31. " Ir. Md. Nasir bin Hashim (Dilantik)
32. " Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid
33. " Datuk Mohan A/L Thangarasu (Dilantik)
34. " Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin- *Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi*
35. " Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah

36. Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Pulau Pinang)
37. " Tuan Haji Muhammad bin Mustafa
38. " Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff (Dilantik)
39. " Datuk Ng Chiang Chin (Dilantik)
40. " Tuan Nga Hock Cheh (Perak)
41. " Dr. Nuing Jeluing (Lantikan baharu)
42. " Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh (Terengganu)
43. " Datuk Paul Igai (Lantikan baharu)
44. " Datuk Rabiyah binti Ali (Dilantik)
45. " Puan Hajah Rahemah binti Idris (Dilantik)
46. " Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
47. " Puan Raj Munni binti Sabu (Dilantik)
48. " Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah-  
*Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan*
49. " Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
50. " Puan Hajah Sabani binti Mat (Perlis)
51. " Puan Siti Fatimah binti Yahaya (Pahang)
52. " Puan Sopiah binti Sharif (Dilantik)
53. " Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh (Selangor)
54. " Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
55. " Datuk Theodore Douglas Lind (Dilantik)
56. " Dato' Sri Ti Lian Ker (Pahang)
57. " Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy- *Menteri Di Jabatan Perdana Menteri*
58. " Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
59. " Datuk Ir. Yong Wui Chung
60. " Dato' Zahari bin Sarip (Johor)
61. " Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Kamis bin Samin

**Setiausaha Dewan Negara**  
Riduan bin Rahmat

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**  
Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf  
Siti Nirlina binti Ahmad  
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Nor Liyana binti Ahmad  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Sherliza Maya binti Talkah  
Herdawati binti Mohd Amir Abbu  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Nurul Atikah binti Basrudin  
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi  
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim  
Nor Sakinah binti Samat  
Ahmad Syahril bin Haji Sikar @ Haji Sika'ri

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Hizamihatim Maggisa bin Juarah  
Muhammad Firdaus bin Ahmad  
Izzul Syazwan bin Abdul Halim  
Maryam binti Azinuddin  
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA

17 Disember 2019

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam sehati sejiwa. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasih dan hormati dan saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah, terima kasih sepanjang malam tadi, Ahli-ahli Parlimen kita berjuang hingga ke hampir pukul 12 malam. Saya mengucapkan terima kasih atas budi baik, jasa perjuangan anda sekalian, Ahli Parlimen iaitu satu perkara yang kita tidak boleh lupakan, kita telah buat tinta emas dalam sejarah kita. Bak kata pantun orang Melayu.

*Bunga melur di tengah padang;  
Boleh dipetik di bulan purnama;  
Harimau mati meninggalkan belang;  
Manusia mati meninggalkan nama... [Tepuk]*

Nama kita buat sejarah. Hampir pukul 12 malam, ada segar bugar. Saya pandang wah, segar, semakin segar nampak bawah. Baguslah. Apa ubat dia makan. Adakah makan- apa dia minum? Itu dia. Jadi, itulah tadi.

*Di atas bukit tanamnya ubi;  
Burung tempua buatnya sarang;  
Bukan budi sebarang budi;  
Budi baik dikenang orang.*

Itu dia. Tepuk sedikitlah... *[Tepuk]* Jadi saya mengucapkan terima kasih banyak.

Jadi kita mulakanlah kita punya persidangan ini dengan menjemput iaitu pertama sekali ialah soalan kita iaitu Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim. Dipersilakan.

**Ir. Md. Nasir bin Hashim:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan selamat sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyebut soalan saya, saya terlebih dahulu ingin-Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah rombongan PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri yang diketuai oleh Yang Berbahagia Datin Roslina binti Mior Adlan, Pengurus PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri.

Kepada Yang Berbahagia Datin Roslina binti Mior Adlan, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Datin dan kumpulan PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran Yang Berbahagia Datin Roslina binti Mior Adlan dan rombongan ini akan dapat mengukuhkan silaturahim di antara ahli-ahli PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri dan PUSPANITA Cawangan Kecil Parlimen Malaysia. Sekian... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih PUSPANITA yang sudi melawat kami di Dewan yang mulia ini. Dipersilakan.

**Ir. Md. Nasir bin Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1.

#### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, perancangan kementerian bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa peka mengenai keadaan semasa ekonomi negara yang mudah terkesan dengan situasi ekonomi dunia yang tidak menentu. Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.6 peratus sehingga suku ketiga 2019 dipacu oleh permintaan dalam negeri. Sebagai sebuah negara kecil yang mengamalkan ekonomi terbuka dengan jumlah dagangan melebihi 130 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), prospek ekonomi negara berhadapan dengan cabaran pertumbuhan yang lebih perlahan.

Gangguan terhadap rantaian bekalan global yang berpunca daripada konflik perdagangan yang berpanjangan antara ekonomi dunia, ketegangan geopolitik, kelembapan

pasaran elektronik serta ketidaktentuan dalam pasaran kewangan dan komuniti global dijangka mempengaruhi momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Justeru, kerajaan akan memberi tumpuan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus mampan. Ekonomi negara mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi, namun ia masih belum digembleng sepenuhnya bagi mencapai potensi yang optimum.

#### ■1010

Terdapat pelbagai isu struktur yang perlu ditangani secara menyeluruh. Antaranya sumber pertumbuhan yang masih bergantung kepada faktor pengeluaran tradisional seperti modal serta buruh dan bukannya peningkatan produktiviti. Sehubungan dengan itu, kerajaan pada masa ini terus memberi penekanan untuk meningkatkan produktiviti sebagai salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan bersifat inklusif. Selain memperkuatkan sektor pertumbuhan sedia ada, kerajaan juga melaksanakan inisiatif pendigitalan dan penerimangunaan teknologi secara lebih meluas terutamanya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Kerajaan juga sedang memberi tumpuan khusus ke arah menarik pelaburan yang berkualiti dalam sektor strategik yang akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada rakyat Malaysia. Di samping itu, langkah juga diambil untuk mempergiat aktiviti ekonomi masa hadapan yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi untuk berkembang pesat sejajar dengan perubahan teknologi.

Bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi dalam tempoh 10 tahun akan datang, kerajaan melalui Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang dilancarkan pada 5 Oktober 2019 telah mengenal pasti 15 cadangan Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) yang berpotensi untuk dibangunkan. Antaranya termasuk Komoditi Malaysia 2.0, Pertanian Pintar dan Bernilai Tinggi, Hab Kewangan Islam 2.0 serta Industri Kandungan Animasi dan Digitalisasi serta Pembuatan Pembekalan dan Perkhidmatan berkaitan Revolusi Perindustrian 4.0.

Di samping itu, bagi memastikan pertumbuhan yang lebih inklusif dan tidak bertumpu kepada sesuatu wilayah sahaja, pembangunan akan dibawa ke seluruh negara terutamanya negeri yang kurang membangun. Kerajaan akan melaksanakan pemetaan titik tumpuan ekonomi, dengan izin, *economy hotspots* di setiap negeri. Usaha ini bagi mengenal pasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan. Kerajaan yakin melalui strategi Belanjawan 2020 dan pelaksanaan WKB yang akan diperincikan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, ekonomi negara akan dapat

dipertingkatkan dengan lebih cepat, mampan dan inklusif bagi membolehkan seluruh rakyat Malaysia mengecap satu tahap kehidupan yang wajar pada tahun 2030. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila.

**Ir. Md. Nasir bin Hashim:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang begitu baik. Soalan kedua saya ialah, bagaimana perancangan bagi menggalakkan untuk pelabur-pelabur yang membuat pelaburan di dalam bidang *technology, innovation and connectivity?* Oleh sebab setakat ini yang saya dapat tahu di Sedenak ada perancangan untuk membuat *data center*. Jadi, bagaimana dengan keadaan di *data center* berkenaan? Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin:** Berkaitan dengan status *data center* yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi, saya perlu mendapat maklumat lanjut tentang *data center* tersebut dan boleh berikan kepada Yang Berhormat sebagai jawapan bertulis.

Cuma, apa yang ingin saya tekankan di sini bahawa antara- seperti mana yang saya sebut tadi, dalam Wawasan Kemakmuran Bersama dalam usaha kerajaan untuk terus membangunkan ekonomi dengan lebih mampan, dengan lebih inklusif, dengan lebih pragmatik dan cepat, maka tumpuan kepada teknologi-teknologi tinggi ini merupakan salah satu komponen utama. Kita ingin industri-industri terutamanya perusahaan kecil dan sederhana turut sama dalam pembangunan ekonomi dan tidak ketinggalan dalam menerima guna teknologi-teknologi terkini.

Selain daripada itu, di dalam bajet atau Belanjawan 2020, terdapat pelbagai inisiatif yang telah ditekankan oleh kerajaan dalam mempercepatkan ekonomi digital seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Termasuklah sebanyak RM4.3 bilion untuk Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP). Itu merupakan salah satu contoh yang terdapat banyak lagi usaha-usaha, banyak lagi inisiatif-inisiatif yang telah diperkenalkan di dalam Belanjawan 2020 berkaitan tentang teknologi dan pendigitalan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, untuk meningkatkan perbelanjaan dalam ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi, adakah kerajaan merancang untuk menurunkan lagi kadar faedah untuk meningkatkan bekalan wang boleh guna iaitu *disposable money*? Apakah ada rancangan untuk mengubah perbelanjaan dan cukai kerajaan untuk mempengaruhi permintaan agregat untuk merangsang ekonomi? Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Pertama sekali, itu merupakan satu soalan yang amat baik dalam konteks apabila kita bercakap tentang pertumbuhan ekonomi. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dalam usaha kerajaan untuk memperkasakan pertumbuhan ekonomi, pelbagai perkara akan dinilai secara keseluruhannya. Jadi, sama ada dari segi cukai, dari segi usaha-usaha untuk meningkatkan kecairan dalam pasaran dan sebagainya, kerajaan akan melihat secara menyeluruh berdasarkan dinamik ekonomi semasa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila.

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, melalui Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, apakah tindakan serius yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengkaji MA63 khususnya untuk perkara yang berkaitan dengan hal-hal ekonomi yang terkandung dalam MA63. Ini bagi memastikan keberkesanan WKB 2030 dapat dikecap di negeri Sabah dan Sarawak dalam tempoh 10 tahun yang akan datang. Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani tentang soalan itu tadi. Pertamanya, berkaitan dengan usaha kerajaan dalam WKB untuk merapatkan jurang antara Sabah dan Sarawak dan negeri-negeri yang lebih membangun. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, dalam objektif kedua WKB iaitu merapatkan jurang-jurang ekonomi, salah satu jurang ekonomi yang ditekankan adalah jurang antara wilayah.

Seperti mana kita sedia maklum juga, pada masa ini 40 peratus KDNK negara tertumpu di Kuala Lumpur dan Selangor. Dalam konteks Wawasan Kemakmuran Bersama, kita ingin pastikan supaya seluruh negara dapat merasa nikmat pembangunan ekonomi ini dari Perlis sehingga ke Sabah. Oleh sebab itulah seperti mana saya sebut dalam jawapan saya tadi, bahawa kita akan wujudkan titik tumpuan ekonomi or *economy hotspots* di negeri-negeri berdasarkan kekuatan yang ada pada negeri tersebut termasuklah di Sabah dan Sarawak. Jadi kita dapat gembleng kekuatan yang ada, keunikan yang ada di setiap negeri supaya kita dapat optimumkan pembangunan ekonomi di negeri tersebut untuk memastikan seluruh negara dapat merasai nikmat pembangunan ekonomi Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak Yang Berhormat Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

Saya mempersilakan pula Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad bin Mustafa.

**2. Tuan Haji Muhamad bin Mustafa** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah cadangan dan langkah-langkah kerajaan dalam menggalakkan institusi dan agensi swasta untuk mewujudkan taska di tempat kerja sebagaimana yang terlaksana di jabatan dan agensi-agensi kerajaan sekarang ini; dan
- (b) apakah jawatankuasa mengkaji masalah melibatkan tempat asuhan secara menyeluruh dengan kerjasama pelbagai kementerian sudah diwujudkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan melalui peruntukan Belanjawan 2019 yang diumumkan pada tahun lepas telah berjaya menyediakan 66 taska baharu di bangunan kerajaan dengan peruntukan RM10 juta berbanding sasaran awal 50 taska. Manakala untuk belanjawan tahun hadapan yang telah diumumkan pada 11 Oktober, kerajaan telah meningkatkan peruntukan kepada RM30 juta untuk menyediakan lebih banyak lagi taska terutamanya di hospital dan di sekolah. Selain itu, kerajaan juga telah menyediakan pelbagai insentif dalam usaha menggalakkan penubuhan taska seperti:
  - (i) mengadakan program galakan pendaftaran taska melalui pemberian diskaun bil elektrik Tenaga Nasional Berhad mulai 1 November tahun ini bagi mengurangkan kos operasi taska. Sejak pengumuman tersebut, 565 buah taska telah diluluskan diskaun 20 peratus TNB sehingga 30 November tahun ini;
  - (ii) mengadakan perbincangan dengan Suruhanjaya Tenaga Sabah Electricity Sendirian Berhad, dan Sarawak Energy Berhad, bagi memperluaskan program ini ke Sabah dan Sarawak. Hasil perbincangan tersebut, Sabah Electricity Sdn. Berhad, tidak mempertimbangkan permohonan manakala Sarawak Energy Berhad masih dalam pertimbangan;

■1020

- (iii) insentif potongan cukai dua kali kepada majikan swasta yang menyediakan elaun atau subsidi kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan taska;

- (iv) pemberian elaun bangunan industri sebanyak 10 peratus kepada pemilik bangunan yang menjalankan perniagaan taska membuat pengubahaian penyelenggara dan pemilikan bangunan; dan
- (v) pengecualian cukai selama lima tahun kepada pengusaha taska tanpa mengira pemilik ataupun penyewa bangunan bermula tahun taksiran 2017.

Untuk menjawab soalan,

- (b) Kementerian kami menyelaraskan perkara-perkara berhubung bidang pengasuhan dan bidang pendidikan awal kanak-kanak melalui dua jawatankuasa iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bagi Mengawal Selia Secara Bersepadu Penubuhan dan Operasi Industri Pendidikan Awal Kanak-kanak di Malaysia dan Mesyuarat *Task Force Ramping Up The Early Childhood Care and Education Industry* (ECCE) yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan pemain industri bagi tujuan mengkaji dan menyelesaikan isu-isu semasa dalam industri secara menyeluruh.

Terima kasih.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, pertama saya ingin mengucapkan tahniah terhadap kerajaan kerana berjaya mengadakan 66 buah taska di bangunan kerajaan melebihi sasaran iaitu 50 buah taska.

Soalan saya ialah, berapakah jumlah taska yang telah diwujudkan oleh pihak swasta di bangunan mereka setakat ini? Adakah taska yang diwujudkan ini berdaftar dengan kerajaan?

Kedua, sekarang terdapat tiga jenis taska yang pertama taska di jabatan kerajaan, kedua taska di institusi dan agensi swasta dan juga taska di taman-taman perumahan di desa dan juga di kampung-kampung.

Memandangkan jenayah kejam yang dilakukan terhadap seorang bayi yang malang di taska baru-baru ini di mana suami seorang pengasuh bayi itu merogol sehingga mati si bayi ini, jadi apakah perancangan dan tindakan kerajaan terhadap taska-taska yang jenis nombor tiga tadi agar peristiwa hitam seperti ini tidak berulang lagi. Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Untuk soalan pertama mengenai data taska swasta yang telah berdaftar untuk tahun ini saya minta untuk diberikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator.

Keduanya, untuk kita mencegah penderaan kanak-kanak, yang pertamanya adalah kita telah mewujudkan infografik bagaimana untuk memilih pengasuh bagi tujuan mendidik ibu bapa. Keduanya, adalah kita juga sedang menggalakkan pendaftaran taska supaya pemantauan boleh dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kita anggarkan berdasarkan populasi kanak-kanak kosong tahun hingga empat tahun di Malaysia. Anggaran kita adalah kita perlu mempunyai 40 ribu buah taska untuk menampung populasi kanak-kanak. Akan tetapi, dalam rekod kita, yang berdaftar hanya 11 peratus sahaja. Itu sebab kita adakan insentif untuk bil elektrik supaya kita boleh galakan lebih banyak pendaftaran, kita boleh meninjau dan memantau.

Ketiganya, kita telah melaksanakan program pemutihan taska bermula di Putrajaya dahulu untuk kita tengok bagaimana kita boleh memperluaskan lagi usaha ini di kawasan luar bandar. Usaha itu sedang berjalan dan kami akan terus memantau. Apa yang paling kita risau sekarang adalah kes-kes penderaan kanak-kanak bukan sahaja melibatkan pengasuh tetapi melibatkan kebanyakan ahli keluarga.

Jumlah kanak-kanak yang didera oleh pengasuh adalah di peringkat tahap empat, yang pertama dan kedua adalah ibu dan bapa. Itu sebab sekarang kita sedang memperluaskan lagi akses kepada kaunseling di mana kita ada PCC, kaunseling center kita. JKM turun ke kawasan PPR untuk wujudkan PCC dan kita setakat ini sudah ada sebanyak 10 PCC dan kita akan menambahkan lagi. Kita minta kerjasama daripada Ahli Parlimen dan juga Ahli Dewan Negeri kalau mereka boleh mencari satu tempat di PPR bersama kerjasama dengan PBT di mana tempat itu mereka boleh berikan kita *rent free*, dengan izin, JKM boleh masuk untuk memberikan akses kepada kaunseling kepada golongan yang memerlukan. Terima kasih.

**Puan Asmak binti Husin:** Soalan tambahan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ingin bertanya berkaitan dengan *helper* ataupun pembantu *part time* yang kalau kita perlukan mereka, kita telefon mereka dan mungkin mereka datang tololeng tengok anak kita selama dua jam dan sebagainya.

Jadi, soalan saya ialah bagaimakah *governance helper* ini, pengurus rumah tangga *part time* ini dan adakah mereka terikat dengan mana-mana akta? Sekian, terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Tuan Yang di-Pertua, untuk *baby sitter* seperti ini, satu jam, dua jam, pada masa ini tiada pemantauan terhadap mereka kerana garis panduan ataupun undang-undang

yang kita ada terikat dengan taska. Taska di rumah, taska di tempat kerja ataupun taska swasta. Jadi kita telah pun berbincang bersama untuk tengok bagaimana. Kita ada satu komiti bersama ECCE dan kita sentiasa berbincang bagaimana kita boleh *apply* garis panduan kepada *nanny*. Masalah kita adalah golongan ini, untuk taska sahaja pun kita ada masalah sekarang. Jadi, kita sedang ambil *step-by-step*, dengan izin, untuk kita memantau keadaan ini. Akan tetapi buat masa ini kita meminta ibu bapa supaya tidak memilih *baby sitter* secara *online* ataupun mencari *baby sitter* ataupun pengasuh berdasarkan *recommendation*, dengan izin, kawan-kawan yang mereka boleh percayai. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Tuan Yang di-Pertua. Perempuan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Siti Fatimah binti Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian mempunyai sebarang kuasa untuk mengawal bayaran taska swasta yang dilihat terlalu tinggi pada ketika ini. Terutamanya di bandar besar serta adakah pihak kementerian boleh mengeluarkan garis panduan lingkungan harga standard yuran taska swasta sebagai rujukan kepada ibu bapa. Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Buat masa ini tiada *wiling buyer, willing seller* buat masa ini kerana berdasarkan perkhidmatan dan standard perkhidmatan yang mereka berikan kepada mereka. Jadi, kalau taska itu ada *air cond*, ada infrastruktur yang lebih selesa, selalunya mereka akan *charge* lebih. Buat masa ini, kita sedang menyelaraskan perkhidmatan ataupun *dual licensing problem* di mana kita ada tadika yang juga menyediakan perkhidmatan taska. Selalunya kalau mereka ada perkhidmatan seperti itu, yuran selalunya ada yuran *sibling*, adik-beradik di mana adik kecil di taska dan kakak besar di tadika dan mereka selalu ada diskaun dan *rebate*.

Jadi, masalah itu kita tahu dan sekarang kita sedang menyelaraskan bagaimana kita boleh menyelesaikan *dual licensing* ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak...

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Boleh? Satu soalan sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, lekas.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya Cuma hendak mengenal pasti daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada peruntukan untuk tahun hadapan tahun 2020 telah meningkat daripada RM10 juta tahun ini kepada RM30 juta pada tahun hadapan. Untuk memberikan geran

kepada pertubuhan taska-taska di sektor kerajaan awam dan apakah pendekatan Jabatan Kebajikan Masyarakat terhadap kewujudan taska di sekolah-sekolah.

Oleh sebab, saya pernah membuat permohonan pada Ogos yang lepas untuk sebuah sekolah menengah di Miri iaitu SMK Chong Hwa Miri. Di mana Persatuan Ibu Bapa dan Guru telah menubuhkan taska dan beroperasi sejak Januari tahun ini tetapi permohonan untuk geran belum dapat dipertimbangkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. So, saya ingin tahu, pendekatan jabatan ataupun kementerian terhadap pertubuhan taska di sekolah-sekolah. Sekian, terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Soalan yang baik sekali. Untuk RM10 juta pada tahun ini, sebanyak 66 buah taska kita bagi *priority* kepada agensi kerajaan awam yang mempunyai banyak tenaga kerja wanita. Saya bagi contoh daripada 66 buah taska yang kami wujudkan, sebanyak 19 buah taska kita fokus di hospital kerajaan, sebanyak 18 buah di agensi yang beroperasi syif, sebanyak lapan buah di institusi pendidikan seperti universiti, sebanyak lapan buah lagi di agensi kerajaan negeri dan sebanyak lima agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, sebanyak lapan buah lagi agensi di tempat lain.

Jadi, untuk tahun hadapan, walaupun kita menerima peruntukan sebanyak tiga kali ganda RM30 juta, *priority* kita masih di kawasan hospital dan tempat syif di mana polis, imigresen, JPJ mereka perlukan sokongan taska infrastruktur.

#### ■1030

Kita ada umumkan untuk fokus kepada sekolah tetapi bukan sekolah- bukan bina taska di sekolah tetapi lebih kepada kuarters guru supaya di kuarters guru sana- kalau kita hendak masuk setiap sekolah RM30 juta memang tidak cukup, langsung tidak mencukupi. Jadi kita akan lihat kepada hospital dulu dan kita bagi keutamaan juga kepada kuarters guru. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Puan Hannah Yeoh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sekarang pula minta Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung.

**Datuk Ir. Yong Wui Chung:** Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum itu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan saya daripada *Liberal Democratic Party* (LDP) yang diketuai mantan Senator Datuk Chin Su Phin selaku Presiden LDP ke Dewan yang mulia ini... [Tepuk]

Di harap dengan lawatan ini dapat memberikan manfaat yang baik kepada mereka. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 3.

3. **Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah kemasukan warganegara Hong Kong ke Malaysia sejak krisis di sana berlaku sehingga kini dan jumlah mereka yang memohon dan diluluskan permohonan bagi program *Malaysia My Second Home* (MM2H)

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ditimbulkan mungkin disebabkan oleh kegusaran Ahli Yang Berhormat tentang isu yang berlaku sekarang di Hong Kong yang mana berlaku rusuhan yang melibatkan rakyat Hong Kong dan juga kerajaan yang memerintah pada hari ini di sana.

Namun berdasarkan kepada rekod oleh Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah kemasukan warganegara Hong Kong ke Malaysia pada tahun 2017 adalah seramai 345 orang. Seramai 458 orang pada tahun 2018. Seramai 242 orang pada tahun 2019 iaitu dari 1 Januari sehingga 31 Ogos 2019. Bermakna dari segi *trade* itu tidak banyak perubahan.

Melalui trend statistik dicatatkan tersebut tiada peningkatan yang ketara bagi jumlah kemasukan warganegara Hong Kong ke Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Program *Malaysia My Second Home* (MM2H) merupakan program inap jangka panjang di bawah inisiatif kerajaan Malaysia bagi menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang berkelayakan untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih besar di Malaysia.

Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia ataupun MOTAC memaklumkan bahawa melalui MM2H ini sejumlah 1265 permohonan daripada warganegara Hong Kong telah diluluskan untuk menyertai program tersebut sejak tahun 2002 sehingga 30 Jun 2019. Dari Januari hingga 30 Jun 2019 pula hanya seramai 44 orang warganegara Hong Kong telah berjaya menyertai program MM2H ini. Maknanya jumlahnya cukup kecil dan tidaklah membimbangkan kita walaupun berlaku rusuhan di negara Hong Kong yang mana ada mengandaikan bahawa akan ada perpindahan beramai-ramai masyarakat Hong Kong ke Malaysia kerana ingin lari daripada keadaan kucar-kacir yang berlaku di Hong Kong pada hari ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Kementerian Dalam Negeri ingin memaklumkan bahawa dakwaan kemasukan warganegara Hong Kong secara besar-besaran ke Malaysia melalui MM2H ini susulan daripada yang berlaku krisis yang berlaku di Hong Kong adalah tidak benar.

Selain itu juga KDN dan Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa memastikan pemeriksaan kawalan yang ketat bagi kemasukan pelancong-pelancong tidak kira dari negara yang aman maupun yang sedang bergolak demi keselamatan negara kita Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, sila.

**Datuk Ir. Yong Wui Chung:** Terima kasih, Timbalan Menteri ke atas jawapannya. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, mohon nyatakan adakah terdapat penyalahgunaan visa yang diberikan melalui program MM2H? Adakah terdapat statistik kesalahan yang dilakukan mengikut pecahan warganegara? Apakah penambahbaikan yang dilakukan oleh kerajaan bagi menangani isu-isu yang melibatkan warganegara China yang datang ke sini dengan menjalankan aktiviti haram dan sindiket penipuan seperti yang berlaku baru-baru ini di Cyberjaya dan Ipoh? Berapakah operasi dan tangkapan yang dijalankan kementerian sepanjang tahun 2019 bagi tujuan mengekang sindiket penipuan ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih, dengan soalan tambahan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Untuk rekod kementerian setakat ini masih tiada rekod yang menunjukkan ada penyalahgunaan dalam program MM2H ini. Mungkin Yang Berhormat jika ada maklumat yang boleh membantu kita, sila salurkan kepada kementerian dan kita ambil tindakan yang sewajarnya.

Berkenaan dengan tangkapan, sebagaimana yang disebut di Cyberjaya baru-baru ini yang melibatkan warganegara China, ia bukan warganegara Hong Kong. Pihak Jabatan Imigresen telah pun membuat tangkapan dan pendakwaan pun telah dilakukan. Ini menunjukkan kepada kita bahawa tindakan tegas akan kita ambil jika mana-mana warganegara ataupun individu yang datang ke negara kita menyalahgunakan pas yang diberikan kepada mereka dan kita akan ambil tindakan sewajarnya.

Dari segi statistik sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tangkapan yang dibuat melalui operasi Jabatan Imigresen- kalau daripada China sahaja kita telah membuat tangkapan sebanyak 2424 orang untuk tahun ini Tuan Yang di-Pertua. Majikan pula yang telah menyalahgunakan adalah seramai 1245 orang. Jadi statistik ini mungkin saya boleh beri secara bertulis kepada Yang Berhormat untuk membantu. Apa yang jelas ialah kita melalui Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri, kita akan sentiasa bertindak tegas terhadap mana-mana individu yang melanggar undang-undang negara kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Dari satu perspektif memang kita perlu berwaswas dan berhati-hati apabila kita meluluskan kemasukan jiran-jiran asing dan sebagainya. Akan tetapi, dari segi kesempatan di mana apabila kita tengok jiran-jiran kita seperti Thailand, Singapura apabila mereka mengambil kesempatan untuk menjemput atau mesra pendatang-pendatang untuk melabur dari negeri China khususnya, ekonomi mereka meningkat.

Melihat kelembapan ekonomi kita, bukankah satu peluang untuk kita lebih mesra. Kita jangan tengok dari segi aktiviti negatif, aktiviti penjenayahana sahaja. Apabila aktiviti-aktiviti penjenayahana ini biasa mereka dapat masuk disebabkan oleh korupsi atau disebabkan oleh penapisan yang terlalu longgar atau *exceptional case*.

Jadi adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu Jawatankuasa untuk menapis mereka yang betul-betul dapat membantu menggerakkan ekonomi kita dan membawa pelaburan bersama-sama. Itulah soalan saya.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator dengan soalan tambahan itu. Sebagai mana kita maklum, kementerian ini adalah satu kementerian yang memikir dan memfokuskan kepada isu keselamatan. Soal pelaburan ini soal yang kedua. Bagi kitalah sebab kita merupakan agensi penguatkuasaan yang memikir secara teliti tentang isu keselamatan dalam negara kita.

Negara Malaysia saya yakin dan percaya mungkin kementerian lain sepatutnya menjawab seperti Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ataupun MITI yang saya rasa wajarnya menjawab tentang isu ini. Akan tetapi, apa yang ingin saya tekankan di sini bahawa dari segi keselamatan ini adalah satu perkara yang kita tidak boleh kompromi. Imigresen Malaysia contoh khasnya PDRM akan sentiasa bekerjasama rapat dalam usaha kita untuk memastikan agar isu-isu keselamatan di negara kita ini kita pastikan agar ia sentiasa terjamin agar rakyat di negara kita ini dapat hidup dengan lebih selesa dan juga yakin kepada pelabur-pelabur yang datang ke Malaysia juga pastinya akan yakin untuk melabur di Malaysia jika mereka tahu bahawa Malaysia itu adalah satu negara yang selamat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan lagi boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekejap.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang saya kira cukup baik yang boleh mengurangkan kegusaran rakyat khususnya apabila warga asing boleh memiliki, boleh memohon untuk memiliki Malaysia Rumah Keduaku.

Cuma soalan saya kepada Yang Berhormat iaitu berapa lamakah tempoh warga asing boleh tinggal dalam di rumah Malaysia Rumah Keduaku yang mana kalau terlalu lama dikhuatir boleh menyebabkan kemungkinan mereka boleh melakukan kegiatan-kegiatan jenayah khususnya jenayah rentas sempadan seperti dadah dan sebagainya. Terima kasih.

■1040

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman, program MM2H ini, ia memerlukan satu tapisan yang cukup ketat. Ini sebab ia program sebagaimana yang saya sebut tadi, program daripada MOTAC tetapi Jabatan Imigresen Malaysia akan menapis seketat-ketatnya pemohon-pemohon yang masuk dan yang memohon melalui program ini.

Dari segi tempoh masa itu, untuk makluman, ia lima tahun, *five plus five*, maknanya maksimumnya 10 tahun. Ini kerana mereka membuat pelaburan yang besar di negara kita. Maka, dengan itulah inilah di antara satu mekanisme untuk kita menarik pelabur asing ke negara kita untuk melabur banyak di Malaysia. Secara imbalannya, kita memberikan mereka satu pas dalam tempoh lima tahun ditambah dengan lima tahun, jika mereka merasakan mereka perlu menyambung lagi untuk tinggal dan terus bermiaga di Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Mohd Azis bin Jamman. Terima kasih banyak. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

**Puan Asmak binti Husin:** Sebelum menujukan kepada jawapan, saya ingin membuat sedikit pembetulan. Sebenarnya soalan yang saya hantar hari itu ialah berkaitan dengan memohon pihak Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, menyatakan apakah cabaran pelaksanaan Akta Halal dan bilakah jangkaan ia akan dikuatkuasakan di Malaysia?

Akan tetapi, ada sedikit penukaran seterusnya dan kemudian kementerian juga ditukar. Oleh itu, saya serahkanlah kepada pihak kementerian untuk memberikan jawapan sebagaimana yang disusun. Sekian, terima kasih.

4. **Puan Asmak Binti Husin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, apakah cabaran pelaksanaan Akta Perihal Dagangan berkaitan halal dan bilakah jangkaan ia akan dikuatkuasakan di Malaysia?

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memang komited untuk menguatkuasakan Akta Perihal Dagangan 2011 berkaitan dengan halal. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang dihadapi oleh kementerian dalam usaha untuk mencapai matlamat bagi meningkatkan etika peniaga dan melindungi pengguna berkaitan isu halal, antara cabaran-cabaran dalam menguatkuasakan perundangan berkaitan halal adalah seperti berikut:

- (i) menangani dan menyelesaikan isu-isu tular di media sosial terutama yang menyentuh soal halal dengan pantas dan efektif yang mana ada kalanya isu yang ditularkan tersebut didapati adalah tidak benar;
- (ii) menguatkuasakan Akta Perihal Dagangan 2011 dan 11 lagi akta yang lain dengan keanggotaan pegawai kementerian seramai 2,254 orang di seluruh negara; dan
- (iii) memastikan setiap tindakan penguatkuasaan berkaitan isu halal dijalankan dengan penuh berwaspada bagi menjaga sensitiviti dan keharmonian semua kaum.

Untuk menjawab bahagian kedua soalan Yang Berhormat iaitu mengenai bilakah jangkaan ia akan dikuatkuasakan di Malaysia? Untuk makluman Yang Berhormat, penguatkuasaan atas perihal halal ini, memang berterusan. Ada tiga perintah atau peraturan-peraturan telah dikuatkuasakan mulai tahun 2012 iaitu:

- (i) Perihal Dagangan (Tafsiran Halal) 2011;
- (ii) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011; dan
- (iii) Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

So, mulai daripada penguatkuasaan perintah-perintah atau peraturan-peraturan tersebut, memang kementerian saya telah mulakan penguatkuasaan ke atas peraturan-peraturan ini. Setakat ini, usaha ini akan diteruskan dan ditingkatkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan bagaimakah penyelarasan akan dilakukan oleh pihak kementerian, khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk penguatkuasaan dan keberkesan pengurusan halal.

Ini kerana, setakat ini, ia melibatkan 12 akta berasingan dan Akta Perihal Dagangan ini di bawah Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia tetapi *core business*-nya adalah milik Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga melibatkan 342 agensi berkaitan halal yang terpisah.

Jadi, oleh sebab itu, kita lihat penyelarasannya itu memerlukan banyak agensi dan keberkesanannya itu, kemungkinan terhad dan diragui. Contohnya, macam dalam kes *Cadbury*, yang telah *viral* beberapa tahun lepas di mana ketika itu, telah menyebabkan masyarakat Islam dan bukan Islam juga huru-hara berkaitan *Cadbury* dan telah diambil peluang oleh sesetengah pihak untuk menjatuhkan JAKIM.

Namun, ketika itu, kita faham ia- untuk menguatkuasakan isu ini dan menyelaraskan, ia melibatkan sekurang-kurangnya tujuh agensi. Jadi, soalan saya ialah bilakah kita akan melaksanakan Akta Majlis Halal Malaysia ataupun Suruhanjaya Halal Malaysia? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Memang ada untuk isu penguatkuasaan tentang hal halal, ia melibatkan beberapa agensi. Akan tetapi, secara amnya, utamanya adalah yang melibatkan kementerian saya dengan JAKIM atau JAIN. So, di bawah- untuk masa sekarang, ada lebih kurang 12 jawatankuasa tetapi kebanyakannya adalah dianggotai oleh JAKIM dengan kementerian saya. Juga, kita sentiasa bekerjasama atas urusan itu.

Untuk pembangunan industri halal, memang ia di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi iaitu di bawah satu Majlis Halal Malaysia yang sekarang dijenamakan sebagai Majlis Pembangunan Industri Halal. Setakat ini, kerajaan, belum ada apa-apa cadangan untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Halal dan mungkin ini boleh dicadangkan oleh Yang Berhormat dan kita akan memberi pertimbangan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Asmak binti Husin:** Minta maaf. Soalan saya berkaitan dengan Akta Majlis Halal Malaysia itu, bagaimana? Itu tadi Majlis Halal Malaysia. Akta Majlis Halal Malaysia. Ini sebab ada disebutkan pada tahun 2018 lah oleh dua kementerian juga. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya tidak ada apa-apa maklumat tentang perkembangan cadangan untuk membentangkan akta itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman. Yang Berhormat Menteri, mendengar penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi, dengan banyaknya agensi, beban untuk koordinasi dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini, saya rasa dengan harta inteleknya, banyak juga.

Sara rasa perkara ini agak membebankan kepada pihak penguatkuasaan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, seikhlas mungkin, adakah perkara ini, kapasiti yang ada sekarang ini di bawah kementerian untuk menangani isu halal ini dengan- saya rasa agenda halal ini sudah lama kita hendak buat Yang Berhormat dan saya yakin ini adalah satu perkara yang sangat baik. Malahan, negara-negara jiran juga mahu.

Jadi, kalau perkara ini, dari segi strukturnya itu perlukan satu *reform*, reformasi struktur dan sebagainya, saya rasa Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan sedikit, adakah *structure*-nya itu perlu di-*reform*, pada pandangan Yang Berhormat Menteri dengan kapasiti kementerian sekarang?

**Tuan Chong Chieng Jen:** Setakat ini, di bawah kementerian saya, ada lebih kurang 2,000 lebih pegawai penguatkuasaan yang mereka sentiasanya dari masa ke semasa membuat pemeriksaan ke atas tempat, *premises* untuk menguatkuasakan undang-undang yang berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada dalam tahun 2019 sehingga November, kita telah menjalankan lebih kurang 6,600 lebih pemeriksaan. Sebanyak 6,684 pemeriksaan telah dijalankan di mana kita mendapati bilangan kesalahan yang dilakukan adalah sebanyak 89 kes

**-1050**

Nilai rampasan yang dibuat adalah RM627 ribu dan juga nilai kompaun atau denda yang dikenakan adalah RM134 ribu. Oleh itu saya rasa adalah dari segi kekuatan penguatkuasaan adalah memadai setakat ini dan kita akan seterusnya dari masa ke semasa mengkaji semula sama ada, ada keperluan untuk menambah kakitangan dan kekuatan penguatkuasaan kita.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Dengan izin, Timbalan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, terdapat beberapa isu penguatkuasaan dan perundangan Halal

Malaysia yang perlu diberi perhatian seperti pertindanan bidang kuasa di antara agensi-agensi kerajaan, penyalahgunaan tanda halal sebagai kesalahan jenayah syariah, penguatkuasaan undang-undang halal dan penggubalan Akta Halal Malaysia.

Didapati undang-undang berkaitan makanan dan produk halal di Malaysia diletakkan di bawah akta yang berbeza seperti yang dinyatakan tadi dan apakah perlu ada penyelarasan dalam bidang kuasa di sini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Itu adalah sebabnya jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk menyelaraskan dan membuat koordinasi di antara beberapa agensi yang mempunyai kelebihan masing-masing supaya kita boleh menyelaraskan penguatkuasaan di antara pelbagai kementerian atau agensi di bawah pelbagai undang-undang yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator. Itulah fungsi jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Pada 10 hari bulan Oktober 2019, *Asia Sentinel Portal*, Berita Asia Sentinel telah mempersoalkan integriti dan kecekapan kakitangan JAKIM yang berurusan kepada proses nilai persijilan halal. Apakah ulasan kementerian Yang Berhormat?

Pada bulan Ogos yang lalu, Dewan Pembangunan Perniagaan Usahawan Malaysia menggesa kerajaan membawa akta khas ke Parlimen bagi melarang penggunaan tulisan jawi pada pembungkusan produk-produk bukan Islam. Rentetan daripada cadangan MCED itu, Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid telah memberi respons dengan mengatakan bahawa tiada keperluan untuk kerajaan mengubah akta baharu melarang penggunaan tulisan jawi pada produk bukan Islam bagi mengelakkan kekeliruan penggunaan beragama Islam di negara ini.

Soalan saya, apakah pendirian kerajaan terhadap desakan untuk melarang peniaga yang tiada persijilan halal JAKIM dari menggunakan tulisan jawi pada produk mereka sebagai strategi pemasaran. Kedua, apakah usaha kementerian untuk menggalakkan restoran di hotel seluruh Malaysia bagi mendapat persijilan halal supaya ia dapat membantu meningkatkan keyakinan pengguna terutamanya pelancong dari negara majoriti Islam.

Ketiga, selain penggunaan tulisan jawi pada produk, tindakan sesetengah pengusaha perniagaan terutamanya kedai makanan yang menggunakan pekerja bertudung dan menggantung lambang-lambang yang menunjukkan imej Islam juga boleh mengelirukan pengguna. Dalam tempoh tiga tahun terakhir ini, berapakah jumlah aduan yang diterima terhadap pengusaha kedai makanan yang mengelirukan ini dan berapa pula jumlah tindakan yang telah diambil. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Wah, memang banyak soalannya. Pertamanya, saya ingin memberi satu *general response* di mana saya rasa prestasi persijilan halal yang dikeluarkan dari Malaysia ini memang amat tinggi di antara industri-industri halal. Ini tidak boleh dinafikan kerana *we have a good reputation in terms of certification of halal*.

Untuk soalan kedua Yang Berhormat iaitu mengenai adakah keperluan untuk menggubal satu undang-undang spesifik untuk menangani masalah salah guna itu halal atau *misrepresentation* melalui beberapa pelbagai cara untuk memberi satu gambaran bahawa produk atau premis itu adalah halal, saya rasa sekarang ada di bawah undang-undang yang sedia ada sudah cukup untuk menangani perkara ini iaitu di antara perintah yang saya sebut tadi.

Peraturan ini juga cukup untuk mensabitkan mereka yang menggunakan perkataan-perkataan dalam Al-Quran supaya walaupun tidak guna logo halal tetapi berikan satu gambaran bahawa perkara ini, produk mereka atau premis mereka adalah halal. Ini juga di bawah perintah undang-undang yang kita sedia ada itu merupakan satu kesalahan.

Umpamanya, penggunaan ayat Al-Quran, kalimah Allah atau Muhammad- dalam tulisan Jawi, atau “Bufet Ramadhan”, “*Syariah compliance*”, “*Muslim friendly*”, “*Bismillahi Rahmani Rahim*”- perkataan semua ini yang kalau peniaga itu tidak ada mendapat persijilan halal tetapi menggunakan ayat-ayat itu. yang saya sebut itu. memang merupakan satu kesalahan daripada segi undang-undang...

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** [Bangun]

**Tuan Chong Chieng Jen:** Sabar sedikitlah [Ketawa] Merupakan satu kesalahan dan oleh itu tidak ada keperluan untuk menggubal apa-apa lagi undang-undang yang baharu untuk perkara ini. Ada soalan tambahan?

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Saya cuma hendak tahu memang bidang kuasa kementerian dalam Perintah Perihal Dagangan Penggunaan memang ada kuasa cuma saya hendak tahu kekerapan dan keleluasaan ini berlaku sama ada ia berlaku dengan berleluasa bermakna undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih. Saya rasa Yang Berhormat Senator tadi tidak dengar apa yang saya sebut dalam itu bilangan pemeriksaan yang dijalankan oleh kementerian. Tahun ini setakat sampai November kita menjalankan 6,680 pemeriksaan. Kalau kita bandingkan dengan tahun lalu yang lepas itu iaitu tahun 2016 hanya 513 pemeriksaan yang dijalankan, 2017 hanya 328 pemeriksaan yang dijalankan dan 2018 hanya 151 pemeriksaan dijalankan.

Untuk tahun ini, kita telah meningkatkan pemeriksaan kita sampai 6,684 pemeriksaan yang telah dijalankan di mana saya rasa bilangan kes di mana didapati operator-operator atau peniaga yang melanggar undang-undang atau peraturan ini adalah 89 daripada 6,684 pemeriksaan dijalankan. Saya rasa keadaan ini masih *under control*. So, itulah usaha yang dijalankan oleh pegawai-pegawai kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen iaitu Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Jadi kita tidak ada galakkan lagi lah soalan tambahan.

Dan sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang.

5. **Tuan Adrian Banie Lasimbang** minta Menteri Kewangan menyatakan, peratusan penggunaan bajet dari belanjawan 2019 setiap Kementerian pada akhir September 2019. Jika ada kelewatan dalam pelaksanaan oleh sesetengah kementerian, apakah tindakan Kementerian Kewangan supaya perkara ini tidak berulang dalam tahun belanjawan seterusnya.

#### ■1100

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 30 September 2019, prestasi perbelanjaan keseluruhan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM217.6 bilion atau 69.1 peratus daripada jumlah yang telah diluluskan dalam Buku Anggaran Belanjawan 2019 sebanyak RM314.5 bilion. Prestasi ini adalah selari dengan perancangan kerajaan bagi tahun 2019.

Bagi memastikan tiada kelewatan dalam pelaksanaan perancangan oleh kementerian, MoF sentiasa memantau prestasi perbelanjaan dengan mengambil langkah-langkah tertentu. Antaranya memastikan kementerian, jabatan, agensi mengemukakan laporan prestasi berdasarkan kerangka keberhasilan termasuk unjuran tunai secara suku tahunan kepada MoF selaras dengan Pekeliling PB 1.2. MoF juga mengadakan sesi libat urus dari semasa ke semasa untuk membantu menjayakan pelaksanaan di peringkat kementerian, jabatan dan juga agensi.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah pihak kementerian mempunyai mekanisme aduan jika satu-satu kementerian itu didapati bahawa ada kelewatan? Bagi saya, kelewatan untuk melaksanakan program ataupun projek-projek yang dirancang ini adalah satu indikator bahawa boleh jadi ada salah guna kuasa atau ia boleh terbuka kepada

rasuah dan sebagainya. Adakah jika didapati bahawa ada pegawai-pegawai yang didapati sengaja melengah-lengahkan ini, adakah tindakan boleh diambil terhadap mereka? Terima kasih.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya, seperti yang saya sebutkan tadi, bahkan untuk perbelanjaan pembangunan, kita membuat mesyuarat ataupun perbincangan dengan pihak kementerian setiap bulan. Jadi, kita boleh monitorlah kalau nampak memang ada perkara-perkara yang nampak jelas sengaja dilewatkan ataupun sebab-sebab yang kita tidak boleh terima kenapa projek tersebut lewat dilaksanakan. Maknanya tindakan susulan boleh kita ambil.

Walaupun begitu, Yang Berhormat, kita sentiasa terbuka untuk mendapat maklum balas terus daripada rakyat tentang perkara-perkara yang dilaksanakan sama ada terus berhubung-dalam *website*, kita boleh e-mel terus dalam aduan itu kepada kementerian untuk kita lihat sama ada memang ada kes seperti yang disebutkan ataupun ada sebab-sebab lain yang mungkin pihak *public* tidak tahu kenapa projek tersebut terlewat dan sebagainya. Jadi, apa pun, kita mengalukan pandangan dan *feedback* daripada rakyat. Terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Tidak ada orang? Kalau tidak ada orang, saya tambahlah. Saya tengok *kot-kot* kalau ada orang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pada Bajet 2019, Kerajaan Pusat meluluskan satu bajet berjumlah RM577 *million* kepada negeri Terengganu di bawah seliaan Jabatan Parit dan Saliran (JPS). Sehingga sekarang, sehingga akhir Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi baru-baru ini, projek tersebut masih tidak dilaksanakan. Maksudnya masih belum ditenderkan lagi.

Antaranya ialah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kemasik sebanyak RM60 *million*; RTB Guntung, Setiu sebanyak RM5 juta; RTB Gong Kiat, Kuala Terengganu sebanyak RM7 juta; RTB Kuala Terengganu Utara berhampiran dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebanyak RM10 *million*; dan juga Projek Bersepadu Sungai Kemaman sebanyak RM300 juta; muara Sungai Setiu sebanyak RM150 juta; muara Sungai Merchang sebanyak RM43 juta; dan menaik taraf pintu air Taman Rakyat Dungun sebanyak RM1.5 juta.

Jumlah kesemuanya, seperti yang saya sebutkan tadi, ialah sebanyak RM577 *million*. Jadi, soalan saya, apakah RM577 *million* ini akan dihantar balik ke Kementerian Kewangan ataupun projek ini akan diteruskan pada tahun 2020? Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat yang bangun untuk memenuhi soalan tambahan yang kedua setelah dilihat tidak ada orang lain bangun.

Jadi, RM577.5 juta seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah kepada sebenarnya Jabatan Pengairan dan Saliran, bukan perparitan dan saliran. Projek-projek ini yang diluluskan memang biasanya mengambil masa bukan setahun untuk dilaksanakan. Mungkin diluluskan untuk macam disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya tidak pastilah sama ada jumlah tersebut adalah jumlah diluluskan untuk tahun 2019 ataupun ia jumlah keseluruhan projek yang kadang-kadang mengambil masa dua atau tiga tahun.

Jadi, apa pun kelewatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kita akan *check* balik kenapa berlaku kelewatan *even* untuk nak award tender tersebut. Sekiranya ada masalah-masalah contohnya dari segi pengambilan tanah dan sebagainya yang menyebabkan projek lambat untuk dilaksanakan, kita akan minta supaya peruntukan itu disalurkan untuk tahun yang berikutnya sebagai projek sambungan.

Apa pun, saya mohon untuk melihat balik secara *detail* kenapa projek-projek ini lewat untuk dilaksanakan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Razali tadi. Terima kasih.

**6. Datuk Haji Ismail bin Ibrahim** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, jumlah pengusaha penangkapan ikan atau nelayan laut dalam sehingga November 2019, dan apakah usaha yang dilakukan oleh LKIM bagi memastikan bekalan ikan-ikan rakyat mencukupi bagi pasaran tempatan pada 2020 hingga 2023.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, jumlah pendaratan perikanan laut dalam dianggarkan sebanyak 260.14 ribu metrik tan dengan nilai berjumlah RM1.47 bilion. Jumlah tersebut adalah kira-kira 18 peratus daripada jumlah keseluruhan pendaratan ikan marin iaitu 1.45 juta metrik tan pada tahun 2018. Sehingga November 2019, jumlah pengusaha penangkapan ikan laut dalam yang aktif adalah sebanyak 652 pengusaha dengan jumlah *vessel* sebanyak 1,073 buah *vessel*. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 216 adalah pemilikan secara syarikat dan 436 adalah pemilikan secara individu.

Langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam memastikan bekalan ikan rakyat mencukupi bagi pasaran tempatan pada tahun 2020 hingga 2023 adalah seperti berikut.

Pertama, LKIM menyediakan 165 metrik tan stok penimbang ikan sejuk beku setiap masa untuk memastikan bekalan ikan mencukupi dan menstabilkan harga di pasaran. Stok penimbang ikan sejuk beku ini adalah bernama *Q'Fish*. *Q'Fish* ini sangat menarik kerana ia dijual kepada

rakyat pada harga RM10 sahaja satu kilogram. Jadi, ini bermaksud bahawa rakyat dapat membeli pada harga yang lebih rendah daripada pasaran. Harga pasaran satu kilogram sekarang lebih kurang RM14 dan sebagainya. Jadi, rakyat boleh dapat dalam RM10 sahaja.

Kedua, melaksanakan sekatan eksport bagi ikan kembung, ikan selar, ikan selayang atau sardin, ikan pelaling, ikan pari, ikan cencaru dan ikan tongkol semasa musim perayaan dan tengkujuh.

Ketiga, menambah dua buah pusat pengumpulan dan pengedaran ikan (CCDC) air tawar di Batu Pahat dan Kuala Nerus serta dua buah CCDC ikan marin di Dungun dan Pengerang. Sehingga kini, terdapat 25 buah CCDC air tawar dan 27 buah CCDC ikan marin sedia ada yang berperanan sebagai pusat sehenti bagi pemasaran ikan. Sekian, terima kasih.

#### ■1110

**Datuk Haji Ismail bin Ibrahim:** Minta maaf, terima kasih. Didapati harga-harga ikan rakyat di pasaran tempatan berbeza mengikut lokasi dan juga jauhnya dari pangkalan pendaratan ikan LKIM. Soalan saya yang pertama, sejauh manakah kerajaan dan LKIM dapat mengurangkan kartel dan juga eksplorasi orang tengah agar harga ikan rakyat ini tidak mengalami kenaikan harga melampau dan tidak munasabah.

Seterusnya, saya ingin juga mendapatkan maklumat akta dasar baharu yang dirangka oleh kementerian untuk membantu nelayan pesisir pantai beralih kepada nelayan laut dalam bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka seterusnya dapat meningkatkan stok dan bekalan ikan negara kita. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sememangnya kita ingin mengurangkan orang tengah di mana kita tahu bahawa masalah harga ikan melambung naik kerana ada isu orang tengah dan kita cuba mengurangkan *layers* itu. Jadi apa yang kita buat adalah kita mengadakan lebih banyak pasar ikan di jeti-jeti dan juga pangkalan-pangkalan ikan dan kompleks LKIM.

Selain daripada itu, FAMA juga membantu untuk jualan terus daripada mendapatkan ikan-ikan yang segar daripada nelayan dan dijualkan di pasar-pasar tani di seluruh negara. Itu adalah cara kita untuk mengurangkan orang-orang tengah dan kita juga tengah mengkaji bolehkah kita melaksanakan *auction*. *Auction* ini ia akan membantu mendapatkan ikan dan terus dijual kepada sama ada restoran atau pengguna secara terus.

Maka secara *auction* ini, nelayan akan mendapatkan harga yang lebih baik dan pengguna atau restoran atau *wholesale market* dan sebagainya atau *mini market* dan sebagainya mereka

boleh dapatkan harga yang lebih rendah. Ini beberapa kajian tengah dijalankan supaya kita boleh membantu nelayan dan juga membantu pengguna mengurangkan harga ikan.

Isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator adalah tentang bagaimana kita menggalakkan nelayan pantai ke laut dalam. Ini adalah yang sebenarnya kita tahu bahawa kalau pengusaha-pengusaha laut dalam ini kebanyakannya adalah orang asing, pekerja asing dan awak-awak mereka semuanya adalah kru asing. Jadi adalah kekurangan penglibatan orang tempatan dalam industri laut dalam. Penangkapan ikan laut dalam itu adalah satu masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia dan kita cuba menggalakkan lebih ramai penglibatan melalui *training* yang dianjurkan oleh pusat-pusat latihan perikanan di seluruh negara untuk menghasilkan orang-orang muda yang ingin masuk ke laut dalam. Setakat ini masih berusaha tetapi belum mendapat kejayaan yang signifikan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi, sila.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat nelayan yang mengeksport ikan-ikan yang berkualiti tinggi ke negara seperti di Singapura, di Hong Kong, di Jepun dan juga Eropah. Ada juga sebahagian kapal-kapal asing ini terus mengambil ikan di kolong. Di kolong seperti di Selangor, di Perak ataupun di Pulau Pinang. Jadi, adakah kerajaan cuba untuk menghalang eksport ikan-ikan ini supaya memenuhi pasaran tempatan?

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya seperti yang saya laporkan tadi tentang kita ada sekatan-sekatan masa musim perayaan supaya ikan-ikan itu berada di Malaysia terutamanya ikan-ikan popular. Contohnya, masa Tahun Baru Cina biasanya ikan bawal dan sebagainya menjadi rebutan.

Jadi, kita akan *stop* pengeksportan ke luar negara dan tempoh itu agak lebih kurang satu bulan. Dulu dua minggu sahaja sekarang kita *extend* kepada satu bulan supaya ikan itu boleh kekal di Malaysia. Contohnya musim perayaan Hari Raya Haji, Raya Aidilfitri, ia lebih kepada ikan kembung dan ikan pelaling dan sebagainya. Jadi kita akan *stop export*, menghentikan pengeksportan ke luar negara. Jadi, semua ikan itu ia akan berada di dalam pasaran. Itu adalah cara kita untuk kontrol *certain*, ikan-ikan tertentu daripada dieksport ke luar negara. Terima kasih.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Negara kehilangan hasil sehingga RM6 bilion akibat penangkapan ikan secara haram setiap tahun. Malah penyelidik daripada Pusat Pembangunan Perikanan Asia Tenggara sendiri mendapati jumlah ikan negara sudah berada

pada tahap membimbangkan dan tindakan segera perlu diambil bagi mengelak produk ikan milik Malaysia dibawa ke luar negara secara haram, secara berleluasa .

Soalan saya, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian setakat ini dalam membanteras penangkapan ikan secara haram di perairan Malaysia oleh nelayan-nelayan asing sehingga menjelaskan bekalan makanan negara di masa akan datang, terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita ambil maklum bahawa penangkapan haram terutamanya pencerobohan bot-bot nelayan, *vessel*s nelayan asing yang memasuki perairan kita terutamanya di kawasan pantai timur. Jadi, ini salah satu sebab kenapa *fishery resources* negara kita menjadi kurang kerana penangkapan haram yang berleluasa dan salah satu adalah kehilangan 6 bilion dikatakan, dilaporkan sebagai 6 bilion, tetapi saya kena *check* lah data tersebut adakah ia betul-betul 6 bilion.

Jadi, dari segi itu kita telah melaksanakan Ops Naga. Ops Naga untuk menangkap dan menahan pencerobohan *vessel*s nelayan asing, dan ia mendapat -sangat berjaya. Contohnya, sejak tahun 2011, sebanyak 600 lesen laut- minta maaf, saya tengah *check* ia punya data sekejap. Dari segi penangkapan ikan oleh nelayan asing selepas kita melaksanakan Ops Naga, kita telah berjaya- kena tercari-cari ya [*Ketawa*] Sebanyak 211 *vessel*s telah ditangkap dan ditahan.

Ops Naga yang telah membabitkan pengoperasian secara bersepadu mulai 2 Mei 2019, sebanyak 211 kes tangkapan *vessel* asing telah direkodkan sepanjang operasi ini dan kita telah menenggelamkan lima *vessel* asing untuk sebagai satu tanda amaran kepada *vessel*s nelayan asing bahawa kalau mereka menceroboh perairan negara kita, maka mereka akan diambil tindakan dan kalau kita tegas dan Operasi Naga itu berterusan, saya yakin bahawa pencerobohan bot nelayan asing akan berkurangan seperti sekarang yang telah berkurangan. Terima kasih.

## ■1120

7. **Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, apakah cabang yang perlu dipertingkatkan bagi menaikkan kualiti industri filem di negara kita yang dilihat semakin lama semakin kurang mendapat sambutan.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]:** Assalamualaikum dan salam sejahtera dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian melalui FINAS sentiasa memberikan sokongan kepada penerbitan filem-filem tempatan bagi penghasilan karya-karya yang berkualiti.

Antara bantuan dan sokongan yang telah disediakan ialah seperti insentif tayangan filem cereka, Skim Wajib Tayang, Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI), Dana Pembangunan

Pemasaran (DPP) dan Dana Kandungan Digital (DKD) manakala dari segi pemasaran FINAS telah bertindak sebagai fasilitator kepada penerbit filem-filem tempatan untuk membuka ruang dan peluang bagi menembusi pasaran antarabangsa melalui penyertaan di pasaran-pasaran filem seperti MIPCOM, Cannes, Hong Kong Film Mart, European Film Market, Marche Du Film, Cannes, American Film Market, dan ATF Singapore.

Bagi tahun 2018, sebanyak RM109.81 juta hasil jualan eksport kandungan kreatif tempatan telah diperoleh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, pencapaian Industri Filem Tempatan amat memberangsangkan jika diukur melalui tiga indikator seperti berikut ini.

Pertama, pencapaian filem *Box Office* Tempatan di pawagam tempatan bagi tahun 2018 ke 2019 telah menunjukkan perkembangan yang sangat positif di mana kutipan kasar filem tempatan di pawagam pada tahun 2018 telah melonjak kepada sebanyak RM170.4 juta iaitu kenaikan sebanyak 194 peratus berbanding dengan sejumlah RM57.92 juta kutipan pada tahun 2017.

Kenaikan ini didorong dengan jumlah penontonan yang semakin meningkat kepada sebanyak 13.21 juta penonton berbanding sejumlah 4.55 juta orang penonton pada tahun 2017. Antara filem-filem yang berjaya pada tahun 2018 yang mendapat kutipan tertinggi melalui Skim Wajib Tayang FINAS seperti filem *Munafik 2* dengan kutipan tertinggi sebanyak RM37.74 juta diikuti dengan filem *Hantu Kak Limah* dengan kutipan kasar sebanyak RM36.23 juta dan filem *Pascal The Movie* yang tidak melalui Skim Wajib Tayang akan tetapi telah berjaya mendapat memperoleh kutipan kasar sebanyak RM28.98 juta.

Manakala bagi tahun 2019, sebanyak RM93.8 juta kutipan kasar filem tempatan telah diperoleh di pawagam tempatan sehingga bulan November tahun 2019. Antara filem yang menyumbang kepada kutipan tertinggi di bawah Skim Wajib tayang FINAS adalah filem seperti *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal*, dan filem *BoBoiBoy The Movie 2*, yang masing-masing sebanyak RM26.2 juta dan RM29.57 juta kutipan kasar di pawagam tempatan. Terkini filem *Ejen Ali* pada setakat 15 Disember itu hari telah berjaya memperoleh dalam tempoh lebih kurang dua minggu telah berjaya memperoleh kutipan sebanyak RM23.6 juta. Satu kutipan yang sangat memberangsangkan.

Kedua, filem-filem tempatan bukan sahaja diterima di peringkat tempatan malah mampu untuk menembusi ke peringkat antarabangsa. Antara filem-filem tempatan yang menembusi Festival Filem Antarabangsa *Fly By Night, One Two Jaga* bagi kategori filem cereka- *Mudhal*

*Padayal, NINAVAU, Thiruvin Mangai, Kampung Tapir-Highway.* Bagi kategori filem pendek dan filem, *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* dan *The Cliff House* bagi kategori animasi. Antara festival-festival filem yang disertai adalah seperti *Norway Tamil Film Festival, Busan International Short Film Festival, Vancouver Web Fest, ASEAN-India Film Festival, Montreal International Animation Film Festival*, dan beberapa lagi.

Ketiga, kecenderungan penerbit-penerbit kandungan tempatan untuk menghasilkan filem tempatan dan juga diukur dengan peningkatan jumlah pengeluaran filem pelbagai format berdasarkan permohonan Sijil Perakuan Penggambaran (SPP) yang mana sebanyak 905 judul dengan nilai kos produksi sebanyak RM482.5 juta bagi tahun 2018 berbanding sebanyak 836 judul dengan kos produksi sejumlah RM385.5 juta bagi tahun 2017. Bagi terus menyokong pembangunan industri filem dan kreatif tempatan, kementerian melalui FINAS mendapat sambutan melalui empat komponen seperti berikut:

- (i) memperkasa polisi dan perundangan merangkumi Dasar Perfileman Negara (DFN) dan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tahun 1981 (Akta 244) dan peraturan di bawahnya;
- (ii) permodalan dan insentif melalui galakan pengeluaran bagi filem-filem tempatan; dan
- (iii) pembangunan Modal Insan melalui latihan perfileman untuk karyawan profesional dan karyawan muda.

Akhir sekali, promosi dan pemasaran melalui strategi eksport kandungan kreatif di luar negara dan pelaburan dalam negara melalui insentif penerbitan filem di Malaysia, dengan izin, *Film In Malaysia Incentive (FIMI)* yang turut memberikan peluang pekerjaan kepada tenaga kreatif tempatan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, sila.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan yang begitu detil dan saya mengucapkan tahniah kepada filem *Munafik 2* sebanyak RM37.78 juta, filem *Hantu Kak Limah, BoBoiBoy The Movie* dan *Paskal* yang di sebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Akan tetapi, sekiranya kita melihat angka daripada filem-filem 2019 *highest gross* iaitu 2019 filem di dunia *Gone With the Wind* sebanyak USD3.7 billion- *Gone With the Wind*. *Avatar* sebanyak USD3.2 billion, *Titanic* USD3.0 billion, dan *Star Wars* sebanyak USD3 billion.

Kalau kita tengok bandingan ini memang filem-filem- *movie* Amerika memang telah pun bergerak ke seluruh dunia. Saya juga seorang penerbit filem. Filem *Tsu Feh Sofiah* adalah filem pertama saya 2014...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tahniah, tahniah.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Saya menyatakan di sini bahawa buat filem ini susah cari makan. Yang Berhormat kalau saya sebutkan fakta-fakta yang menyatakan kenapa susah cari makan kerana banyak faktor yang kita terpaksa menghadapi seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi kos penerbitan sekarang ini sudah tinggi.

Skrip kadang-kadang skrip yang tidak baik. Harta intelek, kita tidak dapat harta intelek kita. Pembahagian tidak adil di antara penerbit dengan panggung dan kemasukan filem-filem asing yang begitu banyak. Sekarang ini daripada Korea, daripada Taiwan dan sebagainya.

### ■1130

Kemudian panggung kita tidak mencukupi. Soalan saya, apakah kerajaan akan mengambil inisiatif untuk membanyakkan panggung supaya dapat kita membantu industri filem tempatan kita ini? Saya juga terpikat dengan cara *Bollywood film* yang telah pun berkembang dengan begitu pesat sehingga ke Amerika sekarang ini, *partner* saya yang berada di Amerika tidak suka tengok filem Inggeris, suka tengok filem Hindustan sekarang ini.

Kalau kita tengok trend tarian-tarian di Amerika saya kaji juga sedikit tarian ini, tarian mereka juga menjurus kepada *Bollywood*. Yang Berhormat Dato' Mahfuz bin Haji Omar beliau suka benda ini. Kalau kita tengok daripada kajian-kajian ini, pemasaran adalah nombor satu. Oleh sebab itu *Gone with the Wind* tadi mendapat berbilion Ringgit.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kita akan meniru sedikit filem-filem *Bollywood* yang pemasarannya nombor satu. Nombor dua, saham dalam syarikat-syarikat filem itu boleh dibeli oleh *public*, dibuka kepada orang ramai dengan permulaan awalnya adalah syarikat-syarikat *belongs to the government*, dengan izin. GLC contohnya yang mengambil bahagian dalam saham-saham oleh syarikat-syarikat tempatan.

Akan tetapi di sini kalau kita tengok masih lagi individu yang merangkak mencari modal untuk buat filem. Alhamdulillah kerana wajib tayang itu tetapi tayang kadang-kadang dua minggu susah hendak cari makan Tuan Yang di-Pertua. Juga kalau kita melihat MATRADE ini pejabatnya di seluruh dunia. Kenapa MATRADE tidak main peranan untuk sama-sama memasarkan filem-filem tempatan kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Sebelum itu saya ucap tahniah filem *Tsu Feh Sofiah* sampai ke hari ini saya tunggu sambungannya tidak ada. Tergantung penyudahnya, lain kali kita boleh sambung. Menjawab persoalan yang dibangkitkan dan diajukan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi berkenaan cadangan untuk menggunakan mungkin teknik pemasaran yang diguna pakai oleh penerbit-penerbit filem *Bollywood* misalnya.

Saya percaya itu adalah satu pendekatan yang sangat baik. Cuma dari segi strategi pemasaran tidak sama Yang Berhormat Senator sebab kita mempunyai *market target*, dengan izin, sasaran pasaran yang lebih kecil berbanding dengan apa yang dibuat oleh *Hollywood* dan juga *Bollywood*.

Tadi dengan pasaran yang terhad, insentif-insentif seperti yang diberikan oleh FINAS ini adalah perkara-perkara yang boleh dikira sebagai kebaikan kepada produser-produser untuk *survive*, untuk selamat dan mengeluarkan dan berkarya dengan karya-karya filem yang telah dikeluarkan. Kalau kita menggunakan pendekatan yang sama seperti *Bollywood* dengan contohnya seperti cadangan Yang Berhormat Senator untuk membolehkan umum untuk membeli saham-saham ini, mungkin ada *pro and cons* yang perlu diteliti di sini.

Oleh sebab kita tahu kadang-kadang pelakon-pelakon kita hendak buat pinjaman *bank loan* pun sangat susah. Itu menunjukkan bahawa industri ini sangat tidak selamat, tidak dilihat sebagai industri yang selamat ataupun dikatakan sebagai golongan *insecure*. Jadi, perlu diteliti. Walau bagaimanapun, saya mengalu-alukan idea-idea baik Yang Berhormat Senator. Jemputlah datang ke pejabat. Mungkin ada idea-idea itu yang boleh kita adaptasi bagi memperkasakan industri filem tanah air. Sekian.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, mohon sedikit, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekejap, bagi...

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Nanti Yang Berhormat. Saya sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila. Ringkaskan.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Ini sebab kakanda saya. Saya tahu dia sangat komited isu-isu seni. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tahniah kepada pencapaian-pencapaian ini. Semalam pun saya pergi tengok Ejen Ali dengan keluarga saya. Bagus kualitinya.

Akan tetapi pada masa yang sama di bawah Kerajaan Malaysia Baharu ini saya ucapkan tahniah walau FINAS itu kita lantik orang daripada industri. CEO pun daripada industri tetapi yang

timbul ialah isu bukannya kerancakan, kepimpinan menjayakan perfileman itu. Isu yang timbul kita tengok di media-media cerita isu kekecohan kepimpinan. Betul tak betul? Itu ada di media.

Jadi saya fikir perkara-perkara itu perlu diselesaikan secepat mungkin dan saya rasa mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, apa isunya di situ sehingga yang kita tunggu-tunggu seperti yang Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah katakan tadi satu strategi-strategi baharu dan pendekatan-pendekatan baharu untuk menjadikan industri tadi ramai teman kita juga yang rezeki di perfileman dan kesenian ini agak mencabar. Jadi saya rasa Yang Berhormat Menteri tolong jelaskan sedikit apa isu ini sebenarnya? Oleh sebab ramai rakyat hendak tahu.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Sebenarnya tidak ada isu yang serius ataupun pertikaian yang boleh menjelaskan ataupun memberi kesan kepada FINAS sebab ini kita tahu benda yang baharu, perkara yang baharu ini kita memerlukan peringkat penyesuaian ataupun apa yang kita sebut sebagai *adjustment period*. Ini yang berlaku. Mungkin dari segi pendekatan itu berbeza-beza.

Walau bagaimanapun, kita meraikan perbezaan ini sebagai satu perkara yang melengkapi di antara satu dengan yang lain dan kita terima pandangan-pandangan yang berbeza ini supaya semua pandangan ini boleh digunakan untuk memantapkan pengurusan FINAS dan memastikan FINAS itu dapat berfungsi dengan baik.

Saya percaya akan ada penyelesaian kepada isu ini dalam tempoh yang terdekat dan kita tidak melihat ini sebagai satu isu yang berat. Bagi kita sedikit masa. Kita akan cuba selesaikan dalam tempoh sekarang saya minta kepada semua pihak supaya, dengan izin, *cool off* dahulu supaya keadaan tidak menjadi lebih buruk disebabkan persepsi dan tanggapan-tanggapan yang tidak tepat di atas perkara-perkara yang berlaku. Ya *insya-Allah*.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, sudah habis? Musatahak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Eddin Syazlee Shith dan saya. Baik kita teruskan kerana kita kejar masa. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Eddin Syazlee Shith yang telah berjanji kepada kita untuk memperkasakan sebentar tadi. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

*Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa, rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [16 Disember 2019]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih banyak. Kita nampak tadi Yang Berhormat Menteri kita sudah hadir, Yang Berhormat Menteri kita iaitu Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ada hadir sama. Kita minta beliau teruskan menjawab. Silakan.

#### **11.38 pg.**

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan syabas kepada 25 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dewan Negara yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan yang menyentuh tentang pelbagai aspek dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas tani.

Saya kagum dengan penyertaan yang begitu ramai, tidak kalah dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan Rakyat yang menyaksikan bahawa negara kita sedang menuju ke arah sebuah negara yang *insya-Allah* akan mengamalkan pertanian moden yang akan memberikan impak besar terhadap rakyat dalam negara kita.

Sebagai kementerian yang menjadi benteng makanan negara, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas ucapan yang pertama Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair; Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari; Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid; Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen; Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris; Yang Berhormat Senator Dr. Nuning Jeluing; Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker; Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif; Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang; Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat; Yang Berhormat Senator

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah; Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin; Yang Berhormat Senator Datuk Mohan A/L Thangarasu; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop; Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh; Yang Berhormat Senator Puan Siti Fatimah binti Yahaya; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim; Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip; Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff; dan Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu.

■1140

Terima kasih di atas keprihatinan yang rata-rata perbahasan itu mencakupi isu-isu tentang *security* makanan, adaptasi teknologi pertanian moden, kebajikan pesawah, penternak dan nelayan, isu tender NAFAS dan kelewatan pengedaran benih padi dan baja. Akhir sekali, potensi baharu yang bernilai tinggi seperti ketum yang menjadi topik perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat yang telah membangkitkan isu pengurangan peruntukan kepada agensi-agensi di bawah MOA. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian telah menerima peruntukan RM4.9 bilion dan tambahan RM0.5 bilion iaitu peningkatan 10.9 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Saya ingin menyatakan bahawa pengurangan peruntukan mengurus antara RM1.5 juta ke RM26 juta kepada agensi MOA seperti LKIM, LPNM, FAMA dan LPP sebenarnya adalah kerana pembayaran emolumen bagi tahun hadapan diperuntukkan mengikut jumlah pengisian jawatan dan bukannya mengikut jumlah waran perjawatan seperti sebelum ini. Sekiranya terdapat pengisian jawatan baharu, peruntukan tambahan bagi pembayaran emolumen tersebut akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Senator yang membangkitkan tentang *security* makanan dan pertanian moden. Persoalan adalah teknologi dan jentera moden akan digunakan dalam pertanian bagi menarik minat anak muda dan bagaimanakah industri IR4.0 dan Belanjawan 2020 akan dibelanjakan dalam dua sektor. Apakah langkah kementerian untuk menangani kesan perubahan iklim kepada sektor pertanian dan perancangan kementerian untuk memastikan tahap SSL negara tercapai bagi menjamin *security* makanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM43 juta disediakan untuk projek-projek penyelidikan dan inisiatif penyelidikan sejarah dengan IR 4.0. Bagi sektor agromakanan sebagai contoh,

kementerian juga telah meluluskan pelaksanaan projek Industri Pertanian 4.0, teknologi kepada MARDI dan DOA dengan peruntukan bagi tahun 2020 sebanyak RM1 juta yang melibatkan lima projek. Bagi meningkatkan penggunaan IR4.0 dalam sektor agromakanan, kementerian bercadang memohon peruntukan sebanyak RM70 juta di bawah RMK-12 bagi program-program yang melibatkan *transfer technology*, dengan izin, kepada kumpulan sasar dan juga pegawai pengembangan.

Tentang *climate change*. Kita telah mengenal pasti isu ini, dan pembangunan model agrotasi dan mitigasi tanaman padi terhadap kemarau model penanaman betik dan mangga di zon agro dengan iklim berbeza dengan kos sebanyak RM700 ribu dan penggunaan *climate smart agriculture* seperti tanaman penanaman penggunaan sistem fertigasi dan penanaman menggunakan struktur pelindung hujan seperti yang diamalkan di MARDI.

Untuk menarik anak muda, kementerian juga telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan adaptasi teknologi pertanian. Pertama, menyediakan peruntukan sebanyak RM120 ribu bagi pelaksanaan kursus kilang tanaman oleh MARDI dan disasarkan kepada petani-petani moden yang berminat untuk menjalankan penanaman secara kilang tanaman, menggunakan sepenuhnya teknologi *internet of things*.

Menyediakan peruntukan RM5.79 juta melalui Agro Bank yang merupakan agensi pelaksana skim pembiayaan mekanisasi dan automasi bagi menjalankan peralatan dan sistem mekanisasi dan automasi seperti jentera, *tractor* dan lain-lain. Memberikan geran agropreneur muda berbentuk barang dan servis *in kind contribution* sehingga RM20 ribu bagi setiap peserta.

Kemudian, kita menyediakan bantuan modal melalui pakej pembiayaan khas di bawah TEKUN Nasional sehingga RM50 ribu di bawah Agro Bank dan RM200 ribu bagi projek pengembangan dan menyediakan khidmat nasihat teknikal melalui jabatan agensi berkaitan bagi kementerian ini.

Di sini saya ingin menyatakan bahawa pendekatan baharu adalah bukan sekadar Agro Bank itu memberikan pinjaman tetapi pegawai-pegawai yang sentiasa dilatih untuk memberikan pemantauan, mampu memberikan konsultasi dan boleh membuat apa yang dikatakan *reschedule*, dengan pendekatan yang lebih mahabbah terhadap mana-mana petani yang menghadapi risiko. Maknanya tidaklah contohnya bila projek itu musnah akibat banjir sebagai contoh atau pun berlakunya bencana, tidak boleh bayar hutang, terus rampas tanah. Itu tidak akan berlaku di bawah pendekatan baharu ini.

Jadi, pendekatan yang lebih mahabbah dengan runding cara bagaimana untuk *reschedule* pinjaman itu diadakan supaya kaedah mesra petani, mesra nelayan ini dapat kita jadikan sebagai satu pendekatan baharu di bawah Kerajaan Pakatan Harapan.

Kita telah mengambil inisiatif untuk mencapai SSL kita iaitu bagi memastikan tahap sara diri negara mencapai yang disasarkan iaitu 75 peratus bagi beras. Ini unjuran yang munasabah dan praktikal. Kita tidak boleh bermimpi tinggi ya sebab malam untuk bermimpi itu ada masa subuhnya. Jadi, mimpi itu mesti juga praktikal. *Our dreams.*

Jadi, untuk itu di bawah RMK-12, jangkaan tahun 2025 kita menganggarkan boleh mencapai *insya-Allah* 75 peratus bagi beras.

Tumpuan kepada pembangunan *variety* padi yang berhasilan tinggi dan rintang penyakit serta kajian teknologi pengeluaran padi moden dengan peruntukan sebanyak RM8 juta bagi tahun 2020 di samping pembangunan empat kawasan pembangunan pertanian bersepadu, IADA iaitu satu di Pekan, Rompin Pahang, Batu Lutar di Sarawak, Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baharu. Berdasarkan kemampuan pengeluaran dan keperluan beras negara, kerajaan menganggarkan- saya dah sebut tadi kita menasarkan 75 peratus SSL kita.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat, Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang tentang isu subsidi nelayan dan bantuan nelayan.

Saya dah sebut sebelum ini, bila kita mengambil alih kerajaan pada 2018, kita menghadapi kekangan kewangan, kita berterus terang, kita tidak berpura-pura. Pada waktu itu, kerajaan memberikan hanya separuh daripada bantuan itu iaitu RM150 dan itu sangat mengganggu mimpi saya dan tidur saya di malam hari. Saya terus berusaha dan *alhamdulillah*, dapat tambah RM50 menjadi RM200 dan dalam bajet tahun hadapan dapat lagi tambah RM50 dan saya berjanji *insya-Allah* bila ekonomi negara menampakkan peningkatan kita kembalikan kepada asal untuk mendapatkan RM300 *insya-Allah*, dan saya berusaha untuk tambah lagi pada masa akan datang.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencelah, boleh tidak?

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tidak ada peraturan yang kata tidak boleh. Boleh.

■1150

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Yang Berhormat Datuk Seri, tadi ada Yang Berhormat Datuk Seri menjawab soalan yang saya tanya berhubung dengan subsidi. Saya mohon hendak

bertanya ataupun hendak minta penjelasan ataupun pencerahan daripada Yang Berhormat Datuk Seri. Terlebih dahulu saya ucap terima kasihlah kerana Yang Berhormat Datuk Seri datang sini untuk menjawab soalan-soalan daripada Ahli-ahli Dewan Negara ini. Cuma tadi yang saya tengok salah satu yang heboh khususnya di kawasan sayalah kawasan MADA iaitu berhubung dengan subsidi terhadap padi benih yang mana dikatakan agak kurang dan maksudnya petani-petani terpaksa membeli benih-benih padi yang tidak bersubsidi.

Tentulah harga mereka menjadi lebih tinggi apa lagi mereka yang agak pendapatan dia ataupun yang kaya itu tidak ada masalah tetapi bagi petani-petani yang agak miskin sikit mereka menghadapi kesempitan apa lagi dalam keadaan kos sara hidup yang tinggi ketika ini. Ya terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri.

**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Yang Berhormat kerana soalan itu dan jangan bimbang kalau saya punya masa yang terluang saya berjanji akan datang sendiri untuk menjawab soalan ataupun perbahasan seperti ini. Tahun lepas saya datang, tahun ini saya datang lagi. Tahun-tahun hadapan dan tahun-tahun penggal-penggal seterusnya juga kami akan datang di sini... [Tepuk] Saya akan sampai kepada topik itu sebab ada nanti tentang saya akan khusus tentang subsidi benih padi. Saya habis tentang ikan dulu, tentang nelayan. Terima kasih Yang Berhormat.

Kementerian juga menyediakan insentif hasil tangkapan ikan dan subsidi minyak diesel yang bertujuan untuk menampung kos operasi nelayan. Ini akan kita teruskan tetapi saya berjanji untuk melakukan pemutihan secara serius. Saya sudah buat *announcement* baru-baru ini bahawa kerajaan tidak lagi boleh berkompromi dengan lesen-lesen C2 yang di Ali Baba kan. Kita akan mengambil tindakan tegas *whoever you are, I don't care*, yang penting biarlah nelayan sendiri yang ada bot, nelayan sendiri yang akan ke laut, nelayan sendiri yang akan menguruskan lesen yang diberikan oleh kerajaan dan ini penting untuk kita membuat *road map* baharu bagi industri perikanan ini.

Tak ada lagi *insya-Allah* penjualan diesel di tengah laut, menyalahgunakan subsidi petrol dan saya *insya-Allah* akan benar-benar melakukan pemutihan ini demi kebaikan dan kepentingan nelayan-nelayan kita yang *insya-Allah* akan benar-benar dapat menikmati sumber laut hasil dalam negara kita. Saya juga ingin menyentuh tentang cadangan yang begitu *visionary* daripada Senator Dato' Kesavadas tentang idea untuk membuat sebuah Universiti Perikanan. *It very good idea, we have chat in the lounge* jadi saya rasa di India ya Yang Berhormat Senator Dato' berjaya untuk mengemukakan sebuah universiti yang benar-benar fokus kepada industri perikanan.

Kita ada fakulti-fakulti tertentu di UPM dan Institut Sultan Azlan Shah di Perak dan beberapa Institut Pertanian kita yang menawarkan pensijilan di peringkat diploma dan sijil. Jadi idea Yang Berhormat Dato' itu sangat besar dan *insya-Allah* kalau ekonomi negara kita berkembang baik pada masa-masa akan datang saya tidak nampak kenapa kita tidak boleh menuju sebuah universiti yang khusus tentang perikanan. Saya rasa itu satu cadangan yang baik yang saya rasa lahir daripada keprihatinan Yang Berhormat.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua. Saya memang akui bahawa Institut Perikanan di Manjung telah diwujudkan dan sebelum ini saya pernah menyarankan supaya kementerian mempunyai cita-cita besar untuk mewujudkan armada nelayan negara kita. Saya lihat di institut tersebut dilatih kebanyakannya kru, kru kapal cara menangkap ikan tetapi saya lihat latihan untuk kapten kapal. Jadi persoalan saya kita ada kru tetapi mungkin tidak ada kapal bagaimana pelatih-pelatih kita selepas di latih untuk menyumbang tenaga bagi kerja-kerja menangkap ikan.

Maka sebab itu saya cadangkan supaya kementerian membuat perancangan mewujudkan Armada Perikanan Malaysia selari dengan Universiti Perikanan yang dicadangkan. Supaya kita dilihat serius untuk membangunkan usahawan ataupun nelayan-nelayan profesional seperti kita lihat di Amerika, kita lihat *National Geographic* macam mana mereka tangkap ketam, tangkap udang besar sampai ke laut dalam. Boleh kita wujudkan perancangan itu dan buktikan kepada rakyat bahawa kementerian benar-benar serius untuk membangunkan perikanan di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub:** Yang Berhormat telah mengemukakan satu isu yang penting. Saya faham bahawa kru, latihan kru secara profesional ini dijalankan di semua institusi pertanian kita termasuk Institut Sultan Nazrin. Tentang kapten ini saya difahamkan ia di bawah kalau kapten kapal ini ia di bawah antaranya di bawah satu institut di Tanjung Dahan di Melaka akan di bawah pasukan KPSM Lumut Perak ada di bawah TVET juga menjalankan latihan untuk kru dan nakhoda. Kemudian APM Chendering latihan asas khususnya untuk kru ini setakat dualah.

Akan tetapi untuk kapten kapal ini saya rasa Tentera Laut Diraja Malaysia yang setakat ini melatih kapten-kapten kita. Jadi setakat itu maklumat yang saya terima dan saya rasa untuk kita *upgrade* tentang beberapa fakulti ataupun kita perlu kepada modul-modul baharu yang akan membentuk model dalam kita mendepani cabaran semasa ini saya tidak boleh meremehkan

pandangan Yang Berhormat Senator kerana kita perlu bersedia untuk cabaran pada masa akan datang.

Apabila kita telah meminda Akta Perikanan 1985, kita telah pergi kepada *high sea*, tidak lagi *deep sea* kepada *high sea* dan untuk cabaran *high sea* ini lebih *challenging* dan kita memerlukan pemodenan *vessel*, latihan kru yang secukupnya dan juga termasuklah kapten-kapten kapal yang mampu untuk bersaing yang mereka perlukan lebih kompeten untuk berada di Lautan Hindi ataupun lawatan-lawatan yang kita berminat untuk masuk. Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat di atas pandangan itu. Saya terus kepada di peringkat-peringkat semua...

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak mencelah sedikit. Berkenaan dengan universiti saya amat bersetuju cadangan dan tindakan daripada Yang Berhormat Menteri untuk menyediakan satu universiti khusus untuk perikanan.

Di Terengganu ada satu universiti Yang Berhormat Menteri, iaitu Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang mana dikhabarkan akan ada gabungan dengan UniSZA. Akan tetapi UMT ini Yang Berhormat dia sebenarnya khusus untuk marin dan kalau tak silap saya dia mempunyai satu kapal perikanan dan dia juga membuat kajian untuk ikan-ikan di lautan negeri Terengganu. Jadi saya rasa untuk saya fikir untuk merealisasikan fasa pertama saya cadangkan supaya Yang Berhormat Menteri Datuk Seri berbincang dengan Universiti Malaysia Terengganu supaya dapat dimulakan seberapa segera apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator kita.

Sebab Universiti Malaysia Terengganu ini saya rasa sudah *complete* tentang perikanan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sekejap ya.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk.

**Datuk Razali bin Idris:** Universiti Malaysia Terengganu ini saya yakin sudah *complete* dengan hala tuju perikanan sebenarnya kerana negeri Terengganu merupakan satu negeri yang menjana ekonomi dari segi perikanan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Datuk Seri berkenan dengan UMT ini ditambah nilai dan dikhatusukan untuk seperti mana yang dicadangkan oleh sahabat kita Senator untuk menjadikan dia sebuah universiti khusus untuk perikanan, nelayan, kapten kapal dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk Seri.

■1200

**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, selamat datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub:** Saya dimaklumkan bahawa MOA ada kerjasama yang begitu baik dengan UMT dan kita ada kapal penyelidik dan *Academic Research* kolaborasi antara UMT dan DOF dengan Jabatan Perikanan telah ada, telah sedia ada dan saya apa juga, usaha yang ke arah menjadikan Universiti Malaysia Terengganu ini kalau boleh fokus ataupun *niche*-nya adalah dalam bidang perikanan.

Itu saya tidak ada masalah untuk sentiasa menggalakkan kolaborasi yang penting ini demi masa depan perikanan. Negeri Terengganu dan Kelantan dan Pahang juga adalah negeri yang sangat besar sumbangannya kepada hasil tangkapan laut kita yang saya yakin dengan pemodenan vesel, teknologi yang terkini akan dapat kita lengkapkan dengan prestasi yang akan kita tingkatkan. Saya bersedia masa ke semasa untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan pihak Kementerian Pendidikan. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa kita telah mengeluarkan graduan-graduan daripada Kolej Perikanan Sultan Nazrin ini seperti program sijil Diploma Kemahiran Malaysia dalam perikanan, tangkapan, akuakultur; program Sijil Perikanan; kursus latihan *upskilling* jangka pendek seperti pelayaran, penyelenggaraan enjin sangkut, pembinaan bot gentian kaca-fiberglass dan seumpamanya. Jadi ini semua usaha-usaha yang telah kita lancarkan.

Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen dan Yang Berhormat Senator Datuk Mohan membangkitkan tentang isu PSR iaitu *Penang South Reclamation* dan kementerian dalam hal ini dan saya sendiri adalah anggota kepada Majlis Perancang Fizikal Negara yang *paper* ataupun kertas ini dibincangkan secara hadam, serius dan tuntas dalam mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara dan pihak kementerian tidak pernah berkompromi tentang kebijakan, masa depan, kemusnahan yang mungkin berlaku akibat daripada projek ini dan sentiasa kita *follow-follow-up* dan *follow through*, dengan izin, terhadap perkembangan.

Di sini saya ingin menyatakan bahawa di peringkat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) kita telah pun mengemukakan pandangan kita, Jabatan Perikanan Malaysia berpandangan bahawa projek ini perlu mengambil kira laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA), *Social Impact Assessment* (SIA) dan *Fisheries Impact Assessment* (FIA) sebelum diteruskan.

Jadi apa-apa *development*, apa-apa perkembangan, apa-apa cadangan tentang pembinaan tiga pulau ini mestilah mengambil kira semua laporan yang penting itu dan pihak kementerian sentiasa akan memberikan pandangan-pandangan kita yang konstruktif melalui *engagement* kita dengan pihak kerajaan negeri dan NGO-NGO yang sentiasa peka demi kebijakan dan kepentingan nelayan kita. Jadi kita *insya-Allah* tidak akan berkompromi dengan masa depan nelayan kita.

Kemudian kita juga telah memberikan pandangan kita dalam beberapa sektor ini dan kita akan pastikan apa juga yang berlaku pada masa akan datang, pihak Jabatan Perikanan dan LKIM akan sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif demi kita memastikan ianya tidak menjelaskan pendapatan nelayan kita.

Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi sebelum itu saya hendak memperbetulkan sedikit- bagi *Hansard*.

Yang Berhormat Datuk Seri menyebut tadi dalam menjawab "Titah Diraja". Sebenarnya Belanjawan 2020. Pada mula ucapan Yang Berhormat Menteri tadi.

Yang Berhormat Menteri, kalau kita melihat kepada nelayan-nelayan di persisiran pantai, khususnya saya mengambil di tempat saya di Kuala Kedah sampai ke Dulang dan kalau kita melihat di sana anak-anak muda ini yang kadang-kadang mengikut keturunan, bapanya nelayan dan dia pun ikut nelayan dan mereka ini pelajarannya tidak tinggi Yang Berhormat. Kalau kita melihat kepada anak-anak muda ini yang pergi ke laut dan balik sebelah petangnya, mereka ini tidak ada pelajaran khusus.

Saya hendak mencadangkan sekiranya boleh Yang Berhormat diambil anak-anak muda ini satu hari dalam seminggu supaya diberi kursus di tempat mereka yang *di-conduct* oleh LKIM kerana mereka ini kalau hendak datang ke Kuala Lumpur, hendak masuk universiti- *forget about it*. Sebab mereka tidak mampu.

Apakah Yang Berhormat boleh kita buatkan program-program satu hari satu minggu cukup supaya mereka tidak ke laut dan mereka ini dihimpunkan di pejabat LKIM dan diberi kursus peningkatan dari segi nelayan yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Mungkin universiti-universiti tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Saya rasa tadi saya sebut sesi ini Penggulungan Bajet. Saya datang dulu ke sini semasa menjawab dalam sesi Perbahasan Titah Diraja ya, saya juga jawab di sini. Itu maksud saya tentang apa yang saya sebut tadi.

Cadangan Yang Berhormat itu sangat bagus ya. Saya rasa begini Yang Berhormat, kita kena menggamtit golongan muda masuk ke industri perikanan ini sebab yang tua-tua ini kita masih menyantuni mereka dengan pelbagai pendekatan subsidi, kebajikan dan saya juga sedang memikirkan di peringkat akhir bagaimana PERKESO boleh menyumbang kepada hari tua mereka. Ini langkah-langkah kita untuk kita memberikan kebajikan berterusan kepada golongan-golongan yang telah berumur 60 tahun, 70 tahun yang masih lagi menjadi nelayan.

Akan tetapi kita ada *market* baharu yang lebih mencabar iaitulah golongan muda. Jadi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya kita beri mereka ini *knowledge* ya, pengetahuan, *skill* bagaimana mereka harus menjadi nelayan muda yang lebih kompetitif dan mampu menyahut cabaran masa depan. Sebab itu isu seperti pemodenan *vessel*. Yang Berhormat kalau kita naiklah bot C2 ini hendak ke laut lepas itu, dua minggu tinggal anak isteri, sebulan ke laut, tidak ada orang tempatan yang mahu *vessel* yang tidak kondusif langsung. Biliknya, fasilitinya yang sangat jauh terkebelakang. Yang sanggup duduk situ adalah pekerja asing, yang sanggup berbulan-bulan di situ.

Akan tetapi kalau kita mahu menggamtit anak muda ini masuk, kita harus serius untuk mengemukakan satu model. *Vessel* yang sedang saya perhatikan dan Jabatan Perikanan sedang mengambil tanggungjawab ini untuk kita keluarkan dengan satu model yang baharu, barulah anak muda akan datang menggamtit ya. Ambil mereka masuk model *vessel* yang agak selesa, yang kondusif. Kemudian betul, *skill*, kita harus beri mereka *skill*. Maklumlah, antaranya ialah mewarisi daripada ayah mereka, datuk mereka. Kita kena beri mereka *skill*. Sebab itu dalam idea tentang mewujudkan *farm manager*- bukan *estate manager*, *farm manager*. *Farm manager* ini adalah mereka yang mampu mengurus tanah yang kecil tapi dengan teknologi baru, keluasan tanah bukan lagi isu ya. Dengan *vessel* yang moden yang kita berikan, dengan *skill* yang ada pada mereka, mereka boleh ke laut dan mendapat pendapatan yang agak tinggi dan lumayan.

Jadi tidak ada masalah untuk saya menerima idea itu dan LKIM dan juga Jabatan Perikanan akan boleh menganjurkan kursus-kursus jangka pendek, jangka sederhana dan apa

juga aplikasi ataupun dalam IR 4.0 nanti, yang kita perlu beri kepada anak-anak muda ini, *insya-Allah* kita akan *update* mereka dan kita akan beri mereka latihan *skill* ini, *insya-Allah*.

### ■1210

Jadi saya sambung sedikit tentang tadi tentang Penang tadi- *Penang Reclamation Island* tadi itu. Kita telah mengambil langkah-langkah mitigasi iaitu yang pertama, kita menggazetkan zon kontroversi perikanan.

Kedua, penggazetan *fisheries protected area*, kawasan larangan perikanan, pengubahsuaian reka bentuk pulau- ini juga sedang kita cadangkan betapa seriusnya kita tentang isu ini. Begitu juga kajian berkaitan sumber perikanan yang juga telah kita masukkan dalam cadangan kita supaya apa jua yang berlaku nanti terhadap *reclamation* pulau-pulau ini, MOA telah bertanggungjawab untuk kita memberikan pandangan-pandangan yang konstruktif.

Yang Berhormat, tentang isu- Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip dan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin tentang potensi untuk komersialkan taman ketum. Kita telah banyak membaca, banyak jurnal, banyak kajian, US hendak daun ketum ini. Kanada, negara-negara Kesatuan Eropah, mereka sudah lama melihat daun ketum ini sebagai sumber dalam bidang perubatan. Thailand telah *legalized* untuk komersialkan industri ini.

Malaysia masih pada peringkat kita- Kabinet telah memberikan keizinan untuk MOA membuat kajian saintifik tentang ketum dan juga marijuana. Kita baru hendak bermula tetapi tak apa. Kita harus bermula pada hari ini. Saya nampak tentang potensi ini di mana kita tak perlu apologetik. Kalau ada isu tentang mabuk-mabuk daun ketum, penyeludupan- itu kita ada undang-undang. Kita ada peraturan untuk mengawalnya tetapi industri ini besar. Sekiranya kita berjaya untuk membangunkan industri ini, maka di satu sumber baharu kepada negara dan ia sangat penting untuk kita melihat ini sebagai satu industri untuk masa depan negara kita.

Maka oleh itu, kita telah menjalankan lebih daripada 160 kajian penyelidikan yang direkodkan tentang daun ketum ini. Daripada jumlah tersebut, 80 kajian telah dilaksanakan oleh universiti tempatan kita termasuk USM, UKM, UPM dan Universiti Malaya sendiri. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa potensi sebagai *stimulant* pemberi tenaga pengganti- *substitute* kepada *methadone* dan rawatan penagihan dadah, ubat tahan sakit, meningkatkan aktiviti kognitif, rawatan *anxiety disorder* dan *depression*, *antioxidant*, *muscle relaxant*, dan semua ini akan dapat

dirawat dengan menggunakan daun ketum ini. Jadi, sudah ada kajian saintifik yang kita boleh bermula dengan langkah yang sangat meyakinkan.

Dari sudut ekonomi pula, ketum mempunyai pasaran dan permintaan yang tinggi, termasuklah industri farmaseutikal di luar negara, Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Berhad, dan mendapat bahawa nilai pasaran produk ketum di Amerika Syarikat adalah sebanyak USD1 bilion setahun. *You can imagine*, pasarannya. Amerika Syarikat merupakan pasaran terbesar ketum dengan seramai 10 ribu orang pengusaha vendor produk dan telah memanfaatkan lebih kurang lima juta pengguna di seluruh negara.

Jadi saya rasa menyedari akan potensi daun ketum ini tanpa mengabaikan risiko pendedahan awam terhadap isu ini seperti mana kebimbangan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah dan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Hussin. Pembangunan industri ini akan dipertimbangkan secara terperinci dan berhati-hati.

Kementerian akan melaksanakan kajian kebolehlaksanaan projek pembangunan industri taman ketum mulai tahun 2020 yang merangkumi aspek perundangan, sosioekonomi, pasaran dan penanaman pokok ketum secara komersial untuk tujuan perubatan. Jadi ini di antara langkah-langkah yang telah kita ambil bagi kita memulakan industri ini dan saya yakin dalam tempoh lima tahun akan datang kita telah dapat untuk melihat keberhasilan daripada industri yang sangat besar potensinya pada masa yang akan datang.

Kemudian Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, Yang Berhormat Senator...

**Puan Asmak binti Hussin:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang ketum itu. Rasanya hari itu kita para sahabat Senator tidak bersepakat tentang berkualitinya ketum untuk kesihatan dan potensi ketum. Cuma hari itu yang saya bangkitkan ialah kita tidak mahu ketum ini menjadi seperti kenaf. Kenaf juga potensi dia sangat besar. Akan tetapi oleh sebab fasiliti dan sebagainya menyebabkan kita dengan Thailand pun kita tak boleh bersaing. Akhirnya yang memberi kesan adalah petani-petani kita. Itu yang pertama.

Kedua, saya juga ada bertanya pada hari itu memandangkan ada Yang Berhormat kita membangkitkan kalau dilihat dari segi dron, sekarang kita ada ladang ketum, dikatakan di Malaysia. Sebab buat ladang tak ada masalah, cuma mengusahakan itu ada isu dari segi undang-undang. Jadi saya tanya yang ada sekarang itu dia guna untuk apa? Mungkin Yang Berhormat Menteri ada jawapan berkaitan dengan perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tambahan sedikit Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan ketum juga. Kami- saya Timbalan Yang di-Pertua

PEMADAM. Kami dalam mesyuarat agung kami memang tidak pernah bersetuju dengan penanaman ketum ini kerana kita deal *direct* dengan penagih-penagih ketum. Kita melihat sendiri bagaimana mereka ini *influence* oleh ketum ini. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri kata *for medical purposes*, saya *surrender*-lah. Akan tetapi cara penanaman itu, penguatkuasaan penanaman, pengelolaan dan sebagainya.

Cuma Yang Berhormat Menteri, saya hendak mencadangkan juga kerana semasa di Vienna menghadiri *United Nations on Drugs*, Ada juga para-para doktor yang mengkaji *disadvantage* daun ketum ini. Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya mengkaji juga, jangan kita kaji sahaja yang positif. Kita kaji juga yang negatif supaya kita dapat melihat kesan-kesan daun ketum ini dalam jangka pendek dan juga dalam jangka panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua, sebab dia ada *mention* nama saya dan Yang Berhormat Menteri sebut tadi beberapa nama yang minta supaya ketum ini- kalau tak silap saya lah, minta dikomersialkan. Kalau tak silap saya. Akan tetapi perbincangan kita tempoh hari adalah permasalahan penggunaan ketum dan saya fikir kementerian yang sepatutnya menjawab ialah Kementerian Kesihatan, sepatutnya. Kementerian Pertanian memanglah untuk komersial, tetapi kita juga minta supaya Kementerian Kesihatan menjawab dari sudut Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum lupa ada perlu mengalu-alukan kedatangan delegasi Persatuan Kebajikan Komuniti Gambir Johor ke Dewan Negara... [Tepuk] Diharap dapat melihat kepada betapa dinamiknya Dewan ini dan perbahasan yang sedang berjalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Mendoakan semoga mudah-mudahan gambir di Johor tidak dilanda banjir. Musim banjir di Johor, Yang Berhormat. Ketiga-tiga Senator yang bertanya itu tentang soalan yang relevan. Pertama sekali apa yang kalau kita lihat pada hari ini ada- saya rasa bukan ladang lah, ada kebun-kebun yang tanam ketum ini. Di sebelah utara Yang Berhormat, benda ini biasa. Kata orang kampung, ditanam di dapur-dapur mereka, di kebun-kebun mereka.

Isunya, ya lah semua orang tahu sama ada apa pun *drugs*, isunya ialah jadi salah kalau salah guna. Itu sahaja. Ada orang kampung ini dia buat air ketum ini macam mineral, simpan

dalam peti ais. Pagi-pagi sebelum dia pergi menyawit, sebelum dia pergi menoreh, ataupun sebelum dia buat kerja kampung, dia minum sahaja. Macam dia minum kopi o di pagi hari.

So, nak tanya secara saintifik pada orang-orang tua begini, dia kata dah berpuluhan tahun minum tak sakit apa pun, saya makin segar. Itu kajian di lah. Jadi selagi mana tidak disalah guna, itu kegunaan yang tidak kita *formalized* kan, atau kita tidak *rely on* undang-undang dan peraturan yang ada. Di pihak MOA yang boleh saya sebut adalah kabinet telah meluluskan untuk kita buat kajian saintifik. Betul Yang Berhormat Senator Dato' Zahari sebut tadi, kita ada kena jawapan dengan Kementerian Kesihatan kerana akta itu di bawah kementerian.

#### ■1220

Kementerian Kesihatan kena keluarkan daripada Akta Racun itu untuk kita boleh memulakan langkah seterusnya. Jadi kolaborasi itu sangat penting di mana kita akan bertukar-tukar nota, kajian dan saya difahamkan macam HEM, kajian juga telah diizinkan oleh kabinet dibuat tentang HEM ini di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Jadi ketiga-tiga kementerian ini akan duduk nanti untuk kita lihat bagaimana potensinya pada masa akan datang.

Tentang aspek positif dan negatif itu tetap ada. So, kita hendak pergi ke mana? *Where we want to go*, dengan izin. Kalau kita mahu menjadikan industri ini penting untuk negara ia memberikan pulangan yang baik untuk negara sebagaimana Thailand hari ini telah mengecap keuntungan dan Amerika mahukan hasil itu, so, kita kena buat langkah-langkah yang proaktif di samping kita menguatkuasakan segala perundangan supaya rakyat tempatan tidak akan musnah dengan industri ini. Itu sahaja, kalau kita hendak *move forward*.

Akan tetapi kalau kita bermimpi takut sepanjang masa, takut itu takut ini, orang lain telah pergi jauh kita juga akan ketinggalan. So, *lets move forward*. Kita mesti menjadi proaktif, kita melihat visi ini penting untuk negara di samping kita tidak boleh berkompromi tentang *security*, tentang penagihan dan seumpamanya. Jadi kita boleh *move forward*.

Tentang isu teguran Ketua Audit Negara terhadap beberapa isu perbekalan NAFAS. Bukan NAFAS dulu, tentang perbekalan baja yang berlaku ketirisan. Tuan Yang di-Pertua, biasanya prosedur kerajaan, pihak Audit Negara akan datang dan mereka akan mengambil *sample*, beberapa *sample* tentang isu. Saya bukan- tidak berminat untuk menjadi seorang Menteri yang menghidapi penyakit *denial syndrome*. Saya harus akui, kalau ada ketirisan yang serius, kalau ada *findings* yang menyatakan benar-benar berlaku penyelewengan.

Akan tetapi setakat yang saya boleh jawab pada hari ini adalah isu yang berkaitan dengan subsidi itu, ada berlaku kepada isu-isu yang melibatkan anak-anak atau waris yang mengerjakan

sawah daripada mak, bapa ataupun datuk mereka. Kadang-kadang mengambil masa yang panjang. Maklumlah isu faraid dan seumpamanya, yang perlu pergi ke Mahkamah Syariah. Ramai nama dalam geran tanah kecil, waris duduk jauh-jauh, ini yang mendatangkan masalah dalam sistem kita yang menyebabkan nama itu tidak bertukar.

Saya telah meminta supaya Jabatan Pertanian, pihak MADA dan KADA yang terlibat dalam pemberian subsidi ini supaya dapat mengemukakan satu laporan lengkap yang kita akan merujuk kembali kepada laporan daripada Jabatan Audit Negara terhadap ketirisan itu. Akan tetapi sekiranya nanti dalam *findings* kita ataupun di dalam dapatan kita, kita dapat ada berlaku penyelewengan, saya tidak teragak-agak untuk membuat pemutihan dan nama-nama yang tidak berhak itu akan kita keluarkan dan hanya mereka yang benar-benar menjadi pesawah yang akan menikmati subsidi ataupun apa juga bantuan daripada pihak kerajaan.

Tentang isu NAFAS telah saya jawab secara panjang lebar dan sama ada perbahasan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara, saya ingin menyatakan bahawa berdasarkan kepada sistem perolehan dalam negara kita ini sama ada kita mahu mengadakan *direct negotiation*, ada caranya, *selected tender* pun ada caranya. Apa orang kata, tender juga boleh diberikan dengan keputusan Kabinet. Ini semua adalah merupakan prosedur dalam sebuah kerajaan, yang menyentuh tentang isu dalam Parlimen dulu pun, mereka juga pernah duduk di sebelah kerajaan. Mereka faham sebenarnya. Sahaja hendak *test* saya sebenarnya. Tidak apa, saya jawab. Saya tidak lari daripada isu itu.

Apabila kita memikirkan tentang kepentingan petani ini dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perolehan baja ini yang kita berikan kepada NAFAS setiap tahun ini, hanya lapan peratus sahaja daripada keseluruhan jumlah industri baja dalam negara kita. Hanya lapan peratus sahaja kita berikan kepada NAFAS. Sebanyak 92 peratus itu *open*. Industri sawit, pekebun kecil. Sebanyak lapan peratus sahaja kita berikan kepada NAFAS secara *direct negotiation* kerana NAFAS itu di belakangnya, ada 924 ribu orang peladang dan petani kita yang masih memerlukan bimbingan dan perlindungan daripada pihak kerajaan...

**Datuk Lim Pay Hen:** Mohon mencelah.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Sekejap, saya habiskan dulu ya. Saya beri ruang . Maka dengan itu, saya rasa apa pun yang kita laksanakan ini adalah *still* dalam prosedur yang diizinkan. Bagi pihak kerajaan sendiri Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua juga pernah duduk dalam kerajaan, kita *share*, *why not we share*, kerajaan ada hak pada bila-bila masa untuk memikirkan, sekiranya sesuatu tender itu walaupun telah dikeluarkan, hatta- saya membuat *homework*, hatta

telah dikeluarkan pun SST, kerajaan masih ada hak untuk *review* sekiranya ia berkepentingan umum. Itu biasa. Contoh, di zaman Pak Lah Perdana Menteri yang kelima...

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Yang kelima. Saya masa itu adalah Ahli Parlimen Kubang Kerian waktu itu.

Jambatan Bengkok yang telah diluluskan dan CIQ itu telah dibuat. Sudah lengkap CIQ itu. Akan tetapi telah dibatalkan oleh kerajaan kerana pada waktu itu diperhitungkan, ia tidak memberikan banyak manfaat kepada rakyat. So, itu biasa bagi kerajaan yang memikirkan tentang kepentingan rakyat.

Jadi isu NAFAS ini saya mengambil langkah, kalau ditanya saya adakah betul saya menulis kepada Perdana Menteri. Betul, saya tulis surat itu, saya tidak lari kerana saya memikirkan bahawa NAFAS yang melindungi 924 ribu orang ahli itu adalah suatu kepentingan umum. Saya salah, saya akan salah, saya akan jatuh, mungkin saya tidak lagi menjadi Menteri Pertanian, parti saya mungkin tidak akan menjatuhkan saya, sekiranya saya memberikan itu kepada individu, syarikat-syarikat kroni saya ataupun kepada syarikat tertentu yang hanya tidak ada kepentingan awam. Akan tetapi NAFAS adalah kepentingan awam yang di belakangnya adalah hampir satu juta ahli yang masih memerlukan perlindungan. Since 1984 benda ini tidak ada isu, dan tidak ada masalah untuk saya meneruskan projek itu kepada NAFAS. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sebut tentang skim subsidi insentif pengeluaran padi. Kalau ikut jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, petender telah masuk tender untuk SIPP ini tetapi mereka sudah susah payah mengemukakan permohonan melalui e-Perolehan. Jadi tiba-tiba itu tender ini diberi kepada NAFAS. Adakah ini adil kepada petender-petender seluruh Malaysia? Ini soalan pertama.

Kedua, setahu saya, skim SIPP ini juga termasuk selain daripada pengapur, baja termasuk juga *activated beneficial microorganism*. Ini juga termasuk dalam sejumlah peruntukan RM1.4 bilion itu. Setahu saya, cuma kalau ikut Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob, kawan saya kata, sebanyak RM900 juta telah ditandatangani. Saya hendak tahu, apakah status ABM ini? Statusnya sampai ke mana?

■1230

Yang ketiga, penanaman jagung bijirin. Saya difahamkan bahawa Menteri dahulu masa BN telah menyatakan bahawa kita hampir-hampir import 100 peratus jagung bijirin daripada

negara luar, dan satu usaha telah dibuat di Muar. Mesin untuk memproses jagung bijirin itu telah dimasukkan, ditempatkan di sesuatu tempat- saya kurang pasti di mana terletaknya mesin itu. Dengan cadangan daripada NAFAS ataupun MOA bahawa penanaman jagung bijirin itu akan ditanam secara berfasa untuk mengurangkan jumlah import daripada luar negeri. Apakah status perancangan MOA ataupun NAFAS terhadap projek ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya rasa Yang Berhormat lebih objektif dalam menyoal saya. Saya hormati. Tidak macam Yang Berhormat Ayer Hitam, terus kata ada skandal. Itu bukan skandal. Skandal ini ada contoh skandal yang saya tidak hendak sebut..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Dewan Negara Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** [Ketawa] Dewan Negara, ya. Lebih- nampaknya semua hendak jadi negarawan ya Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Lim Pay Hen:** ...Yang Berhormat Menteri, kita jadi kawan bukan lawan.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Ya. Saya tidak pernah ada musuh dalam mana-mana. Kita kawan ya.

Secara objektif, saya telah melihat semua tender-tender itu dan kita tidak ada keberatan untuk kita melihat secara spesifik tentang item-item yang mungkin kita akan pertimbangkan, Yang Berhormat sebab *we serve justice for all*. Kepada mana-mana yang telah mungkin dikeluarkan Surat Setuju-Terima, itu mungkin saya akan pertimbangkan dengan sewajarnya. Jumlah RM1.4 bilion itu bukan keseluruhan. Ia ada kapur, ia ada mikrob, dan dia ada beberapa item yang lain. Jadi, untuk saya *serve justice for all, let me look into it* dan mana-mana yang telah keluar SST itu akan kita pertimbangkan untuk serahkan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tentang yang- isu Yang Berhormat tak masuk dalam ucapan tentang jagung itu ya. *I need a notice* ya, sebab saya perlu- kalau nanti saya akan berikan jawapan secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat. Tentang subsidi baja bukit...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon soalan tambahan.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** NAFAS- berkaitan NAFAS?

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya berkaitan NAFAS ini. Sebenarnya saya ingin merungkai kekeliruan saya sendiri dan mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Bila bercerita fasal NAFAS, saya tengok *direct negotiation* ini sebenarnya bermula pada tahun 1985 oleh Menteri Kewangan ketika itu, Dato' Sri Anwar Ibrahim- kalau tengok pada sejarah dia lah.

Untuk membantu NAFAS yang sangat susah sampai hendak bayar gaji pekerja pun tak boleh. Akan tetapi kemudiannya, saya dimaklumkan daripada pembacaan kita dan sebagainya, kerajaan baharu Kerajaan Pakatan Harapan untuk meningkatkan ketelusan, ingin membuat *open tender*. Akan tetapi kemudiannya, dalam kes NAFAS ini, dia jadi balik semula iaitu kita guna balik *direct negotiation*. Adakah ini bermakna kita hendak- maknanya *check kaedah lama* itu adalah kaedah yang terbaik, itu satu. Yang kedua, adakah kaedah lama itu boleh menjamin ketelusan seperti yang ditekankan oleh Kerajaan Pakatan Harapan baharu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua, nanti Yang Berhormat Menteri jawab sekali. Boleh? Dengan izin. Soalan saya hampir sama dengan Yang Berhormat Senator Puan Asmak iaitu tadi Yang Berhormat Dato' Seri Menteri ada memaklumkan bahawa Dato' Seri mengubah konsep ataupun daripada tender terbuka kepada *direct nego* kerana Yang Berhormat Menteri rasa bersalah kepada ratusan petani yang masih perlukan bantuan.

Jadi, adakah Dato' Seri juga berasalah apabila pada peringkat awal Yang Berhormat Menteri telah membuka tender terbuka. Adakah itu rasa bersalah? Adakah itu salah, sebab tadi tukar semula *direct nego* rasa bersalah pada petani. Jadi, adakah peringkat awal pun Yang Berhormat Menteri rasa bersalah, sudah salah buat keputusan tender terbuka. Pertama.

Yang kedua, ini pertanyaan rakan-rakan di bawah. Adakah pertukaran KSU kementerian ke bahagian lain ada kaitan dengan NAFAS. Terima kasih.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Ada dua Yang Berhormat Senator yang bertanya- Yang Berhormat Senator Puan Asmak. Yang kedua tentang- Yang Berhormat Dato' Zahari, hampir berkaitan. Saya tak rasa bersalah. Apa yang hendak saya rasa salah? Sebab saya sudah sebut tadi, semua masih dalam proses prosedur yang belum dimuktamadkan oleh MOF. Saya baca semua akta, saya buat *homework* secara teliti kerana saya tak boleh salah. Kalau saya salah, *I am finished. So, semua tak salah...*

**Dato' Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang Yang Berhormat Menteri salah maksud saya adakah Yang Berhormat Menteri rasa masa *open tender* itu salah. Tindakan itu salah. Semasa buka tender terbuka, salah. Maka Yang Berhormat Menteri tukar kepada *direct nego*. Itu maksud saya, bukan Yang Berhormat Menteri rasa bersalah atau tidak. Adakah tindakan *open tender* peringkat awal itu salah. Tindakan yang salah.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Sebagai sebuah kerajaan, semua tak salah. Sebab dalam perolehan, apabila kita bercakap tentang perolehan saya sebut tadi ada definisi tentang *selected tender, restricted tender*. Kemudian tentang *open tender*. Kemudian ada tender yang dibuat, dimuktamadkan di peringkat Kabinet. Itu semua sistem, sistem yang boleh dilakukan oleh sebuah kerajaan yang bertanggungjawab. Yang salah kalau kita tidak ikut sistem itu atau kita di luar sistem itu. Jadi bagi saya, saya sudah sebut tadi kalau kerajaan itu memikirkan- *the government of the day*, dia berfikir pada waktu itu sesuatu tender itu perlu diberhentikan, itu hak kerajaan. Kabinet akan buat keputusan pada ketika itu. Jadi sama ada *open tender* ataupun tender terhad ataupun- itu sistem yang kita kemukakan.

Baik, kalau kita bercakap tentang sekuriti pertahanan- tentera. Adakah boleh *open tender*? Semua kerajaan mengatakan ia perlu *selected tender*. Untuk kepentingan pesawah dan petani, kita boleh buat sama ada open tender ataupun kita hendak buat *selected tender*. Itu terpulang kepada kerajaan. Ataupun ia akan jadi *parallel*, pun boleh juga. Sementara menunggu kelulusan, kita open dahulu. Pun boleh juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, kita pun tahu dasar kerajaan ini boleh bertukar mengikut situasi berkenaan. Bila Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membuat keputusan untuk mementingkan NAFAS ini, sebuah institusi petani, adalah yang terbaik. Saya pun menyokong juga dasar kerajaan untuk memberi kepada sebuah institusi berbandingkan dengan sebuah syarikat... *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** So, sudahlah Yang Berhormat yang fasal NAFAS ini.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Okey. Saya meraikan persoalan sebab penting untuk saya jawab dalam Dewan ataupun di luar Dewan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memahami kerana Tuan Yang di-Pertua juga pernah duduk dalam kerajaan. Dia faham ini semua.

Tentang pertukaran KSU, itu *rotation*. Bukan kuasa menteri untuk tukar KSU ini. *In the spirit of the Cabinet*, Menteri hanya dirundingkan dan KSN boleh mengambil pandangan menteri untuk menempatkan mana-mana KSU di peringkat kementerian. Itu prosedur biasa yang kita rasakan berlaku pada semua orang. Jadi, saya rasa itu bukan isu yang perlu kita bahaskan di sini.

Saya beralih kepada BERNAS- Yang Berhormat Senator Puan Siti Fatimah, Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeling, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Perlu dijelaskan di sini sekali lagi agak *complicated* dalam memahami *government* punya *procurement* seperti peralatan senjata. BERNAS ada kaitan dengan *food security*, tentang

menjaga keselamatan makanan, menstabilkan harga beras tempatan dan juga ada lima obligasi yang harus kita perhitungkan.

Jadi kami di peringkat kementerian sedang di peringkat akhir untuk kami kemukakan satu model bagaimana nanti tanggungjawab yang telah pun 25 tahun dipikul oleh BERNAS ini akan kita muktamadkan.

■1240

Jadi, saya tidak mahu membuat apa-apa pemakluman awal sebab perkara ini masih lagi dalam kajian kita. Kita telah mengambil langkah-langkah seperti membuat *engagement*, berunding dengan pihak-pihak semua *stakeholders* kita seperti petani kita, pengilang kita dan seumpamanya dan BERNAS akan tamat tempoh hayatnya pada Januari 2021. Jadi, kita sedang merangka satu model sama ada BERNAS diberikan lagi konsesi itu ataupun kita perlu membuat beberapa pengubahsuaian ataupun kita perlu membuat satu model baharu. Ia akan saya kemukakan nanti dalam sesi yang akan datang setelah selesai *engagement* kita dengan semua pihak.

Cuma, ingin saya membuat beberapa pemakluman bahawa apa yang sedang kita lakukan pada hari ini juga harus kita tingkatkan keupayaan kita daripada segi melihat kepada masa depan industri padi dan beras negara kita.

Terlanjur dengan itu, bila BERNAS adalah bertanggungjawab menjaga kita punya *stockpile* yang ada pada hari ini dan juga menjaga tentang isu *food security*, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa laporan daripada *Global Food Security Index*, negara kita, *alhamdulillah*, tahun 2019 melonjak 12 anak tangga naik kepada nombor 28 daripada tangga 40. Ini membuktikan bahawa usaha kerajaan untuk kita memastikan keselamatan makanan, ketersediaan, *affordability*, *accessibility* kita semakin meningkat dan harga barang-barangan keperluan asas kita agak stabil kerana kolaborasi di antara MoA dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Kita bertukar-tukar dokumen dan akhirnya kita dapatti barang-barang kawalan yang ada pada hari ini terjamin. Perayaan-perayaan termasuk Krismas yang akan datang ini juga kita jamin bekalan mencukupi, harga stabil dan ini menyumbang kepada indeks kita untuk naik dan di-*recognize* oleh *Global Food Security Index*.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada tajuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, boleh tidak Yang Berhormat Menteri habis pukul 1?

**Datuk Haji Salahuddin bin Ayub:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Salahuddin bin Ayub:** Isu Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad tentang isu anjing liar. Ada di sini Yang Berhormat Senator? Ada ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Datuk Haji Salahuddin bin Ayub:** Dari sudut kesihatan kawalan penyakit sekiranya berlakunya wabak penyakit di satu kawasan, anjing liar ataupun anjing peliharaan yang berkaitan boleh dimusnahkan oleh pihak berkuasa veterinar di bawah Akta Binatang 1953. Akan tetapi, menembak dan memusnahkannya adalah langkah akhir, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga seorang yang sangat- *I am a pet lover*. Kita sayang binatang peliharaan ini. Jadi, sekiranya tidak boleh dielakkan lagi dia menggigit atau mengganggu ataupun memberikan ancaman awam, barulah pasukan yang berkenaan akan memusnahkan. Akan tetapi, selagi kita boleh mengawal, kita akan pastikan kita membuat kawalan mengikut akta yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya ingin menyatakan tentang Skim Pembiayaan Agro Nisaa-i ini. Satu skim yang sangat berkesan. Saya hendak ucapkan tahniah kepada wanita-wanita kita. Martabat wanita kita ini semakin meningkat kerana laporan Bank Dunia, Tuan Yang di-Pertua, laporan daripada Grameen Bank, Dr. Muhammad Yunus di Bangladesh dan laporan Bank Negara, tiga-tiga laporan ini mengatakan bahawa kalau diberikan peluang meminjam, 99.9 peratus wanita membayar pinjaman... [Tepuk] Kalau orang lelaki, jangan marahlah ya, sebab ini kajian yang menunjukkan bahawa wanita ini memang sangat prihatin dan sangat bertanggungjawab.

Dalam Program Agro Nisaa-i ini, Yang Berhormat, di kalangan *agropreneur* muda ini, peladangnita ini, saya telah menyaksikan kejayaan yang semakin cemerlang. Sudah ramai wanita-wanita kita berniaga menjadi *agropreneur* ini sudah dapat dalam *Boost* ataupun dalam MAHA. Dalam Hari Peladang baru-baru ini, saya menyaksikan sudah ada peladang-peladang wanita ini yang pendapatan mereka RM50 ribu satu bulan, RM30 ribu satu bulan dan RM10 ribu satu bulan. Ini yang sangat kita galakkan.

Program Agro Nisaa-i ini adalah di antara program yang kita membantu ibu-ibu tunggal, wanita-wanita yang dalam B40 yang kita berikan mereka bantuan *in-kind* di bawah program Rezeki Tani, Rezeki Ternak, Rezeki Nelayan yang kita memberikan mereka segala bantuan dan menampakkan keberhasilan. Kita berdoa agar program ini dapat mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan dan inilah di antara program pembasmian kemiskinan yang paling efektif yang akan saya pastikan kita usaha pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Salahuddin bin Ayub:** Ya?

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, antara pertanian yang popular kepada wanita yang mengambil pembiayaan ini apa ya? Bentuk tanaman.

**Datuk Haji Salahuddin bin Ayub:** Dia bergantung, Yang Berhormat Senator. Kita telah buat beberapa kajian. Kalau tanaman ini, dia bergantung kepada kehendak wanita tersebut. Program ini yang istimewanya ialah kita mencari orang miskin, bukan melalui kita rambang-rambang ataupun hanya bergantung pada maklumat e-Kasih. Pegawai kita cari orang miskin yang mereka ini mahu berusaha meningkatkan pendapatan mereka.

Dalam tangisan anak di rumah ya, dalam ketiadaan suami, dia memulakan industri kecil-kecilan di rumah. Kita pergi *interview* mereka dan kita tanya apa mereka hendak. Bukan kita bawa barang dan beri duit. Tidak. Kalau tanaman, apa yang diusahakan. Kalau dia berminat dalam fertigasi, kita bagi peralatan fertigasi. Kalau dia mahu membangunkan sebagaimana industri asas tani, kalau suami dia katalah nelayan dan dia mahu membuat industri hiliran seperti keropok ataupun *nugget* dan seumpamanya, kita bagi mereka peralatan.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Yang Berhormat Menteri, setakat ini, berapa agaknya jumlah mereka yang menikmati pembiayaan ini?

**Datuk Haji Salahuddin bin Ayub:** Peruntukan kita tahun ini kita ada RM20 juta dan setakat ini ada 86 usahawan untuk tahun ini yang telah kita santuni dan kita beri mereka bantuan. Ini bergantung nanti kepada jumlah yang kita akan cuba berikan berdasarkan pada peruntukan yang diberikan kepada kita.

Program ini sangat efektif dan sangat berkesan untuk kita beri bantuan pada mereka dan mereka setelah kita lihat kejayaan mereka, *progress* mereka, sekiranya mereka telah pergi kepada satu tahap yang mereka perlu lagi kepada satu peningkatan, di sini Agrobank, setelah saya wajibkan, untuk memberikan mereka pinjaman. So, daripada usahawan kecil pergi kepada usahawan sederhana dan mereka boleh jadi *big players* satu hari nanti dengan bimbingan kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tentang import cili Vietnam ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob Sapari, saya ingin menegaskan bahawa daripada bulan Ogos

2018, kita telah membuat suatu tindakan berdasarkan kepada tahap racun MRL bahawa kita tidak menarik penggantungan cili daripada Vietnam yang ada isu MRL. Itu saya hendak tegaskan.

Jadi, dengan kawalan itu, kita telah membuat suatu pemantauan yang rapi supaya isu mana-mana barang import termasuk cili ini adalah selamat *in term of food safety* ke dalam negara kita. Ini penting untuk kita pastikan bahawa isu lambakan yang berlaku pada hari ini itu kita tidak boleh kuatkuasakan dari segi menahan import kerana ia bertentangan dengan WTO. Jadi, yang boleh kita kawal adalah tentang isu tahap racun yang digunakan ataupun MRL. Itu untuk penjelasan.

#### ■1250

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Boleh untuk penjelasan? Saya mencadangkan kepada kerajaan agar import yang dibenarkan ialah untuk industri dan yang masuk adalah *processed foods, paste* masuk, tidak yang segar. Ini sebab segar masuk dalam pasaran, harga cili akan merudum. Ini memberi kesan besar kepada penanam cili yang ada di sini, sedangkan mereka sedang berkembang maju untuk cili ini. Jadi, cadangan saya ialah import proses atau untuk industri sahaja.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Sememangnya itu yang telah kita kuatkuasakan dari segi larangan racun itu. Tentang cadangan untuk cili itu boleh diimport untuk industri, sebab saya faham juga fasal- sebab kita izinkan itu sebab bekalan cili tempatan tidak cukup untuk industri. Jadi, sebahagian sebab kenapa kita izinkan itu adalah kerana untuk memenuhi permintaan di peringkat industri seperti *Kimball, Maggi* dan seumpamanya, memang sebahagiannya digunakan untuk membuat sos dan *downstream* di peringkat industri. Itu penjelasan kepada Yang Berhormat.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Cadangan saya, yang dibawa masuk itu ialah *processed*, maknanya *semi-finished*. Ini sebab ada kecenderungan bila masuk yang *fresh*, akan dilambakkkan dalam pasaran yang memberi kesan kepada petani.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh halang. Di bawah WTO, kita tidak boleh halang. Cuma, kita boleh kawal dari segi tadi, dari segi kandungan racun sahaja. Nanti kalau kita halang Yang Berhormat, nanti orang negeri lain tidak beli sawit kita. Itu ada *reciprocal*/punya isulah ya. Jadi, tentang cadangan itu, saya harus melihat daripada prosedur dan melibatkan beberapa *agreements* yang telah kita tandatangani. Terima kasih.

Untuk Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh tadi, ini data daripada tahun 2018. Tadi saya sebut setahun ya. Tentang program Agro Nisaa-i ini, jumlah keseluruhan yang telah kita beri bantuan ialah seramai 1,755 pemohon yang melibatkan

sebanyak RM9,680,800 yang telah kita peruntukkan. Dalam peruntukan RM20 juta setahun itu, kita ada banyak lagi golongan yang boleh kita santuni.

Saya juga pergi kepada integrasi lembu ini. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen tadi, cadangan lembu secara integrasi di ladang sawit di FELDA ini, FELDA tidak ada masalah. Cuma yang baru ini yang cuba kita selesaikan ialah isu ternakan lembu di SimeDarby. Dengan FELDA kita boleh bincang, tetapi tidak cukup. Padang ragut kita tidak cukup.

Jadi dengan FELDA tiada masalah, yang sedang kita bincang ialah dengan SimeDarby yang selama ini mereka memberikan keizinan kepada kita, tetapi hari ini mereka membuat sekatan dan kami sedang membuat perbincangan.

Ini kerana kita juga perlu memikirkan tentang faktor-faktor kenapa mereka tidak mengizinkan lembu-lembu ini diternak di ladang mereka. Antaranya adalah sebab isu sosial, bila lembu masuk ke ladang mereka, orang datang curi lembu. Sambil-sambil curi lembu itu, curi sawit juga. Itu di antara sebab kenapa mereka menghalang ladang mereka untuk- tetapi kita sedang merunding sebab jumlah itu sangat menyusahkan sekiranya SimeDarby tidak membuka ladang mereka untuk dijadikan ladang ternak.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, saya ingin menyatakan tentang beberapa cadangan yang telah saya perhatikan yang perlu untuk kita berikan perhatian iaitu tentang program Rezeki Ternak, Rezeki Tani dan juga Rezeki Nelayan.

Ketiga-tiga program ini sangat penting untuk kita fokus kepada rakyat. Rezeki Tani tadi saya sudah sebut. Rezeki Ternak, kita hendak kembalikan semacam sistem pawah yang mana, satu peserta kita boleh bagi 10 ekor lembu dan kambing yang kita rasakan mereka boleh membangunkan industri ini. Juga, Rezeki Nelayan yang kita akan berikan mereka peralatan ataupun kita bantu meningkatkan pasar-pasar nelayan yang hari ini berjumlah lebih kurang 126 buah di seluruh negara.

Ini semua adalah langkah-langkah kerajaan yang saya rasa kita mendasari dan melihat secara kepentingan itu. Saya rasa apa yang penting untuk kementerian ini adalah untuk kita pastikan segala bajet yang kita terima bagi tahun ini yang ada peningkatan 4.5 peratus itu dapat kita laksanakan dengan penuh tanggungjawab tanpa ketirisan dan *insya-Allah* akan memberikan manfaat kepada semua. Saya ucap terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kepada semua yang memberikan ucapan...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis, ada lima minit. Saya seminit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya boleh. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, tidak ada dalam jawapan Yang Berhormat Menteri, dua perkara. Pertama, berkenaan dengan cadangan saya untuk hapuskan duti import terhadap barang-barang keperluan nelayan seperti pukat, jaring dan enjin daripada Thailand. Ini yang pertama.

Kedua, berkenaan dengan perumahan nelayan. Pada tahun 2016, ada satu usaha sama di antara kerajaan negeri dengan LKIM dan peruntukan daripada LKIM sebanyak RM13 juta yang diagihkan perumahan nelayan itu mengikut Parlimen. Jadi soalan saya, apakah program tersebut sudah terlaksana dan rumah tersebut telah didiami oleh nelayan? Kalau sekiranya sudah terlaksana, apakah ada peruntukan baharu ataupun kolaborasi baharu di antara LKIM dengan kerajaan negeri seperti mana yang berlaku pada September 2016? Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dua perkara. Satu, hapuskan *tax*. Satu lagi *RM13 million* LKIM untuk perumahan nelayan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin sekali.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada beberapa soalan saya juga yang tidak terjawab. Cuma saya saring yang penting-penting sahajalah. Antaranya, saya bertanya tentang misi utama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menjadi pengeluar utama makanan dunia. Boleh tidak saya tahu, sekarang kita menyasarkan makanan apa untuk kita kuasai di peringkat dunia?

Kedua, saya juga ada bertanya tentang adakah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan berkolaborasi dengan kementerian di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk memperkenalkan instrumen wakaf bagi membiasai ataupun mendanai program-program pertanian? Ini kerana kita sudah ada di luar sana institusi yang menjalankan macam wakaf *farm* dan ini boleh mengurangkan subsidi daripada kerajaan dan mengurangkan beban kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada dalam catatan, saya akan beri secara bertulis kalau diizinkan ya sebab kita memerlukan notis. Akan tetapi secara idealnya, kita kalau ada sistem wakaf itu- sebab begini ya, saya lihat dalam *mindset* ataupun

pemikiran wakaf bagi kita orang Islam ini, dia nampak kubur, dia nampak madrasah, dia hanya nampak- kemudian, tidak boleh usik. Takut hendak usik. Jadi, kena ada satu naratif baharu.

Ini saya- kita pulangkan nanti kepada cerdik pandai, para ulama kita yang kontemporari untuk lihat semula tentang konsep wakaf itu. Ini sebab wakaf itu, tanah-tanah terbiar banyak yang boleh kita usahakan dan ini boleh kita manfaatkan untuk membangunkan ummah itu sendiri bagi orang Islam.

Jadi, tidak salah kalau sesuatu tanah wakaf itu kita bangunkan. Ini sebab naratif itu kena di- di hadapan saya ini Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, kawan lama saya ini seorang ulama yang boleh memberikan saya rasa, pentafsiran baharu tentang bagaimana tanah-tanah ini boleh dimajukan, boleh dikomersialkan pada masa akan datang. Pertanian sentiasa akan mengambil tempat dan kita akan membantu kalau mahukan bentuk-bentuk ataupun perlukan konsultasi dari segi penanaman dan seumpamanya.

Bagi Yang Berhormat Senator apa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Yang Berhormat Senator Datuk Razali tadi, tentang kolaborasi antara kementerian untuk menghapuskan *tax* ataupun pengurangan *tax*. Saya bersetuju Yang Berhormat. MOA tidak boleh *stand alone*. MOA tidak boleh bersendirian. Oleh sebab itu saya sering kali mengatakan polisi pertanian ini bukan hanya boleh digubal oleh MOA, dia perlu satu polisi negara tentang pertanian. Barulah nanti kolaborasi itu akan menentukan tentang *taxation*, polisi tentang tanah, polisi tentang pemilikan, *labour*, buruh dan seumpamanya. Jadi, saya setuju tadi kalau- saya memang sentiasa berjuang. Kalau boleh, harga-harga racun, harga-harga *ingredients* baja seperti NPK, komponen dalam NPK itu yang masih kita import. Pukat kita, peralatan laut kita, enjin sangkut. Kalau boleh, paling tidak pun direndahkan cukainya.

Ini memerlukan satu kombinasi antara *inter-ministries* yang harus kita lihat kalau kita mahu benar-benar Malaysia ini sebuah negara yang menuju kepada sebuah negara pertanian moden. Jadi, idea itu *insya-Allah* sentiasa akan saya bawa. Sebagai contoh kolaborasi yang paling baik antara *inter-ministries* ini adalah Operasi Naga sebagai contoh.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita menahan 211 *vessel* asing. *Alhamdulillah*, hendak katakan zero tidak bolehlah Tuan Yang di-Pertua, tetapi maknanya selama enam bulan apabila tiga atau empat kementerian ini berkolaborasi, saya rasa orang Terengganu, orang Kelantan, orang Pahang hari ini telah secara verbal, tidak ada lagi kajian secara spesifik, tetapi saya berani menyatakan pada hari ini, hampir 20 peratus tangkapan ikan telah meningkat. Kalau boleh, kita

kuatkuasakan kolaborasi seperti ini, saya rasa dalam tempoh tiga tahun, ikan-ikan yang akan berenang ke pantai. Seperti mana ibu Susi di Indonesia telah memberikan suatu jaminan, dia buat sungguh-sungguh di Indonesia, tidak perlu vesse/besar di Indonesia, ikan-ikan tuna itu n ke pantai kerana ekosistem ataupun sumber ikan itu dapat hidup dengan aman dan bebas. Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, secara ringkas yang fasal RM13 juta itu.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Berkenaan itu juga saya tidak ada dalam data saya, saya akan minta pegawai saya menulis secara bertulis. Akan tetapi dalam lawatan saya ke Pahang, ke Kuantan, Negeri Sembilan dan di negeri Perak, telah ada ura-ura bahawa nelayan ini yang telah kita siapkan dan data untuk secara lengkap itu akan saya berikan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak di atas peluang yang diberikan. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang membahaskan dan doakan mudah-mudahan kementerian ini boleh lebih maju ke hadapan dalam membela nasib petani seluruh negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mudah-mudahan Yang Berhormat... [Tepuk] Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1.03 petang, Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 petang]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**2.34 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Ahli Yang Berhormat dan selamat hadir. Sila Yang Berhormat Menteri.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak ada ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Rang Undang-undang Perbekalan 2020, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu 18 Disember 2019.”

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran tetamu pemerintah Kota Padang Sumatera Barat, Indonesia dan ahli rombongnya ke persidangan Dewan Negara Parlimen Malaysia. Terima kasih.

Sekarang saya mulakan iaitu kita minta Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri Industri Asas Tani. Sekarang kita minta pula Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dipersilakan.

**2.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, salam sejahtera.

Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan terima kasih kepada semua terutamanya kepada 10 Ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi pandangan, cadangan serta membangkitkan isu-isu yang berkaitan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 di Dewan yang mulia ini pada 9 Disember hingga 12 Disember yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membuat penggulungan yang mana ucapan penggulungan saya akan menyentuh secara keseluruhan perkara-perkara seperti berikut: iaitu program subsidi petrol bersasar; kos sara hidup; dan juga penguatkuasaan

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaksanaan Program Subsidi Petrol bersasar iaitu PSP. Isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad dan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

Suka saya ingin menjelaskan bahawa penggubalan dasar bagi PSP mengambil tempoh masa yang panjang merangkumi proses mengumpul dan meneliti pandangan serta pendapat daripada pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat minyak, pengusaha stesen minyak, persatuan pengguna dan ahli-ahli ekonomi.

Penggubalan dasar PSP ini juga berlandaskan kepada prinsip bahawa adalah lebih adil untuk melaksanakan pengagihan semula subsidi yang saksama atau *equitable redistribution of subsidies*. Ini adalah prinsip asas yang dipegang dalam program subsidi petrol bersasar iaitu menyampaikan subsidi petrol hanya kepada golongan benar-benar layak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sekarang kita amalkan di bawah sistem yang diamalkan iaitu subsidi petrol secara pukal. Di mana walaupun harga pasaran petrol RON95 adalah lebih tinggi daripada sejumlah RM2.08 seliter tetapi kerajaan menetapkan bahawa semua stesen minyak mesti diwajibkan menjual petrolnya pada tahap sejumlah RM2.08.

Umpamanya untuk buat masa sekarang, walaupun harga petrol adalah di tahap sejumlah RM2.34 satu liter tetapi segala stesen minyak di negara kita adalah diwajibkan menjual petrol RON95 pada harga sejumlah RM2.08. Maka iaitu bermakna bahawa kerajaan akan *subsidize* satu liter lebih kurang sebanyak 26 sen satu liter.

#### ■1440

Ini telah menjadikan satu beban kewangan yang amat besar kepada kerajaan. Saya beri sedikit maklumat tentang jumlah subsidi yang telah diberikan oleh kerajaan- adalah dibayar oleh kerajaan untuk menetapkan harganya pada tahap ini.

Untuk tahun ini, sejumlah dari Januari hingga Ogos sejumlah RM1.689 bilion telah dibelanjakan oleh kerajaan supaya menetapkan harga maksimum petrol RON95 pada tahap

RM2.08. So, itu adalah sebabnya dari jangkaan kita untuk masa yang panjang subsidi petrol secara pukal ini- *is not sustainable*. Maka, ini merupakan satu sebab prinsip yang asas di mana kita perlu amalkan subsidi petrol bersasar yang dicadangkan.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rakyat tidak mahu tahu bagaimana kerajaan mengapungkan harga petrol RON95 khususnya. Kita hendak kalau boleh RON95 diturunkan kurang daripada RM2 kalau boleh. Cuma saya melihat peruntukan kementerian ini sekadar RM1.1 bilion sahaja.

Bagaimana kementerian mengawal harga petrol ini yang mengatakan kerajaan memberi subsidi sebanyak 26 sen setiap seliter itu? Kami tidak berapa jelas sama ada Kementerian Kewangan yang mendapat faedahnya ataupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beri sedikit penjelasan mengenai perjalanan perniagaan minyak ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Di bawah sistem sekarang iaitu walaupun harga petrol RON95 adalah- pasaran, harga pasarannya adalah pada tahap RM2.34. Oleh kerana polisi kita menetapkan bahawa harga maksimumnya adalah di tahap perlu dijual, pada tahap RM2.08. Oleh itu, ada satu jurang 26 sen seliter. Sejumlah 26 sen seliter itu merupakan kos kepada syarikat-syarikat minyak. Mereka- syarikat-syarikat minyak itu pun akan mengalami kerugian. Oleh itu, kerajaan bayarkan subsidi itu kepada syarikat minyak itu supaya syarikat minyak boleh jualkan RON95 itu pada tahap RM2.08.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerajaan itu siapa? Kementerian Kewangan kah ataupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang memberi subsidi?

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ini dari Kumpulan Wang Disatukan- *Consolidated Fund* yang dibayarkan...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Maknanya Kementerian Kewangan yang...

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya Kementerian Kewangan. Kita KPDNHEP hanya untuk menguruskan pembayaran dan juga penentuan kosnya. Kerajaan menyedari bahawa subsidi petrol secara pukal ini membantu golongan berpendapatan rendah iaitu B40 membeli petrol pada harga yang berpatutan. Namun pada masa yang sama, ia juga menyebabkan golongan berpendapatan tinggi menikmati lebih banyak subsidi petrol memandangkan mereka mempunyai kemampuan perbelanjaan yang lebih tinggi.

Selain daripada itu, bukan warganegara Malaysia secara langsung turut menikmati subsidi petrol daripada kerajaan. Oleh demikian, kerajaan bertanggungjawab untuk membetulkan keadaan ini dengan melaksanakan pengagihan semula subsidi yang saksama yang tadi saya sebut iaitu *equitable redistribution of subsidy*. Ini adalah atas prinsip utama yang dipegang dalam program subsidi petrol iaitu menyampaikan subsidi petrol kepada kumpulan yang layak.

Sebagai satu ulasan, saya- menurut apa yang di- pemantauan kita, studi yang dibuat, perbelanjaan bahan api RON95 mengikut- kalau kita bahagikan mengikut kumpulan pendapatan, adalah lebih kurang sebanyak 24.9 peratus adalah dari golongan B40 dan 43.4 peratus adalah bagi golongan M40. Sejumlah 31.7 peratus adalah dibeli oleh golongan T20. Maka apa yang kita- subsidi secara pukal ini, perbelanjaan keseluruhannya 31.7 peratus telah dinikmati oleh T40. Mereka yang berpendapatan tinggi dan juga mereka yang bukan warganegara yang membeli minyak di stesen minyak- di pam petrol kita- stesen pam kita.

Kaedah yang digunakan oleh kementerian untuk mengenal pasti individu berkelayakan ini adalah dengan menggunakan data asas daripada program Bantuan Sara Hidup (BSH). Seterusnya data ini dipadankan dengan data pemilikan kenderaan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Manakala kesan pengapungan harga sasaran *gradual* kepada rakyat terutamanya kesan ke atas kos sara hidup tidak dinafikan akan wujud kegusaran selepas PSP ini dilaksanakan. Selepas kita melaksanakan program subsidi bersasar itu, kita akan mengapungkan harga minyak RON95. So, ingin saya tekankan bahawa pengapungan minyak yang dibuat adalah secara berperingkat selepas ini supaya harganya tidak melonjak tinggi dengan mendadak.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang harga RON95 RM2.34 seliter. Kalau kita mengapungkan secara bebas tidak melalui secara berperingkat, maka ia akan melonjak dari RM2.08 kepada RM2.34. Ini akan mengakibatkan satu kesan yang amat drastik terhadap pengguna-pengguna dan rakyat jelata. Oleh itu, adalah dicadangkan oleh kerajaan supaya walaupun harga pasarnya adalah RM2.34, kita akan mengapungkan secara berperingkat dan masuk dalam tempoh penyelesaian harga minyak itu ada dua subsidi yang diberi iaitu satu subsidi di mana untuk satu pemilik kenderaan RM30 sebulan dan untuk satu pemilik motosikal RM12 sebulan, di atas itu juga *partial subsidy* secara pukal untuk dinikmati.

Di samping itu- di samping program subsidi petrol bersasar yang dilaksanakan bagi membiayai sebahagian kos pengusaha syarikat pengangkutan awam, kementerian juga akan melaksanakan program My Subsidi Diesel yang memberikan harga subsidi diesel iaitu RM1.88

seliter untuk pengangkutan darat, awam dan bot penumpang sungai. Bagi pengangkutan darat barang pula, harga diesel diberikan mengikut harga pam pada kadar RM2.18 seliter. Dengan pelaksanaan pelbagai program subsidi itu, kita haraplah kesan yang diakibatkan dengan pengapungan minyak RON95 itu akan dapat dikurangkan.

#### ■1450

Berhubung dengan isu kos sara hidup akibat daripada kenaikan harga barang yang telah dibangkitkan di dalam Dewan ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh dan Datuk Lim Pay Hen, kementerian ingin memaklumkan bahawa isu ini mendapat perhatian yang serius melalui Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL). Pelbagai inisiatif telah dirangka, melibatkan penyelarasan pelaksanaan strategi serta pelan tindakan berkaitan isu sara hidup melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta.

Saya ingin memberi sedikit contoh apa langkah atau program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk meringankan kos sara hidup rakyat. Iaitu pertamanya adalah pelaksanaan kad My100 dan kad My50 bagi tambang pengangkutan awam yang dilaksanakan bermula 1 Januari 2019 untuk rakyat Malaysia sahaja. Inisiatif My100 ini boleh digunakan selama 30 hari tanpa had untuk penggunaan di semua servis tren dan bas- RapidKL iaitu LRT, MRT, BRT, monorel dan bas- RapidKL. Manakala kad My50 pula adalah pas berharga RM50 untuk selama 30 hari penggunaan di perkhidmatan bas- RapidKL sahaja termasuk bas MRT tetapi tidak termasuk bas BRT.

Langkah kedua adalah pada pengumuman Bajet 2019 juga ada menyentuh beberapa inisiatif kerajaan untuk memudahkan rakyat mendapatkan pembiayaan perumahan di mana untuk golongan berpendapatan tidak melebihi RM2,300 sebulan. Memiliki rumah buat kali pertama, dana sejumlah RM1 bilion akan ditubuhkan oleh negara untuk pembelian rumah mampu milik berharga sehingga RM150 ribu. Mulai 1 Januari 2019, dana itu tersedia di Am Bank, CIMB Bank, Maybank, RHB dan BSN melalui kadar pembiayaan serendah 3.5 peratus *interest rate*. Ini akan turut mengurangkan jumlah pembayaran ansuran bulanan kepada peminjam.

KPDNHEP, kementerian saya juga telah mengkaji kemungkinan mengenal pasti lima item popular pengguna untuk disenaraikan sebagai barang kawalan. Kementerian ini juga telah memperluaskan program *food bank Malaysia* di bawah seliaan kementerian ini, kesemua institusi pengajian tinggi NACCOL telah mengarahkan Yayasan *Food Bank Malaysia* menggerakkan projek *food bank Malaysia* di setiap kampus seluruh negara untuk membantu golongan mahasiswa pada kadar segera.

KPDNHEP dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan bekerjasama untuk merangka program jualan barang pengguna dan barangan segar serta akan diperluaskan ke seluruh negara dan dilaksanakan pada kadar kekerapan yang lebih.

Akhirnya, untuk pemberian diskaun sebanyak 20 peratus bagi kadar tambang KTM Komuter yang dinamakan sebagai Komuter Extra 20 akan memberi manfaat besar khususnya kepada pengguna KTM Komuter di bandar dan luar bandar dan telah dilancarkan pada bulan April 2019.

Kementerian ini juga melalui Majlis Harga Barang Negara (MHBN) juga akan memperhebatkan lagi penggunaan aplikasi *price catcher* sebagai satu inisiatif kementerian bertujuan mendidik dan memperkasakan pengguna dalam mengamalkan nilai-nilai berhemah ketika berbelanja. Di samping itu, keberkesanan program penyeragaman harga akan dipertingkatkan agar rakyat di luar bandar terus mendapat faedah daripada pelaksanaan program ini.

Bagi program penyeragaman harga, saya ingin menjawab khusus kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose di mana beliau berkata ada di sesetengah tempat tidak ada diliputi oleh program ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, program penyeragaman harga ini adalah satu program di mana kementerian akan membiayai kos pengangkutan barang keperluan yang merangkumi beras, tepung, minyak masak dan juga LPG, diesel, RON95 dan gula. Ketujuh-tujuh barang keperluan ini kementerian akan membiayai kos pengangkutan dan hantar barang itu kepada kawasan pedalaman. Di mana tanpa program ini, kemungkinannya satu liter diesel akan dijual pada harga RM5 hingga RM6. Ini kerana kos pengangkutan yang amat tinggi.

Untuk tahun ini sejumlah RM150 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan program penyeragaman harga ini di seluruh negara dan khususnya lebih tertumpu di Sabah dan Sarawak kerana jaringan jalan yang tidak sempurna dan juga banyak tempat yang tidak dapat disampai melalui jalan berturap. So, kos pengangkutan ini akan dibiayai oleh kerajaan supaya kita boleh menyeragamkan harga barang keperluan di merata tempat di negara kita tidak kira sama ada di bandar atau di luar bandar.

Untuk program ini, memang ada sesetengah tempat yang tidak sampai atau tidak diliputi oleh program ini. Oleh itu, saya minta kerjasama juga Yang Berhormat Senator John Ambrose untuk memaklumkan kepada kementerian sekiranya beliau ada maklumat atau *information* tentang mana-mana tempat yang perlu program ini tetapi belum dilaksanakan di tempat itu. Ahli-

ahli Yang Berhormat Senator juga diminta kalau ada apa-apa maklumat atau ada apa-apa permintaan boleh sampaikan maklumat itu kepada kementerian ini.

**Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah? Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam perbahasan baru-baru ini saya ada tanya tentang kelengkapan sekolah. Jadi, termasuk atau tidak apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat. Terima kasih... [Disampuk] Ya, macam baju sekolah yang mahal harga, semua sekalilah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Bagi kelengkapan sekolah itu, kita bukan sahaja kementerian saya juga agensi-agensi dan Ahli-ahli Yang Berhormat juga ramai yang menjalankan program *back to school* di mana kita bagi baju, seluar sekolah percuma kepada murid-murid dan juga ada beg sekolah dan alat *stationary* yang diberikan. Ini adalah antara langkah-langkah yang kita galakan dan juga ada sedikit sebanyak peruntukan daripada agensi-agensi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh:** Pada bantuan itu, pemantauan harga yang kita lihat mahal sekarang ini. Seolah-olah macam pakaian seragam peringkat sekolah rendah ini macam harga orang dewasa punya pakaian.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Berkenaan harga baju sekolah, saya rasa ia bukan dalam senarai barang harga terkawal. Ini kerana, pada asasnya, pada amnya, kita mengamalkan *free market system*. Di mana setakat ini tidak ada apa-apa program kawalan harga yang dikenakan atas baju sekolah.

## ■1500

*So, basically, it's up to the market forces* lah tetapi untuk membantu mereka yang tidak berapa kemampuan daripada segi kewangan, kita ada menggalakkan dan banyak kementerian juga ada melalui agensi-agensi mereka melaksanakan program *Back to School* di mana pakaian sekolah atau beg sekolah yang diberi secara percuma. Saya rasa ini sedikit sebanyak boleh membantu untuk meringankan kos yang membebankan.

Ketiganya isu penguatkuasaan...

**Datuk John Ambrose:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Datuk John Ambrose:** Tadi soalan saya, di Penampang yang saya mention dalam ucapan saya itu ialah tiada POS ataupun tiada *drumming*. Kena tarik sudah di Penampang. Dulu ada dua, musim *the last regime, last former government*, dulu ada dua POS sama dua *drumming* tempat Penampang tetapi semua sudah kena tarik.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya akan kaji balik tentang apa yang dibangkitkan. Saya harap Yang Berhormat Senator boleh memberi maklumat yang lebih terperinci kepada saya dan kita akan mengkaji balik sama ada hendak *reinstate the programme or not* lah. *But...*

**Datuk John Ambrose:** Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Program yang untuk secara amnya lah, kalau tempat boleh sampai akses, akses ke tempat yang dulu ada POS tetapi selepas ada jalan-jalan turap boleh sampai ke tempat itu, mungkin program itu akan ditamatkan. Ini adalah secara amnya tetapi saya tidak pasti tentang maklumat yang lebih terperinci, *specific information* yang disebutkan- kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator. *So anything you just let-* bagikan kita, bekalkan kita maklumat. Saya akan lihat boleh buat apa-apa untuk membantu.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah. Masih berkenaan dengan MHBN iaitu *Community Drumming* dan juga subsidi *transport*. Saya ingin bertanya kepada ataupun minta penjelasan daripada pihak kementerian. Apakah tindakan kementerian untuk memantau *out POS-out POS* ini? Sebab contohnya di kawasan pergunungan Sabah, di mana tempat itu dekat dengan sempadan Indonesia dan didapati masih banyak kejadian *stock piling* ataupun orang menyorok minyak-minyak ini yang *disubsidized* itu.

Kemudian apabila stok sudah habis di POS yang sebenar, mereka baru keluarkan dengan harga yang lebih mahal. Ini menjadi salah satu masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Sepatutnya mereka mendapat manfaat daripada program ini tetapi kerana tindakan-tindakan tidak bertanggungjawab sesetengah pihak menjadikan program MHBN ini tidak berapa efektif dan juga disalah guna. Jadi saya minta pencerahan daripada pihak kementerian, apakah tindakan untuk memastikan ini tidak berlaku? Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Biasanya kita yang melantik *transporters* yang memiliki *point of sales* (POS) yang di kampung-kampung masing-masing. Biasanya adalah ketua kampung atau orang yang ramai kenal dalam kampung itu. Akan tetapi saya tidak nafikan bahawa sesetengah mereka mungkin ada membuat apa-apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Akan tetapi semasa kita membuat pemantauan [*Ketawa*] Sebelum mungkin, mungkin lah sebelum kita sampai sana, bekalan sudah disiapkan untuk dijual dan selepas kita tinggal tempat ini yang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat akan diulangi lah.

Akan tetapi secara amnya, kita ada satu formula di mana untuk jumlah- kita akan ambil kira bilangan penduduk di satu kampung dan ada satu-satu formula di mana untuk satu keluarga umpamanya, satu keluarga satu bulan ada menggunakan satu tong LPG dan juga satu orang,

satu bulan tujuh kilogram itu beras yang *consumptionnya* ialah ini adalah satu formula yang kita pakai dan kita ambil itu bilangan penduduk yang di satu kampung, satu kampung ini ambil kira dan *come out with the amount of subsidy*. Kalau ada penyeludupan apa-apa jumlah yang amat berbeza dengan *estimate* kita, maka itu akan menimbulkan *suspicion* atas sama ada ini telah dilakukan oleh *point of sale-point of sale* yang dilantik oleh *transporter* itu.

Juga saya menyeru supaya Yang Berhormat boleh menyampaikan kepada penduduk-penduduk di luar bandar supaya kalau mereka misalnya tengah bulan sudah tidak ada apa-apa bekalan, barang, bolehlah beritahu kita, berikan maklumat kepada kita supaya kita boleh buat siasatan yang lebih, siasatan yang selanjutnya lah.

Berkenaan dengan isu penguatkuasaan yang dibangkitkan oleh beberapa orang Yang Berhormat Senator iaitu Puan Sopiah binti Sharif, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung dan juga Yang Berhormat Senator Paul Igai. Aktiviti penguatkuasaan di bawah Kementerian menjalankan fungsi menguatkuasakan undang-undang perdagangan dalam negeri untuk melahirkan peniaga yang beretika, mengawal selia bekalan dan harga untuk melindungi penduduk, mewujudkan persekitaran perniagaan domestik yang kondusif, memberi perlindungan hak harta intelek dan membanteras ketirisan barang kawalan.

Di bawah Belanjawan 2020 Bahagian Penguat kuasa, Kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM37 juta manakala sebanyak RM45 juta bagi tujuan emolumen Pegawai Pemantau Harga seluruh negara. Kementerian sentiasa berusaha meningkatkan keberkesanan penyampaian anggota penguat kuasa melalui latihan sepanjang tahun.

Sebagai contoh, pada tahun 2019, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM1.3 juta untuk menjalankan latihan. Antaranya kursus kepakaran pemeriksaan dan penyiasatan, kursus kepakaran siasatan AMLA, kursus perundangan dan pendakwaan serta kursus serbuan operasi. Pada tahun 2020, Bahagian Penguat kuasa telah diperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi meningkatkan kompetensi pegawai penguat kuasa dalam menjalankan tugas-tugas penguat kuasa.

Bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang berlebihan serta melindungi hak-hak pengguna khususnya di bawah- selepas kita melaksanakan itu program subsidi bersasar, Kementerian akan proaktif melaksanakan aktiviti penguat kuasa di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dengan menjalankan tugas-tugas rutin seperti pemantauan dan pemeriksaan meliputi rantaian edaran seluruh negara, penguatkuasaan perintah kawalan harga iaitu penandaan harga oleh penjual runcit bagi tujuan peletakan tanda

harga di atas barang yang dijual, pelaksanaan skim harga maksimum musim perayaan bagi membendung kenaikan harga semasa musim perayaan dan juga advokasi bersama-sama peniaga dan pengguna berhubung peraturan semasa yang berkuat kuasa serta keberadaan pegawai kementerian di lokasi-lokasi tumpuan.

Khusus untuk kawalan harga atau pemantauan harga di pasaran selepas pelaksanaan program subsidi bersasar iaitu PSP yang akan bermula pada 1 Januari 2020, KPDNHEP sentiasa serius dalam menjalankan pemantauan sepanjang masa melalui penguatkuasaan undang-undang dan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 berkaitan dengan harga di pasaran.

#### ■1510

Kementerian saya telah mengambil tindakan proaktif dengan melaksanakan pelaksanaan Ops Catut 6.0 untuk memastikan tidak berlaku aktiviti pencatutan dan manipulasi harga, agar tidak berlaku kenaikan harga barang secara tidak terkawal. Ops Catut 6.0 telah dilaksanakan mulai 1 Disember 2019 hingga 30 Jun 2020 secara berfasa ke atas semua peringkat rantaian pembekalan barang atau premis penyedia perkhidmatan yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran, pengedaran, pemborongan dan peruncitan bagi mengesan aktiviti pencatutan yang tertakluk di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018. Penguatkuasaan ini mengambil kira enam kategori barang iaitu:

- (i) barang makanan dan minuman;
- (ii) barang isi rumah;
- (iii) tekstil;
- (iv) perabot;
- (v) kasut; dan
- (vi) barang elektrik.

So, haraplah dengan langkah-langkah ini, kita boleh sedikit sebanyak untuk membendung inflasi pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Saya percaya pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu memperkuuhkan lagi polisi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kementerian ini

untuk dilaksanakan. Mudah-mudahan setiap perkara yang dibahaskan pada hari ini, akan membawa keberkatan kepada kita semua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen yang telah menjawab di nombor 13, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan panjang lebar dan terang ya.

Sekarang, saya jemput pula Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dipersilakan.

### 3.12 ptg.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seramai tiga Ahli Yang Berhormat Senator telah mengemukakan sebanyak 10 pertanyaan sepanjang sesi perbahasan kali ini. Ada isu yang telah dijawab oleh kementerian lain dan ada juga isu yang akan dijawab 10 lagi kementerian pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berhasrat untuk menjawab pertanyaan yang dibangkitkan berdasarkan Ahli Yang Berhormat Senator. Pertama, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, telah mencadangkan agar kerajaan berkolaborasi dengan pusat ibadat untuk memperbanyak PAWE. Terdapat banyak program dan aktiviti yang telah diadakan berkolaborasi dengan pusat ibadat terutamanya masjid dan surau yang berdekatan dengan PAWE.

Antara program yang dilaksanakan dengan pihak masjid dan surau adalah program-program keagamaan seperti program korban, ceramah agama, tadarus Al-Quran, pengurusan jenazah dan sebagainya. Contoh-contoh PAWE yang melaksanakan program kolaborasi bersama pihak masjid atau surau, antaranya seperti berikut:

- (i) PAWE Putrajaya berkolaborasi bersama Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya;
- (ii) PAWE Lekir di Perak berkolaborasi dengan Masjid Haji Yusoff di Manjung, Perak; dan
- (iii) PAWE Tumpat di Kelantan berkolaborasi bersama Masjid Rahmaniah, Tumpat, Kelantan...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Yang Berhormat Menteri, PAWE itu apa?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya?

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** PAWE? Sekali lagi.

**Puan Hannah Yeoh:** Kita sudah jawab banyak kali sudah. PAWE itu adalah Pusat Aktiviti Warga Emas.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Okey.

**Puan Hannah Yeoh:** JKM amat menggalakkan mana-mana PAWE untuk melaksanakan program mengikut kesesuaian setempat sama ada melalui program bersama masjid atau rumah ibadat. Jadi, kita mengalu-alukan.

Isu kedua yang telah ditanya oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah mengenai program i-SURI. Sehingga 30 November tahun ini, seramai 138,301 orang wanita telah berdaftar dengan i-SURI dan seramai 116,318 orang daripada jumlah tersebut telah membuat caruman ke dalam akuan i-SURI masing-masing.

Jadi, peratusan pencarum adalah 84.1 peratus. Kesukaran ahli i-SURI untuk membuat caruman individu kerana di peringkat awal pelaksanaan, peraturan kewangan sedia ada KWSP, tidak membenarkan penerimaan tunai dan sebarang bentuk transaksi oleh *Mobile Team KWSP* dan pembayaran caruman hanya boleh dibuat melalui kaunter KWSP.

Di samping itu, jarak dari rumah ke pejabat KWSP yang memerlukan kos pengangkutan yang tinggi juga merupakan antara faktor utama yang menyebabkan ramai peserta tidak dapat mencarum dengan konsisten. Dalam usaha ke arah meningkatkan lagi pendaftaran i-SURI dalam kalangan kumpulan sasaran yang layak dan seterusnya meningkatkan bilangan ahli yang membuat caruman individu, beberapa tindakan penambahbaikan telah pun diambil seperti berikut:

- (i) rakan strategik KWSP telah menggerakkan *Mobile Team* ke lokasi-lokasi yang terpencil; dan
- (ii) KWSP telah membenarkan *Mobile Team KWSP* untuk menerima pembayaran caruman i-SURI melalui *money order* ataupun *postal order* bermula April tahun ini;

Mulai Januari tahun depan caruman secara tunai ataupun kad debit BSN, boleh dibuat melalui ejen-ejen BSN di seluruh negara dan sehingga November tahun ini, ejen BSN adalah seramai 4,157 orang. Sebagai alternatif mempelbagaikan saluran pembayaran, KWSP juga dalam tindakan perbincangan dengan pihak-pihak berkaitan bagi membolehkan pembayaran caruman dibuat melalui khidmat pesanan ringkas (SMS).

Jadi, kita memang sentiasa memikirkan cara baharu untuk menyenangkan lagi pencarum membuat caruman. Dalam usaha meningkatkan pelindungan sosial kepada suri rumah, Dewan Rakyat pada 4 Disember tahun ini, juga telah meluluskan pindaan ke atas Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2019 yang membenarkan pemindahan sebahagian caruman suami secara sukarela kepada akaun isteri.

Pindaan itu antara lain memperuntukkan kadar caruman yang akan dipindahkan ialah sebanyak dua peratus. Saya berharap pindaan RUU tersebut juga akan diluluskan oleh Dewan Negara nanti.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah, turut membangkitkan isu berkenaan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK) dan Yang Berhormat Senator mencadangkan agar kementerian mewujudkan modul IKK dengan berteraskan elemen tauhid. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas cadangan tersebut. Untuk makluman, Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK) adalah kajian ya iaitu indeks yang dibangunkan untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga melalui penilaian isi rumah iaitu ibu atau bapa terhadap kesejahteraan keluarga mereka.

Responden kajian ini terdiri daripada ibu atau bapa yang mempunyai anak berumur antara tiga hingga 24 tahun. Bagi Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016, jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 3,878 orang yang terdiri daripada 2,008 orang bapa dan 1,870 orang ibu yang telah ditemui bual. Pemilihan sampel dilakukan dengan bantuan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Bagi IKK 2016, sebanyak lapan *domain* telah dibangunkan dan setiap *domain* mengandungi antara dua hingga tujuh *indicator*. Skor IKK 2016 yang dicatatkan adalah 7.33 pada skor maksimum, 10 iaitu berada pada tahap yang sederhana. Daripada lapan *domain* yang telah dikenal pasti:

- (i) *domain* keluarga, peranan agama dan amalan kerohanian, mencatatkan skor *domain* tertinggi iaitu 8.04;
- (ii) *domain* keselamatan keluarga ialah 7.96;
- (iii) *domain* hubungan kekeluargaan adalah sebanyak 7.90;
- (iv) *domain* keluarga dan keterlibatan komuniti ialah sebanyak 7.84;
- (v) *domain* kesihatan keluarga ialah sebanyak 7.18;
- (vi) *domain* ekonomi keluarga ialah sebanyak 7.05; dan

- (vii) *domain* keluarga dan teknologi komunikasi ialah sebanyak 6.38 dan *domain* perumahan dan persekitaran.

Elemen agama telah pun diambil kira di bawah *domain* keluarga, peranan agama dan amalan kerohanian dan *domain* ini adalah *domain* yang paling tinggi.

Seterusnya, siapakah ahli di dalam Jawatankuasa Indeks Kesejahteraan Keluarga? Semasa kajian IKK 2016 dijalankan, pemantauan projek dijalankan secara berkala oleh Jawatankuasa Teknikal Kajian. Jawatankuasa Teknikal Kajian akan dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Pengarah LPPKN. Keahlian jawatankuasa ini pula akan terdiri daripada:

- (i) wakil Unit Perancang Ekonomi;
- (ii) Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- (iii) Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (iv) Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (v) Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (vi) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia;
- (vii) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;
- (viii) KPKT;
- (ix) Jabatan Perangkaan Malaysia;
- (x) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);
- (xi) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional;
- (xii) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
- (xiii) Majlis Profesor Negara;
- (xiv) Universiti Malaya;
- (xv) *Focus on the Family Malaysia*; dan
- (xvi) Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia.

#### ■1520

Persoalan Yang Berhormat Senator mengenai skor indeks di Pahang, kenapa 6.78, Perlis – 6.97, Sarawak – 7.09. Apakah faktor yang menyebabkan perbezaan jauh bagi Skuad IKK antara penduduk di Borneo dan di Semenanjung?

Secara keseluruhan IKK 2016 yang dicatatkan ialah 7.33 daripada skala maksimum 10. Perbandingan skor mengikut negeri mendapat negeri Melaka mencatatkan skor indeks paling tinggi iaitu 8.28, diikuti oleh Perak – 7.71, Johor – 7.61, Terengganu – 7.56, Selangor 7.33,

Kelantan – 7.32, Kedah – 7.31, Pulau Pinang – 7.31, Wilayah Persekutuan – 7.15, Sabah – 7.10, Sarawak – 7.09, Perlis – 6.97, Negeri Sembilan – 6.78, dan Pahang – 6.72.

Skor keseluruhan bagi negeri Melaka mencatatkan skor 828 daripada skala maksimum 10 iaitu berada dalam kategori paling tinggi. Skor 8.28 ini disumbangkan oleh enam domain yang mencatatkan skor kategori tinggi. manakala dua domain lagi mencatatkan kategori sederhana. Manakala bagi negeri Perlis yang menduduki tangga ke-12, IKK yang dicatatkan adalah 6.97 daripada skala maksimum 10 iaitu berada dalam kategori sederhana. Ini kerana hanya dua domain yang mencatatkan skor kategori tinggi manakala hanya empat domain dalam kategori sederhana dan dua tergolong dalam kategori rendah.

Bagi negeri Pahang yang menduduki tangga ke-14 dan terbawah, IKK 2016 yang dicatatkan adalah 6.72 daripada skala maksimum 10 iaitu berada dalam kategori sederhana. Ini kerana tiada domain yang mencatatkan skor kategori tinggi dengan kesemua domain tergolong dalam kategori sederhana.

Di negeri Sarawak, skor yang dicatatkan tidak banyak berbeza berbanding kebanyakan negeri di Semenanjung dengan 7.09 daripada skala maksimum 10 iaitu berada dalam kategori sederhana dan menduduki tangga ke-11. Seperti negeri Pahang, tiada domain yang mencatatkan skor kategori tinggi dengan tujuh daripada lapan domain tergolong dalam kategori sederhana dan satu domain berada dalam kategori rendah. Jadi tidak banyak perbezaan antara Sabah dengan Wilayah Persekutuan. Satu, di Borneo dan satu lagi di kawasan bandar di semenanjung.

Untuk Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah juga ada bertanya adakah kementerian mempunyai sebarang senarai tentang usaha holistik dalam meningkatkan kapasiti pekerja OKU daripada sektor swasta dan sektor kerajaan. Usaha meningkatkan kapasiti pekerja OKU merupakan usaha dan inisiatif yang dilaksanakan merentasi pelbagai sektor sama ada sektor kerajaan mahupun swasta. Dua agensi utama untuk memastikan peningkatan kapasiti pekerja OKU adalah Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

KSM memainkan peranan untuk memperkasakan golongan OKU sama ada dari segi aspek penempatan pekerjaan di sektor swasta, peluang kursus atau latihan kemahiran serta peluang-peluang keusahawanan. Manakala JPA pula memainkan peranan perancangan masuk menggubal dasar sumber manusia dan pemberian khidmat nasihat kepada agensi perkhidmatan awam terutamanya dalam mencapai dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU.

JKM melaksanakan program perkhidmatan *Job Coach* dan program *Disability Equality Training*. Program *Job Coach* adalah untuk menggalakkan OKU kekal bekerja di pasaran pekerjaan terbuka. Manakala program DET pula adalah program untuk memberi pendedahan kepada masyarakat awam termasuk majikan dan ketua jabatan tentang isu diskriminasi OKU untuk menggubal dasar amalan dan tingkah laku mereka.

Jadi kementerian kami sedang berusaha dengan JPA dan juga berbincang dengan kementerian lain untuk tengok bagaimana kita boleh menjadi teladan yang baik kepada sektor swasta. Kalau sektor kerajaan kita tidak boleh mencapai satu peratus, bagaimana kita ada *authority* untuk keluar beritahu sektor swasta anda kena menggaji golongan OKU? Jadi ini yang kita sedang tekankan bersama kementerian lain untuk kita mencapai satu peratus buat masa ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah juga bertanya mengenai isu kanak-kanak di mana apakah mekanisme yang dilakukan bagi membantu anak perempuan yang sudah terlanjur ini terpelihara dan mempunyai daya tahan daripada kembali berulang melakukan perkara maksiat.

Yang Berhormat Senator, intervensi dalam menghindari perlakuan maksiat bukan sahaja melibatkan remaja perempuan malah melibatkan pihak remaja lelaki juga. Kajian faktor risiko dan pelindung terhadap kesihatan reproduktif remaja Malaysia pada tahun 2011, dan 2015 menunjukkan *prevalent* hubungan seks luar nikah adalah dua kali ganda lebih tinggi dalam kalangan remaja lelaki berbanding perempuan.

Jadi kita tidak boleh hanya fokus kepada golongan perempuan. Justeru, LPPKN telah membangunkan sebuah modul kesihatan reproduktif dan seksual khas untuk remaja lelaki iaitu modul cakna diri remaja lelaki. Modul ini mengandungi pengetahuan dan akibat tentang kesan negatif hubungan seksual sebelum berkahwin dan seks tanpa perlindungan.

Pada 5 November 2019, LPPKN telah memberikan taklimat berkaitan modul ini supaya pihak Ahli Parlimen Dewan Rakyat turut dapat melaksanakan program ini ke peringkat akar umbi. Kami juga mengalu-alukan jika ada Yang Berhormat Senator yang ingin mencuba melaksanakan program ini di kawasan di negeri masing-masing boleh hubungi LPPKN dan kita akan membantu.

Susulan daripada program promosi kempen mengenai pencegahan, pembuangan bayi dan kehamilan remaja di media dan panggung wayang. Seramai 3,398 remaja telah mendaftar sebagai ahli Sahabat kafe@TEEN bagi tempoh Julai hingga September tahun ini, tiga bulan sahaja. Jumlah lawatan ulangan bagi remaja yang telah mendaftar telah meningkat 14 peratus iaitu 5,061 berbanding tiga bulan sebelum kempen itu, 4,323 orang. Jadi kita memantau kempen

ini memang mempunyai kesan positif kerana remaja sudah tahu bagaimana hendak mendapatkan bantuan nasihat bukan sahaja nasihat tetapi kaunseling juga.

Pada Jun 2019, LPPKN telah membangunkan aplikasi *edutainment My kafe@TEEN* yang turut memberi fokus kepada pendidikan dan perkhidmatan runing cara kesihatan reproduktif dan seksual. Melalui aplikasi ini, remaja mempunyai pilihan untuk tidak mendedahkan identiti mereka dan boleh berkongsi masalah peribadi berkaitan seksualiti menerusi platform *live forum* ataupun *Teen Chat*. Menerusi platform ini remaja boleh mendapatkan khidmat runing cara daripada panel doktor kita, kaunselor dan juga ahli agama. Fasilitator yang terlibat terdiri daripada pakar dalam bidang masing-masing. Mulai Jun hingga Disember tahun ini aplikasi berkenaan menerima sebanyak 157 persoalan remaja berkaitan seksualiti. Persoalan adalah daripada 110 remaja perempuan dan 53 remaja lelaki.

Bagi persoalan remaja berkaitan keagamaan pula, ia dimulakan pada November tahun ini dan sehingga kini terdapat 14 persoalan yang dikendalikan ustaz dan ahli agama daripada pelbagai agama. Antara soalan yang diterima bagi agama Islam adalah mengenai nasab bayi luar nikah. Jadi *app* kita ini adalah untuk pastikan orang muda tahu kalau dia hendak dapatkan bantuan, dia bukan sahaja *google*. Dia boleh berinteraksi dengan pakar dan kita ada ustaz yang turut terlibat dalam *app* ini untuk pastikan kita bagi nasihat yang betul kepada remaja.

Jadi peningkatan yang kita lihat ini adalah positif dan kita akan terus pantau dan pastikan kita mempunyai lebih banyak lagi *outreach* kepada golongan sasar ini. Itulah sebabnya kita telah pergi kempen ini ke panggung wayang supaya orang muda tahu kalau saya ada masalah saya telefon 15999 ataupun saya pergi cari LPPKN dan saya boleh gunakan *app* ini, okey.

Soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator juga sejauh mana penjaga di pusat perlindungan dilatih bagi memastikan mereka mampu mendidik kanak-kanak..

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon bertanya.

**Puan Hannah Yeoh:** Yes, silakan.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan modul pencegahan isu-isu seksual di kalangan remaja, saya dapati di Kementerian Kesihatan juga mereka mempunyai modul dan latihan khusus berkaitan dengan perkara ini termasuk untuk OKU. Jadi adakah penyelarasan ataupun *at least* penyelaras KPI dibuat antara Kementerian Wanita dan juga Kementerian Kesihatan sebab dua-duanya adalah benda yang baik.

Seterusnya yang kedua, apakah pandangan kerajaan berkaitan dalam usaha untuk mencegah isu-isu seksual di kalangan remaja ada NGO yang berhasrat untuk membagi kondom secara percuma di peringkat sekolah. Jadi apa pandangan kerajaan? Sekian, terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Okey, untuk aktiviti ataupun program kesedaran antara agensi, kita telah mewujudkan satu Jawatankuasa Bertindak Bersama Kementerian Pendidikan dan dalam mesyuarat itu kita hanya pernah bermesyuarat sekali dan kita akan juga menjemput Kementerian Kesihatan supaya semua pihak berbincang perkara yang sama. Isu yang paling kritikal sekarang adalah berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan di mana kanak-kanak seawal 12 tahun telah pun aktif seksual.

### ■1530

Jadi kita kena pastikan Kementerian Pendidikan, silibus mereka kita kena *review*. Pastikan kalau kita ajar dia mengenai *intercourse*, dengan izin, pada usia 15 tahun tetapi statistik menunjukkan 12 tahun sudah tahu, kita kena ubah sikit silibus kita untuk pastikan kita tidak ketinggalan dalam mendidik anak-anak kita. Mesej utama adalah *abstinence*, jauhi daripada seks. Itu adalah mesej utama kerajaan. Apa yang NGO lakukan, aktiviti tidak berkaitan dengan kerajaan. Kerajaan kita memang memperkasakan *abstinence*. Ada ramai yang mengkritik bahawa ini ketinggalan zaman dan sebagainya. Akan tetapi apa yang kita ada, silibus sekarang bersama dengan pakar-pakar doktor LPPKN adalah, yang telah terlanjur kita kena bagi nasihat kaunseling supaya mereka boleh balik ke pangkal jalan.

Akan tetapi untuk kanak-kanak yang lain, kita kena menyediakan mereka supaya mereka tahu ada informasi yang tepat daripada pakar kesihatan dan bukan sekadar *Google*. Sekarang ini kalau kita tidak ajar mereka pun, mereka ada *smartphone* dan mereka boleh *Google*. Nasihat kita kepada semua ibu bapa adalah ibu bapa kena tahu bagaimana mereka boleh memulakan perbincangan ini dengan keluarga. Sekarang ini *gap* yang kita lihat adalah ibu bapa, mereka bergantung pada cikgu sekolah untuk ajar. Cikgu sekolah pula bergantung pada ibu bapa untuk ajar. Jadi ada kanak-kanak yang langsung tidak menerima apa-apa pendidikan seks daripada kedua-dua pihak.

*Gap* ini kita hendak tutup dengan adanya sekarang aplikasi *kafe@TEEN* supaya remaja tahu mana nak dapatkan bantuan. Kita memang menjemput semua pihak termasuk ahli kerajaan negeri, pihak agama untuk semua bersama membantu kita kerana masalah ini bukan sahaja terletak di atas tanggungjawab bahu kementerian kami tetapi untuk semualah kerana sekarang *the global threat online*, itu adalah sangat serius.

**Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hannah Yeoh:** Silakan.

**Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan tahniahlah banyak program yang dilakukan. Cuma itulah di sudut kempen dan pendedahan itu terutama kepada sekolah-sekolah, agaknya berapa peratuskah yang dah pergi ke sekolah-sekolah? Ini sebab perkara ini bukan sahaja berlaku di bandar ya, kalau kita rasa di kampung itu sendiri, di FELDA ke, perkara ini, pelajar bukannya tidak tahu. Kita ingat mereka tidak tahu, tapi sebenarnya mereka tahu. Jadi macam mana pihak kementerian untuk melebarkan lagi kempen ini? Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Ya faham. Okey, Yang Berhormat Senator, itu sebab kita ada jawatankuasa bertindak dengan Kementerian Pendidikan untuk pastikan sibus Kementerian Pendidikan itu kita kena pastikan ia turun dan sampai kepada golongan kanak-kanak. Apa yang kita lihat *gap* sekarang adalah pendidikan wajib di Malaysia berhenti pada usia 12 tahun. Ini bermaksud ada golongan kanak-kanak 13 atau 14 tahun yang tidak pergi ke sekolah. Jadi golongan itu kalau kita ada sibus, kita mengajar pendidikan seks umur 15 tahun pun, golongan yang tercicir daripada sistem pendidikan, tidak akan mendapat akses kepada perkhidmatan tersebut.

Jadi kalau kita bertanya isu tentang ada tak sibus, memang Kementerian Pendidikan ada. Akan tetapi golongan tercicir itu mungkin tidak dapat dan kita kena *review* umur pendidikan ini. Akan tetapi untuk *outreach* ini, kita memang sekarang bergantung pada program *online* yang kita hendak wujudkan. Kita ada mulakan satu kempen bersama *Google* di mana kita *partner* dengan *NGO Malaysian, Against Pornography*. Kita telah wujudkan lima video sentuhan bahaya dan sentuhan selamat untuk mendidik kanak-kanak dari kosong hingga enam tahun. *Partnership* ini kita *partner* dengan *Google*, kita *advertise*, dengan izin.

Saya bagi contoh, kalau kanak-kanak suka tengok video ‘*baby shark*’. Dia klik ‘*baby shark*’, *Google* akan tengok okey ‘*baby shark*’ adalah video yang popular di kalangan kanak-kanak Malaysia, ia akan mainkan video satu minit itu untuk ajar kanak-kanak ini adalah sentuhan selamat, ini adalah sentuhan tidak selamat dan jika ada penderaan seksual, hubungi 15999. Program ini sejak kita lancarkan bulan Mei hingga Disember tahun ini, kita telah menerima *impressionnya* sembilan juta dan empat juta *views*. Jadi kita lihat kempen ini berkesan kerana sampai terus kepada kumpulan sasar kita, kanak-kanak.

Jadi walaupun saya tidak dapat masuk FELDA, setiap kawasan FELDA tetapi kalau kawasan FELDA itu ada kanak-kanak yang mainkan video popular di Malaysia, mereka akan tahu mengenai kempen satu minit ini, mereka akan tahu kita boleh *call* 15999. Jadi kita sedang pantau program ini dan kita sedang *track* sama ada panggilan kita akan meningkat. Kalau meningkat, golongan mana yang *call* kita dan kita akan pantau. Saya percaya tahun depan kita akan boleh datang ke Dewan Negara untuk *update* statistik untuk makluman Yang Berhormat Senator. Jadi *online* khusus ataupun program *online* itu adalah hala tuju masa hadapan untuk kita supaya kita sampai kepada golongan sasar yang lebih luas.

Jadi menjawab soalan Yang Berhormat Senator mengenai penjaga di pusat perlindungan, sama ada mereka dilatih atau tidak. Bagi penjaga di pusat perlindungan kita, kursus dan latihan disediakan kepada mereka secara berkala bagi memastikan mereka mampu mendidik kanak-kanak kembali bertaubat dan menjaga warganegara yang berguna. Antara kursus yang disediakan adalah kursus praktis penjagaan kanak-kanak yang mana kursus ini akan turut memberi pengiktirafan kepada penjaga pusat perlindungan yang lulus dengan jayanya memperoleh sijil kemahiran Malaysia tahap tiga.

Selain itu, penjaga di pusat perlindungan juga dibantu oleh pegawai psikologi yang turut memainkan peranan penting memberi perkhidmatan kaunseling bagi membantu kanak-kanak mengatasi masalah emosi dan psikologi serta membentuk perangai dan tingkah laku yang sesuai. Pusat perlindungan juga mempunyai pembantu hal ehwal Islam yang berperanan membantu kanak-kanak dalam aspek kerohanian dan pemulihan akhlak. Pegawai psikologi dan pembantu hal ehwal Islam turut mendapat latihan dan kursus yang disediakan berkaitan bidang masing-masing.

Di samping itu, pemantauan juga dilaksanakan di pusat perlindungan bagi memastikan program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh penjaga di pusat perlindungan, mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Kanak-kanak 2017 dan Sistem Pensijilan Kualiti (MS ISO) bagi pusat perlindungan di bawah JKM.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada semua Ahli Yang Berhormat yang menyambut perayaan ini dan Selamat Tahun Baru 2020. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Hannah Yeoh bagi pihak Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kita dengar dengan panjang lebar ceritanya, antara lain isi cerita dia, jangan kita terlanjur, tersasul. Pada dia, sesat di hujung jalan,

baliklah ke pangkal jalan. Itu maksud ayat dia tadi dan jagalah didik anak kita, waspada tentang masalah dunia hari ini. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak.

Sekarang saya jemput pula Menteri Pembangunan Usahawan.

### **3.38 ptg.**

**Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas Kementerian Pembangunan Usahawan sepanjang sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 bagi Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Ke-14, di Dewan Negara yang mulia ini.

Secara umumnya, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan peruntukan keseluruhan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan bagi tahun 2020 sebanyak RM539,810,900. Sejumlah RM325 juta akan diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan manakala RM214.3 juta untuk perbelanjaan mengurus. Dalam perbahasan Belanjawan 2020, seramai enam orang Ahli Yang Berhormat Senator telah mengambil bahagian dalam membahaskan isu-isu berkaitan dengan fungsi Kementerian Pembangunan Usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid atas saranan supaya MED lebih memberi tumpuan kepada peningkatan kemampuan usahawan-usahawan di negara ini dan sememangnya ini sedang dilaksanakan oleh MED. MED telah menggariskan strategi dan inisiatif di bawah Teras Lima, Dasar Keusahawanan Nasional 2030 untuk memantapkan keupayaan dan prestasi Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) dengan lonjakan ke tahap yang lebih tinggi melalui tambah nilai dan inovasi dalam proses produk serta perkhidmatan.

### **■1540**

Usaha ini dilaksanakan melalui aktiviti pemerkasaan usahawan mikro kecil dan sederhana dengan membekalkan kemahiran dan keupayaan melalui program bantuan yang bersasar dan latihan yang berstruktur. Selain itu penglibatan syarikat bekalan GLC melalui program pembangunan vendor yang bertanggungjawab untuk membangunkan syarikat-syarikat vendor tempatan melalui penglibatan dalam rantaian bekalan GLC.

Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menyokong serta meningkatkan kemampuan usahawan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan

adalah seperti berikut. Pertamanya ialah Program Pembangunan Vendor (PPV), menyediakan platform kepada vendor tempatan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan syarikat antara sub program di bawah PPV telah dan sedang dilaksanakan adalah Geran Penyelidikan dan Pengkomersilan Vendor (GPPV) dan Program Pembangunan Kapasiti Vendor.

Program *Business Accelerator* (BAP) yang keduanya ialah oleh *SME Corporation* bagi memenuhi keperluan PKS untuk mengguna pakai teknologi Industri 4.0. Antara elemen pembiayaan yang layak dipertimbangkan adalah pembelian lesen perisian, pembelian perisian dan peralatan dan automasi mesin serta robotik yang berkaitan. Insentif ini berbentuk geran persamaan *matching grant* sebanyak 50 peratus daripada nilai pembiayaan sehingga nilai maksimum RM400 ribu. Di bawah skim ini PKS juga boleh mendapat bantuan pinjaman mudah sehingga RM1 juta pada kadar faedah empat peratus dengan margin pembiayaan sehingga 90 peratus dan tempoh pembayaran sehingga 10 tahun.

Inisiatif yang ketiganya ialah memperkenalkan portal *MalaysiaBiz* iaitu portal sehenti yang menawarkan kemudahan pendaftaran dan permohonan lesen perniagaan yang diusahakan secara bersama oleh *SME Corporation* dengan MAMPU.

Keempatnya, memperkenalkan *ScoreXcess* yang dibangunkan oleh SME Bank bagi memudahkan proses permohonan pembiayaan menggunakan *Artificial Intelligence* (AI) dan skor kredit alternatif yang memberikan perspektif tambahan lebih baik kepada kelayakan kredit pemohon.

Kelimanya, mengadaptasikan penggunaan teknologi dan perniagaan digital melalui media sosial serta transaksi perniagaan secara e-dagang melalui latihan di bawah Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE), dengan izin, yang dilaksanakan oleh *SME Corporation*.

Keenam, *Malaysia Global Innovation and Creativity Centre* (MaGIC) turut menyediakan *School of Entrepreneurship* yang menawarkan program pembangunan kapasiti dan inovasi untuk *start up* dan usahawan bagi mewujudkan peralihan minda dan peningkatan teknologi dan yang ketujuh memperkasa gerakan koperasi bagi meningkatkan keupayaan keusahawanan dengan menyediakan program-program pembangunan kapasiti koperator oleh Institut Koperasi Malaysia (IKM) selain kursus latihan teknikal keusahawanan jangka pendek dan program berbentuk *coaching* atau *mentoring* oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

MED komited dalam usaha untuk menyediakan ekosistem keusahawanan dan turut meliputi akses kepada pembiayaan kewangan yang berstruktur dan berfokus untuk aktiviti keusahawanan di pelbagai peringkat perniagaan melalui kaedah pembiayaan konvensional,

alternatif dan kolaboratif. Antara penyediaan akses kepada pembiayaan yang disediakan adalah seperti berikut. SME Corp menerusi program Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah (SSFS) menyediakan bantuan kewangan kepada PKS Malaysia.

PKS yang layak diberi rebat dua titik peratusan ke atas kadar keuntungan yang dikenakan bagi pembiayaan yang disediakan oleh institusi kewangan yang terlibat. SSFS ini merupakan kerjasama antara *SME Corporation* dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) bersama 14 ahlinya.

Dalam usaha menggalakkan pengantarabangsaan dalam kalangan usahawan, Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) menyediakan bantuan geran bersamaan dan skim pinjaman mudah bagi membantu meningkatkan bilangan dan keupayaan eksport serta menambah bilangan PKS Bumiputera yang mampu untuk menembusi pasaran global.

Sejajar dengan matlamat kerajaan untuk membantu dan tidak meminggirkan usahawan dari golongan berpendapatan rendah B40, kementerian melalui TEKUN Nasional telah menawarkan program pembiayaan mikro secara berkumpulan seperti TEMAN TEKUN dan TemanNita dengan pembiayaan maksimum yang ditawarkan sehingga RM20 ribu dengan tempoh bayaran balik selama tiga tahun.

Manakala skim pembiayaan mikro kredit yang lain seperti TEKUN Niaga dan TEKUN Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) menawarkan pembiayaan daripada RM1,000 sehingga RM100 ribu dengan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun. Selain TEKUN, Bank Rakyat juga menawarkan kemudahan pembiayaan serta jaminan bagi menyokong pembangunan usahawan mikro seperti Modal Usahawan Kecil (MUsK) dan *Micro Enterprise Fund (MEF)*.

MED turut menjalankan kolaborasi strategik dengan *Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)*, dengan izin, yang mempunyai kepakaran khusus dalam membangunkan usahawan untuk mengadaptasi Teknologi 4.0 bagi meningkatkan kapasiti usahawan ke tahap yang lebih tinggi serta menyediakan platform kepada usahawan untuk meneroka pasaran yang lebih luas. Selain itu, MED juga telah meneroka potensi kolaborasi dengan *AirAsia*, Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB), dan *Malaysia Airlines System (MAS)* dalam usaha mengetengahkan produk PKS ke pasaran yang lebih besar. Seterusnya berkenaan isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip ada di sini?

**Beberapa Ahli:** Ada.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Ada. Isu yang amat hebat diperkatakan dahululah tidak tahulah sekarang mengenai kereta terbang atau istilah yang kita panggil hari ini yang kita panggil *super drone*. Ini istilah kereta terbang ini adalah menjadi satu naratif yang mahu mencuit minda-minda dari kalangan anak-anak muda, dari kalangan orang-orang yang berkecimpung dengan teknologi dan juga kejuruteraan.

Apa pun ia melibatkan kaedah membangunkan *air mobility*. Semantik yang kita gunakan bolehlah diterima pelbagai naratif yang boleh disenangi tetapi yang pentingnya adalah dalam teras pembangunan usahawan ataupun menjadikan Malaysia sebagai *entrepreneurship* ini adalah strategik teras membangunkan industri aeroangkasa dan juga *air mobility*. Hari ini mungkin kita lihat di negeri-negeri lain sendiri contoh helikopter mungkin menjadi satu perkara yang akan ditinggalkan belakang dan *air mobility* yang baharu ini menjadi satu *complementing industry*.

Maksudnya tadi pengangkutan *the last mile* mungkin boleh dibawa oleh *air mobility* itu sendiri. Sebagai contoh kita tidak perlulah membelanjakan berbilion Ringgit untuk mengadakan contoh di tempat pedalaman, membina jalan-jalan. Kalau kita boleh membina ataupun mengadakan ruang untuk *air mobility* itu sendiri panggillah apa saja kita hendak panggil yang penting itu kita menyediakan ruang.

Nombor satu untuk memastikan kita tidak berbelanja lebih di masa depan untuk mewujudkan infrastruktur yang mungkin untuk boleh menyelamatkan nyawa contohnya. Untuk memberikan makanan di tempat-tempat pedalaman. Inilah perkara yang kita mahu bangunkan supaya kita boleh mencuit minda-minda anak-anak muda dan juga dari bangku sekolah sekalipun untuk mereka lebih berfikiran menggunakan inovasi dan sebagainya.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Silakan.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Saya pun hendak mencelah juga terima kasih [Ketawa]

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Yang Berhormat saya terlebih dahulu hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana berfikiran jangka panjang. Dalam bacaan saya berhubung dengan saya panggil kereta terbanglah senang. Orang kampung dengar dia faham.

Dalam industri kereta terbang yang diketengahkan oleh Yang Berhormat saya melihat syarikat besar-besar *Mercedes*, kemudian di China, *EHang* telah pun menggunakan kereta terbang ini jadi perkara biasa dan saya melihat kalau kita melihat kepada pembangkang Yang Berhormat, *you* buat apa pun salah. Dulu semasa astronaut pergi ke bulan orang kampung kata

Tuan Yang di-Pertua, orang kampung kata, mana boleh pergi melawan Tuhan, tujuh petala langit, tujuh petala bumi tidak boleh pergi, fitnah.

Kemudian kita buat bendang dua kali. Di Kedah bendang dua kali saya tahu saya orang Kedah. Tidak boleh buat, mana boleh buat tanah marah. Tanah marah, tidak boleh buat tetapi buat sekarang hendak masuk tiga sudah. Orang yang membangkang dulu itu yang sekarang menyokong kutip subsidi tiap-tiap penggal padi.

■1550

Semasa hendak buat Jambatan Pulau Pinang, kalau Yang Berhormat ingat, macam-macam. Saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana berani. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, agak-agak Yang Berhormat, bila hendak mula ini kereta terbang ini? Saya teringin sangat nak naik kereta terbang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Tuan Yang di-Pertua.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Saya pula, Tuan Yang di-Pertua. Boleh, Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Soalan yang sama?

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Cerita kereta terbanglah.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Okey, silakan. Saya boleh *summarize* semua, *insya-Allah*.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya persoalkan, Yang Berhormat Menteri, bila Yang Berhormat Menteri mengutarakan idea untuk mewujudkan kereta terbang ini.

Ini kerana kita lihat Buku Anggaran Belanjawan ini, sudahlah peruntukan sekadar setengah bilion sahaja, peruntukan pembangunan RM325 juta semata-mata, kalau di dalam ini, disenaraikan untuk mengangkat taraf usahawan di negara kita. Bila kita tengok visi menjadikan keusahawanan sebagai salah satu agenda utama negara. Usahawan. Bukan inventor ya. Pencipta tidak ada. Kemudian, misi iaitu, mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif untuk menyokong agenda pembangunan keusahawanan negara yang inklusif, seimbang dan mampan. Saya tidak nampak dalam perenggan ini menunjukkan hala ke arah pembinaan kereta terbang.

Juga, kita tengok pelanggan dia. Pelanggan dia ialah usahawan atau bakal usahawan, kemudian koperasi, kemudian peniaga atau pengusaha, dan seterusnya kementerian, jabatan

atau agensi. Jadi, saya tertanya-tanya, kereta terbang ini untuk siapa? Siapa yang hendak terbang? Kalau ikut penjelasan visi, misi dan pelanggan di dalam ini, tidak nampak keperluan kereta terbang lagi, Yang Berhormat Menteri. Jadi, pada saya, memang saya persoalkanlah.

Bantulah koperasi ini. Koperasi yang banyak sakit di Malaysia ini. Itu tugas Yang Berhormat Menteri dan kementerian untuk bantu usahawan ini, pada sayalah. Lupakan kereta terbang itu dahulu dan kita tujukan kepada usahawan-usahawan supaya dia boleh lebih maju koperasi kita, hidup dan lain-lainlah. Terpulang kepada Yang Berhormat Menteri untuk memikirkannya. Terima kasih.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Yang Berhormat...

**Tuan Nga Hock Cheh:** Saya pun hendak tanya sedikit.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Boleh saya jawab dahulu ataupun sekali soalan? Okey.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Soalan relevan. Yang Berhormat Menteri, saya ingin hendak tahu untuk *this flying car, license* bawa kereta masih lagi boleh pakai kah atau *you* pakai lain punya *license*?... [Dewan ketawa]

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Saya hendak sebut ataupun hendak- Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab tadi. *Iqra'*- bacalah. Dasar Keusahawanan Nasional merangkumi enam teras strategik. Kereta terbang ini *hardly two percent of our strategic-* teras. Yang pentingnya ialah *air mobility*.

Kita kena baca apakah yang terkandung dalam dasar kita untuk membangunkan usahawan, untuk mencuit minda-minda dan untuk membuka ruang dan pelaung untuk bakal usahawan-usahawan terutamanya usahawan-usahawan muda yang amat peka tentang pembangunan teknologi ataupun inovasi di seluruh dunia. Maka kita cuma di kementerian mewujudkan satu ekosistem untuk menggalakkan mereka menggunakan inovasi ini untuk menjadi usahawan bukan sahaja di negara kita tetapi di luar negara.

Contoh, hari ini seorang usahawan, Tuan Yang di-Pertua, telah pun berusaha dan menyokong industri *air mobility* di dalam 24 negara di dunia dan telah meningkat dari segi ukuran indeks pencapaian itu kepada nombor tiga dan, *insya-Allah*, tahun depan saya dengar berita terkini, mereka akan menjadi juara dunia dalam industri mobiliti. Syarikat inilah yang sedang merangsang industri di negara kita sendiri dengan kita sendiri kerajaan sepatutnya memberi atau memudah cara kan apa sahaja bentuk inovasi yang dibangunkan yang dicetuskan oleh anak-

anak muda yang tahu akan, orang kata, itu arus pembangunan teknologi di seantero dunia. Jadi, kita tidak boleh tinggal ke belakang.

Yang lainnya, 98 peratus, kalau kita tengok dalam Dasar Keusahawanan Nasional itu sendiri adalah koperasi, latihan, contohnya *financial literacy* yang kita mahu bawa kepada terutamanya masyarakat B40 dan juga orang Melayu ataupun masyarakat bumiputera. Inilah di antara perkara yang kita ambil berat. Sebab, antara kegagalan untuk membangunkan ataupun usahawan-usahawan yang telah gagal ataupun penyertaan B40 masyarakat bumiputera yang ketinggalan dalam *entrepreneurship* ini adalah mereka ada kelemahan yang perlu kita perbaiki.

Inilah di antara, orang kata tadi, yang saya sebutkan sekali lagi, tugas-tugas kita untuk membudayakan ciri-ciri keusahawanan yang telah pun diguna pakai oleh negara-negara maju umpamanya Jepun, Turki, Korea, dan sebagainya. Kita tidak boleh mengekang segala bentuk pembangunan yang dibawa oleh usahawan-usahawan terutamanya yang muda. Merekalah yang menjadi pemimpin masa depan untuk membangunkan ekonomi negara.

Akan tetapi, kita faham, banyak di antara kita ini pengikut-pengikut yang *hesitant* yang tidak ada keyakinan kebolehan masyarakat usahawan di negara kita. Itu tidak menjadi masalah kepada kami. Itulah cabaran kepada kami untuk membuka minda kepada masyarakat yang masih lagi tertanya-tanya apakah yang perlu kita bawa dalam usaha kita untuk membangunkan usahawan ke tahap yang lebih tinggi yang telah pun dipamerkan oleh usahawan muda yang telah saya sebutkan tadi.

*Alhamdulillah*, mereka ini diberi ruang dan diberi peluang dan tidak pun menggunakan sedikit satu sen pun daripada perbelanjaan kerajaan untuk membangunkan industri ini. Mereka ini adalah *stakeholders*, pemegang taruh kepada industri yang kita sekarang mahu membawa, orang kata itu masih lagi mahu membawa di Malaysia *incorporated concept* yang kita mahu menggalakkan *private initiative* yang diterajui oleh usahawan-usahawan muda.

Mengenai soalan sama ada kita kena pakai lesen ataupun lesen kenderaan boleh bawa kereta terbang, hari ini undang-undang tidak memudahkan kita untuk membawa kereta terbang sebabnya undang-undang yang sedia ada cuma memberikan dron. Dron itu adalah *flying dummy*, dengan izin, yang tidak ada orang. Kalau saya sebutkan dron itu, dia kata Kementerian Pembangunan Usahawan hendak meletak 20 kilo punya *super drone* hendak letak orang, tidak kena juga, bukan?

Jadi, kita buat satu naratif baharu untuk memahami sedikit sebanyak seperti Yang Berhormat Senator daripada Jerlun, Kedah yang menyatakan sekarang kereta terbang pun orang

kampung boleh faham, *kindergarten* pun boleh faham tetapi yang kurang faham nampaknya orang yang berpelajaran tinggi. Itu tidak menjadi masalah. Itu satu cabaran untuk kita terus mengembangkan atau membangunkan idea-idea ini supaya kita boleh berkecimpung dalam industri itu sendiri...

**Dato' Zahari bin Sarip:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Hendak celah lagi?.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Ya. Mohon dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang dibangkitkan. Saya ada dua soalan.

Soalan pertama ada kaitan dengan apa yang saya bangkit iaitu ada tiga. Pertama, untuk direkodkan, adakah benar apa yang bakal diterbangkan nanti berbeza dengan yang dipamerkan di LIMA? Pertama.

Kedua, berapa nilai sebenar hari ini? Ketiganya adalah sebenarnya ia hasil daripada anak tempatan atau luar? Itu yang pertama.

Soalan kedua saya, Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan Yang Berhormat sebut tentang mencuit. Yang Berhormat sebut tadi idea ini ialah untuk mencuit minda anak muda khasnya di sekolah. Saya dengar tadi ada berbagai-bagai inisiatif dan perkara-perkara yang dibawa oleh kementerian. Saya pernah bangkitkan persoalan ini di Dewan ini untuk Kementerian Pendidikan tetapi Kementerian Pendidikan kata tidak ada peruntukan dan sebagainya.

Jadi, saya hendak tanya pendapat dan pandangan Yang Berhormat Menteri. Di sekolah, ada pertandingan-pertandingan inovasi dan mereka menghasilkan pelbagai hasil-hasil baharu yang bukan sahaja diketengahkan di peringkat kebangsaan malah pernah menang di peringkat antarabangsa. Di tempat saya sendiri ada sekolah yang menghasilkan pelbagai hasil-hasil yang baharu. Akan tetapi, sayangnya, setiap tahun pertandingan baharu, hasil baharu akan dibuat. Makna, hasil-hasil yang setiap tahun dihasilkan mati begitu sahaja.

Jadi, adakah kementerian boleh mengambil ini sebagai salah satu perkara yang boleh kementerian bangunkan hasil daripada idea anak sekolah dan mungkin di peringkat muda? Terima kasih.

## ■1600

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya hendak juga sentuh bilakah kereta itu boleh terbang? Kita sebenarnya sudah ketinggalan ke belakang. Di Singapura, dia orang pun dah *start-kan flying taxi*, di Dubai *insya-Allah* bulan Februari, dia akan lancarkan *flying taxi*. Di *United States*, di California mereka pun lancarkan kereta teksi.

Pada 2022 *World Cup*, pembukaan rasmi *World Cup* akan dibawa oleh Emir daripada Qatar dengan membawa kereta terbang turun ke stadium. Di *Germany*, dia ada *Volocopter*. *Airbus* pun telah melancarkan kereta terbang dan *insya-Allah* kita dalam usaha kerjasama dengan pelbagai syarikat sedang merancang untuk mengadakan *the first international exposition and conference in air mobility*. Jadi, kita kena sama searus dengan pembangunan dunia. Kita tidak mahu ketinggalan belakang. Kalau disebutkan tadi, apa yang dibangunkan adalah daripada pemimpin *air mobility* yang duduknya di 24 negara. Mereka mahu memimpin industri *air mobility* di sini dari sudut *private initiative*, persendirian.

Jadinya, kita hari ini masih belum ada undang-undang ataupun ruang untuk mereka mengembang. Kalau dibezaan yang disebutkan tadi adakah ciptaan anak tempatan ataupun ciptaan daripada anak luar negara. Saya sebutkan tadi ini telah pun berlaku di mana-mana sahaja. Sama ada kita hendak memulakan dengan ciptaan kita sendiri ataupun kita mengguna pakai dan menambah baik ciptaan dari luar.

Di China contohnya, sudah menjadi perkara biasa untuk mereka melihat *flying objects*. Akan tetapi belum ada yang kita lihat, membawa penumpang. Jadi, di Malaysia apakah *narrative* yang perlu kita bawa? Kembali kepada isu kereta terbang, kita boleh panggil juga *autonomous passenger aerial vehicle* dan Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir baru-baru ini ada menyatakan tidak apa lah kita panggil *super drone*. *Super drone* maksudnya tadi menggunakan *drone* teknologi yang boleh- ada pelbagai teknologi yang kita boleh terbang.

Kalau dahulu, kalau kapal laut orang kata kapal, orang panggil kapal terbang iaitu pesawat udara. Begitu lama untuk orang-orang hendak memikirkan kapal boleh terbang, hari ini kereta hendak terbang. Sebenarnya bukan kereta di jalan yang hendak terbang, penggunaan teknologi itu sendiri untuk membawa satu industri yang kita sebutkan *air mobility*.

Dari sudut apa yang dipamerkan di Langkawi, itu adalah satu *showcase* yang mempamerkan satu kenderaan yang boleh terbang, yang digelar *Vector*. Ini dimajukan oleh anak tempatan juga dan sedang dibuat di negara Jepun sebab industri itu tiada di Malaysia dan *insya-Allah* mereka sedang menguruskan kemasukan kenderaan itu ke Malaysia dalam masa terdekat. Di China mereka telah ke depan. *EHang* datang sini sebagai *private initiative* menyatakan hasrat untuk mewujudkan pembuatan *EHang* itu dalam apa yang disebutkan dalam surat khabar untuk dibawa di Malaysia dan boleh mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 2,000 orang.

Ini adalah laporan yang kami terima dan juga dalam perbincangan untuk mendapat kontrak pembekalan kepada negara Indonesia dan juga Maldives sebanyak 10 ribu unit satu tahun untuk

kegunaan dalam industri-industri atau sektor-sektor yang strategik, sektor perubatan, pengangkutan antara pulau-pulau untuk pelancongan dan sebagainya. Ini perkara kita tidak boleh biarkan dan kita menggalakkan mereka ini untuk datang membuat *EHang* ataupun serupa di negara kita. Tujuannya adalah membangunkan usahawan sekeliling ekosistem itu sendiri.

Jadi, saya harap Dewan yang mulia ini telah mendapat sedikit pencerahan dan sekiranya perlu kita mahu menjawab dengan lebih *detailed*, kita bolehlah menjawab secara bertulis sebab banyak fakta-fakta ataupun *details* yang perlu kita beritahu kepada masyarakat demi untuk menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit. Ingin saya ingatkan lah, kita ini berpolitik. Kemudian, hendakkan undi daripada pengundi. Pada tahun 2023 *insya-Allah* kita akan ada pilihan raya. Keperluan kereta terbang tidak ada dalam buku ini, kita tidak perlu tunaikan.

Jadi, apa yang berlaku di Tanjung Piai, di kalangan kita dituntut apa yang kita janjikan ini. Akan tetapi kalau kita tumpukan kepada aktiviti yang tidak memenuhi janji ini, rakyat akan hukum kita. Jadi, saya minta Menteri pertimbangkan sedikitlah, penuhi apa yang ada di dalam buku ini dahulu sebelum kita terbang dengan kereta terbang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Saya rasa kereta terbang ini banyak dipermainkan atau dipolitikkan. Akan tetapi kita tidak boleh lepas pandang. Saya sebagai Menteri memang akan terus, terus akan memajukan dan membantu untuk memajukan industri ini. Walaupun kita hari ini berhadapan dengan beberapa cabaran untuk memenuhi manifesto yang Yang Berhormat sebutkan tadi, kita tidak boleh tinggal ke belakang. Itu Kementerian Pembangunan Usahawan, kita akan terus memajukan atau membantu memudah cara membangunkan industri ini. Kalau tidak kita akan ketinggalan belakang dan kita akan terlepas peluang terutamanya dari negara jiran.

Saya juga sukacita Tuan Yang di-Pertua, berkongsi selepas Singapura melancarkan *flying taxi*, mereka telah membuat perjumpaan dengan negara kita menerusi kementerian untuk bercadang apa kata Malaysia contohnya kalau kita tidak berbelanja beratus juta ringgit untuk membuat jambatan ketiga. Kenapa kita tidak buat ruang *virtual* di mana di situ lah kereta terbang ataupun *super drone* ini akan melalui mengangkut penumpang-penumpang antara *hub Singapore* dengan *hub Johor Bahru*. Ini idea bukan bermakna kita mahu terima tetapi itulah dia pembawaikan yang dibawa ataupun idea-idea yang dibawa oleh negara jiran. Kita tidak mahu ketinggalan

belakang menjadi pengikut dan kita menjadi antara pemimpin-pemimpin kalau kita mahu menjadi negara keusahawanan 2030.

Izinkan saya teruskan dengan penggulungan ini. Saya tutuplah. Melalui pembangunan industri *air mobility*, hendak tutup *air mobility* ini, hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar dan bukan lagi negara pengguna akan dapat dicapai dan dimanifestasikan sejajar dengan Malaysia baharu yang lebih fokus kepada pembangunan teknologi dan inovasi. Industri *air mobility* akan berpaksikan pengalaman syarikat tempatan yang akan memainkan peranan penting dalam membangunkan ekosistem selari dengan trend pasaran dunia. Saya sebutkan sekali lagi, ianya akan membuka peluang transformasi teknologi dan inovasi bagi generasi baharu ke arah industri mobiliti serta mempertingkatkan program pembangunan vendor tempatan dan membuka peluang bagi usahawan-usahawan tempatan.

Peranan kementerian adalah untuk menyokong dan memudah cara, disebutkan sekali lagi. Pembangunan usahawan PKS yang berinovasi tinggi selaras dengan kita punya dasar. Dasar Keusahawanan Negara 2030 di bawah strategik kelima untuk memperluaskan sektor berpotensi utama dalam industri pertumbuhan tinggi seperti aeroangkasa, automatif, rel, tenaga boleh diperbaharui iaitu *renewable energy*, peranti perubatan, bioteknologi dan industri halal. Pada tahun 2016, forum ekonomi dunia menjangkakan *air mobility* akan dijadikan mode utama pengangkutan menjelang tahun 2030 dan laporan PricewaterhouseCoopers menganggarkan bahawa nilai industri mobiliti udara ini dijangka meningkat sebanyak USD127 bilion menjelang tahun 2020.

Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip berkenaan perbezaan tadi kereta terbang di LIMA berbanding dengan kereta yang kita pamerkan, itu adalah inisiatif persendirian yang dibawa oleh anak tempatan tetapi saya sebutkan sekali lagi, untuk membuat Malaysia sebagai pangkalan pembuatan atau *super drone* itu tadi untuk dipasarkan ke luar negara. Terdapat ada empat syarikat di dalam negara kita yang kita telah nilai yang mampu untuk membangunkan atau bersama kita sebagai pemegang taruh dalam industri *air mobility* itu terdapat syarikat tempatan seperti Aerodyne, Fourfang dan Strand...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** ...Mempunyai keupayaan yang berkepakaran dalam industri *drone*...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** ...As *air service*.

■1610

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, maaf. Sekejap ya.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon teruskan penggulungan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Sekali lagi saya mohon untuk memaklumkan bahawa kedua-dua projek yang kita dengar daripada media diterajui oleh sektor swasta iaitu *Aerodyne* dan juga *EHang* tadi dan ia melibatkan operator-operator yang berkecimpung dalam industri udara itu sendiri. Contohnya, *Weststar* dan sebagainya dan projek ini tidak melibatkan sebarang peruntukan atau tanggungan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan atau mana-mana kementerian sekalipun. Sebagai kementerian yang menerajui pembangunan keusahawanan, MED telah dan akan terus menyokong dan memudah cara pembangunan usahawan PKS yang berpotensi tinggi selaras dengan DKN 2030.

Saya ingin meneruskan dengan jawapan sekiranya ada Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Sudah jawab tadi ya. Perkara yang sama tetapi ditambahkan juga Yang Berhormat Senator telah membangkitkan isu mengenai kurangnya sokongan dan dokongan kerajaan untuk membawa dan membuka pasaran halal di persada antarabangsa. Yang Berhormat Senator juga menyatakan bahawa MED meneroka pasaran *Malay Halal Kitchen* di luar negara agar produk makanan usahawan Melayu di perkasa di samping mengharapkan supaya MED dan MITI melalui MATRADE bergandingan tangan secara serius menyasarkan *Malay Halal Kitchen* antarabangsa segera pada tahun 2020.

Di sini saya rasa kita ada berbeza pendapat. Apabila kita sebut halal mana-mana kita pergi, kita mahu membangunkan halal atas kekuatan kita, atas kekuatan contohnya kekuatan JAKIM itu sendiri. Kita tidak mahu jual nasi lemak di negara Jepun. Kita mahu menjual onigiri halal di Jepun sebab di situ lah pasaran yang kita perlu kita terokai.

Jadi, kalau kita lihat pembawakan kita dari segi pembangunan usahawan untuk mengetengahkan proses itu sendiri untuk negara-negara menggunakan produk halal untuk negara itu sendiri ataupun di samping untuk menjual makanan masakan Melayu dan sebagainya di luar negara. Pasaran terhad sekiranya kalau kita, contoh mahu menjual kari versi daripada orang Melayu. Di Jepun hari ini contohnya mereka telah mengeluarkan halal kari versi mereka sendiri.

Jadi kita kena bersaing tetapi dengan pembawakan kaedah halal yang dibawa oleh JAKIM. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat Senator, saya ingin memaklumkan bahawa baru-baru ini MED telah diberi tanggungjawab baru di bawah Majlis Pembangunan Industri Halal untuk membangunkan industri halal tempatan dengan fokus kepada inovasi, pembangunan produk dan perkhidmatan halal dalam ekosistem keusahawanan yang berdaya saing menerusi keputusan Jemaah Menteri pada 21 Ogos 2019.

Melalui peranan baru ini, kementerian akan menyusun semula strategi, menyelaras inisiatif dan menggerakkan kekuatan setiap kementerian yang mempunyai kepentingan dalam pembangunan industri halal secara bersama.

Selaras dengan itu, MED sentiasa terbuka untuk membantu usahawan dalam mencebur industri halal bagi pasaran tempatan hingga ke pasaran global. Ini melihat kepada potensi industri halal dan saiz pasaran dengan permintaan produk halal yang sedang meningkat dalam pasaran di seluruh dunia.

Antara usaha yang dilaksanakan oleh MED adalah seperti berikut; Penyediaan latihan kemahiran khusus kepada usahawan yang mempunyai fokus kepada kawalan mutu, reka bentuk dan penjenamaan yang memenuhi standard antarabangsa seperti Program *Going Export* atau pun *Go-Ex*, dengan izin; bantuan geran persamaan dan Skim Pinjaman Mudah disediakan bagi membantu meningkatkan bilangan dan keupayaan eksport serta menambah bilangan PKS yang mampu untuk menembusi pasaran global seperti Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB).

Pada masa yang sama bagi mempergiatkan Promosi Industri Halal Malaysia, MED melalui sinergi pelbagai kementerian dan agensi akan melaksanakan Program Malaysia Street Festival 2020 sempena Sukan Olimpik dan Paralimpik 2020 di Tokyo. Program ini bertujuan untuk mempromosi dan memasarkan produk halal Malaysia sebagai semasa acara sukan ini berlangsung dengan anggaran sejumlah 40 juta pelancong termasuk sejumlah lapan juta pelancong beragama Islam dalam tempoh tersebut.

Program ini disasarkan untuk membina dan mengukuh jenama halal Malaysia di pasaran Jepun. *Malaysia Street Festival 2020* akan diadakan dalam kawasan terbuka dengan konsep festival melibatkan aktiviti pameran dan jualan runcit produk halal Malaysia. Ia akan menawarkan makanan halal Malaysia dalam pelbagai kategori terdiri daripada makanan ringan sehinggalah kepada makanan *ready to eat*, dengan izin, kepada pengunjung-pengunjung. Selain jualan produk makanan, kempen *Visit Malaysia 2020* dan promosi pelancongan akan dipergiatkan bagi menarik kehadiran pelancong ke dalam negara pada tahun hadapan.

Selain itu, sesi pemadanan perniagaan juga akan diatur dengan pasar raya besar dan rangkaian peruncitan ternama Jepun sepanjang tempoh penganjuran *Malaysia Street Festival 2020* yang akan diatur bersama pihak MATRADE di Jepun.

Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Tidak ada. Akan tetapi untuk makluman SKM iaitu pertanyaan mengenai Suruhanjaya Koperasi Malaysia. SKM sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Orang Asli dalam pelbagai program pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli melalui koperasi. Ia bermula dengan program pendedahan dan pembudayaan keusahawanan koperasi, pendaftaran koperasi, latihan hingga pembangunan perniagaan koperasi.

Seterusnya, saya ingin menjawab sekiranya ada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohan A/L Thangarasu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Tidak ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri boleh bagi secara bertulis.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Ya, boleh bagi secara bertulis *insya-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Ada juga yang saya terima dan saya dengar cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook, saya rasa sudah bersara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya betul.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Jadi, saya kira semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semasa sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020

bagi Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Ke-14, Dewan Negara yang menyentuh bidang kuasa MED telah pun saya jawab.

Pihak kementerian tentunya akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator agar industri keusahawanan negara kita terus kukuh, berdaya saing dan makmur. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai kementerian. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Kementerian Industri Utama.

#### **4.18 ptg.**

**Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan isu dan pandangan berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Industri Utama dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 di Dewan yang mulia ini.

Kementerian juga merakamkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan 2020 bertemakan Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama melalui rang undang-undang tersebut pada 11 Oktober 2019 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan Perbekalan 2020 yang dicadangkan ini, MPI diperuntukkan sebanyak RM670.15 juta sahaja iaitu sejumlah RM259.52 juta untuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM410.62 juta. MPI menerima peningkatan sebanyak 32.19 peratus berbanding peruntukan pada tahun lepas.

Sektor agrokomoditi yang ketika ini meliputi industri sawit, getah, kayu kayan, koko, lada dan kenaf adalah salah satu penyumbang utama kepada pendapatan eksport dan pemangkin yang signifikan kepada pembangunan sosioekonomi negara.

#### **■1620**

Pada tempoh Januari hingga Oktober tahun ini, nilai eksport sektor ini adalah sebanyak RM103.5 bilion atau 12.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kementerian merakamkan ucapan terima kasih kepada lima orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu dasar berkaitan sektor agrokomoditi serta cadangan dan pandangan untuk menambah baik perkara-perkara berkaitan bidang kuasa Kementerian Industri Utama di dalam perbahasan.

Bagi Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen memohon penjelasan adakah RM435 per tan adalah pendapatan bersih bagi pekebun kecil yang menjual buah tandan segar. Tuan Yang di-Pertua, saya mesti kata saya hairan dengan pertanyaan seperti ini tetapi saya cuba jawablah. Harga buah tandan segar yang dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) setiap hari adalah harga rujukan mengikut kawasan dan mengikut gred yang ditetapkan oleh MPOB. Harga tersebut adalah panduan untuk melaksanakan urus niaga berdasarkan faktor permintaan dan penawaran di kawasan yang terlibat.

Para pekebun kecil boleh menggunakan harga yang dikeluarkan sebagai panduan untuk urusan jual beli setiap hari. Oleh itu harga yang dikeluarkan oleh MPOB tersebut bukanlah menunjukkan pendapatan bersih pekebun kecil dan juga kita harus tahu yang minyak sawit adalah komoditi. Ia berubah tiap-tiap hari dan kadang-kadang waktu pagi satu harga, petang juga satu harga juga ia bergantung pada kawasan. Jadi, harga di kawasan Sabah mungkin berbeza dengan harga di Johor Bahru. Ini adalah apa yang saya boleh katakan. Jadi, pertanyaan adakah RM435 per tan adalah pendapatan bersih ini menunjukkan Yang Berhormat Senator ini kurang tahu tentang yang industri sawit ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen juga membangkitkan isu berkaitan sasaran perjanjian persefahaman dengan syarikat rantai bekalan China dan India untuk merangsang eksport komoditi kelapa sawit. Perjanjian dan usaha sama yang dijalankan bersama beberapa negara termasuk China, India dan negara lain adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memastikan permintaan minyak sawit dan produk berasaskan sawit terus kekal bertambah pada masa depan dan ini juga merupakan usaha yang mana kita menembusi pasaran-pasaran di negara China dan India.

Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, harga minyak sawit mentah adalah bergantung pada faktor seperti pertumbuhan ekonomi, permintaan dan penawaran serta jumlah stok minyak sawit oleh negara-negara pengeluar terutamanya Indonesia yang merupakan pengeluaran terbesar minyak sawit dunia.

Faktor lain yang turut menyumbang kepada turun naik harga minyak sawit CPO adalah pergerakan harga minyak kacang soya di pasaran antarabangsa. Ini kerana minyak kacang soya adalah barang pengganti kepada minyak sawit. Selain itu pergerakan nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat juga menyumbang kepada turun naik harga CPO di pasaran tempatan. Dalam hal ini, kerajaan menjangkakan impak positif terhadap harga

sawit hasil daripada usaha drastik yang telah dan sedang dijalankan. Pada masa kini trend harga sawit menunjukkan peningkatan.

Harga minyak sawit mentah pada 16 Disember tahun ini adalah RM2,831 berbanding dengan harga terendah di rekodkan pada bulan Disember 2018 ialah RM1,722.50. Jadi ini peningkatan sebanyak RM1,100 setiap metrik tan. Bila harga jatuh Yang Berhormat mengkritik saya, tapi bila harga sawit naik tidak ada orang puji saya. Ini menunjukkan saya tidak perlu puji, saya hanya kata yang mereka dulu kritik saya itu tidak betul kerana minyak sawit adalah komoditi ia naik turun, naik turun tiap-tiap hari dan juga tiap-tiap bulan. Jadi apabila sekarang harga naik kerana stok pengeluaran telah pun menurun.

Kenapa ia menurun kerana Indonesia akan melaksanakan B30 Biodiesel Program pada tahun depan di Indonesia dan juga bagi Malaysia kita juga akan melaksanakan B20 Biodiesel secara peringkat di seluruh negara. Dengan pengamalan pelaksanaan Program Biodiesel kita akan menggunakan lebih banyak minyak sawit, jadi stok akan turun. Itu sebab harga meningkat. Ini satu maklumat kepada ke semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, hendak puji, hendak puji.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah puji.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tidak apa hendak puji.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sudah cakap tidak payah puji.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tidak apa, itu hari semasa harga turun saya tidak marah pun. Saya kata kenapa tidak letakkan satu harga siling ataupun harga lantai supaya pekebun-pekebun kecil ini dapat jaminan bahawa harga sawit itu tidak terlalu rendah sehingga tidak balik modal apabila mengusahakan sawit. Untuk sebagaimana yang dikatakan tadi, harga sawit bergantung pada permintaan dan bekalan. Yang Berhormat Menteri mengatakan Indonesia merupakan pengeluar sawit yang terbesar.

Tidak bolehkah kita adakan satu pakatan pedagang seperti OPAC yang mengawal keluaran sawit supaya harga itu boleh kita kawal?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak puji pun.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Memang tidak puji dia tidak hendak puji, saya tidak puji. Saya cakap sahaja nak puji tetapi saya tidak pujilah fasal dia tidak hendak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Okey sebenarnya yang saya dalam mesyuarat pada bulan lepas, bila kita ada mesyuarat di antara menteri negara pengeluar minyak sawit, saya memang pernah membangkitkan cadangan ini kepada pihak Indonesia. Saya kata kepada Menteri Indonesia, saya kata Malaysia dan Indonesia dua-dua campur sekali, kita adalah pengeluar minyak sawit sebanyak 85 peratus jumlah pengeluaran sawit dunia. Jadi, apa yang berlaku sekarang ialah kedua-dua negara yang kita punya syarikat kita bersaing dan selalunya mereka suka bagi harga yang jauh lebih rendah daripada harga Malaysia.

Saya kata kalau macam ini sebenarnya negara jiran kita tidak untung yang pekebun kecil sawit lagi susah. Saya kata kita haruslah tetapkan satu apa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Harga lantai.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kalau hendak sebut harga lantai, macam mana rendah pun tidak boleh rendah macam di bawah RM2,000 misalnya. Mungkin kita perlu ada sistem ini supaya walaupun bila harga jatuh, tidak jatuh terlalu rendah macam apa yang berlaku pada tahun lepas. Jadi oleh sebab menteri itu menteri baharu jadi dia dengarlah. Saya juga ada pernah bangkitkan ini dalam satu seminar kita kata *post talk*. Itu yang mana kita jemput syarikat peladang sawit di Indonesia dan juga Malaysia sama-sama berada dalam satu forum dan kita jemput CEO mereka semua naik jadi penceramah.

Saya juga bangkitkan ini saya kata kita mungkin dua-dua pihak, kita haruslah di antara CEO-CEO dan juga pengurusan atasannya mungkin perlu ada lebih pergaulan supaya macam mana bersaing pun kita jangan turun terlalu banyak harga minyak sawit supaya kerana apa yang berlaku ialah kita sebagai negara pengeluar sawit kita susah dan pembeli itu untung. Jadi saya memang sudah bangkitkan isu seperti yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator ini kita memang ada frekuensi yang sama, okey kita dengarlah. Saya tidak boleh buat apa-apa selagi pihak negara jiran kita ini, *you know* setujulah, tidak setujulah.

**Datuk Lim Pay Hen:** Mohon mencelah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Mencelah lagi. Okey.

**Datuk Lim Pay Hen:** Yang Berhormat Menteri, saya ingin puji atas usaha Yang Berhormat Menteri supaya harga minyak sawit sudah naik daripada RM2,831 pada bulan Disember 2019 kalau banding dengan bulan yang sama pada tahun 2018. Pada beberapa bulan yang lalu harga minyak sawit itu dikatakan turun sehingga pekebun kecil itu merasa pahit kerana pendapatan

yang mereka dapat itu tidak dapat menampung segala perbelanjaan baja dan racun. Jadi kementerian Yang Berhormat itu menggalakkan supaya pekerja-pekerja itu menanam buluh, menanam nanas. Saya hendak tanya adakah perancangan itu masih dikekalkan atau masih diteruskan. Ini kerana kawan-kawan saya ada yang kalau tengok kawan dia di sebelah itu menanam Musang King itu dengan mendapat pendapatan yang lebih lumayan, dia sudah potong dia punya pokok kelapa sawit itu. Jadi apakah rancangan kementerian untuk membantu pekebun kecil seperti ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1630

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang, yang ini kita panggil ini *inter cropping* atau penanaman campuran dan juga penternakan yang mana kita juga menggalakkan penanam sawit kita ini juga macam menternak kambing, lembu dan sebagainya dan juga menanam macam nanas, sayur-sayuran atau apa-apa yang boleh menambahkan pendapatan mereka kerana hari ini harga sudah sampai hampir RM2,900 satu metrik tan.

Akan tetapi kita tidak tahu bulan depan sama ada dia akan jatuh lagi kerana komoditi ini memang ada naik dan ada turun. Jadi apa yang pekebun kecil, apa yang mereka perlu adalah pendapatan yang stabil. Kalau yang stabil tidak boleh hanya bergantung kepada satu jenis tanaman atau *mono crop* sahaja.

Jadi kementerian saya sedang bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) yang mana kita sudah bertemu dan dua-dua pihak, kementerian saya dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga bersetuju bekerjasama. Kita hendak lihat macam mana kita boleh gunakan yang program *inter cropping*, penanaman campuran yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani itu boleh diguna pakai untuk pekebun kecil sawit.

Sebenarnya saya telah pun minta pegawai MPOB pergi mengenal pasti kawasan dan juga pekebun kecil yang mana boleh menjalankan penanaman campuran ini. Semua ini tengah diadakan. Memang kita akan teruskan supaya kalau tahun depan harga minyak sawit jatuh lagi, ia tidak menjaskan pendapatan pekebun sawit kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit tentang....

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Yang Berhormat Menteri boleh mencelah ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Lagi ya. Perkara yang sama?

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Perkara sama.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Manolan, sekejap. Yang Berhormat Laksamana tadi yang minta harga lantai, kalau turun dari harga lantai, itu untuk kerajaan subsidi? Itu yang kena cakap dengan Yang Berhormat Menteri.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, nanti jawapan di luar Dewan lah.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Manolan.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan harga sawit, sekarang ini memang saya pun ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana harga sawit yang di kilang sekarang ini sudah naik. Empat bulan lepas ada sampai RM300, RM400 dan sekarang ini sampai RM600 satu tan harga di kilang tetapi apa yang saya tengok Yang Berhormat Menteri, di kilang ini dia ada dipanggil KPG-Kadar Perahan Gred, berbeza-beza mengikut kilang. Walaupun sawit itu yang sama, maksudnya daripada ladang yang sama tetapi kilang A ini, KPG dia rendah dibandingkan dengan kilang B. Tapi kenapa KPG ini berbeza-beza...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak selaras.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tidak selaras dan sedangkan ladang itu daripada ladang yang sama, buah yang sama tapi KPG dia berbeza dan pernah dulu semasa pembangkang, kami pernah menghantar ke lab dan kita tengok kadar perahan buah ini sebenarnya berapa dan pada masa itu sampai 26 KPG perahan dia tetapi sekarang ini masih nampaknya dalam sekitar 19 ke 20 dan apakah pihak kementerian bercadang untuk menyelaraskan KPG ini supaya bila KPG ini naik, menyebabkan harga per tan sawit itu akan meningkat juga. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya mengakui kerana bila saya turun padang kerana program Jelajah MSPO, saya bertemu dengan pekebun kecil di

banyak tempat. Ada yang mengadu kepada saya. Ada yang tempat-tempat tertentu ada aduan seperti ini.

Jadi sebenarnya pada waktu ini saya hendak terus terang mungkin kita tidak dapat buat apa-apa. Saya hanya boleh minta mereka buat aduan secara bertulis dan supaya kita ada alasan minta pegawai Tunas, MPOB pergi siasat dan apa yang saya cuba galakkan ialah saya sudah bincang dengan pihak MPOB, mungkin kita perlu tubuhkan lebih koperasi, koperasi di kalangan pekebun sawit kerana supaya mereka tidak terlalu serius diperah oleh kilang sawit dan juga oleh orang tengah.

Jadi pada tahun ini MPOB mempunyai rancangan untuk menubuhkan 10 koperasi ya, 10 koperasi yang mana pada tahun depan saya berharap lebih akan ditubuhkan yang mana MPOB akan melantik pegawai Tunas mereka jadi pengurus dan kita kata ini *hand holding* dengan pekebun sawit dan buat apa yang betul kerana bukan semua pekebun sawit tahu macam mana menguruskan koperasi. Jadi ini salah satu cara kita hendak lihat macam mana kita boleh stabilkan harga dan menjamin mereka dapat pendapatan yang lebih tinggi.

Berkenaan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, sebenarnya kualiti FLP itu, buah tandan segar itu, kadar perahan bergantung kepada kualiti buah tandan segar dan ini saya hendak mengakui adakala yang FLP yang sama pergi ke kilang ini, dia dapat harga berlainan, pergi ke sana dapat harga yang berlainan kerana ada yang kata ini gred A kah, gred B kah, gred C kah. Ini semua terlalu bergantung kepada kilang sawit.

Jadi pada waktu ini, apa yang saya boleh fikir, yang boleh bantu mereka ialah tubuhkan koperasi. Mungkin Yang Berhormat boleh juga tolong bagi di sesetengah kawasan tertentu untuk lihat macam mana kita boleh membantu mereka lebih tetapi kalau mereka dapat menunjukkan bukti, kilang-kilang sawit tertentu memang memerahkan pekebun sawit...

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Yang Berhormat Menteri...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Mungkin kita boleh ambil tindakanlah tetapi mesti ada bukti.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Yang Berhormat Menteri, dia bukti dia kalau peladang-peladang ini pergi jual di kilang tersebut sudah memang di dalam resit itu sudah ditulis. Jadi saya rasa untuk hendak bukti itu mudah saja. Yang Berhormat Menteri boleh pergi ke kilang-kilang ini, ke kilang sawit FELDA ini, kita..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah beri tahu kalau ada aduan, dia akan hantar pegawai.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Okey, saya minta pekebun kecil buat aduan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membantu. Ya, saya akui...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sekejap. Kita ada tujuh jam lagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah minta masa dari semua kementerian. So, kalau yang soalan itu betul-betul munasabah, saya akan benarkan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang pengurus kilang sawit boleh *argue* ialah apa yang dibentangkan kepada mereka buah tandan segar itu, ini gred B kah, gred C dan kurang bermutu. Mereka semua ini ada cara mereka untuk *argue* tentang bila kita menuding jari kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut tentang Skim Pembiayaan Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat dan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan berkenaan isu ini. Skim ini merangkumi keperluan terkini para pekebun kecil sawit dalam melaksanakan aktiviti penanaman semula. Skim ini juga terbuka kepada mereka yang layak iaitu yang mempunyai pokok sawit berumur lebih 25 tahun dan ke atas dengan keluasan maksimum 6.5 hektar.

Kerajaan sememangnya prihatin dengan situasi yang dialami oleh pekebun kecil sawit terutamanya ketika harga yang tidak menentu. Mengikut perangkaan, pekebun kecil sawit dalam kelompok penanaman semula yang telah menanam sawit lebih 25 tahun mempunyai keupayaan untuk melaksanakan aktiviti tanaman dengan bantuan minimum kerajaan berbanding dengan kumpulan sasaran lain.

Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta dalam Belanjawan tahun 2020 bagi membiayai skim ini. Bagi memastikan skim ini memberi manfaat kepada ramai pekebun kecil, kelonggaran telah diberikan di mana tiada syarat dikenakan untuk pekebun mencari penjamin dan cagaran serta bayaran semula. Hanya perlu dibuat pada tahun kelima selepas pokok mengeluarkan hasil dengan kadar ansuran bayaran balik pembiayaan yang minimum.

Ini bermakna empat tahun pertama selepas pokok ditanam, peminjam tidak dikenakan sebarang bayaran ataupun *moratorium periode* ini dan bayaran pertama hanya bermula pada tahun kelima setelah pokok sawit ditanam membawa hasil.

**■1640**

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat dan Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip juga membangkitkan isu berkaitan langkah-langkah proaktif dan inovatif yang diambil untuk menstabilkan harga komoditi sawit dan getah. Menyedari hakikat cabaran harga komoditi ketika ini, pihak kementerian sentiasa meneroka pasaran baharu sebagai salah satu usaha bagi menstabilkan harga komoditi negara. Antara pasaran baharu yang telah diterokai ialah Afrika, Turki, Mesir, Iran, Maghribi, Colombia, dan sebagainya melalui beberapa siri misi ekonomi pelaburan dan teknikal serta mesyuarat.

Kementerian yakin hubungan mesra dan akrab dengan negara-negara ini akan memudahkan produk komoditi mendapat akses pasaran yang lebih luas di negara-negara tersebut. Bagi komoditi sawit, beberapa tindakan segera sedang diambil bagi menstabilkan harga komoditi ini. Antara langkah serta-merta yang telah dilaksanakan oleh kementerian adalah melalui peningkatan adunan bio bahan api sawit dengan diesel petroleum dari program B7 kepada B10 bagi sektor pengangkutan bertujuan untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit dan pelaksanaannya adalah mandatori mulai Februari tahun ini.

Jadi, seperti apa yang saya katakan yang program ini akan menggunakan sawit sebanyak 761 ribu tan satu tahun. Kita akan melaksanakan program bio diesel B20 pada tahun depan secara berperingkat. Jadi pada masa yang sama, kita akan teruskan strategi jangka panjang bagi mengukuhkan harga sawit yang merangkumi tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menjamin kelestarian produk sawit di samping meningkatkan nilai tambah produk sawit;
- (ii) meningkatkan akses pasaran dan seterusnya peningkatan penggunaan minyak sawit di kalangan pengguna di negara-negara pengimpor melalui rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan rundingan pelbagai hala atau serantau;
- (iii) menjadikan skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) mandatori pada Januari tahun depan sebagai langkah untuk membuka akses pasaran yang lebih luas. Pada Januari tahun depan, sebagai langkah untuk membuka akses pasaran yang lebih luas bagi pasaran minyak sawit mampan Malaysia di negara-negara pengimpor; dan

- (iv) menjalankan kerjasama dengan Indonesia menerusi penubuhan *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) yang bertujuan untuk membolehkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pengukuhan harga dilaksanakan.

Seperti komoditi yang lain, getah asli adalah berorientasikan eksport dan harganya ditentukan oleh permintaan dan penawaran di pasaran antarabangsa dan tidak dikawal oleh kerajaan. Harga getah sekerap semenanjung di peringkat ladang pada 2 April 2018 ialah RM1.90 sekilogram dan kini telah meningkat RM2.30 sekilogram pada 17 Disember tahun ini. Namun begitu, kerajaan akan tetap berusaha untuk menstabilkan harga komoditi getah dari masa ke semasa.

Antara usaha kerajaan adalah dengan meneruskan kerjasama dengan negara-negara pengeluar utama getah seperti Thailand dan Indonesia, di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) bagi memperkuatkan harga getah. Di bawah kerjasama ini, syer pengeluaran ketiga-tiga negara ini adalah 67 peratus daripada pengeluaran getah asli dunia pada tahun 2018. Pelaksanaan skim kuota pengeksportan yang dipersetujui atau kita kata *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) di bawah ITRC baru-baru ini telah berjaya meningkatkan dan menstabilkan harga getah di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat membangkitkan isu berkaitan hasil perbincangan dengan Kesatuan Eropah. Dalam siri perbincangan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Industri Utama bersama pihak Kesatuan Eropah, beberapa perkara telah dibincangkan. Antaranya ialah berkaitan pendirian dan ulasan Malaysia terhadap pelaksanaan *dedicated regulation* di bawah *European Union Renewable Energy Directive II* (EU-RED II) yang telah mengklasifikasi minyak sawit sebagai mempunyai risiko *indirect land use change* (ILUC) yang tinggi.

Pelaksanaan EU-RED II ini akan mengakibatkan minyak sawit dikeluarkan sebagai sumber bio bahan api di EU pada tahun 2030. Maksudnya pada tahun 2030, minyak sawit tidak dibenarkan dijadikan bio bahan api di EU.

Walau bagaimanapun, pihak EU masih tetap dengan pendirian mereka untuk melaksanakan EU-RED II. Bagi diskriminasi yang sedang dilaksanakan oleh negara-negara Kesatuan Eropah, kerajaan pada mulanya bercadang untuk memfailkan perkara ini ke Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Akan tetapi kita kini akan mungkin memfailkan yang kes

kita pada tahun depan. Pihak Indonesia pada 9 Disember tahun ini telah membuat permohonan secara rasmi mengambil tindakan ke WTO.

Jadi bagi Malaysia adalah wajar bagi kita untuk melihat dan mengikuti perkembangan terkini kes tersebut terutamanya dari segi maklum balas daripada pihak EU. Jadi kita juga tahu EU sekarang baru mereka- Suruhanjaya Eropah mereka ini baru dilantik. Ini semua muka baharu. Jadi saya akan melawat mereka pada minggu pertama bulan Mac supaya saya hendak tahu apakah sikap dan pendirian mereka atau sama ada mereka masihkekalkan dasar mereka dan saya akan bangkitkan usaha bagi Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan *Malaysia Sustainable Palm Oil* (MSPO) ini kepada mereka. Saya hendak bentangkan kesemua cerita dan berita baik tentang industri sawit di Malaysia ini kepada mereka.

Jadi selepas itu saya akan lihat sama ada mereka masih degil ataupun tidak. Kita juga lihat kes yang difaiklan oleh Indonesia kepada WTO itu, apa perkembangan mereka. Jadi kita baru membuat keputusan sama ada Malaysia akan fail selepas lawatan saya ke Eropah ataupun kalau melalui *diplomatic relation* di antara Malaysia dan negara-negara EU ini kalau berlakunya penambahbaikan. Jadi kita mungkin boleh ambil cara yang lebih- *take a soft approach*. Kita juga tahu sekarang Brexit akan berlaku, pastinya akan berlaku berikutan dengan pilihan raya di *United Kingdom* baru-baru ini.

Saya juga akan lihat sama ada kita dapat meyakinkan kerajaan baharu di UK ini untuk menerima MSPO dan sama ada kita boleh menjadikan *British* sebagai negara yang pertama untuk mengiktiraf MSPO dan sebagainya. Saya rasa saya akan lihat dalam dua tiga bulan yang akan datang ini, baru kita buat keputusan sama ada kita akan fail terus kes kita kepada WTO ataupun tidak. Malaysia akan terus mengadakan perbincangan dan perundingan bersama pihak EU melalui misi ekonomi dan promosi pihak kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip berkenaan dengan langkah-langkah untuk mencapai sasaran jumlah eksport tahun 2020 serta pasaran baharu bagi komoditi sawit negara. Bagi tahun 2017, nilai eksport minyak sawit Malaysia berjumlah RM46.09 bilion.

Jadi pada tahun 2018, nilai eksport minyak sawit Malaysia ialah RM38.66 bilion. Jadi pada tahun ini, Januari hingga Oktober, nilai eksport minyak sawit ialah sebanyak RM31.29 bilion kerana harga sepanjang ini memang rendah. Jadi nilai eksport kita rendah, jadi nilai eksport minyak sawit sehingga hujung tahun 31 Disember, saya anggar sepanjang tahun ini akan mencapai di antara RM36.5 bilion hingga RM38 bilion.

Jadi berikutnya dengan usaha-usaha dan langkah kerajaan memperkuatkan pasaran sedia ada dan mencari peluang-peluang pasaran baharu, kementerian menyasarkan nilai eksport minyak sawit Malaysia pada tahun 2020 akan mencecah RM41 bilion, harga yang jauh lebih tinggi daripada sekarang.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pasaran baharu bagi minyak sawit Malaysia yang akan diterokai di rantau Asia Tengah ialah seperti Kazakhstan, Uzbekistan, Kyrgyzstan, Tajikistan, Turkmenistan dan di Benua Afrika pula, negara pasaran baharu seperti Mesir dan Maghribi.

■1650

Selain itu Turki dan Sri Lanka juga merupakan pasaran baru bagi minyak sawit Malaysia. Jadi, akhirnya saya hanya hendak jawab sedikit tentang lada yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeling. Okey, bagi sektor komoditi lada sejumlah RM7 juta telah diperuntukkan dalam belanjawan tahun 2020 bagi membantu dan menggalakkan golongan pekebun kecil lada di seluruh Malaysia untuk terus mengusahakan tanaman lada. Program pemberian subsidi ini merangkumi skim-skim bantuan seperti berikut:

- (i) Skim Tanaman Baharu LADA yang bernilai RM5.6 juta;
- (ii) Skim Peningkatan Kualiti Peringkat Ladang dan Skim Pembangunan Usahawan. Kedua-dua skim ini diperuntukkan RM100 ribu; dan
- (iii) Skim Pemindahan Teknologi yang mana diperuntukkan RM1.3 juta. Skim Pemindahan teknologi ini adalah khusus untuk bagi pekebun kecil lada.

Untuk makluman, bagi tempoh 2016 hingga 2019 seramai 14,230 pekebun kecil lada telah menerima bantuan subsidi Skim Tanaman Baharu Lada daripada kerajaan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM37,577,800. Jadi sebagai penggulungan saya setakat...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum gulung boleh?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ada lagi? Okey, sila.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Selepas mendengar penggulungan oleh Yang Berhormat Menteri kita lihat getah dan juga minyak sawit ada cerah masa depan. Harga akan meningkat. Jadi saya hendak tolong Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua hendak dengar harga lantai.

Saya cadang harga lantai RM420 satu tan untuk peladang-peladang kecil begitu juga dengan getah saya cadangkan supaya mengambil RM3.20 sekilo oleh kerajaan, kerajaan juallah.

Harga mahal kerajaan untung, harga turun kerajaan tolong peladang-peladang kecil ini, macam estet-estet besar itu mungkin kita boleh ketepikan dulu oleh sebab pengundi kita ramai peladang-peladang kecil. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau bagi getah kita dah letak IPG pada RM2.50 sekilogram dan harga sekarang adalah RM2.30 sekilogram. Kita masih bayar 20 sen yang perbezaan itu. Akan tetapi bagi sawit, setakat ini kementerian saya masih menjalankan kajian kerana susah tahu. Tengok harga CPO pada Disember tahun lepas adalah RM1,700 lebih dan sekarang dah naik hampir RM2,900. Jadi, harga lantai hendak letak pada yang tahap mana? Kalau letak pada RM2,500 banyak yang kita perlu bayar dan memang kerajaan tidak mampu, saya hendak terus terang. Kalau tidak mampu dan kita janji, yang akhirnya adalah hutang kerajaan akan meningkat.

Kita lihat macam Thailand yang Yingluck yang Perdana Menteri yang lepas itu, dia janji bagi harga lantai dan beli balik semua beras petani dan pesawah di negeri Thailand. Akhirnya apa berlaku pada dia? Dia kena larikan diri kerana lepas itu dia di caj dan didakwa korupsi dan sebagainya, menggunakan skim ini untuk meraih undi. Jadi saya rasa kalau kerajaan mampu kita akan terus dan akan tetap membantu khususnya orang miskin dan pekebun sawit kita. Kalau tidak mampu saya rasa kita buat sekadar yang kita boleh.

Macam Skim pinjaman yang saya sebut tadi, dua peratus sahaja, yang mana bank tawarkan dua peratus. Akan tetapi kita tawarkan dua peratus untuk menggalakkan penanaman semula bagi penanaman sawit. Ini yang kita buat, kita buat apa yang kita mampu waktu sekarang.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang menyertai perbahasan berkenaan dengan industri agrikomoditi. Saya berharap pada tahun depan, tahun 2020 kita akan melihat peningkatan harga semua agrikomoditi Malaysia. Kalau ini berlaku kita akan lihat ekonomi di kawasan luar bandar dan kampung kita ini juga akan diperingkatkan bersama dan sasaran kerajaan untuk ke arah kemakmuran bersama pun akan tercapai kalau sektor agrikomoditi ini mengalami peningkatan harga. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kepada kementerian.

Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Kesihatan.

**4.55 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada 14 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair telah membangkitkan isu rawatan implan untuk golongan miskin khususnya mereka yang mengalami kemalangan dan datang ke hospital untuk rawatan.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan alatan implan ataupun *prostheses* merupakan cara rawatan yang standard bagi kes-kes ortopedik yang melibatkan patah tulang dan lain-lain penyakit yang tertentu. Pada masa ini kadar penggunaan alat-alat implan dan *prostheses* menunjukkan peningkatan ketara disebabkan oleh kes-kes trauma serta peningkatan umur rakyat yang mempunyai risiko untuk kejadian patah tulang.

Sejak tahun 2002 alatan implan dan *prostheses* bagi semua pesakit ortopedik wad kelas tiga hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dibekalkan secara percuma. Antara kriteria pesakit yang layak mendapat bekalan alat-alat implan *prostheses* ortopedik percuma yang dirawat di hospital-hospital kementerian adalah seperti berikut:

- (i) semua pesakit kelas tiga yang dimasukkan ke hospital Kementerian Kesihatan;
- (ii) anggota-anggota perkhidmatan awam persekutuan dan pesara perkhidmatan awam persekutuan yang menerima pencen mereka serta keluarga terdekat;
- (iii) Orang Kurang Upaya yang berdaftar dengan jabatan kebajikan masyarakat;
- (iv) Orang-orang Asli; dan
- (v) murid-murid sekolah kerajaan.

Bagi pesakit lain yang tidak mampu atau memerlukan implan atau *prostheses* yang tidak dibekalkan secara percuma mereka boleh membuat permohonan bantuan kewangan daripada Tabung Bantuan Perubatan. Tabung Bantuan Perubatan telah ditubuhkan sejak tahun 2005 untuk membayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan dan perubatan penyakit kronik yang boleh dirangkumkan dalam pelbagai disiplin seperti kardiologi, ortopedik, ENT, pediatrik dan sebagainya.

Bantuan yang diberikan ini adalah terdiri daripada pembelian peralatan perubatan dan kos ubat-ubatan yang tidak disediakan oleh pihak hospital kerajaan termasuk membiayai kos peralatan perubatan seperti besi implan akibat kemalangan.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Dengan izin boleh mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Timbalan Menteri ada beritahu bahawa kelas tiga kos implan adalah percuma dan orang dah bersara semua adalah percuma. Akan tetapi pada pendapat saya ini bukan berlaku di hospital. Saya seorang peguam yang buat kes-kes kemalangan sudah 30 tahun. Apa yang berlaku adalah bila kemalangan berlaku staf di hospital, matron, doktor pakar atau doktor ortopedik, mereka akan beritahu, "Okey, kena cari duit untuk implan."

Ada juga kes di mana implan itu tidak boleh- pesakit-pesakit itu tidak boleh bayar. *So, the doctor would-* hospital akan beritahu kalau tidak boleh bayar kita cuba buat POP sahaja. Now, ada satu kes di mana di- *I think* Hospital Tengku Ampuan Rahimah di Klang tahun 2000- masa itu Menteri adalah Dato' Chua Jui Meng atau Tan Sri Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek, Yang Berhormat.

#### ■1700

Saya sendiri ada hantar surat kepada Menteri berkenaan. *They said, okay refer- in English* ya, dengan izin. *Please refer to* Jabatan Kebajikan. Akan tetapi bila kita pergi ke Jabatan Kebajikan, ditolak sebab dia kata tidak ada duit. *Then I wrote to the Minister, Minister had an inquiry.* Tiba-tiba besi dapat. So, *it is not...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiba-tiba apa?

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Dia dapat besi. Itu nombor satu. Nombor kedua, dia akan tawar menawar pengedar mana. *They got company A, B, C.* *I* tidak mahu sebut nama *company because I do not know whether it is ethical or not.* So, mereka ada pilihan. *Suggestion* atau cadangan saya ialah kenapa kementerian tak boleh *control* pemberian besi kepada semua pesakit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri faham atau tidak?

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato'. Kalau kita lihat mengikut dasar adalah dasar untuk memberi perkhidmatan percuma kepada pesakit yang kelas tiga untuk memang sejak 2002. Akan tetapi ada senarai- besi-besi yang disenaraikan. Bukan semua besi yang disenaraikan itu layak untuk diberikan. Ini pertama.

Kedua, mereka yang menerima insurans perubatan ataupun dalam golongan PERKESO, tidak layak sebab mereka boleh dapat *reimbursement* daripada PERKESO ataupun insurans perubatan mereka. Jadi, ini antara mereka yang tidak layak. Kalau warga asing pasti tidak layak dan kalau pembedahan itu untuk tujuan *aesthetic*.

Jadi, kalau sekiranya ada kes-kes yang spesifik mungkin kita boleh rujuk kepada kementerian dan kita boleh semak balik. Secara dasar memang untuk Kelas Tiga kita berikan secara percuma. Untuk mereka yang golongan B40 dan 40 tahun ke atas, sekarang ada program di bawah PeKa B40 ada bantuan alat perubatan di bawah program PeKa di mana implan sehingga tahap RM20 ribu boleh diperuntukkan untuk di bawah program PeKa B40 ini. Jadi ini perkara-perkara yang kita boleh bantu untuk mereka yang kurang kemampuan. Okey?

Jadi saya balik kepada isu-isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram yang kebetulan membangkitkan soal isu pegawai perubatan dan isu tersebut juga dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk menambah bilangan pegawai perubatan di hospital.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengamalkan perbelanjaan berhemah bagi memastikan setiap peruntukan yang dibelanjakan akan dapat dirasai oleh rakyat. Seiring dengan peningkatan peruntukan keseluruhan Kementerian Kesihatan kepada RM30.6 bilion pada tahun 2020, peruntukan untuk pembayaran emolumen turut meningkat kepada RM17.73 bilion yang mana ia turut merangkumi peruntukan bagi urusan pelantikan pegawai-pegawai baru.

Untuk makluman juga, Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun meluluskan permohonan Kementerian Kesihatan untuk mewujudkan 10,675 jawatan berdasarkan keperluan fasiliti kesihatan yang telah siap dan akan beroperasi mulai tahun 2019 sehingga 2020.

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan dibuat secara holistik, perjawatan baharu ini bukan sahaja melibatkan pegawai perubatan malahan juga melibatkan pegawai pergigian, pegawai farmasi, jururawat, penolong pegawai perubatan dan lain-lain jawatan.

Sebagai permulaan, Waran Perjawatan bagi 385 perjawatan untuk Hospital Rembau, Negeri Sembilan telah diserahkan pada 2 Disember yang lalu manakala baki perjawatan yang lain akan diagihkan secara berfasa. Secara umumnya, jumlah pegawai perubatan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia adalah mencukupi. Namun begitu, ketidakcukupan pegawai perubatan ini berkemungkinan dirasai sekiranya jumlah pesakit yang datang untuk mendapatkan

rawatan meningkat secara mendadak dalam sesuatu masa berbanding dengan jumlah dan keupayaan pegawai perubatan yang ada di sesuatu fasiliti kesihatan itu.

Jadi kalau kita lihat isu bukan setakat pegawai perubatan, juga pegawai perubatan siswazah. Jadi memang dari segi perjawatan memang tidak mencukupi tetapi kementerian melalui lantikan kontrak. Jadi bolehlah melantik mereka supaya memenuhi keperluan perkhidmatan.

Jadi melalui lantikan kontrak untuk graduan perubatan yang baharu, lantikan kontrak untuk tiga tahun untuk mereka sekiranya mereka tidak dapat melengkapi latihan Pegawai Perubatan Siswazah dalam dua tahun sehingga tiga tahun. Selepas itu, lantikan kontrak lagi dua tahun untuk melengkapi perkhidmatan wajib. Jadi isu juga dibangkitkan soal lantikan kontrak selepas menamatkan latihan *house officer*.

Jadi memang selepas latihan *house officer* ada dua kemungkinan. Ada yang masuk lantikan tetap, ada yang masuk lantikan kontrak. Isu yang dibangkitkan adalah adakah lantikan kontrak ini di UD41 seperti mana *house officer* yang sebelum ini. Yang ini Kabinet telah buat keputusan supaya dikaji semula, disemak semula supaya yang lantikan kontrak untuk *Medical Officer*- Pegawai Perubatan yang tamat *houseman training* akan dilantik sebagai tahap UD43. Jadi ini harap selesai berkenaan dengan *Medical Officer*.

Jadi untuk berkenaan dengan isu bertugas pegawai perubatan siswazah di hospital kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berlandaskan ketetapan Akta Perubatan 1971 bertanggungjawab untuk menempatkan graduan perubatan menjalani latihan siswazah di fasiliti kesihatan yang diiktiraf. Pegawai perubatan siswazah juga merupakan penjawat awam yang tertakluk kepada ketetapan di bawah Perintah Am Kerajaan dan Peraturan Latihan Siswazah di bawah seksyen 13(2), Akta Perubatan 1971. Buat masa ini, semua PPS yang menjalani latihan siswazah di Malaysia tidak lagi bertugas dalam tempoh masa yang panjang kerana kementerian telah melaksanakan sistem waktu bekerja fleksi bagi menggantikan sistem bertugas atas panggilan atau *on call* mulai 1 September 2011.

Pada tahun 2019, kementerian juga telah melaksanakan penyeragaman sistem waktu bekerja fleksi. Tempoh bertugas PPS telah dikurangkan kepada purata 60 hingga 62 jam seminggu berbanding sistem *on call* yang memperuntukkan masa bertugas yang lebih panjang iaitu selama purata 90 sehingga 120 jam seminggu.

Selain itu, PPS juga tidak dibenarkan untuk bertugas secara berterusan melebihi 14 jam dalam satu-satu sesi tanpa diberikan rehat serta tidak dibenarkan bertugas secara *double duty*

pada hari yang sama. Walau bagaimanapun, memandangkan perkhidmatan kesihatan perlu diberikan kepada masyarakat secara berterusan selama 24 jam sehari, maka PPS yang juga selaku petugas kesihatan kemungkinan perlu bertugas melebihi tempoh yang sepatutnya jika terdapat bencana atau wabak pada ketika itu. Kalau tidak ada soalan, saya beralih ke isu yang seterusnya.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim juga bangkitkan soal perancangan sumber manusia berkenaan dengan bilangan katil 2.3 katil kepada 1,000 pesakit boleh dicapai. Semasa kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas pada Oktober 2018, kerajaan telah menyasarkan bahawa Malaysia mempunyai nisbah satu doktor kepada 450 penduduk di Malaysia menjelang tahun 2020.

#### ■1710

Berdasarkan data yang diterbitkan pada tahun 2019, Malaysia mempunyai seramai 61,158 doktor termasuk Pegawai Perubatan Latihan Siswazah. Ini bersamaan satu doktor kepada 530 orang penduduk. Sejumlah 70 peratus daripada doktor ini berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, 24 peratus di sektor swasta dan baki enam peratus dengan lain-lain agensi kerajaan. Walaupun Malaysia mempunyai kemungkinan tidak mencapai sasaran bekalan doktor seperti yang diharapkan pada tahun 2020, namun nisbah ini hanyalah satu daripada pelbagai cara pengukuran atau indikator bagi akses kepada perkhidmatan kesihatan.

Memandangkan Malaysia mempunyai dwi sistem kesihatan iaitu awam dan swasta, perkhidmatan kesihatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai liputan yang luas ke seluruh negara. Malah Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha memperbaiki akses perkhidmatan kesihatan ke kawasan luar bandar dengan menyediakan pelbagai inisiatif termasuk pasukan bergerak, inisiatif hospital kluster dan lain-lain.

Saya beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Ada dua isu yang dibangkitkan, yang pertama berkenaan dengan diabetes, yang kedua berkenaan dengan naik taraf hospital. Berkenaan dengan langkah meningkatkan pengetahuan tentang penjagaan kesihatan khususnya diabetes, survey Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang terkini pada tahun 2015, seperti mana laporan *International Diabetes Federation* menganggarkan beban penyakit kronik ataupun NCD seperti diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas adalah sangat tinggi.

Menurut kajian tersebut, sebanyak 17.5 peratus ataupun 3.6 juta rakyat Malaysia menghidapi diabetes. Kementerian Kesihatan menyedari bahawa beban penyakit diabetes dalam

kalangan rakyat Malaysia amat membimbangkan. Oleh itu, kementerian memberi fokus terhadap strategi pencegahan dan kawalan diabetes bermula di peringkat awal mengikut *life cost approach*, dengan izin, berdasarkan Pelan Strategik Kebangsaan Penyakit Tidak Berjangkit 2016-2025.

Polisi pelan dan perkhidmatan mengikut *life cost approach* untuk pencegahan dan kawalan NCD termasuk diabetes mengambil kira keperluan kesihatan dan sosial sepanjang hayat bermula dengan kesihatan dan pemakanan ibu, meneruskan amalan pemakanan bayi yang betul termasuk promosi penyusuan susu ibu, promosi dan program kesihatan untuk kanak-kanak, remaja dan belia di institusi pendidikan. Ini diikuti dengan promosi kesihatan di tempat kerja dan dalam kalangan komuniti melalui program KOSPEN dan KOSPEN Plus dan juga promosi kesihatan penuaan yang sihat. Jadi boleh dikatakan dari sejak lahir sampai ke usia tua.

Namun begitu kerajaan menyedari bahawa penyakit NCD seperti diabetes memerlukan pendekatan multidimensi dengan pelbagai agensi. Oleh itu satu Jawatankuasa Kabinet iaitu Jawatankuasa Kabinet Bagi Persekutaran Hidup Yang Sihat ditubuhkan pada tahun 2011 dan bertindak sebagai platform bagi membincangkan dan mengenal pasti tindakan susulan bagi menangani NCD yang memerlukan penglibatan aktif pelbagai kementerian dan agensi termasuk Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Terma rujukan utama bagi Jawatankuasa tersebut adalah untuk menentukan dasar bagi mewujudkan persekitaran hidup yang menyokong perubahan tingkah laku masyarakat kepada amalan pemakanan yang sihat dan gaya hidup yang aktif.

Pada November 2018, Jawatankuasa telah mengesahkan 15 polisi berkaitan gaya hidup yang lebih sihat. Di antara dasar yang telah diluluskan secara prinsip adalah seperti kawalan garam dan gula di dalam makanan, larangan merokok di semua restoran dan premis makanan, saringan kesihatan tahunan kepada penjawat awam dan meningkatkan keupayaan ekosistem sekolah untuk menaikkan status pemakanan murid dan pelajar sekolah. Selain itu pendidikan tentang pemakanan sihat juga dilaksanakan menerusi Program Doktor Muda di sekolah. Murid-murid yang terpilih sebagai doktor muda dilantik sebagai agen dalam menyampaikan maklumat berkenaan kesihatan termasuk tentang pemakanan sihat.

Selain itu, program ini juga memberi fokus kepada aktiviti pengurusan berat badan dengan melatih ahli-ahli Kelab Doktor Muda dalam aktiviti fizikal bagi membolehkan mereka melaksanakan aktiviti yang sesuai kepada rakan sebaya dengan bimbingan guru dalam menangani masalah obesiti di sekolah.

Jadi, sehingga 2019, terdapat lebih 3,000 Kelab Doktor Muda telah ditubuhkan di seluruh negara. Pada masa yang sama, aktiviti komuniti bagi mengekalkan komuniti hidup aktif termasuklah memperkenalkan Kempen WALK ataupun *When Active Living Kicks*, Kempen Berjalan 10 Ribu Langkah, dan Program Pengurusan Berat Badan. Selain itu penubuhan Pusat Promosi Kesihatan Komuniti di lokaliti strategik berhampiran dengan komuniti turut menyediakan perkhidmatan seperti promosi cara hidup sihat...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sikit?

**Dr. Lee Boon Chye:** ...Pengurusan. Nanti biar saya habis dulu. Pengurusan berat dan perkhidmatan berhenti merokok. Komuniti juga terus di perkasa melalui program KOSPEN bagi penjagaan kesihatan kendiri. Diharapkan pendekatan ini akan meningkatkan rasa tanggungjawab rakyat untuk menjaga dan menghargai kesihatan diri mereka sendiri. Silakan.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** .Ada satu kajian didapati 60 peratus pelajar-pelajar sekolah dia tergolong dalam kumpulan obese. Jadi mereka terdedah dengan segala penyakit pada usia yang sangat muda. Saya dapati tiada doktor yang pergi ke sekolah untuk membuat screening pada pelajar-pelajar ini agar mereka yang obes ini akan dibagi nasihat untuk dikurangkan berat badannya. Ada yang too obese di peringkat sekolah rendah lagi, sekolah menengah. Sepanjang saya jadi YDP PIBG, tidak pernah ada doktor datang sekolah, tetapi kalau *dentist* dia ada program ke sekolah, jadi kawalan untuk gigi dibuat lebih awal.

Akan tetapi untuk kesihatan, tiada kawalan dibuat lebih awal. Oleh sebab itu saya cadangkan supaya kementerian lebih baik kita mencegah di peringkat awal berbanding kita menerima pesakit yang queue panjang di hospital. Minta pandangan.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Yaakob Sapari. Memang kita tahu masalah obesiti ini memang masalah yang besar, khususnya bukan setakat di kalangan pelajar tetapi juga di kalangan dewasa. Malaysia merupakan negara yang paling ramai yang lebih berat dan obesiti di kalangan negara-negara ASEAN ini. Jadi untuk mereka di sekolah, memang kita ada *School Health Programme* yang kita ada lawatan daripada doktor secara berkala dan juga jururawat yang memberi. Bukan setakat buat *immunisation* tetapi juga buat saringan kesihatan di sekolah. Akan tetapi yang paling penting dari segi obesiti adalah bagaimana kita melaksanakan cara hidup yang sihat dengan lebih aktif dan pemakanan yang sihat.

Jadi dalam hal ini, Kementerian Kesihatan kebetulan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk bukan setakat kita buat ketentuan bahawa makanan yang disediakan di kantin mesti adalah makanan yang sihat dan kurang jadi obesiti. Kita juga ada garis panduan supaya mereka yang jual di keliling sekolah tersebut, penjaja-penjaja yang jual dekat sekolah itu dilarang untuk menjual makanan yang tidak sihat.

■1720

Apa yang paling penting adalah program yang melibatkan pelajar-pelajar khususnya Kelab Doktor Muda di mana mereka akan diberi pengetahuan berkenaan bagaimana mengamalkan cara hidup sihat dan bagaimana mereka boleh membantu untuk mempengaruhi mereka yang mungkin kurang aktif, obes dan sebagainya.

Jadi, saya beralih pula kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Ada tiga isu telah dibangkitkan. Soal *parking* di hospital, soal rawatan untuk penagih dadah dan juga masalah kesihatan mental. Jadi, saya terangkan soal *parking* dahulu. Isu kesesakan *parking*. Isu berkaitan kekurangan tempat letak kereta atau *parking* di premis fasiliti kesihatan memang telah lama wujud. Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti beberapa langkah penyelesaian jangka panjang dan jangka pendek bagi membantu mengurangkan kesesakan tempat letak kereta.

Bagi penyelesaian jangka pendek, Kementerian Kesihatan Malaysia akan menaik taraf tempat letak kereta terbuka sedia ada dengan membina tempat letak kereta tambahan. Bagi tahun 2019, sebanyak enam buah hospital telah dibina tempat letak kereta tambahan dengan penambahan tempat letak kereta sebanyak 20 hingga 98 petak. Kementerian Kesihatan juga menggalakkan hospital untuk menjalankan kerjasama bersama dengan pihak swasta ataupun pihak berkuasa tempatan bagi menyediakan tempat letak kereta tambahan untuk kegunaan hospital.

Sebagai contoh, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang ataupun Hospital Kuantan bekerjasama dengan pihak Majlis Perbandaran Kuantan bagi menyediakan 400 petak letak kereta untuk kegunaan hospital. Manakala Hospital Serdang Selangor bekerjasama dengan pihak MAEPS untuk menyediakan 700 petak letak kereta tambahan di MAEPS untuk kegunaan pihak hospital. Hospital Queen Elizabeth II juga bekerjasama dengan kerajaan negeri. Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh juga menggunakan *velodrome* untuk tempat letak kereta dan pihak hospital sediakan *shuttle bus* untuk mengangkut penumpang ataupun pesakit daripada tempat letak kereta tersebut ke fasiliti hospital.

Antara penyelesaian jangka panjang yang telah dikenal pasti termasuklah dalam bentuk kolaborasi strategik di antara pihak kerajaan dan pihak swasta di mana Kementerian Kesihatan sedang merintis satu projek pembinaan tempat letak kereta bertingkat di sebuah hospital negeri di kawasan Lembah Klang bersama dengan sebuah syarikat swasta. Sekiranya projek tersebut berjaya dilaksanakan, Kementerian Kesihatan berhasrat untuk melaksanakan *rollout* kepada hospital-hospital lain yang mengalami masalah seumpama. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini akan memberi impak secara langsung kepada orang awam di mana caj akan dikenakan oleh syarikat swasta kepada orang awam yang meletakkan kenderaan di kompleks tersebut.

Berkenaan dengan isu ubat terapi untuk penagih dadah. Ubat terapi gantian seperti produk *methadone* dan *Subutex* yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah dikawal sebagai bahan psikotropik di bawah Jadual Ketiga Akta Racun 1952. Oleh itu, penjualan dan pembekalan ubat yang mengandungi bahan psikotropik perlu mematuhi peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Racun (Bahan Psikotropik) 1989.

Ahli farmasi berdaftar dengan lesen jenis A atau ahli farmasi yang berkhidmat dengan sektor awam hanya boleh menjual atau membekalkan *methadone* atau *buprenorphine* kepada pengamal perubatan berdaftar di klinik swasta yang mempunyai permit untuk membeli dan menggunakan bahan-bahan psikotropik seperti ditetapkan di bawah peraturan 12A Peraturan-peraturan Racun (Bahan Psikotropik) 1989.

Bagi pembekalan atau penjualan *methadone* atau *buprenorphine* untuk tujuan rawatan pesakit, ia hanya boleh dilakukan oleh pengamal perubatan berdaftar atau ahli farmasi berdaftar dengan lesen jenis A berdasarkan preskripsi dari pengamal perubatan berdaftar. Oleh yang demikian, ubat terapi gantian dadah *methadone* atau *buprenorphine* hanya boleh dibekalkan atau dijual berdasarkan untuk tujuan rawatan seperti ditetapkan di bawah peraturan 11 Peraturan-peraturan Racun (Bahan Psikotropik) 1989.

Berkenaan dengan subsidi kepada syarikat yang membekalkan ubat-ubatan tersebut, dimaklumkan tiada subsidi diberikan oleh kerajaan kepada syarikat pembekal di dalam mana-mana pembelian ubat.

Isu kesihatan mental. Isu kesihatan mental ini...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Saya memohon di dalam perbahasan saya itu berhubung dengan syarikat yang *supply methadone*. Ini sebab saya melihat anak-anak yang terlibat dengan dadah ini walaupun ambil *methadone*, sekarang sudah *addicted methadone*. Jadi bukan alternatif, tetapi *addicted to methadone*. Sama juga dengan ketum, dikatakan dapat *replace methadone*, tetapi kesannya begitu juga Yang Berhormat Menteri.

Jadi, sebab itu saya memohon supaya mungkin diberi secara bertulis, syarikat yang *supply* kepada Kementerian Kesihatan. Nama-nama syarikat tersebut supaya kami mengadakan kunjungan kepada mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk nama syarikat, saya akan bekalkan secara bertulis. Untuk soal isu *addiction* ini, sebenarnya tidak ada jadi masalah sebab kalau kita lihat penagih dadah, yang paling penting supaya kita boleh jadikan mereka boleh berfungsi dalam masyarakat. Apabila mereka menerima rawatan *methadone* di klinik kesihatan ataupun oleh pengamal perubatan yang layak, mereka boleh terima rawatan tersebut dan mereka boleh berfungsi secara biasa di masyarakat.

Walaupun ada sebahagian mungkin mereka tidak dapat *wean off* daripada *methadone*, tetapi *methadone* ini boleh dibekalkan daripada Kementerian Kesihatan dengan percuma dan mereka boleh terus kerja seperti biasa. Jadi dari segi pengiraan *cost effectiveness*, memang *cost effective* untuk kita beri rawatan sebagai *harm reduction*. Bukan 100 peratus kita boleh *wean off* daripada *methadone*.

Jadi, saya beralih kepada isu yang ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah tadi, berkenaan dengan masalah kesihatan mental. Kebetulan masalah kesihatan mental juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung yang menanya soal *prevalent* kesihatan mental. Menurut kajian *National Health and Morbidity Survey 2015* di kalangan orang dewasa di Malaysia, masalah kesihatan mental adalah 29.2 peratus, di kalangan wanita adalah 30.8 peratus dan lelaki 27.6 peratus.

Golongan yang paling tinggi di kalangan dewasa adalah golongan 16 tahun hingga 34 tahun. Untuk golongan remaja, ada kajian yang sama pada tahun 2017 di kalangan remaja dalam golongan 13 tahun hingga 17 tahun. Dapatan daripada kajian tersebut, menunjukkan bahawa kadar kemurungan adalah 18.3 peratus. Pemikiran dan tingkah laku untuk bunuh diri di kalangan remaja ini adalah sekadar 10 peratus. Satu peningkatan kalau dibandingkan dengan tahun 2012.

Memang ada beberapa faktor yang menyebabkan kadar kesihatan mental ini meningkat. Antaranya adalah tekanan daripada persekitaran sama ada isu kewangan ataupun isu pengangguran ataupun isu kerja. Kedua, tragedi kehidupan ataupun masalah hubungan dengan suami isteri ataupun sebagainya.

### ■1730

Kedua, penyalahgunaan *substance* ataupun alkohol; ketiga, apabila mereka mengalami penyakit kronik; keempat, kurang kemahiran daya tindak atau *coping skill* yang tidak mencukupi; dan yang akhir, kurang sokongan sosial. Jadi, kementerian telah melakukan empat inisiatif utama untuk menghadapi masalah kesihatan mental ini.

Pertama adalah kempen Let's TALK Minda Sihat. Ini satu inisiatif baharu yang dilaksanakan dengan penglibatan beberapa agensi kerajaan dan NGO bagi membina kesedaran rakyat mengenai kepentingan kesejahteraan kesihatan minda serta membanteras stigma terhadap kesihatan mental. "T-A-L-K" ini:

- 'T' bermaksud *tells someone you trust about your problems*; dengan izin,
- 'A' bermaksud *ask for help* atau meminta pertolongan;
- 'L' bermaksud *listen without judgement*; dan
- 'K' bermaksud *knowhere you seek help*.

Jadi, antara aktiviti-aktiviti di bawah inisiatif Let's TALK Minda Sihat adalah kios Let's TALK Minda Sihat di peringkat komuniti, penambahan masa ke udara dalam media, kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pertandingan video pendek, bicara berirama dan sebagainya, cadangan agensi-agensi mewujudkan *wellness hub* yang memasukkan komponen kesihatan mental bagi kesejahteraan minda dan juga memasukkan polisi kesihatan mental ke dalam polisi agensi masing-masing dan menjadikan kesihatan mental sebagai agenda prioriti.

Inisiatif kedua adalah membangunkan satu Pelan Strategik Kesihatan Mental Kebangsaan dan ini kita bangunkan untuk tahun 2020 hingga 2025. Ia dijangkakan akan siap dan dilancarkan pada tahun depan. Fokus pelan tersebut adalah kepada kolaborasi antara agensi-agensi kerajaan, NGO dan juga badan profesional dalam meningkatkan kesedaran, akses serta kualiti perkhidmatan kesihatan mental.

Inisiatif ketiga adalah proses untuk membangunkan satu Registri- Bunuh Diri Kebangsaan supaya kita boleh ada data yang lebih lengkap. Dalam proses tersebut, kita juga perlu *decriminalization* tingkah laku bunuh diri. Sebab, kalau kita lihat sekarang di bawah Kanun Keseksaan seksyen 309 khususnya, cubaan bunuh diri merupakan satu jenayah. Jadi, ini akan

menyebabkan ramai mereka yang ada masalah kemurungan dan telah cuba bunuh diri tidak berani untuk laporan kepada Kementerian Kesihatan supaya menerima rawatan.

Jadi, proses ini untuk kaji semula Kanun Keseksaan seksyen 309 dan juga yang berkaitan seksyen 306 adalah di bawah tanggungjawab *Attorney General Chamber*. Mesyuarat telah dibuat dan memang kementerian menyokong tindakan tersebut sebab ini untuk menangani tingkah laku bunuh diri. Dengan *decriminalization* ini, ia akan menggalakkan lebih ramai individu untuk tampil mendapat bantuan dan rawatan.

Inisiatif yang keempat adalah kita menambah pakar psikiatri dan juga kepakaran dalam bidang berkenaan. Jadi, untuk pakar psikiatri, kita meningkatkan slot tajaan biasiswa di bawah Hadiah Latihan Persekutuan untuk program sarjana dan sub kepakaran bagi bidang psikiatri daripada 39 slot pada tahun 2013 kepada 66 slot pada tahun 2017. Ini akan bertambah. Kita juga menggalakkan pegawai perubatan yang berminat untuk buat dalam bidang psikiatri untuk buat *parallel course*.

Selain daripada pakar psikiatri, isu kesihatan mental juga boleh dirawat oleh pakar perubatan keluarga, *family medicine specialist* di klinik kesihatan. Kita juga mengusahakan penempatan pegawai psikologi di pejabat kesihatan daerah bagi memberi perkhidmatan di klinik-klinik kesihatan. Untuk makluman, di seluruh Malaysia, kita ada lebih kurang 400 *psychiatrist*. Yang di bawah Kementerian Kesihatan seramai 219, yang pakar *family medicine specialist* ada seramai 294 dan pegawai psikologi seramai 176.

Saya balik kepada isu yang berikutnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung. Yang Berhormat Senator bukan setakat bangkitkan isu kesihatan mental yang saya telah jawab tadi tetapi juga bangkitkan soal *long queue* pesakit untuk mendapatkan rawatan di hospital-hospital awam dan juga isu polio.

Isu *long queue* di kemudahan hospital. Untuk makluman, merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1 berkenaan dengan pengurusan aktiviti Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital yang dijalankan di empat buah hospital di Lembah Klang, 58.7 peratus hingga 74.5 peratus- ini angka dirujuk oleh Yang Berhormat Senator- pesakit yang dilaporkan adalah merujuk kepada peratusan pesakit yang mempunyai *length of stay* selama empat atau enam jam dan ia bukan merujuk kepada masa menunggu pesakit untuk mendapatkan rawatan.

Ini untuk penjelasan ya. *Length of stay* adalah bermula daripada proses saringan sehingga pesakit dibenarkan pulang atau dipindahkan ke wad perubatan untuk rawatan lanjut. Pada tempoh *length of stay* ini, pesakit akan dipantau dan dirawat oleh doktor di Jabatan Kecemasan dan

Trauma sementara menunggu untuk dimasukkan ke wad ataupun dibenarkan pulang, bergantung kepada keadaan dan diagnosis pesakit.

Kementerian Kesihatan sentiasa komited untuk menambah baik masa menunggu pesakit bagi mendapatkan rawatan di fasiliti kementerian. Tidak semua hospital menghadapi masalah masa menunggu yang lama. Waktu menunggu lama selalu terjadi di jabatan tertentu seperti Jabatan Kecemasan dan Trauma dan klinik pakar serta ia melibatkan proses kemasukan pesakit ke wad. Masalah ini sering kali terjadi di hospital-hospital berpakar di bandar-bandar utama, namun ia tidak melebihi enam jam.

Walau bagaimanapun, berdasarkan data tahun 2015 hingga 2018 juga, sebanyak 18 peratus hingga 21 peratus daripada jumlah keseluruhan kedatangan pesakit ke Jabatan Kecemasan dan Trauma di seluruh Malaysia adalah kes bukan kecemasan. Ini bermakna, hampir lebih kurang 80 peratus yang datang ke Jabatan Kecemasan adalah kes hijau ataupun tidak cemas. Ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran di kalangan orang awam berkenaan fungsi Jabatan Kecemasan dan Trauma adalah masih rendah. Kementerian Kesihatan Malaysia turut menyediakan risalah serta poster dan juga tayangan video berkenaan fungsi Jabatan Kecemasan dan Trauma bagi memberi maklumat kepada orang awam.

Masa menunggu di klinik pakar pula didapati pada tahun 2017 sebanyak 94.67 peratus pesakit mempunyai masa menunggu tidak lebih daripada 90 minit untuk mendapatkan rawatan di klinik pakar di hospital kerajaan. Bagi masa mendapatkan temu janji untuk mendapatkan rawatan di klinik pakar, sebanyak 94.97 peratus pesakit mempunyai tempoh masa menunggu empat hingga lapan minggu.

Berkenaan dengan isu polio. Sehingga 16 Disember 2019, sebagai tindakan pengawalan kepada kes polio yang dilaporkan di Sabah, pihak Kementerian Kesihatan telah memeriksa 1,746 orang di kawasan sekitar rumah kes yang melibatkan 475 buah rumah.

#### ■1740

Tujuan pemeriksaan dan lawatan rumah ke rumah ini adalah untuk mengesan mana-mana kes yang lain. Tiada sesiapa yang ditemui ada gejala. Pengambilan sampel najis dari 20 orang kontak rapat kanak-kanak tersebut telah dijalankan di mana 14 daripada mereka adalah negatif. Manakala enam sampel lagi sedang dijalankan ujian. Sementara itu, sebanyak enam sampel persekitaran turut diambil bagi pengesan kehadiran virus polio di mana dua dari tempat tinggal kes dan satu sampel dari mungkin yang terlibat. Ini adalah tambahan kepada pemeriksaan rutin

pensampelan air kumbahan di enam loji rawatan air kumbahan terpilih di Sabah. Keputusan ujian dijangka akan diterima dalam tempoh tiga minggu.

Aktiviti pemberian imunisasi di kawasan tempat tinggal kes juga dilaksanakan bagi memastikan liputan imunisasi polio ditingkatkan terutamanya dalam kalangan kanak-kanak yang tercicir imunisasi. Seramai 73 orang kanak-kanak berumur dua bulan hingga 15 tahun di kawasan tempat tinggal kes di mana kesemuanya merupakan kanak-kanak bukan warganegara telah dikesan tercicir imunisasi dan telah diberikan vaksin polio. Aktiviti ini sedang diperluaskan ke kawasan lain yang berisiko bagi memastikan penularan terhenti.

Aktiviti pendidikan kesihatan mengenai penyakit polio sedang giat dijalankan di kawasan terlibat. Penekanan diberikan mengenai kepentingan imunisasi, penjagaan kebersihan diri dan persekitaran. Sebanyak 497 sesi pendidikan kesihatan telah dibuat dengan kehadiran 1,366 orang.

Bilik gerakan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri dan ibu pejabat kementerian bagi penyelarasan aktiviti kawalan dan pencegahan telah diaktifkan sejak 29 November 2019. Keadaan kes tunggal polio yang terlibat adalah stabil dan kini dirawat di bilik isolasi di Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah dan masih memerlukan bantuan pernafasan. Kementerian Kesihatan juga telah menghantar pasukan doktor pakar perubatan kesihatan awam di bawah program, *Epidemic Intelligence Program*, dengan izin, bagi membantu mempercepatkan siasatan dan menjalankan kajian dalam mengenal pasti punca jangkitan dan transmisi penyakit polio di Sabah.

Di antara faktor dan risiko yang menyumbang kepada kembalinya kes polio ada kehadiran kumpulan masyarakat yang tidak di vaksin terutamanya di kalangan bukan warganegara di Sabah, dengan pergerakan keluar masuk yang tinggi. Vaksin polio kini diberi sebanyak empat dos dengan bentuk vaksin kombinasi lima serangkai dengan difteria, *pertusis*, *tetanus* dan *Hemophilus influenzae-type B* di bawah Jadual Imunisasi Kanak-kanak Kebangsaan pada umur dua bulan, tiga bulan, lima bulan dan 18 bulan.

Adalah penting untuk mendapat suntikan dos yang lengkap untuk mendapat perlindungan yang menyeluruh. Oleh sebab selepas dos yang pertama, perlindungan sekadar 30 peratus hingga 40 peratus. Selepas dos yang kedua cuma 80 peratus dan ini meningkat kepada 99 peratus selepas dos yang ketiga.

Jadi, saya ingin beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, yang berkenaan dengan denggi dan juga hemodialisis. Berkenaan dengan isu denggi,

pada tahun 2019, seperti mana yang dilaporkan oleh Badan Kesihatan Sedunia, kebanyakan negara mengalami peningkatan kes dan kematian denggi.

Antara negara yang menunjukkan peningkatan kes denggi adalah seperti Singapura, Filipina, *Cambodia*, Laos, Vietnam, China dan Taiwan. Di mana negara-negara ini mengalami peningkatan antara satu hingga lapan kali ganda pada tahun 2019. Bagi Malaysia, bermula bulan Januari hingga 14 Disember 2019, sebanyak 124,777 kes telah dilaporkan berbanding 75,612 kes bagi tempoh yang sama pada tahun yang lepas iaitu satu peningkatan sebanyak 65.9 peratus.

Dalam tempoh yang sama, sebanyak 174 kes kematian dilaporkan berbanding 135 kes kematian, iaitu satu peningkatan sebanyak 39 kes kematian iaitu peningkatan sebanyak 29 peratus. Jadi Kementerian Kesihatan telah menjalankan tindakan bersepakat melalui pasukan petugas khas denggi peringkat kementerian yang terdiri dari tujuh kementerian dan juga kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan serta agensi-agensi yang lain. Tindakan yang telah diambil dan sedang dilaksanakan termasuklah sembilan inisiatif:

- (i) melaksanakan kempen gotong-royong perangi aedes dan aktiviti pembersihan persekitaran dengan kerjasama agensi yang lain;
- (ii) melaksanakan aktiviti penguatkuasaan secara bersepakat bersama agensi lain seperti PBT, CIDB dan NIOSH menerusi Operasi Gempur Aedes;
- (iii) Bahagian Pendidikan Kesihatan Kementerian juga telah mengerakkan Pasukan Khas Pendidikan Kesihatan (PAKAT) di kawasan *hotspot* denggi bagi memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan pencegahan denggi;
- (iv) penubuhan Pasukan Sukarelawan COMBI yang terdiri daripada kalangan komuniti berperanan sebagai ejen perubah kepada komuniti setempat untuk perubahan tingkah laku aktiviti pencegahan denggi;
- (v) bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan syarikat swasta untuk menjalankan program Patrol Denggi bermula pada tahun 2011 dengan penyertaan tiga buah sekolah dan berkembang kepada 190 buah sekolah pada tahun 2019;
- (vi) bekerjasama juga dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menganjurkan program Institusi Pengajian Tinggi Bebas Denggi mulai tahun 2017;

- (vii) kementerian juga telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM3.35 juta pada tahun 2019 untuk *outsourcing* bagi aktiviti kawalan dan pencegahan denggi bagi negeri Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Ini merupakan negeri-negeri yang paling tinggi dari segi denggi;
- (viii) menggunakan inovasi kawalan denggi di kawasan berstrata *hotspot* dengan menggunakan kaedah semburan *outdoor residual spray*; dan
- (ix) inisiatif terbaru daripada kementerian iaitu menggunakan nyamuk *aedes aegypti berwolbachia* bagi mengurangkan virus denggi di dalam nyamuk *aedes* yang telah dijangkiti virus ini dan seterusnya mengurangkan risiko jangkitan kepada manusia.

Isu hemodialisis. Jumlah pusat dan mesin hemodialisis di Kementerian Kesihatan adalah tidak mencukupi untuk menampung rawatan bagi semua pesakit kegagalan buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis. Tambahan pula, cabarankekangan anggota sumber manusia yang dihadapi oleh kementerian buat masa ini turut memberi implikasi kepada situasi ini. Nisbah bagi staf kepada pesakit hemodialisis yang ideal adalah *one is to four*.

Namun begitu, di kebanyakan pusat hemodialisis Kementerian Kesihatan nisbah yang tercapai adalah lingkungan *one is to seven* berikutan kekangan dari segi sumber manusia di kebanyakan fasilitet kementerian. Oleh itu, Kementerian Kesihatan kini sedang dalam usaha memohon penambahan sumber manusia daripada JPA seperti mana yang saya sebut sebelum ini.

#### ■1750

Pada masa ini semua hospital kerajaan telah menyediakan perkhidmatan rawatan hemodialisis kecuali Hospital *Rajah Charles Brooke Memorial* di Kuching. Kerajaan juga memperluaskan perkhidmatan rawatan hemodialisis kepada pesakit di pedalaman dengan mewujudkan unit hemodialisis di klinik-klinik kesihatan. Sehingga kini sebanyak 15 buah klinik kesihatan di Malaysia telah menyediakan perkhidmatan hemodialisis dan sebanyak empat buah lagi klinik kesihatan dalam proses rancangan untuk memberi perkhidmatan tersebut.

Bantuan subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan *erythropoietin* diwujudkan untuk membantu pesakit yang kurang berkemampuan yang menjalani rawatan hemodialisis akibat kegagalan ginjal kronik di pusat hemodialisis di pusat-pusat NGO. Pusat hemodialisis yang dikendalikan oleh NGO boleh kemukakan permohonan untuk disenaraikan di bawah skim subsidi dialisis Kementerian Kesihatan.

Syarat-syarat kelayakan adalah pesakit yang miskin yang kurang kemampuan yang sedang mendapat rawatan di pusat hemodialisis NGO yang telah diiktiraf. Pesakit tersebut juga hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia ataupun penduduk tetap dan mereka juga perlu memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan oleh dialisis NGO tersebut.

Pada tahun 2017, seramai 2,415 pesakit di 122 pusat hemodialisis NGO telah menerima bantuan subsidi sebanyak RM23.96 juta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi kah Yang Berhormat?

**Dr. Lee Boon Chye:** Saya rasa 10 minit boleh siap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebentar Yang Berhormat, tukar giliran.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat teruskan.

**Dr. Lee Boon Chye:** Tuan Yang di-Pertua. Biar saya teruskan. Jadi untuk 2018 telah meningkat kepada sejumlah 2,459 pesakit dan jumlah tersebut meningkat kepada sebanyak RM33 juta. Untuk tahun ini meningkat pesakit seramai 3,315 pesakit dan meningkat kepada sebanyak RM33.4 juta. Jadi, ini menunjukkan satu peningkatan setiap tahun.

Jadi, jumlah komitmen kewangan kerajaan juga meningkat dengan peningkatan jumlah penerima bantuan subsidi. Mulai tahun 2018, bantuan subsidi rawatan hemodialisis telah dinaikkan daripada sebanyak RM50 ke kadar RM100 bagi setiap rawatan. Ini termasuk kos untuk suntikan *erythropoietin*.

Saya beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang berkenaan dengan penurunan kuasa kepada Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Kementerian Kesihatan Malaysia telah dilantik sebagai agensi peneraju Jawatankuasa Kluster Sosial bagi Jawatankuasa Khas Kabinet bagi menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963. Mesyuarat diadakan pada 10 April yang lalu telah bersetuju bahawa isu-isu yang dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Sabah adalah menjurus kepada isu-isu pengurusan dan operasi dan boleh diselesaikan melalui sesi libat urus antara kementerian dan Kerajaan Negeri Sabah.

Sehubungan dengan itu, kementerian akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Khas bagi membincangkan isu-isu kesihatan negeri Sabah yang dipengerusikan bersama oleh Yang

Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah pada tahun 2020. Kita harap masalah-masalah tersebut boleh diuruskan melalui perbincangan.

Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili juga membangkitkan soal isu pembinaan Hospital Petrajaya dan juga masalah ambulans khususnya di Sarawak dan juga perkhidmatan doktor udara.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Hospital Petrajaya Kuching Sarawak. Projek Hospital Petrajaya telah diluluskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh pada tahun 2011. Projek ini dilaksanakan oleh JKR Malaysia dan fasa pembinaan bermula 30 Mei 2013. Sepatutnya siap pada 30 Jun 2018.

Walau bagaimanapun, berikutan prestasi kemajuan projek yang tidak memuaskan. JKR Malaysia telah menamatkan pengambilan kerja kontraktor kepada Zecon Berhad yang merupakan kontraktor pada 2 Ogos 2018. Projek penyiapan baki kerja terbengkalai Hospital Petrajaya dilaksanakan secara tender terbuka oleh JKR Malaysia. Jadi, sebanyak lima tender dan lawatan tapak telah berlangsung 12 Februari dan tender ditutup pada 24 April 2019. Akan tetapi, tender tersebut telah dibatalkan dan kerja tender akan dilakukan semula mengikut keputusan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Seterusnya, jadual pelaksanaan projek penyiapan baki kerja tersebut adalah kita jalankan iklan pra kelayakan pada 31 Oktober 2019. Pelawaan tender dijangka pada 3 Januari 2020 dan SST dijangka pada 19 Ogos 2020.

Bantuan peruntukan untuk NGO membeli ambulans. Kementerian telah mengagihkan kenderaan ambulans sebanyak 180 buah kenderaan sejak 2011 hingga 2018 untuk memastikan perkhidmatan pra hospital dan ambulans dapat dijalankan dengan baik. Untuk perolehan kenderaan ambulans yang akan datang. Agihan kenderaan ambulans di fasiliti kesihatan kementerian di Sarawak akan diturut diberi keutamaan.

Kerajaan memang bekerjasama dengan NGO khususnya di Lembah Klang melalui St. John dan juga Bulan Sabit Merah. Di mana peruntukan sejumlah RM1.25 juta telah diberikan supaya mereka juga memberikan perkhidmatan ambulans.

Berkenaan dengan klinik bergerak, bot kesihatan bergerak dan doktor udara di Sarawak. Kementerian Kesihatan menyediakan perkhidmatan klinik bergerak bagi masyarakat yang tinggal jauh dari klinik statik terutamanya untuk kawasan luar bandar dan pedalaman. Bagi negeri Sarawak terdapat sejumlah 103 pasukan klinik bergerak yang menyampaikan perkhidmatan

kesihatan melalui darat, air dan udara. Untuk bahagian Kapit sahaja terdapat sejumlah 11 pasukan klinik bergerak yang menyediakan perkhidmatan kesihatan melalui darat, air dan udara.

Saya beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip berkenaan dengan penguatkuasaan larangan merokok dan juga *vape*. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2014, definisi merokok adalah menyedut dan menghembus asap atau wap apa-apa hasil tembakau dan termasuklah memegang atau mempunyai kawalan ke atas apa-apa hasil tembakau yang bernyala, dipanaskan atau diwapkan. Oleh sebab itu, sebarang produk merokok termasuk rokok konvensional, rokok elektronik atau *vape* serta *shisha* adalah termasuk dalam definisi merokok.

Jadi, aktiviti merokok dengan menggunakan produk rokok termasuk *vape* adalah dilarang di kawasan yang telah diwartakan dan larangan dalam lingkungan tiga meter terpakai juga untuk merokok dan juga *vape*.

#### ■1800

Bagi tujuan penguatkuasaan penuh mulai 1 Januari 2020, mereka yang didapati merokok di kawasan larangan merokok termasuk di semua tempat makan akan dikenakan kompaun sebanyak RM250. Akan tetapi, mereka yang bayar dalam lingkungan satu bulan, mungkin dapat diskaun dan boleh- akan di kompaun sebanyak RM150. Akan tetapi, sekiranya di bawa ke mahkamah, maksimum yang boleh- maksimum adalah sebanyak RM10 ribu ataupun penjara dua tahun, sekiranya dibawa ke mahkamah.

Isu yang terakhir, ini singkat sahaja ya, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh. Berkenaan dengan status pemegang kad pengenalan merah ataupun PR. Sama ada mereka mendapat perkhidmatan kesihatan sama macam pemegang kad pengenalan biru. Jawapannya- ya. Jadi, untuk mereka yang PR dan warganegara, statusnya sama. Jikalau mereka yang- *they will be charge* kalau kelas ketiga. Jadi, ini sahaja yang saya sampaikan.

**Dr. Nuing Jeluing:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Berkenaan dengan pelantikan pegawai perubatan secara kontrak, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengesahkan bahawa mereka akan dilantik sama gred dengan pegawai perubatan ke jawatan tetap?

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat. Kebetulan keputusan Kabinet adalah mereka dilantik di bawah Gred UD43. Di mana mereka dilantik di bawah tetap adalah Gred UD44, adalah sedikit perbezaan tetapi tidaklah begitu ketara kalau dibandingkan- sebelum itu adalah Gred UD41. Jadi, kita sedang berunding dengan Kementerian Kewangan dan juga JPA supaya

Bahagian Kewangan ini boleh diuruskan secepat mungkin. Mereka yang telah dilantik akan dimasukkan dalam Gred UD43.

**Dr. Nuing Jeluing:** Sebagai pihak pegawai perubatan secara kontrak, saya menyeru jika boleh memberi pertimbangan kepada mereka ini sama dengan pegawai perubatan di jawatan tetap. Oleh sebab, dalam perbahasan saya, saya katakan tugas dan tanggungjawab mereka adalah sama. So, saya ingat adil lah dia menerima gaji yang sama.

Satu lagi isu yang saya bangkitkan dalam perbahasan saya mungkin tersalah pandang dari kementerian iaitu berkenaan dengan pembinaan hospital pengajar atau *teaching hospital* untuk Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang telah dijanjikan.

Saya nampak mengikut Bajet 2020, tiada peruntukan untuk hospital ini di bawah Kementerian Kesihatan. Akan tetapi, ada peruntukan berjumlah RM1.334 bilion di bawah Kementerian Pendidikan. Soal saya adakah peruntukan untuk hospital pengajar UNIMAS termasuk dalam bajet di bawah Kementerian Pendidikan? Tolong jelaskan, terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih. Pertama berkenaan dengan skim lantikan. Kebetulan mereka yang dilantik ke tetap adalah mengikut prestasi semasa mereka menjalani semasa Pegawai Perubatan Siswazah. Jadi, adalah lebih munasabah bahawa mereka yang dilantik ke jawatan tetap adalah mereka yang berprestasi tinggi. Mereka diberikan lantikan tetap dan satu tahap yang lebih tinggi sedikit Gred UD44. Jadi mereka yang prestasi *average* ataupun rendah sedikit Gred UD43. Ini perkara yang biasa dalam lantikan.

Jadi, berkenaan dengan hospital pengajar UNIMAS, ini di bawah Kementerian Pendidikan. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat juga kebetulan memang ada lebih daripada 10 buah hospital baharu yang dalam perancangan yang akan diteruskan dalam masa yang akan datang. Walaupun tidak ada hospital khusus yang diumumkan selain daripada Hospital Kampar yang merupakan hospital yang baharu diumumkan tetapi dalam pelaksanaan projek-projek yang akan datang kita akan teruskan. Mungkin dalam tiga tahun hingga lima tahun kita boleh lihat ada penambahan sekurang-kurangnya sebanyak 10 buah hospital baharu di seluruh Malaysia. Jadi, sekian sahaja...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit, sedikit. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya ada bangkitkan ataupun tanya status berhubung dengan aduan kecuaian doktor Dr. Chong Yip Boon di Hospital KPJ Damansara. Saya terima jawapan pada 3 Mei, "Perkara akan dipanjangkan kepada pihak yang berkenaan". Terima lagi satu surat pada 29 November "Perkara akan dipanjangkan kepada pihak

yang berkenaan". Saya mohon jawapan daripada Menteri, kalau tidak ada di sini mohon jawapan bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Lee Boon Chye:** Saya tidak ada jawapan, tetapi boleh jawapan bertulis. Saya harap jawapan tersebut pun bukan sama sahaja "Rujuk kepada pihak yang berkenaan". Saya harap ada progress sedikitlah.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Jadi...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga penjelasan sebab saya ada juga bertanya berhubung dengan rungutan yang dibuat oleh doktor-doktor daripada hospital kerajaan. Mereka menyatakan bahawa, doktor-doktor yang bertugas di universiti yang mempunyai universiti hospital seperti Universiti Malaya, UKM dan sebagainya. Mereka ini mendapat ganjaran yang mewah. Daripada pemerhatian mereka, pakar-pakar ataupun doktor-doktor ini banyak menumpukan kepada hospital daripada pelajar-pelajar. Ini menimbulkan ketidaksamarataan di antara doktor-doktor di hospital kerajaan dengan hospital universiti. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada tiga tahap dari segi doktor yang pertama Pegawai Perubatan Siswazah sama ada di hospital universiti ataupun di Kementerian Kesihatan, sama. Ini kerana gaji mereka dibayar oleh Kementerian Kesihatan. Untuk Pegawai Perubatan- jadi mereka ramai di hospital universiti mungkin mereka adalah *training lecturer* dan sebagainya ada skim yang berlainan.

Jadi untuk pakar, ini yang lain sebab sebagai contoh, UMMC Universiti Malaya mereka boleh lakukan *private practice* di situ. Jadi, dalam hal ini untuk pakar-pakar di Kementerian Kesihatan ada beberapa hospital kita telah lakukan *private wing* untuk membenarkan mereka buat secara hak untuk buat *private practice* untuk mereka boleh menambah dari segi pendapatan dan kita sedang kaji supaya *limited private practice* ini boleh diperluaskan di kebanyakan hospital pakar *major* untuk kita mengurangkan perbezaan pendapatan di kalangan pakar-pakar sama ada pakar di hospital Kementerian Kesihatan dengan pakar di hospital universiti ataupun pakar di hospital kementerian dengan pakar di swasta. Jadi, kalau- silakan.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya saya ada membangkit juga fasal pembinaan *teaching hospital* untuk UNIMAS. Akan tetapi saya sebenarnya ingin bertanya kepada Menteri Pendidikan. Walau bagaimanapun, satu perkara yang saya rasa perlu ada kerjasama apabila hendak membina *teaching hospital* seperti ini, sama ada

Kementerian Kesihatan juga jadikan satu pakar rujuk dari segi pembinaan *layout* hospital dan sebagainya.

Ini kerana Kementerian Kesihatan ataupun doktor-doktor ataupun *teaching doctors* adalah *the end user* kepada pembinaan hospital seperti ini. Jadi, saya harap dalam pembinaan *teaching hospital* UNIMAS nanti, pihak Kementerian Kesihatan juga mesti di wujud sama.

#### ■1810

Ini kerana ia ada kesamaan, oleh kerana yang akan menggunakannya adalah para doktor dan juga pelajar-pelajar. Jadi, *the end user* mestilah diberikan perhatian ataupun pandangan mereka harus diminta.

**Dr. Lee Boon Chye:** Saya ambil maklum daripada cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Jadi, sekian sahaja jawapan saya terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Sebelum saya mengakhiri, ingin saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang membangkitkan isu dan juga kepada pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan yang bekerja bertungkus-lumus menyediakan jawapan untuk sidang Dewan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye, pihak Menteri Kesihatan yang telah menerangkan kita bahawa terjaminnya masa depan kita. Begitu pentingnya kesihatan. Bak kata orang tua-tua.

*Ikan sepat ulam kerdas;  
Badan sihat otak cerdas... [Tepuk]*

Apa guna wang bertimbun-timbun, selalu semput dan tidak sihat. Jadi, kita harap Kementerian Kesihatan boleh kamilah, rakyat ya. Jadi, sekali lagi, kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye, Ahli Yang Berhormat kita dan pegawai-pegawainya. Terima banyak.

Sekarang, saya pergi pula kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia. Dipersilakan.

#### 6.11 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut menggulung

perbahasan Belanjawan 2020 bagi pihak Kementerian Sumber Manusia. *Insya-Allah*, saya cuba untuk tidak mengambil masa yang panjang sebab hendak memastikan kita sihat dan boleh balik awal. Kalau tidur lambat-lambat pun, Tuan Yang di-Pertua pun, maklum saja, tambah-tambah Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi, dia pun tidak boleh balik lambat [Ketawa]

Saya pagi tadi baru tahu bahawa Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi ini dulu pengeluar, ada syarikat pengeluar filem- *Tsu Feh Sofiah- Enterprise*, begitu hebat Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi ini. Jadi, dia boleh membuat filem baharu, sekarang ini boleh kita tumpang-tumpang cari makan untuk berlakon. *Hero* tua ada dan *hero* muda pun ada, kan. Macam *Mohabbatein*, ya [Ketawa] Dia kata kena ikut *Bollywood*. *Mohabbatein* ada Amitabh Bachchan, *hero* tua, dan ada Shah Rukh Khan, *hero* muda. Jadi, boleh buat balik filem.

Baik, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapan terima kasih kepada 16 Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh perkara-perkara utama yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia. Kami dapat bahawa ada beberapa perkara yang kami pecahkan kepada kluster soalan iaitu:

- (i) peluang pekerjaan dan hak pekerja;
- (ii) pembangunan sumber manusia negara;
- (iii) pelindungan keselamatan sosial;
- (iv) penggubalan dasar perburuhan;
- (v) gaji; dan
- (vi) gaji minimum.

Berkaitan dengan isu-isu yang berkaitan dengan hak-hak pekerja khususnya dalam konteks pemberhentian pekerja. Untuk makluman Dewan, pemberhentian pekerja berdasarkan kepada angka yang diberikan oleh pihak PERKESO, tuntutan yang dibuat oleh pihak mereka yang diberhentikan kepada PERKESO melalui skim SIP ataupun Sistem Insurans Pekerjaan.

Daripada Januari 2019 sehingga November 2019, sebanyak 37,269 orang yang telah pun kehilangan pekerjaan termasuk seramai 7,879 orang yang diberhentikan ataupun ditawarkan melalui skim VSS ataupun MSS dan yang lain itu adalah pemberhentian biasa. Jadi, kita telah pun menyelesaikan sebahagian besar daripada tuntutan-tuntutan mereka.

Namun begitu, untuk pengetahuan bahawa antara faktor-faktor yang menyebabkan pemberhentian pekerja-pekerja ini antaranya ialah syarikat-syarikat itu sendiri mengambil jalan untuk mengurangkan kos mereka iaitu mengecilkan *structure* ataupun menstrukturkan kembali syarikat-syarikat mereka. Ada juga yang telah pun menggulung syarikat mereka seperti mana

*Utusan Malaysia* yang telah pun memberhentikan pekerja-pekerja dengan angka yang begitu ramai. Lebih kurang 815 orang pekerja di bawah Kumpulan Utusan pada tahun ini.

Ini telah pun kita dapat atasi dengan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mereka yang telah pun berdaftar ataupun mencarum dalam Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Kita telah pun menyelesaikan beberapa bayaran-bayaran faedah yang boleh dan yang telah pun diletakkan di dalam Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Seramai daripada 37,269 orang yang telah pun kehilangan pekerjaan itu, kita telah membantu mereka.

Sebanyak 16,901 orang yang kehilangan pekerjaan itu, kita telah berjaya membawa mereka balik untuk masuk dalam sektor pekerjaan dalam industri-industri ataupun majikan-majikan yang lain, yang berbeza daripada tempat kerja mereka yang lama. Yang selebihnya kita masih lagi terus mencari tempat pekerjaan untuk mereka.

Kemudian, berkaitan isu yang dibangkitkan berkaitan dengan pemberhentian pekerja hotel, TH Hotel & Residence Sdn. Berhad cawangan Sarawak. TH Hotel di Sarawak. Seramai 152 orang pekerja TH Hotel Sarawak pada 1 Mac 2019. Mereka ini telah pun diberhentikan. Jadi, daripada siasatan kementerian iaitu di bawah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, didapati kesemua pekerja yang terlibat yang diberhentikan seramai 152 orang itu tidak layak kepada apa-apa bayaran faedah penamatan kerja kerana perkhidmatan mereka kurang daripada 12 bulan pada tarikh penamatan berkuat kuasa.

Namun begitu, pihak majikan iaitu TH Hotel telah pun memperuntukkan dan membayar baki cuti tahunan yang layak berjumlah RM50,746.85 dan gaji bayaran bulanan yang layak sebanyak RM288,850 kepada kesemua pekerja-pekerja yang terlibat. Ini bermakna bahawa jumlah gaji yang telah pun dibayar sejak Disember 2018 sehingga 1 Mac 2019, adalah berjumlah RM866,550. Jadi, kesemua pekerja ini telah pun menerima bayaran tersebut selaras dengan peruntukan di bawah Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76) yang sedang berkuat kuasa.

Berkaitan dengan isu pengangguran ya. Isu pengangguran dalam negara kita ini, kita melihat bahawa mengikut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada Oktober 2019, ialah sebanyak 3.2 peratus daripada 15.78 juta orang guna tenaga negara berbanding dengan kadar pengangguran pada tempoh yang sama iaitu sebanyak 3.3 peratus pada tahun 2018.

Jadi, statistik ini menunjukkan kadar pengangguran yang terendah semenjak Disember 2015. Jadi, ini menunjukkan bahawa usaha-usaha kita untuk menempatkan kepada pencari-

pencari kerja untuk memasuki di dalam sektor pekerjaan itu berjaya ditingkatkan daripada semasa ke semasa dan sedikit sebanyak telah mengurangkan kadar pengangguran.

Untuk pengetahuan Dewan, kerajaan mengambil maklum keperluan untuk membantu dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan baru-baru ini di dalam Bajet 2020, diumumkan sebanyak RM6.5 bilion bagi tempoh lima tahun, itu inisiatif untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih baik kepada belia dan wanita dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Program ini dijangka mewujudkan tambahan peluang pekerjaan sebanyak 350,000 untuk rakyat di negara ini, antaranya ialah, program Malaysian@Kerja dibahagikan kepada empat program iaitu:

- (i) graduan@Kerja;
- (ii) wanita@Kerja;
- (iii) watan@Kerja; dan
- (iv) perantis@Kerja.

Ini dijangka akan bermula pada suku kedua tahun 2020. Kementerian Sumber Manusia juga melalui Jabatan Tenaga Kerja juga telah berusaha untuk mencari pendekatan-pendekatan untuk memastikan supaya rakyat Malaysia ini diberikan peluang pekerjaan. Mengikut rekod di bawah Jabatan Tenaga Kerja melalui program-program yang telah pun dijalankan oleh *JobsMalaysia* dengan pelbagai program yang telah pun kita lakukan, antaranya ialah:

- (i) karnival kerjaya;
- (ii) *client account*;
- (iii) temu duga terbuka;
- (iv) program kerjasama antara agensi;
- (v) *Holiday Placement for Student*;
- (vi) penempatan dengan kerjasama APS; dan
- (vii) program penempatan golongan khas.

Jadi, sehingga 31 Oktober 2019, bermula daripada 1 Januari 2019 hingga 31 Oktober 2019, seramai 137,333 orang pencari kerja, telah berjaya ditempatkan mereka di dalam berbagai sektor yang terdapat di dalam negara kita ini.

#### ■1820

Ini telah pun dilihat kepada pecahan iaitu seramai 41,090 orang siswazah telah pun berjaya ditempatkan di dalam pasaran pekerjaan dan yang selebihnya iaitu 96,243 orang ialah mereka bukan daripada kalangan siswazah. Ini termasuk untuk pengetahuan Dewan, termasuk di kalangan mereka, 137 ribu itu ialah OKU seramai 718 orang yang telah pun kita berjaya

tempatkan mereka. Pesara, orang yang sudah bersara kemudian hendak balik bekerja pun ada 167 orang, ibu tunggal kita bantu 234 orang, bekas banduan 354 orang, bekas penagih dadah 60 orang, bekas JUVANA 12 orang, gelandangan 97 orang dan pekerja-pekerja yang diberhentikan lebih daripada 16 ribu orang iaitu termasuk daripada angka yang telah pun dikeluarkan oleh PERKESO.

Ini telah berjaya untuk kita tempatkan dan kita harap pada tahun 2020 ataupun pada tahun ini, angka selepas daripada bulan Oktober itu mungkin ada pertambahan-pertambahan lagi melalui kegiatan-kegiatan program yang telah pun kita lakukan sepanjang dua bulan selepas daripada Oktober ini.

Jadi itulah antara isu-isu yang berkaitan dengan isu pekerjaan dan peluang pekerjaan yang kita lakukan melalui Kementerian Sumber Manusia. Apa yang penting ialah kita mengharapkan kepada pihak industri untuk memastikan kita terus relevan dengan perkembangan IR 4.0 ini, mereka akan menggunakan perkhidmatan melalui HRDF iaitu melalui program-program *upskilling* dan *reskilling* melalui caruman-caruman yang telah pun mereka lakukan untuk memberikan latihan yang terkini untuk memastikan pekerja-pekerja mereka itu terus relevan dengan perkembangan-perkembangan revolusi- IR 4.0.

Kemudian saya beralih kepada kluster kedua yang berkaitan dengan TVET, berkaitan dengan soal kesiapsiagaan TVET menghadapi Revolusi Industri 4.0. Bermula daripada tahun 2018, kementerian ini melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran telah memulakan pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dengan mengambil kira elemen teknologi IR 4.0 termasuklah *Cybersecurity*, *Augmented Reality*, *Internet of Things* (IoT) dan lain-lain. NOSS ini akan menjadi asas kepada penghasilan kurikulum yang akan digunakan bagi sesi pengajaran dan pembelajaran pelatih kemahiran dalam memenuhi keperluan IR 4.0.

Kita telah pun mengamanahkan dalam menyediakan NOSS ini kepada apa yang disebut sebagai ILB di bawah JPK iaitu *Industry Lead Body* kerana mereka sendiri, pihak industri sendiri yang menyediakan NOSS ini untuk memastikan supaya latihan yang diberikan nanti itu memenuhi keperluan industri yang terkini iaitu yang berkaitan dengan IR 4.0.

Melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) yang menjalankan kegiatan pendidikan TVET ini di institusi-institusi TVET di bawah kementerian ini juga, kita melakukan pendekatan-pendekatan yang meningkatkan kemahiran dan kompetensi tenaga pengajar ILJTM melalui program persijilan profesional yang meliputi *Cybersecurity*, *Internet of Things*, dan *data analytic* untuk membolehkan

mereka menyampaikan latihan berdasarkan kepada kehendak dan perubahan teknologi terkini untuk dimanfaatkan oleh para-pelajar.

Ini telah pun kita lakukan dan *insya-Allah* kita harap bahawa 2020 ini kita akan tingkatkan lagi daripada semasa ke semasa untuk memastikan supaya latihan kemahiran kita ini merupakan satu kemahiran latihan yang akan dapat memberikan peluang pekerjaan yang lebih besar kepada rakyat negara kita ini.

Oleh sebab itu kita mengharap pada pelajar-pelajar yang berada di sekolah hari ini sama ada khususnya sekolah menengah ini supaya mereka sudah boleh di *channel*-kan untuk memastikan selepas SPM nanti mereka akan dapat melanjutkan, mengambil pendekatan pendidikan melalui TVET ini. Sama ada ke universiti ataupun ke institusi pendidikan TVET ini kerana peluang pekerjaannya lebih daripada 90 peratus, jamin boleh ke pekerjaan, untuk memasuki sektor pekerjaan.

Kemudian berkaitan dengan pendekatan yang dilakukan oleh kementerian juga untuk menempatkan pekerjaan yang merangkumi berbagai-bagai pendekatan seperti yang disebutkan tadi iaitu klien akaun, temu duga terbuka, program kerjasama antara agensi, *holiday placement* dan penempatan dengan kerjasama ini. Program ini telah pun berjaya seperti yang saya sebutkan tadi seramai 137,333 orang telah berjaya ditempatkan untuk memberikan peluang pekerjaan kepada mereka. Kita akan teruskan program ini daripada semasa ke semasa.

Kemudian saya masuk dalam kluster yang ketiga berkaitan dengan perlindungan keselamatan sosial. Berkaitan dengan perlindungan keselamatan sosial ini iaitu di bawah PERKESO khususnya. Untuk makluman Dewan, objektif utama kerajaan menguatkuaskan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, Akta 789 mulai 1 Jun 2017 adalah untuk memberikan perlindungan keselamatan sosial kepada semua golongan yang bekerja sendiri dalam sektor informal.

Buat permulaan akta ini memberikan perlindungan kepada semua pemandu teksi, kereta sewa, *e-hailing*, pengangkutan penumpang dan pemandu bas persendirian. Jadi ini merupakan satu usaha untuk memastikan semua mereka yang bekerja sendiri ini dapat diberikan perlindungan keselamatan untuk jaminan supaya jika berlaku sesuatu keadaan yang tidak diingini sudah tentu ada jaminan perlindungan untuk mereka dan juga keluarga mereka.

Oleh sebab itu kita telah pun berjaya sehingga sekarang ini dalam *e-hailing* ini. Namun begitu, kita masih tidak berpuas hati kerana jumlah yang berdaftar dengan PERKESO ini masih lagi kecil iaitu dalam lingkungan 50,929 orang pemandu iaitu teksi 16,401 orang, kereta sewa

sebanyak 3,226 orang, *e-hailing* sebanyak 28,222 orang, bas persendirian sebanyak 3,040 orang. Ini masih rendah kalau hendak dibandingkan dengan jumlah pemandu teksi, pemandu *e-hailing* ini lebih besar. Saya ingat lebih daripada 100 ribu mungkin ada dalam negara kita.

Jadi kita harap bahawa mereka akan tampil untuk membuat pendaftaran kerana kita menawarkan caruman yang murah dengan boleh mendapat perlindungan yang lebih baik untuk masa depan mereka dan juga keluarga mereka. Kita berikan mereka empat pilihan iaitu sama ada bayaran bulanan caruman RM13.10 sebulan, RM13.10 itu yang paling rendah sekali atau RM19.40 iaitu yang nombor dua rendah, yang nombor dua tertinggi RM36.90 dan yang tertinggi RM49.40. Itu sebulan tetapi kita menggalakkan mereka lebih kepada membayar ikut tahunan, senang mereka tidak perlu berfikir dan tidak perlu- mungkin kerana kadang-kadang terlupa hendak carum, itu akan menjelaskan kepada peluang untuk mereka mendapat faedah-faedah daripada caruman yang telah pun mereka lakukan.

Jadi saya harap kepada pemandu-pemandu teksi, *e-hailing*, kereta sewa, bas persendirian dan sebagainya ini untuk tampil ke hadapan untuk membuat pendaftaran atau caruman dengan seberapa segera. Saya beritahu, selalu mereka kompelin, mereka kata takkanlah hendak saman mereka, hendak denda mereka RM10 ribu dan sebagainya. Saya kata ini bukan soal denda tetapi soal hendak berikan perlindungan untuk mereka dan juga masa depan isteri dan juga anak-anak mereka.

Menerusi pembentangan Bajet 2020 yang diumumkan baru-baru ini, perluasan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri ini kita hendak memperluaskan lagi kepada 18 sektor iaitu sektor yang ini termasuklah nelayan, petani, penggiat seni, penjaja kecil. Kemudian juga dalam mereka yang buat pekerjaan sendirilah- mereka ini tidak ada majikan, mereka sendiri pekerja dan mereka sendirilah tuan punya pekerjaan.

Banyak kalau saya hendak baca ini. Bekalan air, pengurusan sisa, pemulihan, pembinaan dan sebagainya yang mereka buat, tukang sendiri dan sebagainya, mereka boleh berdaftar selepas daripada ini. Namun begitu kita perlu melalui pindaan dengan penambahan perusahaan-perusahaan tersebut di dalam Jadual Pertama Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, Akta 789 mengikut kuasa Menteri dengan perintah di bawah seksyen 84, Akta 789 pada tahun 2020.

Dengan perluasan tersebut mana-mana warganegara Malaysia ataupun pemastautin tetap yang menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri dalam 18 sektor berkenaan boleh menyertai Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri supaya dilindungi akibat bencana pekerjaan sendiri,

sama ada berpunca daripada kemalangan atau penyakit khidmat. Bayaran caruman hendaklah dibayar secara *prepaid* bagi tempoh perlindungan selama 12 bulan.

### ■1830

Kadar caruman adalah tertakluk kepada Akta 789 yang mana pencarum-pencarum boleh memilih pendapatan bulanan pilihan yang diinsuranskan bagi empat kadar yang telah pun saya sebutkan tadi. Ini termasuklah mereka yang berada dalam sektor gig ekonomi, penghantaran makanan dan sebagainya. Mereka boleh membuat caruman selepas daripada ini, *Food Panda* dan sebagainya. Ini untuk memberikan perlindungan dan kerana mereka terlibat dalam sektor yang terdedah kepada berlakunya kemungkinan-kemungkinan perkara yang tidak diingini.

Kemudian, kita juga sedang merangka, membuat persediaan dan persiapan untuk Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah yang dicadangkan akan melindungi suri rumah akibat hilang upaya kekal berpunca daripada apa-apa kemalangan atau insiden yang berkaitan dengan tugas sebagai seorang suri rumah.

Selain itu juga, skim ini akan melindungi suri rumah daripada apa-apa keilatan yang akan disahkan oleh penilai perubatan. Syarat umur kelayakan untuk menyertai skim ini adalah suri rumah yang belum mencapai umur 50 tahun dan syarat kelayakan bayaran faedah sehingga mencapai umur 55 tahun. Suri rumah yang ingin menyertai skim ini hendaklah berdaftar dengan PERKESO dan membuat bayaran caruman secara *prepaid* sebanyak RM10 sebulan ataupun RM120 setahun. Jadi mereka boleh buat caruman. Ini yang kena bayar sendiri, kita buka.

Namun begitu, ada satu lagi peruntukan melalui bajet baru-baru ini ialah RM20 juta diperuntukkan oleh kerajaan iaitu strategi pelaksanaan akan memberikan tumpuan kepada golongan sasaran yang memerlukan perlindungan keselamatan sosial di samping mengurangkan beban kenaikan kos sara hidup untuk menyertai skim ini. Oleh itu, pihak kerajaan akan melaksanakan pendaftaran dan pembayaran caruman bagi seramai 150 ribu suri rumah dalam kategori skim i-Suri KWSP supaya dapat dilindungi melalui bayaran caruman secara *prepaid* selama 12 bulan. Ini akan menelan belanja sebanyak RM18 juta daripada peruntukan RM20 juta yang saya sebutkan tadi.

Lebih RM2 juta daripada peruntukan tersebut akan digunakan sebagai promosi dan pentadbiran bagi pelaksanaan skim ini. Jadi yang ini skim untuk mereka yang telah pun tersenarai layak dalam skim i-Suri KWSP yang ada kaitan dengan senarai e-Kasih tadi. Jadi mereka ini juga akan di carum oleh PERKESO dengan peruntukan daripada kerajaan. Jadi, menunjukkan kerajaan ini sangat mesra wanita dan kita harap bahawa banyaklah golongan wanita dalam

negara kita ini akan mendapat manfaat yang banyak daripada apa-apa kemudahan yang telah pun dilakukan oleh pihak kerajaan.

Kluster yang keempat, penggubalan Dasar Perburuhan Sumber Manusia. Berkaitan dengan cuti bersalin, cuti bersalin untuk sektor swasta sekarang ini baru 60 hari dan cadangan yang telah pun diumumkan di dalam bajet dan kementerian telah pun mengemukakan untuk membuat pindaan kepada Akta Kerja yang, *insya-Allah* kita akan bentang pada sidang Mac tahun 2020 iaitu untuk meningkatkan daripada 60 hari kepada 90 hari, tidak kira apa jenis atau tangga gaji dia, 90 hari dan terhad kepada lima orang anak.

Akan tetapi ada pula satu, dia terhad kepada lima anak, katalah dia dah ada lima anak, terhad kepada lima anak yang masih hidup. Tiba-tiba anak yang kelima itu meninggal, jadi dia boleh *top up* seorang lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua boleh *top up* seorang lagi, kah? Boleh ya? *Insya-Allah [Ketawa]*

Jadi ini peluang yang diberikan oleh kerajaan kepada golongan wanita. Jadi untuk memastikan wanita yang baru melalui tempoh bersalin ini ingin kembali bekerja, juga mereka diberikan pilihan. Wanita ini diberikan juga pilihan iaitu untuk memilih, sama ada nak cuti 90 hari ataupun hendak memendekkan cuti. Kalau dia rasa dia sihat, dia segar, dah bertungku semua dah elok dah, jadi dia hendak pergi kerja, dia boleh balik bekerja. Dia tidak perlu habiskan tempoh percutian dia.

Begitu juga, kita akan memberikan cuti untuk suami- *paternity*, selama tiga hari untuk membantu isteri tapi bukan untuk tidur. Kalau hendak tidur, jadi isteri boleh repot kepada kementerian kata suami dia tidur sahaja di rumah, tidak bantu. Jadi pihak majikan boleh fikir baliklah. Jadi ini kita harap mereka hendak bantu, hendak ambil tok bidan dalam tiga hari itu, hendak pergi daftar anak, begitu begini dan sebagainya, hendak ambil mak mertua, pak mertua dan sebagainya hendak mari ke rumah. Jadi kita beri cuti tiga hari Ustaz Husain. Jadi Ustaz Husain kalau dapat anak lagi, boleh dapatlah kalau bekerjalah. Kalau bekerja, Ustaz Husain boleh dapat tiga hari lagi. Boleh dapat lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Okey, berkaitan dengan soal gaji minimum. Bagi memastikan pelaksanaan Dasar Gaji Minimum dipatuhi oleh semua majikan di negara ini, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 telah memberi kuasa kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Sarawak untuk menjalankan

penguatkuasaan dan penyiasatan berhubung pelaksanaan gaji minimum. Antara aktiviti yang telah pun dijalankan oleh jabatan tersebut ialah pemeriksaan berkanun.

Untuk pengetahuan bahawa kita telah pun sehingga Oktober 2019 telah pun menjalankan 29,472 pemeriksaan terhadap majikan-majikan di seluruh negara untuk memastikan soal pematuhan terhadap prinsip gaji minimum itu telah dipatuhi. Sebanyak 155 Notis Pematuhan telah dikeluarkan terhadap majikan kerana didapati melakukan kesalahan dalam melaksanakan gaji minimum RM1,100 sebulan kepada pekerja-pekerja mereka. Ini bermakna sebanyak 99.4 peratus majikan mematuhi perintah gaji minimum yang telah pun dikeluarkan.

Jadi, *insya-Allah* tahun hadapan kita akan lihat pelaksanaan gaji minimum RM1,200 di 15 kawasan bandar raya dan 40 kawasan perbandaran dan dua, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan. Jumlahnya ialah 57 kawasan dan 70 peratus daripada pekerja-pekerja dalam negara kita ini akan mendapat menikmati gaji minimum RM1,200. Itu di kawasan-kawasan yang dipilih iaitu kawasan yang dilihat sebagai kawasan perbandaran ataupun bandar raya. Ini merupakan proses transisi ke arah untuk kita sampai kepada gaji minimum RM1,500 dalam tempoh lima tahun.

Jadi saya fikir, saya telah pun menyentuh semua isu secara umumnya yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah pun membangkitkan isu-isu berkenaan dengan...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Saya difahamkan Kementerian Sumber Manusia ada buat peruntukan untuk latihan ataupun persijilan *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL). Ini kebanyakannya veteran ATM yang menjalani kursus tersebut. Buat masa ini, saya difahamkan PERHEBAT menjalankan kursus ini, peruntukan di perolehi daripada Kementerian Sumber Manusia. Jadi saya daripada Persatuan Veteran TLDM, tenaga mahir ataupun dipanggil pembimbing kursus ini ada di kalangan persatuan kami. Jadi bolehkah kami memohon untuk jadikan pusat latihan bagi membolehkan mereka lulus dan dikurniakan Diploma RPEL. Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat. Tidak ada masalah kalau hendak buka sebagai pusat-pusat latihan tetapi harus memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) melalui Kementerian Sumber Manusia sebab hendak buka menjadi pusat latihan, pusat bertauliah dan sebagainya, ia

perlu memenuhi syarat-syarat, sama ada dia daripada institusi kerajaan ataupun swasta, dia perlu memenuhi syarat-syarat yang telah pun digariskan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Tidak ada masalah untuk itu.

Jadi sekali lagi saya ucapan terima kasih kepada semua dan tidak lupa saya kepada Tuan Yang di-Pertua yang masih segar sehingga sekarang, walaupun dah menjelang dekat 6.40 masih segar lagi, senyum masih melebar. Saya percaya bahawa *insya-Allah*, malam ini semua boleh balik awal kerana saya telah pun ringkaskan pembentangan ini dan saya ucapan terima kasih juga kepada semua pegawai-pegawai daripada Kementerian Sumber Manusia yang datang daripada awal selepas Zuhur tadi untuk membantu saya dan membuat persediaan kalau-kalau ada soalan-soalan tambahan yang perlu diperjelaskan.

#### ■1840

Akan tetapi *alhamdulillah* saya percaya semua Yang Berhormat semua ini faham belaka tentang apa yang telah pun dibentangkan dan apa yang telah pun dilakukan oleh Kementerian Sumber Manusia. Saya ucapan terima kasih semua selamat menyambut tahun baharu 2020.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mahfuz Haji Omar dan kalau kita dengar pembentangannya tadi kita rasa lega sebab kalau kita balik kampung di sini ramai anak-anak muda yang *graduate* masih ramai tidak kerja. Jadi apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi ke arah melaksanakan supaya mereka dapat bekerja.

Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Mahfuz kita. Tepuk tangan sikitlah... [Tepuk] Itu kita anggap sudah berjaya. Agar niat baiknya itu tadi diperkenankan Allah taala tadi. Jadi itulah saya rasa syabas dan tahniah kepada pemimpin Menteri daripada Sumber Manusia itu sebab Tuan Haji kita ini kawan lama saya. Saya faham apa yang *on the ground* hendak *grassroots* itu ramai sangat yang tidak kerja. Jadi kami doakan usaha Menteri Sumber Manusia ini berjaya dan agar ramailah mendapat pekerjaan.

Sekian, terima kasih banyak Yang Berhormat. Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri dan juga pegawai-pegawai kanan Yang Berhormat. Terima kasih banyak. Terima kasih dan sekarang saya pergi pula kepada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Jadi dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

#### 6.42 ptg.

**Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Yeo Bee Yin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima

kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam Usul Perbahasan Belanjawan 2020 di peringkat dasar di Dewan Negara yang telah membangkitkan isu di bawah kuasa bidang kuasa MESTECC.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi penjelasan saya ataupun ucapan gulungan mengikut sektor-sektor tenaga, sektor sains dan teknologi dan sektor alam sekitar dan perubahan iklim. Saya nampak daripada semua soalan-soalan ataupun apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian hanya ada sektor tenaga dan juga sektor alam sekitar dan perubahan iklim yang telah dibawa oleh Ahli-ahli Dewan Negara. Ini sama di Parlimen juga kita memang tiada ramai Yang Berhormat-Yang Berhormat yang minat sains dan teknologi dan saya menggalakkan sekali lagi kalau ada sidang yang selepas ini kita boleh bangkitkan sikit polisi isu yang berkaitan dengan sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim yang telah pun membangkitkan isu-isu berkaitan dengan bekalan tenaga elektrik.

Berhubung dengan isu tarif elektrik yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Untuk makluman Yang Berhormat penentuan tarif elektrik adalah berdasarkan mekanisme *incentive-based regulation* ataupun kita panggil IBR iaitu kawal selia berdasarkan insentif di mana ia disemak setiap tiga tahun. Pada masa ini tarif untuk tempoh *regulatory* nombor dua adalah untuk tahun 2018 hingga tahun 2020 iaitu tarif asas ialah 39.45 sen per kilowatt jam (kWj).

Berdasarkan mekanisme IBR tarif asas adalah ditentukan dengan andaian harga purata bahan api, arang batu dan juga gas untuk tempoh tiga tahun dan sebarang perbezaan kos sebenar dengan harga andaian dalam penetapan tarif asas akan diselaraskan setiap enam bulan di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) sama ada dalam bentuk surcaj ataupun rebat bergantung kepada kos bahan api dan juga kos penjanaan lain seperti perubahan permintaan elektrik, kadar tukaran wang asing dan lain-lain dalam tempoh tersebut.

Rangka IBR dan ICPT adalah tertakluk kepada garis panduan, *Guidelines on Tariff Determination Under Incentive Based Regulation for Tenaga Nasional Berhad* yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga dan didaftarkan mengikut peruntukan di bawah seksyen

26 dan 50C, Akta Bekalan Elektrik 1990. Pelaksanaan IBR membolehkan prestasi TNB di tanda aras ataupun kita panggil *benchmarking* dengan lain-lain utiliti elektrik di peringkat antarabangsa seperti Australia, Jerman, Singapura, *United Kingdom*, New Zealand, Perancis, Itali dan Sepanyol.

Selain itu KPI-KPI ini juga boleh menjadi lebih ketat dari tempoh *regulatory* ke tempoh *regulatory* yang seterusnya. Selain itu, dalam mekanisme IBR, keuntungan TNB dalam aktiviti juga akan di kawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga berdasarkan *regulated profit*. Berdasarkan formula *weighted average cost of capital* (WACC). WACC ini adalah ditetapkan pada 7.3 peratus sekarang. Sekiranya terdapat keuntungan lebihan daripada kadar WACC, TNB perlu kembalikan wang itu kepada akaun dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE).

Dana ini ditubuhkan di bawah seksyen 44C, Akta Bekalan Elektrik yang bertujuan untuk menangani impak kenaikan tarif elektrik kepada pengguna. *Cushioned the impact of electricity tariff height*. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator untuk tahun 2020 dari Januari hingga Jun 2020, Kabinet telah pada 29 November 2019 telah bersetuju supaya bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2020, kadar efektif tarif elektrik untuk pengguna elektrik Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut.

Pertama, untuk kategori pengguna domestik sebanyak RM62.95 juta daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik akan digunakan untuk menampung surcaj ICPT supaya tiada surcaj dikenakan kepada pengguna domestik. Oleh itu, kadar tarif elektrik akan dikekalkan pada kadar efektif asas pada 39.45 sen per kilowatt jam (kWj). Ini adalah 18 bulan berterusan tiada peningkatan melalui surcaj dikenakan kepada pengguna elektrik domestik.

Kedua, untuk kategori pengguna komersial dan industri pula. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, surcaj sebanyak 2.55 sen per kilowatt jam (kWj) telah pun dikenakan untuk tempoh Julai hingga Disember pada tahun ini. Oleh kerana terdapat penurunan kos bahan api untuk tempoh enam bulan ini, maka dengan sukacitanya saya ingin maklumkan di sini bahawa kadar surcaj pengguna komersial dan industri akan diturunkan sebanyak 0.55 sen per kilowatt jam (kWj) daripada 2.55 sen per kilowatt jam (kWj) kepada 2 sen per kilowatt jam (kWj). Dengan ini kita boleh katakan bahawa pengguna-pengguna komersial dan industri akan mengalami penurunan bil elektrik sebanyak satu hingga 1.5 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid juga telah menyentuh mengenai projek hidro Kampung Ulu Geruntum, Gopeng dan projek hidro negeri Gua Musang. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, semua projek hidro ini adalah tertakluk

kepada kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan adalah tertakluk kepada kelulusan kerajaan negeri. Jika kerajaan negeri tidak meluluskannya, maka projek-projek ini boleh tidak diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Senator Tuan Adrian yang telah membangkitkan isu kadar SAIDI di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah sentiasa bekerjasama untuk meningkatkan tahap perkhidmatan bekalan elektrik di Sabah.

Untuk makluman, dalam Belanjawan 2020 Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM417 juta untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur bekalan elektrik Sabah yang melibatkan projek-projek penjanaan, penghantaran dan pengagihan untuk memperbaiki kualiti bekalan elektrik di Sabah.

#### ■1850

Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga turut menyalurkan bantuan subsidi tarif elektrik dan bahan api kepada SESB untuk membantu mengawal tarif elektrik di Sabah.

Di samping itu, Kabinet juga pada Disember 2018 telah meluluskan untuk menyerap kembali kuasa pengurusan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah sama ada pemilikan SESB atau pengawalseliaan industri elektrik.

Untuk makluman, kerajaan negeri telah siap membuat *due diligence* untuk mengambil alih SESB. Mesyuarat antara MESTECC dan kerajaan negeri berdasarkan *due diligence report* ini telah pun diadakan minggu yang lepas pada 13 Disember 2019 untuk meneliti cadangan-cadangan laporan *due diligence*. Kami juga telah bincang tentang undang-undang dan juga kapasiti organisasi yang diperlukan untuk pengawalseliaan industri elektrik. Kami menyasarkan bahawa kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan boleh *arrive at a deal by the first quarter of 2020*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin mengalih kepada isu alam sekitar dan juga perubahan iklim yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah sedikit berhubung tenaga elektrik tenaga solar?

Saya ditawarkan tanah seluas 200 ekar khusus untuk wujudkan *solar farm*. Masalahnya, sama ada saya boleh mendapat lesen untuk mewujudkan *farm* tersebut? Ini kerana rakan niaga saya akan bawa pelabur daripada negara China untuk mewujudkan *solar farm* tersebut

seterusnya mewujudkan tenaga elektrik. Apa ulasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Yeo Bee Yin:** Terima kasih. Untuk kerajaan-kerajaan negeri ataupun sesiapa yang ada tanah yang besar yang hendak mewujudkan solar farm ataupun *large scale solar*, ada dua cara.

Cara pertama adalah supaya kita membida kepada *open tender* atau tender terbuka yang kita akan buka tender setiap tahun sebanyak sekurang-kurangnya 500 mega watt. Kita kena bina ya. Pembinaan untuk tahun ini telah pun tutup dan juga *winner* akan diumumkan pada masa terdekat. Untuk tahun depan, ada pembukaan tender terbuka lagi. Boleh masuk tender dan tengok sama ada boleh menang kah tender itu melalui *power purchase agreement*. Kalau menang tender, maksudnya TNB, maksudnya kerajaan akan sain satu *agreement power purchase agreement* dengan *developer large scale solar farm*. Akan tetapi, jika kita tidak ada menang pembidaan *large scale solar*- sebab itu memang sangat komparatif- ada cara yang kedua untuk kita buat.

Cara kedua adalah di mana kita membina *large scale solar farm* itu dan membida masuk kepada *what we called energy market called NEDA+* ya. NEDA+ ini di mana kita boleh *bid*, maksudnya tidak ada *power purchase agreement*, tetapi setiap kali kalau kita membida dengan harga yang rendah, maka kita akan *dispatch*, *single buyer* akan *dispatch* tenaga ini dan membayar ini kepada *developer*. So, Yang Berhormat boleh datang ke pejabat saya, kita akan terangkan kepada pelabur-pelabur yang berminat untuk membina *solar farm* dan *dispatch* melalui NEDA+.

Kalau hendak *power purchase agreement*, kita tidak ada anugerah terus ya ataupun rundingan terus ya. Kita tidak anugerah apa-apa projek secara rundingan terus, maka ia perlu ada tender terbuka. Akan tetapi kalau NEDA+, kita boleh bincang dan NEDA+ juga satu pasaran yang kompetitif iaitu *energy market* ya. So, kedua-dua cara ini adalah di mana kita pastikan bahawa kita bukan sahaja hendak tenaga solar tetapi kita hendak tenaga solar pada harga yang paling kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya alih kepada isu alam sekitar dan perubahan iklim yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai dan Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip.

Untuk apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang yang membangkitkan komitmen kerajaan dalam menangani perubahan iklim, untuk makluman semua, Malaysia adalah salah satu *signatory Paris Agreement* di bawah *United Nations*

*Framework Convention On Climate Change (UNFCCC) nationally determined contribution (NDC)*, dengan izin, di mana Malaysia di bawah *Paris Agreement*, kita telah memberi komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon iaitu pelepasan karbon mengikut KDNK sebanyak 45 peratus berbanding dengan tahap tahun 2005 di mana 35 peratus ini adalah tanpa syarat, manakala 10 peratus lagi bergantung kepada sokongan antarabangsa dari segi pembiayaan dan pembinaan kapasiti.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia telah berjaya mengurangkan intensiti pelepasan karbon sebanyak 33 peratus berbanding dengan tahap tahun 2005. Oleh itu, kita agak selesa untuk mencapai sasaran *Paris Agreement* memandangkan masih lagi ada 11 tahun lagi ke tahun 2030 di mana sasaran kita adalah 45 peratus. Oleh itu, Malaysia sedang mengkaji semula NDC kita dan sasaran baharu, sekiranya ada, akan diumumkan di UNFCCC pada tahun depan di *Conference of Parties (COP) 26* di Glasgow, UK.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook dan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai telah membangkitkan isu-isu berhubung dengan pencemaran yang berpunca daripada penggunaan plastik terutamanya plastik sekali guna.

Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lepas saya telah pun menjawab secara panjang lebar berkenaan dengan isu-isu plastik. Akan tetapi, untuk hari ini, saya hanya hendak jelaskan bahawa apa yang saya tidak berkesempatan untuk jawab berkenaan dengan isu plastik.

Kementerian memandang serius terhadap isu plastik dan kita ada beberapa langkah untuk plastik sekali guna. Pertama ialah- secara ringkasnya saya hendak ringkaskan di sini.

Pertama, MESTECC telah pun mengedarkan Surat Pekeliling Am (SPA), Bil. 2/2019-Pelaksanaan Kempen Pelaksanaan Plastik Sekali Guna di kementerian, agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri yang berkuat kuasa pada 15 Mac 2019 kepada semua kementerian, agensi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. SPA tersebut merupakan satu panduan mengenai pelaksanaan Kempen Hindari Plastik Sekali Guna di organisasi masing-masing semasa mesyuarat, majlis rasmi serta program kerajaan.

MESTECC juga melihat keperluan untuk menyeragamkan tindakan dan usaha menangani isu pencemaran di peringkat Persekutuan dan juga kerajaan negeri. Bersama-sama dengan rakan strategik dari kalangan kementerian, agensi kerajaan negeri, industri dan badan bukan kerajaan telah pun membangunkan Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018-2030.

Selain itu, kementerian juga dengan kerjasama KPKT dan juga agensi kerajaan yang lain terus mengadakan aktiviti *communication, education and public awareness* (CEPA) untuk mendidik masyarakat supaya menghindari plastik sekali guna. Saya telah pun...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah?

**Puan Yeo Bee Yin:** Ya.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Yang Berhormat, untuk penggunaan plastik sekali guna untuk beg plastik nampak agak berkesan, tetapi penggunaan botol-botol plastik masih berleluasa. Jadi, apa *solution* kepada masalah botol plastik ini?

**Puan Yeo Bee Yin:** Botol-botol plastik ya, ada yang definisi yang berbeza. Botol-botol plastik yang ada di antaranya bukan dikategorikan sebagai plastik sekali guna. Ada ramai yang kategorikan botol-botol ini sebagai *multipurpose* sebab apabila kita beli botol itu, ada ramai ya yang menggunakan kembali botol tersebut.

Akan tetapi, ada juga ramai yang buang. So, apa yang kita akan buat ialah bagaimanakah kita boleh *recycle*, kitar semula botol-botol ini. Di pelan hala tuju sifar plastik sekali guna ini, kita juga ada fasa untuk menangani masalah botol-botol plastik ataupun bekas-bekas plastik yang boleh dikitar semula.

#### ■1900

Ini kita panggil *circular economy route map* ya yang kita akan umumkan hujung tahun 2020 dan implementasinya adalah akan bermula pada tahun 2021. Sekarang kita sedang membangunkan *circular economy route map* untuk plastik-plastik yang boleh dikitar semula. Kalau Yang Berhormat ada apa cadangan boleh kita *engage* dengan Yang Berhormat dan kita boleh masuk ke dalam *circular economy route map* yang kita akan lancarkan hujung tahun 2020.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga memandang sangat serius dengan isu lambakan sisa plastik yang telah diimport dari luar negara yang tidak mematuhi peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan syarat-syarat lain yang telah pun ditetapkan. Antara tindakan yang telah kita ambil ialah sehingga 30 November 2019, sebanyak 175 kilang kitar semula plastik yang tidak mematuhi Akta 1974 telah pun dikenakan tindakan tahan operasi kilang.

Seterusnya, kita telah pun menjalankan operasi bersepadu di pelabuhan-pelabuhan utama negara untuk membuat pemeriksaan terhadap kontena-kontena sisa plastik yang tidak memenuhi syarat pengimportan. Apa-apa kontena yang haram yang tidak mematuhi syarat-syarat

pengimportan telah pun dihantar balik atau pun dalam proses untuk dihantar balik ke negara-negara asal.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini- ada juga Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip telah pun membangkitkan berkenaan dengan isu pencemaran di Sungai Kim Kim dan Pasir Gudang. Untuk makluman Yang Berhormat Senator khusus kepada insiden Sungai Kim Kim, suspek telah pun dihadapkan ke Mahkamah Seksyen Johor Bahru pada 24 Mac 2019. Perbicaraan empat orang yang disaman tersebut diteruskan pada 3 Disember 2019 dan perbicaraan seterusnya akan diteruskan pada Mac 2020. Secara keseluruhannya sejak insiden Sungai Kim Kim, enam langkah jangka masa panjang telah pun dijalankan oleh pihak kerajaan.

Pertama, tinjauan *extensive* telah pun dijalankan ke atas industri di Pasir Gudang dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang, OPS Ketuk telah pun dilaksanakan di mana rondaan, tinjauan dan lawatan ke atas industri dilaksanakan bagi memastikan kesemua industri-industri di Pasir Gudang dipantau dan operasinya tidak kira siang ataupun malam. Setakat ini lebih daripada 400 pemeriksaan telah pun dibuat. Tambahan lagi, sejak Oktober 2019, kita tambahkan lagi pemantauan dengan menggunakan dron supaya kita boleh memeriksa dan memantau situasi di Pasir Gudang dengan lebih teliti lagi.

Langkah kedua ialah tindakan penguatkuasaan telah pun dilipat gandakan di kawasan Pasir Gudang. Sehingga kini sebanyak 157 kompaun telah pun dikeluarkan dan sebanyak tujuh kertas siasatan telah pun dibuka. Selain itu, sebanyak 250 notis arahan di bawah seksyen telah pun dikeluarkan oleh Johor. Sebanyak 76 kertas siasatan telah pun dibuka bagi kegagalan pihak industri untuk mematuhi Notis Arahan ini dan dilengkapkan dan semua kertas siasatan ini akan dirujuk kepada pihak pendakwa raya.

Ketiga, Jabatan Alam Sekitar telah pun menubuhkan cawangan Pasir Gudang khususnya untuk bertindak dengan terus dan juga memendekkan *response time* bagi sebarang aduan yang diterima. Unit ataupun cawangan Pasir Gudang telah pun mula ditempatkan dan bermula operasi dari 29 Ogos 2019. Ruang pejabat adalah secara pinjaman daripada pihak Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Kami hendak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor.

Keempat, kementerian juga memperkenalkan program sekolah angkat oleh pihak industri yang kita cetuskan semasa sesi *townhall* bersama dengan pihak industri pada 1 Julai 2019.

Kelima, Kabinet telah meluluskan peruntukan sebanyak RM17.7 juta untuk meningkatkan pemantauan kualiti udara di kawasan perindustrian seluruh Malaysia terutamanya di Pasir Gudang. Antaranya termasuk pemasangan tambahan 25 alat pengukur gas automatik, *Total*

*Volatile Organic Compound* (TVOC) iaitu *Photo-Ionised Detectors* (PID) di sekitar Pasir Gudang untuk membina rangkaian *real-time alert system*, dengan izin, untuk memberi amaran awal supaya tindakan penguatkuasaan boleh diambil secepat mungkin.

Untuk makluman semua, pemasangan 25 PID ini telah pun siap pada bulan ini dan sekarang kerja-kerja *calibration* sedang dijalankan untuk tempoh 3 bulan dan selepas itu, sistem itu akan siap dan lengkap. Dengan ini, Pasir Gudang akan menjadi kawasan industri pertama di Malaysia yang dilengkapi oleh *real-time alert system* untuk TVOC. Selain itu, peruntukan yang diluluskan oleh Kabinet juga bertujuan untuk memperkasakan jentera-jentera Jabatan Alam Sekitar secara keseluruhannya melalui lebih banyak lagi peralatan pemantauan seperti stesen bergerak *gas chromatography-mass spectrometry* (GC-MS) yang bernilai RM1.1 juta, stesen bergerak *gas chromatography with flame ionization detector* (GC-FID), *portable particular sampler* yang bernilai RM2.32 juta dan lain-lain lagi.

Keenam, JAS juga telah pun menjalankan kajian analisa beban dan kapasiti tampungan bagi kawasan Pasir Gudang yang melibatkan ahli akademik, jabatan, agensi teknikal dan pihak industri dan laporan *preliminary* telah pun siap. Kajian jawatankuasa ini siap pada Oktober dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun mempengerusikan mesyuarat ini untuk memastikan bahawa tindakan atau syor jawatankuasa ini diselaraskan antara kementerian-kementerian dan agensi yang terlibat. Bukan sahaja MESTECC terlibat ya dalam insiden ini tetapi ada banyak kementerian yang terlibat.

Oleh itu, kita memerlukan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mempengerusikan supaya tindakan ini boleh diselaraskan dan syor-syor daripada laporan ini bukan sahaja setakat laporan sahaja, tetapi kita memang memantau dengan secara berkala, memantau dengan baik supaya tindakan diambil ya.

Kementerian-kementerian yang termasuk ya termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertanian, kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan. Jawatankuasa ini akan bersidang setiap tiga bulan untuk memantau tindakan-tindakan ini. Bukan dalam peringkat Persekutuan sahaja, kita pun pasukan MESTECC juga pergi ke Johor supaya kita membentangkan syor-syor ini atau pun *finding* daripada laporan ini kepada Kerajaan Negeri pada 19 November 2019 supaya tindakan yang lebih terperinci di peringkat kerajaan negeri juga boleh diambil.

Sekian sahaja, maklum balas saya tentang isu-isu di bawah MESTECC yang telah pun dibangkitkan di Dewan Negara dan saya sekali lagi berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh bidang kuasa MESTECC. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri iaitu Yang Berhormat Puan Yeo Bee Yin. Sebagai Menteri, kita ucap syabas dan tahniah- Menteri sendiri turun ke Dewan kita ini. Jadi, tepuk sikit lah ya kerana datang tempat kita ini... [Tepuk] Kita pun rasa lega lah banyak peluang-peluang ada ya termasuk tadi yang ditanya oleh kita punya pahlawan tadi. Sekarang juga kita rasa, kita bolehlah ambil peluang-peluang apa ada di kita punya Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Sekali lagi, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat dan kakitangan kementerian. Terima kasih banyak.

Sekarang saya pergi pula kepada Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli. Dipersilakan.

#### **7.09 mlm.**

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera.*

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan 13 Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020.

#### **■1910**

Saya akan menjawab ke atas perbahasan belanjawan di peringkat dasar mengikut enam isu seperti berikut: pertama, pemuliharaan sungai; kedua, bekalan air, dan pembetungan; ketiga, berkenaan tanah; keempat, berkenaan ukur; kelima, berkenaan hutan; dan yang akhir, hidupan liar.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang pertama berkenaan dengan pemuliharaan sungai. Kerja-kerja pemuliharaan sungai, parit dan tali air adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan juga menyalurkan peruntukan mengikut keutamaan dan kawasan-kawasan yang kritikal.

Penyaluran adalah berdasarkan permohonan daripada negeri bagi penyelenggaraan sungai-sungai yang berisiko banjir di bawah Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Pelbagai Negeri. Soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris memohon kerajaan menyatakan status projek seperti berikut, pertama- pemuliharaan muara

Sungai Besut, dan juga pemuliharaan dan menaik taraf Sungai Chepoh Mukim Telemong, Hulu Terengganu.

Di bawah RMK-10, kerajaan telah meluluskan projek pemuliharaan muara Sungai Besut Terengganu untuk dilaksanakan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan *ceiling cost* sebanyak RM238 juta. Pelaksanaan kerja-kerja fizikal di tapak telah bermula pada 13 Disember 2016 di mana peratusan kemajuan kerja adalah sebanyak 63 peratus.

Di peringkat awal rancangan projek ini dijadualkan siap pada 12 Disember 2019. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan projek ini dijadualkan akan siap pada 1 April 2020. KATS melalui JPS sedang memantau rapi projek ini dan akan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan projek ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Di bawah RMK-11, kerajaan telah meluluskan projek pemuliharaan dan menaik taraf Sungai Chepoh serta kerja-kerja berkaitan Mukim Telemong, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu yang dilaksanakan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Pengairan dan Saliran yakni JPS dengan *ceiling cost* sebanyak RM15 juta. Pelaksanaan kerja-kerja fizikal di tapak bermula pada 26 April 2018 di mana peratusan kemajuan kerja adalah sebanyak 26 peratus. Projek ini dijadualkan siap 25 April 2020.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim...

**Datuk Razali bin Idris:** Saya mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Berkenaan dengan dua projek pemuliharaan Sungai Besut dan menaik taraf Sungai Chepoh di Hulu Terengganu. Sebenarnya saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini kerana berkali-kali perkara yang sama dibincangkan dalam mesyuarat di peringkat negeri. Jadi, alasannya alasan yang sama seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi.

Jadi, saya rasa sesuatu perkara yang mungkin berlaku kerana di peringkat negeri kita ada sekali jawatankuasa peringkat negeri turun melihat bagaimana projek di Sungai Besut dan kita nampak memang projek tersebut memang agak malang hendak disiapkan seperti mana tarikh yang disebutkan Disember 2020 dan sekarang 1 April 2020.

Jadi, di sini saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian mengambil sedikit masa untuk turun ke negeri Terengganu dan bersama-sama dengan Ahli Jawatankuasa Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Terengganu yang baru ditubuhkan setahun bermula pada tahun 2019 supaya kita dapat menilai perkara sebenarnya.

Saya rasa pihak kementerian, pihak Yang Berhormat Menteri saya minta Yang Berhormat Menteri turun dan kita bersedia untuk bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri melawat kedua-dua projek yang saya sebutkan tadi. Ini bukan projek yang sakit biasa, ini sakit tenat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita akan ambil maklum apa yang dicadangkan. Boleh saya teruskan dengan Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim bertanya, adakah kerajaan ada bercadang untuk membina *break water* di muara Sungai Mersing yang mana ia boleh menghalang pasir-pasir daripada masuk ke muara Sungai Mersing.

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Pengairan dan Saliran akan memohon peruntukan bagi pelaksanaan projek pemuliharaan muara Sungai Mersing di bawah RMK-12. Kajian perlu dibuat untuk mengenal pasti punca muara cetek iaitu sama ada berpunca daripada sistem sungai, pengurangan aliran daripada sistem sungai ataupun hakisan di kawasan hulu sungai atau isu mendapan pasir daripada kawasan persisiran pantai. Selain daripada itu, pelaksanaan kajian berkenaan juga adalah bagi menentukan struktur yang sesuai untuk kawalan pemendapan di muara sungai berkenaan.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, memohon kerajaan mempertimbangkan pembinaan empangan besar di kawasan Kuala Krai, hulu Kelantan bagi mengurangkan jumlah banjir dan bagi sumber bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah banjir di negeri Kelantan Empangan Nenggiri dan Empangan Lebir merupakan dua komponen empangan yang dirancang dalam *Total Solution Project*, Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan.

Pihak Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Pengairan dan Saliran akan memohon peruntukan bagi kajian kemungkinan Empangan Lebir di bawah permohonan projek RMK-12 manakala pelaksanaan Empangan Nenggiri adalah di bawah Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Saya akan masuk ke isu kedua berkenaan dengan bekalan air dan pembetungan. Tuan Yang di-Pertua, pengurusan air secara terancang menjadi sebuah agenda pembangunan yang penting di Malaysia kerana air merupakan salah satu keperluan kehidupan untuk manusia mahupun binatang. Pengurusan air yang baik bermula daripada pengurusan sumber air yang mapan.

Pengurusan bekalan air yang cekap dan pengurusan pembetungan yang lestari. Pengurusan air di Malaysia melibatkan pelbagai jabatan dan agensi beroperasi secara sektoral bergantung kepada peranan, tanggungjawab dan perundangan sedia ada. Secara umumnya, bidang kuasa air terletak dalam bidang kuasa kerajaan negeri melalui pindaan Perlembagaan pada tahun 2005, senarai perundangan Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan perkara-perkara berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air daripada senarai negeri kepada senarai bersama.

Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid memohon kerajaan menjelaskan status projek bekalan air di Kuala Koh, Gua Musang yang tercemar yang mengakibatkan seramai 12 orang meninggal dunia.

Kerajaan melalui Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli komited dalam membantu penduduk Orang Asli di Kampung Kuala Koh, Gua Musang untuk mendapatkan bekalan air terawat. Ketika ini penduduk telah menikmati bekalan air terawat seperti mana yang diperlukan. Kementerian melalui kerjasama bahagian bekalan air serta Jabatan Mineral dan Geosains telah melaksanakan Projek Mengatasi Masalah Bekalan Air Terawat di Kampung Orang Asli, Kuala Koh dan projek tersebut telah siap pada 25 November 2019 dengan skop kerja seperti berikut:

- (i) pembinaan telaga tiub dengan luahan selamat air berkapasiti 1,500 liter sejam;
- (ii) pembinaan loji rawatan air berkapasiti 36 ribu liter sehari;
- (iii) sistem jana kuasa tunggu sedia; dan
- (iv) menyediakan sistem retikulasi dan bekalan air sehingga ke rumah dengan tangki simpanan berjumlah 18 ribu liter.

#### ■1920

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa memohon kerajaan menjelaskan apakah perancangan dan tindakan kerajaan untuk membantu negeri Kelantan bagi meningkatkan lagi keupayaan perkhidmatan bekalan air bersih kepada semua rakyat negeri Kelantan terutama dalam menukar saliran dan paip-paip lama berkarat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu penduduk negeri Kelantan mendapatkan bekalan air bersih dan berkualiti penekanan utama diberikan kepada program penggantian dan baik pulih paip-paip lama dan uzur. Untuk itu di bawah program penukaran paip lima tahun 2018 sehingga 2022 Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah meluluskan peruntukan keseluruhan berjumlah lebih RM978 juta kepada Air Kelantan Sdn. Berhad (AKSB).

Dalam pada itu, fokus juga diberikan kepada penambahan kapasiti pengeluaran loji rawatan air bagi memenuhi permintaan air bagi pembangunan-pembangunan baru dan ekoran pertambahan penduduk. Untuk itu PAAB juga telah meluluskan peruntukan berjumlah RM65.3 juta kepada AKSB bagi pembinaan 13 loji rawatan air mini di seluruh negeri Kelantan melibatkan lebih 20,000 akaun pengguna dengan pertambahan jumlah air terawat sebanyak 69.7 juta liter sehari.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak bin Husin memohon kerajaan menjelaskan status pertukaran pinjaman kepada geran untuk projek membaik pulih loji rawatan pembetungan di Kelantan yang telah dihantar suratnya pada tahun 2012 tetapi tiada jawapan. Keduanya, adakah kerajaan negeri lain menerima geran bagi kerja baik pulih loji rawatan pembetungan berbanding Kelantan yang ditawarkan secara pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pembiayaan perbelanjaan modal iaitu *capital expenditure* diberikan secara langsung atau geran kepada semua negeri di seluruh Malaysia kecuali negeri Sabah, Sarawak dan Kelantan. Bagi negeri Sabah, Sarawak dan Kelantan peruntukan bagi melaksanakan projek-projek pembetungan disalurkan secara pinjaman. Hal ini kerana perkhidmatan pembetungan di Sabah, Sarawak dan Kelantan tidak dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Indah Water Konsortium Sdn. Berhad- yakni IWK.

Bagi projek pembinaan loji rawatan kumbahan serantau dan rangkaian paip pembetungan di Tanjung Kelantan, peruntukan yang diberikan adalah secara langsung atau geran selaras dengan kelulusan yang telah diberikan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada masa ini yang dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada tahun 2017. Pada masa ini kerja-kerja pengoperasian dan penyelenggaraan sistem perkhidmatan pembetungan di negeri Kelantan dilaksanakan oleh Majari Service Sdn. Berhad yang merupakan anak syarikat di bawah entiti Perbadanan Menteri Besar Kelantan di mana lesen perkhidmatannya akan tamat Jun 2021.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid memohon kerajaan melihat semula cadangan kenaikan tarif air negara memandangkan ia akan membebankan rakyat. Kerajaan ingin memaklumkan bahawa penyelarasan kadar tarif air melalui mekanisme penetapan tarif air-*tariff setting mechanism (TSM)*, bertujuan untuk mewujudkan mekanisme penetapan tarif air yang bersistematis telus serta adil bagi manfaat kita semua.

Analisis yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mendapati purata kadar air sedia ada adalah terlalu rendah iaitu RM1.38 bagi setiap 1,000 liter. Berbanding dengan kos sebenar iaitu RM2.31 bagi setiap 1,000 liter. Malah terdapat negeri yang tidak pernah menyemak kadar tarif sedia ada melebihi tempoh 35 tahun. Kadar tarif yang rendah ini telah menyebabkan kutipan bil air tidak dapat menampung kos keseluruhan penyediaan perkhidmatan bekalan air. Keadaan ini seterusnya meletakkan operator air dalam kedudukan kewangan yang lemah dan jaminan perkhidmatan bekalan air yang berkualiti kepada rakyat tidak akan dapat diberikan.

Oleh yang demikian, pelarasian tarif di bawah TSM adalah suatu perkara yang tidak boleh dielakkan ke arah perkhidmatan yang lebih baik. Melalui tarif yang baharu, operator air akan berupaya menambah kualiti perkhidmatan kepada pengguna khususnya melalui pelaksanaan projek-projek menambah baik infrastruktur sistem bekalan air seperti pembinaan loji rawatan air baharu, menaikkan taraf loji rawatan sedia ada, menggantikan paip uzur dan kerja-kerja penyelenggaraan perkhidmatan. Namun begitu dalam meletakkan kadar tarif air baharu di bawah TSM, kerajaan mengambil kira kepentingan golongan berpendapatan rendah termasuk daripada kumpulan B40 terhadap akses kepada bekalan air.

Oleh yang demikian, pelarasian tarif yang dicadangkan adalah minimum iaitu melibatkan kenaikan antara 6 sen hingga 71 sen bagi setiap 1,000 liter. Kadar ini secara umumnya jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan bayaran utiliti lain seperti elektrik, gas dan telekomunikasi. Sebagai menjamin supaya pelaksanaan TSM tidak membebankan rakyat, kerajaan juga akan memastikan kenaikan pada kadar yang minimum dilakukan kepada jalur penggunaan antara 0 hingga 20 meter padu. Hal ini adalah kerana penggunaan air dalam jalur tersebut adalah mewakili 47.8 peratus penggunaan domestik di Malaysia.

Kerajaan ingin menegaskan bahawa pelaksanaan TSM adalah merupakan satu langkah penting untuk membina kemapanan jangka masa panjang industri perkhidmatan bekalan air seluruh Malaysia. Melalui TSM, jaminan kelangsungan bekalan air yang berkualiti pada harga yang adil serta telus dapat diwujudkan sekali gus membina asas yang kukuh ke arah kesejahteraan dan kemakmuran bersama di masa hadapan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat maaf, sekejap ya.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh memohon kerajaan mengkaji semula berkenaan bayaran perkhidmatan pembetungan Indah Water Konsortium sebanyak RM2 sebulan kepada orang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 67 di dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 iaitu Akta 655 menetapkan bahawa pemilik atau penghuni mana-mana premis yang kepadanya perkhidmatan pembetungan disediakan disifatkan telah berkontrak dengan Indah Water Konsortium apabila perkhidmatan pembetungan disediakan kepada premis itu.

Pemilik atau penghuni premis perlu membayar caj bulanan pembetungan seperti yang telah dinyatakan dalam Peraturan Perkhidmatan Pembetungan 1984 dan Akta 655. Dalam hal ini saya ingin menjelaskan di mana caj bulanan sebanyak RM2 yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah termasuk di bawah kategori rumah kediaman kos rendah dan kuarters kerajaan dalam kategori F, G, H, dan I.

#### ■1930

Tuan Yang di-Pertua, kadar perkhidmatan pembetungan semasa tidak mencerminkan perkhidmatan sebenar yang diberikan oleh IWK. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kos operasi dalam memberikan perkhidmatan pembetungan jauh lebih tinggi daripada pendapatan yang diperoleh daripada perkhidmatan pembetungan ini.

Kos utama dalam memberi perkhidmatan pembetungan adalah termasuk kos perawatan dan pelupusan kumbahan serta kos pengendalian dan penyelenggaraan sistem pembetungan awam. Cas perkhidmatan pembetungan bagi penggunaan domestik sejak 1997 iaitu antara RM2 hingga RM8 sebulan adalah lebih rendah berbanding dengan kos penyediaan perkhidmatan oleh IWK yang pada masa ini iaitu dalam lingkungan RM18 hingga RM20 sebulan untuk setiap rumah.

Perkhidmatan pembetungan bersambung disediakan secara berterusan kerana air sisa dari premis disalurkan melalui paip pembetungan di bawah tanah ke loji rawatan kumbahan untuk dirawat sehingga memenuhi tahap Piawaian Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling. Bagi premis yang tidak berpenghuni, cas bulanan pembetungan juga perlu dibayar kerana infrastruktur pembetungan yang telah disediakan perlu diselenggarakan untuk sistem terus beroperasi dengan baik.

Walau bagaimanapun, jika premis tersebut tidak berpenghuni sekurang-kurangnya dalam tempoh enam bulan di mana penggunaan air sebulan adalah 3 meter padu dan ke bawah, pemilik

atau penghuni premis bertanggungjawab memaklumkan kepada pihak IWK untuk memberhentikan caj bulanan pembetungan tersebut. Caj akan dikenakan semula apabila premis tersebut telah diduduki.

Untuk memastikan perkhidmatan yang lebih efisien, caj pembetungan minimum seharusnya dikenakan terhadap premis yang tidak diduduki seperti yang diamalkan di dalam caj bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada isu yang ketiga berkenaan tanah. Yang Berhormat Senator Dato'...

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua, boleh / celah sikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Dengan izin ya, *for purpose of the septic tank domestic users, you have a minimum charge of RM2, basic charge of RM2 a month. Then what about if we asked them to come and clean up the waste and all that, so do they impose a separate charge or they have no other charges?*

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menjelaskan di sini, kalau *septic tank* ini kita *consider* yang individu. Individu kita tidak caj, yang kita caj adalah yang berterusan makna *septic tank* itu bersambung dengan pihak perumahan kepada loji IWK. Itu yang kita caj ya. Kalau individu kita tidak caj. Itu kalau sekiranya- kita ada bagi tawaran sekiranya setiap dua tahun sekali, mereka ingin perkhidmatan IWK untuk sedut najis tersebut, kita akan cajkan lebih kurang RM144 untuk dua tahun lah. Maknanya jatuh satu hari lebih kurang 25 sen, macam itu.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Jadi, adakah saya betul fahaman untuk *septic tank* punya domestik *user*, *basic charge* RM2 pun tidak payah bayar?

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Seperti yang mana saya sebut tadi, kalau *septic tank* individu kita tidak perlu bayar. Hanya yang bayar untuk yang bersambung daripada rumah tersebut kepada loji kumbahan, itu kena bayar. Okey, seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya masukkan isu ketiga berkenaan tanah.

Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili memohon kerajaan menyatakan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau tidak ada dalam Dewan, tolong beri secara bertulis.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi ada dalam Dewan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Tidak ada ya. Okey, secara bertulis. Yang Berhormat Senator Datuk..., sama juga bertulis. Dia banyak ini, ada tiga, empat. Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi juga, ada empat soalan.

Sekarang saya pergi kepada isu keempat, daripada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Tidak ada juga.

Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Ada ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak nak keluar [Ketawa]

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Dia tak nak keluar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua kementerian dia ada [Ketawa]

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Okey. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai memohon kerajaan menjelaskan apakah status pengukuran sempadan terkini yang dibuat oleh JUPEM untuk menentukan sempadan dengan negara jiran termasuk Indonesia yang akan mengubah ibu negara mereka dari Jakarta ke Kalimantan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai tiga sempadan darat yang melibatkan negara jiran iaitu Thailand, Indonesia dan Brunei Darussalam dengan jarak keseluruhan bagi persempadan negara adalah sejauh 3,257 kilometer, yang mana dari jumlah tersebut, sebanyak 2,522.3 kilometer yakni 77 peratus telah dipersetujui melalui memorandum persefahaman yang ditandatangani bersama negeri jiran yang terlibat.

Sempadan Malaysia-Thailand. Bagi sempadan Malaysia-Thailand, Thailand dengan jarak keseluruhan 662 kilometer, jarak sejumlah 543 kilometer yakni 82 peratus telah pun dipersetujui oleh kedua-dua negara melalui MOU. Kawasan yang belum dipersetujui adalah kawasan Sungai Golok sejauh 106 kilometer dan kawasan Bukit Jeli yang merupakan kawasan bermasalah yang masih dalam peringkat perundingan.

Manakala sempadan Malaysia-Indonesia, bagi sempadan Malaysia-Indonesia pula, jarak keseluruhan adalah 2,067 kilometer. Jarak yang telah dipersetujui oleh kedua-dua negara melalui MOU adalah sejauh 1,976 kilometer, 96 peratus kawasan yang belum dipersetujui adalah

kawasan bermasalah. ODP yang melibatkan yang melibatkan dua sektor itu ialah Sabah dan Sarawak.

Bagi sektor Sabah, terdapat dua kawasan bermasalah, OBP yang masih dalam peringkat perundingan iaitu Pulau Sebatik dengan jarak sejauh 24 kilometer dari Sungai Sinapad, Sesai, B2700-B3100 dengan jarak sejauh 18 kilometer. Sementara bagi kawasan *West Pillar* ke A22 sejauh 23 kilometer. Penandaan dan pengukuran masih belum dapat dijalankan. Bagi sektor Sarawak pula, terdapat empat kawasan bermasalah yang perlu dirundingkan bersama yang melibatkan kawasan Batu Aum, 1 kilometer Gunung Jakoi, 22 Kilometer Gunung Raya, 15 kilometer dan D400, 0.3 kilometer. Sempadan Malaysia-Brunei, jarak keseluruhan Malaysia-Brunei Darussalam adalah 528 kilometer dan kerja-kerja penandaan serta pengukuran sedang giat dijalankan.

Walau bagaimanapun, penandaan dan pengukuran bagi jarak sejauh 64 kilometer telah siap tetapi masih dalam proses persetujuan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kelima berkenaan dengan hutan. Perkara 74(2), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan perkara-perkara berkaitan tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) adalah dalam memberi khidmat nasihat teknikal mengenai pengurusan dan pembangunan, menjalankan penyelidikan dan latihan berkaitan perhutanan kepada kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri.

Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, ada kan? Memohon kerajaan menjelaskan usaha kerajaan bagi menjaga dan memelihara hutan paya bakau, paya gambut dan menyediakan peruntukan khas bagi tujuan tersebut. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM56.4 juta sejak tahun 2005 sehingga kini bagi melaksanakan usaha memelihara dan memulihara hutan paya laut dan kawasan persisiran pantai negara melalui pelaksanaan program penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di pesisiran pantai negara.

#### ■1940

Program ini melibatkan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), kementerian-kementerian dan agensi kerajaan berkaitan, jabatan-jabatan perhutanan negeri di seluruh negara serta badan-badan bukan kerajaan (NGO). Sehingga 3 Disember 2019, seluas 2,926.34 hektar kawasan persisiran pantai

di seluruh negara telah ditanam dengan sebanyak 6,801,252 batang pokok bakau dan spesies-spesies pokok persisiran pantai.

Usaha untuk menjaga dan memulihara ekosistem tanah gambut juga telah dilaksanakan. Pelbagai tindakan telah digariskan dalam Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan 2011-2020. Kepentingan memelihara dan memulihara ekosistem tanah gambut juga telah ditekankan dalam Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025.

Kementerian Industri Utama (MPI) juga telah memperkenalkan beberapa kaedah untuk menambah baik pengurusan perladangan secara lestari yang telah dijalankan di atas tanah gambut dengan menyasarkan semua aktiviti-aktiviti perladangan termasuk pekebun kecil perlu untuk disahkan atau diperakui oleh standard *Malaysia Sustainable Palm Oil* (MSPO) pada 31 Disember 2019 serta melaksanakan langkah-langkah lain untuk mempertingkatkan kemampaman pertanian dan pengurusan hutan. Selain itu, Pelan Pengurusan Bersepadu dihasilkan untuk kawasan gambut di Selangor dan Pahang serta penyediaan rancangan pengurusan bagi kawasan tanah gambut terpilih di Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Senator Tuan Adrian juga bertanya memohon kerajaan menjelaskan usaha kerajaan untuk meningkatkan usaha konservasi di kawasan bukit dan tanah tinggi bagi menjamin kawasan tадahan air. Antara usaha kerajaan bagi memelihara kawasan bukit dan tanah tinggi bagi menjamin kawasan tадahan air adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Perhutanan Negara pada tahun 1992 dan 1996 telah memutuskan supaya semua negeri mengenal pasti kawasan di dalam hutan simpan kekal (HSK) yang sesuai dan mewartakan kawasan tersebut sebagai hutan tадahan air (HTA) mengikut peruntukan subseksyen 10(1)(e) Akta Perhutanan Negara 1984;
- (ii) Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sentiasa memantau status pewartaan kawasan HTA dalam HSK secara berterusan dan melaporkan sentiasa berkenaan dalam Majlis Tanah Negara (MTN);
- (iii) HSK yang telah dikenal pasti sesuai untuk diwartakan di bawah fungsi kelas HTA adalah seluas 1,033,463 hektar. Sehingga Jun 2019, seluas 905,896 hektar kawasan di dalam HSK telah diwartakan sebagai HTA. KATS melalui JPSM telah menyediakan dan mengedarkan garis panduan penubuhan dan pengurusan kawasan hutan tадahan air dalam HSK kepada semua Jabatan

- Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia untuk dijadikan panduan dalam mengurus HTA di negeri masing-masing;
- (iv) melaksanakan pemulihan kawasan hutan terosot dengan sasaran sebanyak 1,640 hektar melalui program restorasi tebus guna dan pemulihan kawasan hutan terosot di Semenanjung Malaysia; dan
  - (v) Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM69.89 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sejak tahun 2009 melalui peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia untuk menyokong pelaksanaan inisiatif HOB.

Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid memohon kerajaan supaya— Ada ya? Memohon kerajaan supaya menyediakan modul dan latihan serta bimbingan kepada NGO-NGO Orang Asli dan komuniti Orang Asli dalam program bekerjasama untuk memelihara flora dan fauna selaras dengan peruntukan sebanyak RM20 juta yang disediakan dalam Bajet 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sedang melaksanakan projek pendokumentasi pengetahuan tradisi berkaitan tumbuhan ubatan dan beraroma secara komprehensif, membangunkan pangkalan data TK di Semenanjung Malaysia dan mengaplikasikan *traditional knowledge* (TK) ke arah perkongsian faedah dan peningkatan taraf hidup Orang Asli.

Projek TK bermula pada pertengahan tahun 2007 sehingga kini telah menerima dana keseluruhan sebanyak RM9.81 juta daripada beberapa agensi iaitu KATS, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). Dahulunya dikenali sebagai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan *United Nations Development Programme* (UNDP).

Projek ini membolehkan usaha pendokumentasian TK mengenai tumbuhan ubatan dan beraroma daripada keseluruhan 18 suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia dilaksanakan. Projek ini merupakan langkah awal dalam memelihara tumbuhan ubatan dan beraroma yang digunakan oleh Orang Asli. Sebahagian besar daripada aktiviti ini memerlukan penglibatan secara langsung komuniti Orang Asli terpilih.

Setakat ini, semua 18 suku kaum Orang Asli daripada 22 lokasi telah terlibat dalam projek ini. Seramai 1,095 peserta terlibat dalam bengkel kesedaran yang bertujuan memberi kesedaran tentang kepentingan memelihara dan memulihara pengetahuan tradisi terutamanya berkaitan sumber biologi. Selain itu, seramai 506 orang peserta Orang Asli telah diberikan latihan dalam

penyediaan spesimen herbarium. Sehingga kini, sejumlah 2,432 spesimen herbarium telah berjaya disediakan oleh Orang Asli.

Selain itu, KATS melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) serta badan bukan kerajaan (NGO) akan menyediakan modul dan latihan bagi program kerjasama untuk memelihara flora dan fauna negara. Antara modul dan latihan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) pengenalan kepada hidupan liar di Malaysia;
- (ii) kaedah inovatif hidupan liar dan operasi jerat;
- (iii) konservasi sumber biodiversiti;
- (iv) prosedur dan aktiviti penguatkuasaan;
- (v) pengenalan kepada akta dan perundangan penguasaan dalam kawasan perlindungan; dan
- (vi) pengenalan kepada peranan dan fungsi Jabatan PERHILITAN, Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) dan Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNP).

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid memohon kerajaan supaya mengenal pasti kampung-kampung komuniti Orang Asli dan NGO Orang Asli yang akan terlibat dalam usaha memulihara hutan. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) serta Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah mengenal pasti beberapa kampung yang boleh terlibat dengan program kerjasama untuk memelihara flora dan fauna iaitu:

#### ■1950

- (i) Kampung Sungai Tian, Kampung Air Banun, Kampung Sungai Kejar, Kampung Pos Kemar di Kompleks Hutan Belong, Temenggor, Kampung Prias, Kampung Tohoi, Kampung Pasik, Kampung Sungai Temau, Kampung Beta, Kampung Jentil, Kampung Pos Lanai di Kompleks Banjaran Titiwangsa;
- (ii) Kuala Koh, Kampung Sungai Garam, Kampung Asli Kuala Atok di Kompleks Taman Negara;
- (iii) Kampung Peta, Kampung Punan, Kampung Berasau, Kampung Pengkalan Bukit, Kampung Pujut di Kompleks Endau, Rompin; dan
- (iv) Kampung Gumum dan Kampung Melai di Tasik Chini, Pahang.

Di samping itu terdapat beberapa badan bukan kerajaan (NGO) bekerjasama dengan Orang Asli di dalam memelihara khazanah hutan negara iaitu *World-Wide Fund for Nature Malaysia, Wildlife Conservation Society* dan Perlindungan Alam Malaysia.

Isu yang kelima isu berkenaan dengan hidupan liar. Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang memohon kerajaan menjelaskan apakah tindakan kerajaan bagi membantu Jabatan Hidupan Liar Sabah memastikan kawasan konservasi hidupan liar dapat dipelihara bagi mengelak berulangnya kejadian kematian badak Sumatra dan gajah pigmi baru-baru ini. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui agensi-agensi di bawahnya sentiasa menyokong inisiatif kerajaan negeri Sabah bagi pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan berhutan yang merupakan habitat hidupan liar terutamanya melalui inisiatif *Heart of Borneo* (HoB).

Inisiatif ini bertujuan untuk menguruskan cara berkekalan kawasan yang terletak di dataran tinggi di tengah-tengah Kepulauan Borneo termasuk tanah rendah berdekatan yang meliputi kawasan sempadan Brunei Darul Salam, Indonesia yakni Kalimantan dan Malaysia yakni Sabah dan Sarawak yang dianggarkan seluas 20.6 juta hektar.

Dalam hubungan ini, Kerajaan Persekutuan menyalurkan RM48.97 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah dalam tempoh tahun 2008 sehingga tahun 2019 bagi pelaksanaan inisiatif HoB ini. Selain itu Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan sebanyak RM11.9 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas kepada Jabatan Hidupan Liar Sabah (JHLS) bagi kajian konservasi hidupan liar terancam di Sabah.

Kawasan perlindungan sepenuhnya di Sabah telah meningkat daripada 17 peratus yakni 843,295 hektar pada tahun 2007 kepada 26 peratus daripada keseluruhan kawasan tanah pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,423,378.31 hektar kawasan TPA adalah dalam kawasan HoB Sabah. Kerajaan Negeri Sabah juga menasarkan untuk meningkatkan TPA kepada 30 peratus menjelang tahun 2025.

Selain daripada itu kawasan yang penting untuk pemuliharaan hidupan liar seperti Rezab Hidupan Liar Tabin seluas 122,334 hektar, Rezab Hidupan Liar Kulambar seluas 20,682 hektar dan *Danum Valley Conservation Area* seluas 43,800 hektar yang menjadi habitat untuk hidupan liar terutamanya gajah dan orang hutan telah diwartakan sejak tahun 1984 lagi. Kerajaan Negeri Sabah juga telah mewartakan *Sanctuary Hidupan Liar Hilir Kinabatangan* seluas 26,109 hektar pada tahun 2005 serta kawasan konservasi Hilir Segama seluas 2,163 hektar pada tahun 2011.

Kawasan ini juga telah diperluaskan lagi dengan jumlah keluasan 78,803 hektar melalui penggabungan beberapa kawasan hutan simpan lain iaitu Lower Kinabatangan–Segama

Wetlands di mana ia telah diisyiharkan sebagai tapak Ramsar yang terbesar di Malaysia pada tahun 2008.

Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang juga memohon kerajaan menjelaskan kerjasama kerajaan dengan NGOs konservasi dan masyarakat bagi melaksanakan program rehabilitasi dan konservasi di Sabah dan seluruh negara. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui agensi-agensi di bawahnya serta agensi di bawah kerajaan-kerajaan negeri sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak badan bukan kerajaan khususnya dalam pelaksanaan program pemuliharaan hutan dan hidupan liar. Antara kerjasama NGO-KATS dan agensi-agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah adalah seperti berikut:

- (i) Jabatan Hidupan Liar Sabah dan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM).  
Jabatan Perhutanan Sabah dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) telah melancarkan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) di peringkat negeri Sabah pada 26 November 2019 membendung kes-kes jenayah yang melibatkan hidupan liar di negeri Sabah. OBK Sabah digerakkan oleh anggota Tiger Platun daripada Pasukan Gerak Am (PGA) Briged Sabah. OBK Sabah akan meningkatkan lagi keberkesanan operasi dalam membanteras aktiviti penyeludupan haram dan penyeludupan liar;
- (ii) Kerajaan Sabah turut bekerjasama dengan NGO serta komuniti tempatan dalam pemeliharaan hidupan liar seperti *World Wide Fund for Nature Malaysia* (WWF), *Borneo Conservation Trust*, hutan. *The Palm Oil NGO*, *Community Elephant Ranger Team*, *Rhino and Forest Fund* and Seratu Atai. KATS juga bekerjasama dengan NGOs dalam program-program penanaman pokok seperti program penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di persisiran pantai negara dan program restorasi tebus guna dan pemulihan kawasan hutan terosot di Semenanjung Malaysia.
- (iii) Akhir yang kelima KATS melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) turut bekerjasama dalam memelihara dan memulihara hutan liar dengan *Malaysia Nature Society*, *World Wide Fund for Nature Malaysia*, *Wildlife Conservation Society Malaysia*, *Malaysia Conversation Alien for the Tiger*, dan Pelindung Alam Malaysia.

Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad memohon supaya kerajaan tidak mendakwa Orang Asli yang telah membunuh gajah yang menceroboh dan mengancam ketenteraman Orang Asli. Gajah merupakan spesies hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dan disenaraikan di bawah Appendix I, CITES. Selain itu gajah juga dikategorikan sebagai hidupan liar terancam *dalam Red List, International Union for Conversation of Nature* (IUCN).

Kementerian Air, tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui PERHILITAN telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mengurangkan konflik manusia hidupan liar (*human wildlife conflict*). Antara usaha yang telah dijalankan termasuk meningkatkan koridor ekologi untuk memelihara hidupan liar. Insiden yang melibatkan Orang Asli yang didakwa membunuh gajah sedang disiasat dalam proses selanjutnya di bawah bidang kuasa pendakwa raya.

Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad juga memohon kementerian melihat secara serius ancaman-ancaman gajah yang berlaku akibat habitat mereka yang telah diganggu dan semakin terhimpit dengan aktiviti-aktiviti pembalakan. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui PERHILITAN sentiasa memandang serius isu ancaman dan pencerobohan gajah liar terutamanya di kawasan perkampungan dan tanaman. Jabatan PERHILITAN telah mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- (i) melaksanakan kawalan melalui kaedah tembak halau;
- (ii) menyelaraskan pagar elektrik sedia ada;
- (iii) bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi urusan bantuan ganti rugi tanaman Orang Asli;
- (iv) libat urus bersama pemegang taruh bagi meningkatkan kesedaran dalam menangani konflik hidupan liar; dan
- (v) menerusi aktiviti tangkapan pindah gajah ke kawasan yang bersesuaian.

## ■2000

Untuk langkah jangka masa panjang, KATS melalui PERHILITAN sedang dalam proses meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] bagi meningkatkan pelindungan serta pemuliharaan hidupan liar. Namun begitu, kerjasama daripada kerajaan negeri amat diperlukan bagi memastikan habitat hidupan liar sentiasa terpelihara. Sebarang pembukaan hutan untuk pengusaha-hasilan dan pembangunan hendaklah mengambil kira impak terhadap hidupan liar mendiami kawasan tersebut.

Sebagai penutupnya, setakat ini sahajalah penjelasan daripada pihak Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Senator dan Tuan Yang di-Pertua, yang terlibat dalam penggulungan ini, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Menteri dan juga pegawai daripada kementerian. Dipersilakan Kementerian Wilayah Persekutuan.

#### **8.01 mlm.**

**Menteri Wilayah Persekutuan [Tuan Khalid bin Abd Samad]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa]* Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab pertanyaan dan isu-isu yang telah dibangkitkan, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dewan Negara yang telah menyertai perbahasan usul Rang Undang-undang Perbekalan 2020 khususnya dan telah menyentuh beberapa isu melibatkan Kementerian Wilayah Persekutuan semasa perbahasan tempoh hari.

Izinkan saya untuk memberikan penjelasan ke atas isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Hanya ada tiga isu sahaja, *Alhamdulillah*.

Pertama, mengenai Negara Taman- *Garden Nation*. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili telah membahaskan isu mengenai Negara Taman. Dia ada di dalam Dewan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Tiada. So, boleh *skip* ya Tuan Yang di-Pertua. Okey. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah masuk Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah masuk sudah.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Oh! Sudah masuk sudah dia. Kalau masuk seminit lewat lagi, saya sudah masuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain kali kita buat macam kalau tidak ada, masuk pun tidak boleh. *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Okey, baik. Terima kasih. Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili telah membahaskan isu mengenai Negara Taman- *Garden Nation*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Jabatan

Landskap Negara (JLN) mempunyai visi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Taman.

Bermula pada tahun 1996 lagi, iaitu sejak penubuhan Jabatan Landskap Negara sehingga kini, pendekatan yang telah diambil adalah melalui pelaksanaan program pembangunan landskap seperti pembangunan taman-taman awam, penghijauan negara, landskap perbandaran, menaik taraf taman awam, pembangunan taman botani, penyelidikan, pemuliharaan dan pemuliharaan landskap, kempen tanam pokok, pemuliharaan pokok-pokok warisan dan yang bernilai tinggi, serta program persekitaran kehidupan di seluruh negara dengan penglibatan oleh pihak berkuasa negeri (PBN), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan di mana sehingga kini, program-program ini masih lagi diteruskan dan sentiasa akan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Setelah penggubalan Dasar Landskap Negara pada tahun 2010, komitmen ini telah diperkuatkan lagi melalui penetapan hala tuju pembangunan landskap negara yang lebih komprehensif dengan penglibatan pelbagai agensi pelaksana dalam memacu pembangunan landskap yang mampan. Di samping itu, JLN juga telah mengeluarkan pelbagai garis panduan termasuk manual yang dijadikan sebagai panduan umum dalam pembangunan landskap di seluruh negara yang diguna pakai di peringkat Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan juga di PBT. Dokumen Pelan Induk Landskap juga telah disediakan yang merupakan dokumen rujukan bagi perancangan pembangunan landskap yang lebih menyeluruh di PBT yang berkaitan di seluruh negara. Sehingga kini, 69 PBT telah mempunyai Pelan Induk Landskapnya sendiri.

Bagi mencapai visi Negara Taman ini juga, Jemaah Menteri di bawah Kerajaan Pakatan Harapan telah menuahkan Majlis Negara Taman (MNT) pada tahun 2019 yang bertujuan bagi memandu hala tuju Malaysia menjadi sebagai Negara Taman terindah, demi kepentingan dan keharmonian generasi akan datang serta meneruskan kelangsungan hidup dalam persekitaran yang kondusif, di samping memperkasakan kesenibinaan landskap di negara ini.

Selain itu, MNT ini bertujuan bagi menyelaras program pembangunan landskap di antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan PBT. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri dan PBT untuk sama-sama merancang pembangunan landskap ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Taman. Ini boleh dilakukan melalui pengukuhan organisasi, peruntukan pembangunan dan penyelenggaraan landskap yang mencukupi serta peningkatan kompetensi di peringkat kerajaan negeri dan PBT.

Selain itu, pendekatan pembangunan landskap di peringkat negeri juga perlu diubah, di mana pengekalan landskap semula jadi atau sedia ada di tapak perlu dipulihara dan dipelihara sebelum sebarang pembangunan dilaksanakan. Ini adalah merupakan antara tanggungjawab PBN dan PBT ke arah membantu menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Taman.

Sejak penubuhan JLN iaitu Jabatan Landskap Negara sehingga kini, hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Taman diusahakan melalui pengukuran yang dibuat terhadap pencapaian strategi dan pelan tindakan yang telah digariskan dalam Dasar Landskap Negara. Peruntukan yang diterima adalah berjumlah RM194 juta pada RMKe-7, RM301 juta pada RMKe-8, RM329 juta pada RMKe-9, RM126 juta pada RMKe-10 dan RM219 juta semasa RMKe-11. Adalah didapati peruntukan ini akan dipertingkatkan di masa hadapan. Di bawah Pakatan Harapan, pengukuhan pencapaian Dasar Landskap Negara akan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua adalah berhubung dengan projek Penang South Reclamation (PSR)...

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ya.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih tentang jawapan yang telah diberikan tadi. Jadi, satu perkara yang kita mohon pengertian Yang Berhormat Menteri ialah jawatan untuk *arborist* iaitu mereka yang *expert* di dalam hal ehwal pokok. Ini sebab ada satu pandangan yang negatif iaitu bila kita menanam pokok perhiasan ialah nanti dikhuatir bahawa pokok itu tidak dijaga dengan baik, dia akan kalau sekiranya ada ribut atau angin kuat, dia akan tumbang dan akhirnya, adalah pandangan-pandangan yang negatif mengatakan bahawa ini semua mendatangkan bahaya kepada orang ramai.

Jadi, saya harap bila kita memberi perhatian kepada hal ehwal landskap, jawatan *arborist* itu mesti kita wujudkan sekurang-kurangnya di peringkat negeri supaya perkara ini boleh diberi perhatian. Sekurang-kurangnya dia jadi penasihat kepada PBT di peringkat kerajaan tempatan di dalam sesebuah negeri. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Baik, terima kasih. Yang Berhormat Senator, saya mengambil kira pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, memang jawatan *arborist* itu sudah mula ada di beberapa PBT termasuklah di DBKL khususnya yang pengetahuan saya. Apabila adanya aduan mengenai pokok-pokok yang dianggap sudah tua dan perlu ditebang, maka sebelum ia ditebang, maka *arborist* ini akan pergi

dan buat siasatan dan memberi cadangan ataupun syor mereka sama ada ia perlu ditebang ataupun sekadar dicantas.

■2010

Akan tetapi, secara praktiknya, kadangkala *arborist* ini juga, Tuan Yang di-Pertua, seperti *lawyer* lah, dia sama dia pun tidak boleh setuju. Ada yang kata cantas, ada yang kata tebang [*Ketawa!*] Itu memang *practical problem* lah. Akan tetapi, apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Senator memang dalam pengetahuan dan dalam maklumat kita dan sedang diusahakan. Terima kasih atas cadangan itu.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ahli Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif dalam perbahasananya ada menyentuh isu berkaitan projek penambakan laut atau projek *Penang South Reclamation* (PSR). Untuk makluman Yang Berhormat Senator- Yang Berhormat Senator ada ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ada. Okey, baik. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Wilayah Persekutuan sendiri tidak menjalankan kajian berkaitan kesan terhadap pendapatan nelayan atau kemasuhan alam sekitar. Walau bagaimanapun, laporan penilaian impak sosial (SIA) yang disediakan oleh penggerak projek telah menganggarkan mengenai kehilangan dataran lumpur- *mudflat*, yang boleh menggambarkan kesan negatif terhadap pendapatan nelayan atau kemasuhan alam sekitar yang mana nilai ekonomi kehilangan dataran lumpur seluas 345.5 hektar dianggarkan berjumlah RM2.48 juta setahun ya. Walaupun kita tidak buat tetapi ada pihak yang buat dan kita mewajibkan mereka untuk melakukan kajian ini.

Namun begitu, laporan SIA tersebut juga menganggarkan purata nilai ekonomi daripada projek ini iaitu projek *Penang South Reclamation* adalah sebanyak RM45 bilion setiap tahun sehingga tahun 2050. Antaranya, melalui penjanaan peluang pekerjaan sebanyak 333,404 menjelang tahun 2050. Pekerjaan baharu ini termasuklah akuakultur, memberi peluang kepada generasi kedua nelayan untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka tanpa terus bergantung kepada pendapatan sebagai nelayan. Maknanya, kajian itu ada dia punya pros, ada dia punya cons. Negatif dan juga yang positif.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, antara langkah-langkah mitigasi yang telah dipersetujui melalui Pelan Pengurusan Impak Sosial adalah supaya kerajaan negeri memberi perhatian kepada aspek-aspek kebajikan nelayan seperti berikut:

- (i) peningkatan sumber pendapatan keseluruhan- *livelihood improvement*;
- (ii) menjamin sumber pendapatan nelayan- *fisherman livelihood*;
- (iii) menjamin keselamatan marin- *marine safety*; dan
- (iv) impak sosial lain dengan memberi perhatian kepada kesejahteraan, psikologi, mengurangkan kacau ganggu semasa pembinaan dan pemuliharaan sosiobudaya setempat.

Berkaitan keselamatan marin, projek ini juga telah menyediakan *Marine Traffic Risk Assessment* (MTRA) iaitu bertujuan untuk mengenal pasti beberapa risiko dan langkah-langkah mitigasi semasa peringkat pembinaan projek ini dijalankan. Laporan MTRA ini telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Laut.

Manakala kelulusan akhir projek PSR ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) kerana isu ini melibatkan Perlembagaan negara di mana terdapat pembahagian kuasa yang jelas di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri terutamanya hal-hal yang berkaitan dengan tanah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Ada pernah seseorang memberikan cadangan kenapa kita tidak ikut Singapura sahaja. Singapura dia boleh terus melaksanakan beberapa tindakan-tindakan untuk menghalang berlakunya *land reclamation* dan sebagainya. Akan tetapi, kita kena ambil kira bahawa Singapura itu dia bukan persekutuan ya, dia merupakan sebuah republik yang kerajaannya menguasai semua persoalan. Sedangkan, kita ada agihan di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Persoalan penambakan dan projek seperti PSR ini adalah di bawah kuasa kerajaan negeri dan PBT. Kami hanya mampu memberikan nasihat dan panduan-panduan yang disyorkan untuk mereka ikuti.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga Ahli Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah semasa perbahasannya ada menyebut tentang isu hak milik tanah dan pembangunan semula Kampong Bharu, Kuala Lumpur, ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Oh! Sini ya, depan. Okey, maaf. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pembangunan semula Kampong Bharu bukanlah satu usaha yang baharu.

Rancangan pembangunan ini telah banyak diusahakan sejak kerajaan yang lepas, namun didapati kemajuannya adalah amat perlahan.

Kerajaan mengambil maklum tentang masalah pemilikan tanah yang amat kritikal seperti pemilikan yang ramai dan isu harta pusaka yang masih tidak dapat diselesaikan. Keadaan ini, jika dibiarkan, akan menyukarkan lagi pembangunan di masa akan datang. Pada masa yang sama, keadaan fizikal di Kampong Bharu ini dengan kewujudan bangunan-bangunan usang dan persekitaran yang tidak terurus mengakibatkan suasana yang tidak kondusif berbanding kawasan sekitar yang telah dibangunkan dengan pelbagai bangunan moden. Ini menyebabkan satu tindakan serius perlu diambil dan oleh sebab itulah, tawaran yang telah dibuat oleh kerajaan untuk menggalakkan semua pemilik untuk bersama dalam usaha pembangunan Kampong Bharu ini. Ini kerana lagi lama, lagi teruk jadi keadaannya.

Kerajaan kini merancang untuk melaksanakan pembangunan semula Kampong Bharu secara komprehensif melalui tawaran pembelian tanah melibatkan keseluruhan tanah *Malay Agricultural Settlement* (MAS) Kampong Bahru seluas 220 ekar. Tuan Yang di-Pertua, *that was what Kampong Bharu was called in the 1890's* iaitu a *Malay Agricultural Settlement*, dengan izin.

Pembangunan semula Kampong Bharu ini akan memastikan penyediaan elemen warisan, seni bina, budaya dan cara hidup orang Melayu akan terus dipelihara dan dipulihara melalui penyediaan Taman Warisan Melayu seluas 24 ekar di samping penerapan elemen seni bina Melayu Islam dalam pembangunan semula yang akan dilaksanakan.

Selain itu, bangunan-bangunan awam bersejarah sedia ada seperti Masjid Jamek Kampong Bharu dan Kelab Sultan Sulaiman yang mempunyai nilai sejarah dan sinonim dengan penempatan Melayu yang asal di Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur akan dikekalkan dan ditambah baik.

Pihak kerajaan juga akan memastikan lebih ramai orang Melayu akan berpeluang memiliki harta tanah dan menjalankan perniagaan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur melalui penyediaan lebih banyak unit kediaman dan ruang komersial yang mampu dibeli oleh orang Melayu. Pembangunan semula Kampong Bharu telah menetapkan sasaran pembinaan sejumlah 45 ribu unit kediaman dari pelbagai jenis berbanding 4,500 unit kediaman pada masa ini. Sejumlah 50 peratus daripada jumlah 40 ribu unit itu telah ditetapkan bagi tujuan kediaman mampu milik.

Selain itu juga, dianggarkan sebanyak 9,000,000 kaki persegi ruang lantai perniagaan akan disediakan berbanding 1,000,000 kaki persegi ruang perniagaan pada masa kini dan sebahagiannya telah diperuntukkan untuk komersial mampu milik bagi membolehkan pemilik dan

pewaris tanah menjalankan aktiviti perniagaan. Pemilik tanah di Kampong Bharu akan diberi keutamaan dan bantuan untuk memiliki harta tanah yang akan dibangunkan di Kampong Bharu. Ini adalah selaras dengan tujuan asal penubuhan Kampong Bharu bagi memastikan penempatan orang Melayu di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur dikekalkan serta menjadi pusat aktiviti harian Melayu di tengah Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan juga sangat komited dalam memastikan pembangunan semula Kampong Bharu akan menjaga kepentingan orang Melayu yang merupakan pemilik asal tanah-tanah Kampong Bharu.

#### ■2020

Kerajaan telah menetapkan prinsip berhubung pemilikan harta tanah Kampong Bharu sepetimana berikut:

- (i) memastikan sekatan kepentingan di dalam suratan hak milik tanah-tanah MAS Kampong Bharu yang menyebut tanah ini tidak boleh dipindah milik kepada bukan Melayu terus dikekalkan;
- (ii) pembangunan semula tanah-tanah MAS Kampong Bharu menawarkan pulangan harta tanah secara *in kind* kepada pemilik dan pewaris tanah dengan tambahan tawaran potongan harga sebanyak 15 peratus. Maknanya *if you are*, dengan izin, seorang pemilik, hendak beli harta tanah yang dibangunkan yang baharu, maka boleh mendapat diskain sebanyak 15 peratus;
- (iii) pihak kementerian turut menetapkan setiap pemilik menerima pulangan dalam bentuk saham di dalam syarikat tujuan khas, *special purpose vehicle*, SPV bagi melaksanakan pembangunan semula Kampong Bharu. Pemilik sebagai pemegang saham akan turut terlibat dalam menentukan hala tuju syarikat tersebut termasuklah menentukan bentuk dan kaedah pembangunan semula Kampong Bharu dan;
- (iv) kerajaan seterusnya akan menawarkan tanah-tanah bagi tujuan pembangunan kepada pemaju-pemaju yang berkelayakan selaras dengan syarat kepentingan tanah di kawasan itu.

Justeru itu, pelaksanaan pembangunan semula Kampong Bharu adalah bagi memastikan orang-orang Melayu yang merupakan pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu akan menikmati pembangunan setanding dengan kawasan sekitarnya tanpa langsung menjelaskan pemilikan

mereka di samping mengekalkan warisan dan identiti Melayu di Kampong Bharu sebagai tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang mengkaji keperluan untuk menggubal suatu akta khusus untuk menjamin kepentingan tanah orang Melayu di Kampung Baru.

Ini adalah kerana sekarang ini yang ada adalah Enakmen *Malay Agricultural Settlement*. Enakmen ini adalah undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan apabila tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur termasuk Kampong Bharu diserahkan kepada Wilayah Persekutuan, persoalan sama ada enakmen itu masih lagi relevan untuk Kampong Bharu adalah merupakan satu isu yang perlu dibincangkan dan diselesaikan. Ini kerana ia bukan lagi di bawah Kerajaan Negeri Selangor, bagaimana Enakmen Kerajaan Negeri Selangor boleh diguna pakai dalam ataupun ke atas tanah yang berada di dalam Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan berkaitan isu-isu...

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya tanya sedikit Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jelaskan apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menekankan sedikit peri pentingnya kita mengekalkan tanah ini 100 peratus untuk orang Melayu *forever*, sampai bila-bila.

Ia tidak boleh diserahkan langsung kepada orang bukan Melayu bukan fasal kita lokek. Ini sebab macam saya kata semalam, di Kuala Lumpur kita ada Bukit Bintang yang telah pun kita bangunkan dengan begitu cantik. Kita juga berasa bangga kita ada Chinatown, kita ada Little India. So, satu-satunya yang boleh memberikan satu semangat kegembiraan dan saya rasa nama baik Melayu di Kuala Lumpur ini- yang boleh kita lakukan, memastikan kita mewujudkan Kampong Bharu setaraf setahap dengan tempat-tempat yang saya katakan tadi.

Cuma saya hendak bertanya, sama ada pihak kerajaan telah memikirkan, memberikan kuasa ataupun mewujudkan suatu badan tertentu untuk melihat pembangunan Kampong Bharu ini- untuk melihat pelan struktur yang akan dilaksanakan. Saya mengatakan bahawa kita faham, kita tidak mahu membebarkan kerajaan. Saya tidak mengatakan kerajaan terpaksa menyediakan kos yang tinggi. Akan tetapi kita mencadangkan ia patut dibangunkan, membuka peluang kepada pelabur-pelabur berbangsa Melayu.

Mungkin dengan bantuan GLC-GLC tertentu, melalui anak-anak syarikat mereka tetapi tanpa menidakkannya penyertaan daripada kaum-kaum lain. Setelah tempat ini kita bangunkan dengan bangunan-bangunan komersial dan lain-lain, kaum-kaum lain, pelabur-pelabur kaum lain juga boleh mengambil peranan dengan konsep menyewa. Jadi maksudnya kita tidaklah tamak tetapi saya tekankan tadi supaya Kampong Bharu ini betul-betul jadi selama-lamanya lah- saya cuma takut.

Saya berpengalaman Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Masa muda-muda dahulu memanglah saya lihat Kampung Abdullah Hukum, Kampung Kerinchi tetapi sekarang sudah tidak ada. Kita faham ia pembangunan. Akan tetapi yang kita hendak supaya inilah satu-satu yang tinggal untuk orang Melayu kerana tidak perlu saya jelaskan di Kuala Lumpur ini bangunan hampir *more than 90 percent* dipunyai oleh orang lain. Kita hendak ini satu- itu harapan saya. Saya faham kerajaan ingin membantu. Saya mengharapkan pastikan jangan ia satu inci sekalipun lari kepada kaum lain.

Ia mesti 100 peratus dan tuan empunya tanah juga saya hendak mencadangkan supaya pemilikan mereka terus mereka pegang dan mereka juga diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam proses pembangunan. Kalau mereka tidak ada duit, mereka boleh jual tanah itu kepada pelabur-pelabur Melayu ataupun penduduk-penduduk Kampong Bharu yang mempunyai keupayaan untuk beli. Ini beberapa cadangan yang saya hendak lihat tetapi penekanannya kita mengharapkan kampung Melayu ini tetap jangan dijual, digadaikan kepada kaum-kaum lain. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, saya ambil kira komen-komen dan teguran dan nasihat yang telah diberikan. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi. Apa yang ditegaskan ialah soal kekalkan 100 peratus pemilikan orang Melayu atas tanah-tanah Kampong Bharu untuk selama-lamanya, itulah apa yang kita telah berikan jaminan dan itulah apa yang kita akan usahakan. Oleh sebab itulah, kita memikirkan tentang perlunya ada akta yang khas untuk tanah Kampong Bharu kerana kita khuatir apabila enakmen ini tidak lagi diguna pakai, maka tanah Kampong Bharu itu jatuh sebagai rizab Melayu biasa.

Bila ia jatuh sebagai rizab Melayu biasa, ia boleh dilakukan seperti mana tanah rizab Melayu biasa di mana ia boleh dibangunkan dan dijual kepada yang bukan Melayu dan diganti dengan tanah yang sama luas di kawasan lain. So, inilah sebabnya kenapa kita perlu tentukan bahawa enakmen MAS itu yang mengatakan tanah itu langsung tidak boleh dipindah milik kepada yang bukan Melayu, akan kekal, kerana ia merupakan satu enakmen.

Apa yang membezakan tanah Kampung Baru itu daripada tanah-tanah rizab Melayu di bawah *The National Land Code*. So, dengan izin, a new act Tuan Yang di-Pertua, khas for Kampong Bharu itu mungkin perlu dilakukan. Kita pun sebenarnya to be very frank, we are quite surprised, isu ini tidak difikirkan dahulu dan mungkin itu adalah di antara sebab kenapa pernah dicadangkan oleh Menteri Wilayah yang sebelum-sebelum ini supaya 40 peratus tanah Kampong Bharu itu dijual kepada yang bukan Melayu untuk membangunkannya. Ini kerana dia tahu bahawa tanah Kampong Bharu itu bukan lagi dikawal oleh Enakmen MAS kerana Enakmen MAS adalah state enactment, Selangor, which no longer applies to the land in Wilayah Persekutuan. So, dia boleh cadangkan begitu supaya tanah rizab Melayu itu boleh diganti di kawasan lain.

Untuk mengelakkan daripada itu berlaku, maka kita sedang kaji keperluan untuk adakan akta yang baharu dan Enakmen MAS ini sebenarnya ia memang begitu tegas. Kalau kita ikut ia bukan sekadar tidak boleh dipindah milik kepada yang bukan Melayu. Kalau ikutkan apa yang terkandung di dalam enakmen itu Tuan Yang di-Pertua, ia mengatakan dan tidak boleh diduduki.

Bukan sekadar tidak boleh dipindah milik tetapi tidak boleh diduduki oleh yang bukan Melayu. Maka kalau kita hendakkan apa yang seperti mana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator iaitu kita benarkan penyewaan, penggunaan premis dan sebagainya tanpa pemilikan, maka kita perlukan satu akta yang khas untuk tanah Kampong Bharu yang menggantikan Enakmen MAS itu.

## ■2030

Badan yang ditubuhkan memang ada iaitu untuk menguruskan pembangunan Kampong Bharu iaitu Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang seringkasnya selalu disebut sebagai PKB. Memang mereka dipertanggungjawabkan untuk menentukan bahawa pembangunan Kampong Bharu dilakukan secara yang terbaik. Akan tetapi selama ini, usaha-usaha adalah hanya sekadar untuk fasilitet pemilik bertemu dengan pemaju untuk dibangunkan secara runcit. Tanah-tanah mereka digalakkan seramai 10 pemilik bergabung dan mereka cari pemaju dan dibangunkan. Itulah yang diusahakan oleh Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu selama ini.

Akan tetapi sekarang ini, kita menyatakan bahawa untuk menyelesaikan masalah ini, kita tidak boleh menggunakan kaedah yang biasa kerana ada kata-kata yang hikmah, yang bijak, yang mengatakan only an idiot will expect a different outcome by doing the same things in the same manner over and over again. Maknanya kalau kita sudah cuba cara itu- sudah gagal, jangan cuba cara itu juga lagi dan mengharapkan satu keputusan dan natijah yang berbeza. So, sekarang ini

pendekatannya ialah kerajaan akan memainkan peranan, beli tanah itu dahulu dan selepas itu membangunkannya dengan menjemput pemaju-pemaju dan pelabur-pelabur untuk membangunkan *package by package*, di mana pemilikan tanah kekal dijamin milik orang Melayu.

*Master plan* banyak sudah dikeluarkan pada tahun 2014 ataupun pada tahun 2012 ada satu *master plan* dan pada tahun 2016 ada satu *master plan*. Kita pun sebenarnya pada 2019 kita pun telah ada satu *master plan* dan *master plan* ini kita telah guna pakai untuk menghasilkan satu model 3D tentang pembangunan yang ingin kita laksanakan. Model 3D ini berada di lobi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kita minta semua yang berminat tentang persoalan pembangunan Kampong Bharu ini *to have a look at the 3D model and give their comments*.

Lalu Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan berkaitan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator melibatkan Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Yang Berhormat Senator yang amat prihatin tentang isu-isu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khususnya dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) keseluruhannya. Segala keprihatinan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan KWP adalah amat saya hargai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kepada kementerian Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

### **8.33 mlm.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam ucapan menjunjung kasih dan tiga isu yang telah disentuh dalam perbahasan;

- (i) mengenai pelaburan ataupun *foreign direct investment*, dengan izin;
- (ii) penyertaan usahawan tempatan dalam *showcase* keusahawanan antarabangsa dengan bantuan MATRADE; dan
- (iii) mengenai produktiviti negara.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama ialah soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker. Oleh sebab tidak ada di sini, saya memberi jawapan secara bertulis.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, ada atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Dr. Ong Kian Ming:** Ada, ada. Jadi, isu yang dibangkitkan ialah apakah perancangan MITI dan juga Kerajaan Pusat untuk menarik pelabur asing ke negeri Kelantan? Untuk makluman Ahli Dewan, MITI dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan di peringkat negeri dan juga Persekutuan sentiasa berusaha untuk menarik pelaburan ke semua negeri di Malaysia dalam usaha untuk merancakkan kegiatan pelaburan dan ekonomi setempat termasuk negeri Kelantan terutamanya di dalam industri-industri yang di sasar dan juga yang digalakkan.

Bagi negeri Kelantan, Jawatankuasa Pelaburan Negeri Kelantan (JPNK) yang telah ditubuhkan pada tahun 2014 akan terus digunakan sebagai salah satu platform untuk menyeragamkan program-program pembangunan dan juga promosi pelaburan bagi agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri di negeri Kelantan.

Pihak MIDA iaitu *Malaysian Investment Development Authority* juga bekerjasama dalam Jawatankuasa Promosi dan Penyelarasaran Pelaburan Negeri Kelantan (JPPP) dan Jawatankuasa Teknikal Projek Pengumpulan Pemprosesan dan juga Pembungkusan (CPPC) oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur ataupun *East-Coast Economic Region Development Corridor* (ECERDC), dengan izin. Antara usaha-usaha lain yang telah dijalankan di peringkat nasional adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan insentif pelaburan yang relevan seperti insentif bagi kawasan kurang membangun ataupun *less develop area* termasuk negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung untuk menggalakkan syarikat baharu atau syarikat sedia ada mengembangkan operasi ke kawasan tersebut;
- (ii) membangunkan ekosistem rantaian bekalan tempatan dengan menganjurkan *supply chain conference* bertujuan untuk mengukuhkan ekosistem rantaian bekalan di antara syarikat tempatan dan juga syarikat multinasional dan juga menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri MITI dan juga saya dan untuk bertujuan menyebar dan memaklumkan kepada bakal pelabur tentang peluang pelaburan dalam sektor-sektor yang disasarkan;
- (iii) menganjurkan sesi dialog secara kerap di antara MITI, MIDA dengan Dewan Perdagangan ataupun *Business Chambers* dan persatuan-persatuan industri di negeri Kelantan bagi mencari penyelesaian kepada cabaran dan

halangan yang dihadapi oleh pelabur dalam melaksanakan projek-projek mereka. Kementerian juga giat mengadakan sesi dialog bagi mempromosikan Industri 4.0 sebagai strategi untuk memperkembangkan industri pembuatan tempatan dan menarik pelaburan asing dalam sektor tersebut di negeri Kelantan.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya pun sudah turun padang pergi ke negeri Kelantan, ke kawasan perindustrian Kota Bharu dan juga ke Pelabuhan Tok Bali untuk menilai dengan mata sendiri progress dan cabaran yang dihadapi oleh pelabur di sana.

Projek-projek pembangunan infrastruktur utama yang telah dikenal pasti dan sedang dirancang di Kelantan adalah melibatkan lebuh raya maritim dan juga pengangkutan udara seperti contohnya, pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) dan juga pembesaran dan naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Ini juga akan memberi kesan positif kepada pelaburan asing.

Bagi projek laluan rel pantai timur ataupun ECRL, Malaysia Rail Link telah mencadangkan stesen untuk Kelantan iaitu Kota Bharu dan juga Pasir Puteh untuk jajaran baharu ECRL. Cadangan jajaran sisihan sepanjang 1.4 kilometer itu dijangka menghubungkan laluan utama ECRL di Kelantan dengan Pelabuhan Tok Bali. Saya rasa ini juga boleh menambahkan lagi peluang daripada segi pelaburan di sektor *oil and gas* seperti satu contoh.

MIDA juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak kontraktor iaitu CCCC yang menggariskan kerjasama untuk mewujudkan pelbagai peluang ekonomi termasuk pembangunan taman industri di pantai barat dan juga pantai timur, hab logistik dan juga pembangunan berasaskan transit ataupun *transit oriented development* di jajaran ECRL. Untuk tujuan ini, MIDA juga telah menujuhkan pasukan khas bagi pelaksanaan projek-projek perangsang ekonomi ini dengan penglibatan pelaburan tempatan dan antarabangsa. Jadi untuk taman perindustrian di Pantai Timur, ada kemungkinan ia akan dilaksanakan di negeri Kelantan tetapi kita mesti menilai kehendak pihak kontraktor dan juga pihak pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni. Tadi ada di sini tetapi sekarang tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada, tidak ada.

**Dr. Ong Kian Ming:** Tidak ada, okey. Jadi, saya beri jawapan secara bertulis. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail, ada atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Haji Ismail tidak ada.

**Dr. Ong Kian Ming:** Okey, tentang isu MATRADE.

**Tuan Yang di-Pertua:** Eh! Ya, ya.

**Dr. Ong Kian Ming:** Ismail bin Ibrahim. Tentang isu MATRADE. Ada tanya atau tidak? Okey. Telah bertanya kepada kementerian saya tentang sejauh mana MATRADE membantu usahawan bumiputera menyertai *showcase* keusahawanan antarabangsa bagi memasarkan produk-produk halal tempatan. Dalam membantu usahawan bumiputera menyertai *showcase* keusahawanan antarabangsa bagi memasarkan produk-produk halal tempatan ke peringkat antarabangsa, pihak MITI melalui MATRADE terus memberi tumpuan kepada program-program promosi dan pembangunan pengeksport yang bertujuan memberi pendedahan, bantuan dan khidmat nasihat yang berterusan.

#### ■2040

Di antara program promosi pasaran yang telah atau akan dianjurkan MATRADE yang menasarkan penyertaan syarikat bumiputera adalah pameran perdagangan luar negara di mana syarikat-syarikat pameran produk ataupun perkhidmatan yang disediakan dan berpeluang untuk berinteraksi secara langsung dengan pengimport-pengimport yang berpotensi. Ini adalah *exhibition* yang dilaksanakan di luar negara, misi pemasaran khusus yang mempertemukan syarikat-syarikat bumiputera dengan pengimport ataupun pembeli-pembeli antarabangsa di luar negara. Ini adalah bersifat *business matching*, dengan izin.

*International Sourcing Program* yang dianjurkan khusus untuk membawa pengimport dan pembeli luar negara ke Malaysia bagi dipertemukan dengan syarikat-syarikat pengeksport bumiputera dan juga program pameran *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS) anjuran MATRADE yang menjadi platform terbaik untuk mempamerkan dan mempromosikan produk dan perkhidmatan halal negara ke pasaran antarabangsa.

MIHAS Showcase adalah satu acara yang telah diiktiraf sebagai satu acara antarabangsa. Saya rasa ini memang- telah dan akan membawa kesan yang baik kepada usahawan bumiputera khususnya dalam menggalakkan mereka untuk mempromosikan produk halal.

Antara contoh syarikat bumiputera yang telah menerima manfaat daripada program pameran perdagangan luar negara di bawah MATRADE ialah *Nang Ori* iaitu jenama produk yang berasaskan lada Sarawak. Baru-baru ini syarikat ini telah menyertai *China-ASEAN Expo* ataupun CAEXPO ke-15 di *Nanning* negara China. Jenama yang bermula secara kecil-kecilan 15 tahun dahulu ini berjaya menembusi pasaran eksport China dan juga Hong Kong. Pengasas jenama ini

Puan Awaeang Anak Kwasin seorang wanita Bidayuh juga merupakan seorang penerima *Malaysia Top Achiever 2019*.

MATRADE juga melaksanakan program-program berimpak tinggi iaitu program pembangunan syarikat pertengahan ataupun *Mid-Tier Development Program* dan Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (MTCDP) dengan tujuan untuk membantu syarikat-syarikat pertengahan ataupun *mid-tier companies* termasuk syarikat bumiputera untuk mengembang perniagaan mereka ke peringkat antarabangsa melalui beberapa aktiviti khusus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat aktiviti-aktiviti promosi sepanjang tahun program selama 36 bulan telah dijalankan dan sebanyak 192 buah syarikat bumiputera telah menerima manfaat program sehingga kini. Ada juga program-program lain seperti program eTRADE bagi kategori bumiputera di mana syarikat ini akan memasarkan produk yang berasaskan minyak pati dan juga ekstrak herba. Syarikat ini adalah syarikat *Tropical Bioessence Sdn Berhad*. Syarikat ini telah memenangi anugerah eksport eTRADE bagi kategori bumiputera di bawah MATRADE.

Jadi selepas menyertai program eTRADE ini khusus untuk kategori bumiputera pada tahun 2014 hingga tahun 2017 untuk platform Alibaba.com syarikat ini telah mencatat eksport sejumlah RM280,000 pada tahun 2018 dan telah melonjak ke RM450,000 eksport pada tahun 2019. Kini syarikat ini telah mengeksport produk mereka ke negara Jepun, Arab Saudi dan sedang berbincang untuk pembeli dari Belgium, Sepanyol dan juga Singapura.

Adalah terbukti bahawa program-program yang telah dijalankan dan dirancang oleh MATRADE dapat memberikan pendedahan dan persiapan syarikat bumiputera dalam mengeluarkan produk-produk halal yang berkualiti. Ini membolehkan mereka melibatkan diri secara aktif dalam program promosi pasaran dan juga program berimpak tinggi dan dapat meningkatkan daya saing sekali gus menentukan hala tuju mereka terutamanya di pasaran eksport.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, ada tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Asmak binti Husin tidak ada.

**Dr. Ong Kian Ming:** Tentang isu produktiviti. Jadi saya akan beri secara bertulis. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, habis perbahasan saya. Saya mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri serta kementerian. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya.

**8.45 mlm**

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Bismillahi Rahmani Rahim.* Salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada 14 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2020 di Dewan yang mulia ini yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan dan strategi bagi membangunkan kawasan pelancongan. Usul ini telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung dan Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun. Semua ada sini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat siapa tadi?

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa ada sini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Okey, apakah perancangan dan strategi kementerian bagi membangunkan kawasan pelancongan seperti di negeri Kelantan, Sandakan, Sabah dan Kuala Perlis, di Perlis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, segmen ekopelancongan merupakan salah satu produk pelancongan yang diberi keutamaan oleh kementerian menerusi Pelan Ekopelancongan 2016-2025, *National Ecotourism Pelan* (NEP). Di bawah pelan ini, kementerian telah pun merangka strategi dan pelan tindakan bagi membangunkan dan memastikan kelestarian produk pelancongan berdasarkan eko kekal mapan melalui pembangunan 60 kluster ekopelancongan di seluruh negara.

NEP ini bukan sahaja fokus kepada produk ekopelancongan malah juga menonjol seni budaya setempat, makanan dan adat warisan destinasi yang telah pun dikenal pasti. Konsep kluster di bawah NEP ini menggabungkan produk pelancongan utama dengan produk-produk sokongan yang perlu di promosi secara bersepadu. Itu sebab dinamakan kluster.

Untuk negeri Kelantan kita telah pun mengenal pasti tiga kluster ekopelancongan iaitu kluster ekopelancongan Merapoh, Gua Musang, Stong dan Kuala Koh. Produk utama kluster ini adalah Taman Negara Sungai Relau dan Kuala Koh dengan produk sokongan seperti Gua Cha,

Tasik Ketitir, *Home Stay* Jelawang dan makanan warisan seperti Nasi Dagang- yang semalam saya sebut atisokme dan tarikan seperti dikir barat dan persembahan wayang kulit.

Bagi kluster ekopelancongan Sandakan, Kinabatangan. Produk utama yang telah dikenal pasti ialah Kinabatangan *Wildlife Sanctuary* dengan produk sokongan seperti Labuk Bay, Turtle Island, Homestay Miso Walai dan makanan warisan kelupis, hinava, umai dan kuih cincin.

Manakala bagi kluster ekopelancongan Kangar, Perlis. Ekopelancongan Kangar Timah Tasoh, Sungai Batu Pahat, Chuping Hills, Perlis State Park. Produk utama adalah Gua Kelam dan Wang Kelian dengan produk sokongan seperti Perlis Herba Park, Tasik Kayang Puteri, Gua Harimau, Homestay Kampung Ujung Bukit dan makanan warisan seperti pulut mangga, laksa utara dan ikan masak dalam tanah liat. Ini antara produk-produk yang kita promosikan dalam satu kluster tersebut.

Antara pendekatan strategi yang telah dan akan diambil oleh *Tourism Malaysia* bagi mempromosikan destinasi-destinasi pelancongan yang menarik termasuk di Kelantan, Sabah dan Perlis merangkumi pelaksanaan program *MegaFam*, *Mega Familiarisation*. Kerjasama promosi dengan kerajaan negeri membuat naik gambar-gambar yang menarik dalam sosial media, risalah dan *Calendar of Event 2020* di laman sesawang TM dan sebaran maklumat melalui media sosial dan menggunakan platform Indonesia-Malaysia-Thailand (IMTGT) bagi pembangunan dan promosi pakej.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun, ada sini? Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing, ada? Okey dan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, ada ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua ada.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Telah pun mencadangkan supaya kementerian menambah baik kawasan pelancongan serta naik taraf infrastruktur di kawasan tumpuan pelancong termasuklah di tapak warisan.

Secara umumnya, kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri dalam menambah baik infrastruktur lokasi pelancongan menerusi peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia lima tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian ini juga bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek sehingga projek itu siap seterusnya dan diserahkan kepada agensi pemilik iaitu *one-off* untuk terus dijaga dan sentiasa di selenggara bagi memastikan

kemudahan pelancongan tersebut boleh terus dinikmati oleh pengunjung untuk tempoh yang panjang.

Manakala, bagi tapak-tapak tumpuan pelancong khususnya tapak warisan yang terletak di bawah pemilikan sama ada Persekutuan, negeri atau persendirian adalah menjadi tanggungjawab pemilik untuk menjaga dan memastikan tapak warisan tersebut sentiasa dalam keadaan baik selaras dengan seksyen 42 Akta Warisan Kebangsaan 2005, Akta 645.

#### ■2050

Sehubungan dengan itu, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) kementerian sentiasa bersedia untuk mempertimbangkan permohonan menaik taraf prasarana pelancongan serta tapak warisan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, strategi untuk menarik pelancong dari lapangan terbang ke destinasi pelancongan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad dan Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung yang telah membangkitkan mengenai isu ini. *Tourism Malaysia* sentiasa bekerjasama dengan kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan dan juga pengusaha pelancongan dalam mempromosi destinasi pelancongan serta acara-acara pelancongan yang terdapat di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan negeri Sabah.

Bagi memastikan kelestarian sesebuah destinasi pelancongan daripada aspek kebolehpasaran ataupun *marketability* dengan izin, ia perlu mengambil kira aspek *connectivity*, dengan izin, bukan sahaja ketibaan melalui udara atau KLIA malah melalui sumber-sumber pengangkutan lain seperti darat dan air iaitu feri. Walau bagaimanapun, bagi kemudahan penumpang yang tiba mendapatkan maklumat pelancongan di pintu masuk, *Tourism Malaysia* menyediakan kaunter TIC di KLIA1 dan KLIA2, Lapangan Terbang Kuching, Kota Kinabalu, Langkawi, Pulau Pinang dan di KL Sentral.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan dan penambahbaikan MITA 2020. Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, okey ada depan saya. *Malaysia Inbound Tourism Association* (MITA) merupakan sebuah pertubuhan yang memang pun menjadi rakan strategik *Tourism Malaysia* dan *Tourism Malaysia* memang sentiasa membantu mempromosikan *MITA Travel Fair* termasuklah daripada negeri Pulau Pinang.

Syarikat-syarikat pelancongan dari Pulau Pinang dan juga seluruh Malaysia dijemput untuk bersama-sama *Tourism Malaysia* untuk menyertai program di sepanjang tahun 2020 termasuklah *MITA Travel Fair* dan lain-lain program seperti Cuti-cuti Malaysia- *Travel Fair*,

*Corporate Travel Bazaar*, Misi Jualan Domestik dan *Tourism Malaysia Travel Mart* bagi menggiatkan lagi industri pelancongan domestik negara.

Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif juga turut bertanyakan mengenai sambutan rakyat kepada aktiviti promosi yang dijalankan kementerian dan pembaharuan dalam jualan pakej pelancongan dalam negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, menurut *survey* pelancongan domestik oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bilangan pelancong domestik telah pun menunjukkan pertumbuhan positif. Sebanyak 10.9 peratus pada tahun 2018 dengan merekodkan seramai 78.2 juta orang pelancong domestik berbanding dengan 70.5 juta orang pelancong domestik pada tahun 2017. Di antara negeri yang mencatatkan penerimaan pelancong domestik yang tertinggi ialah Pahang diikuti Johor, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.

Pelbagai acara dan program domestik telah pun dirancang dan dilaksanakan sebagai persiapan ke arah kempen Melawat Malaysia 2020 ataupun dikenali sebagai VM2020 untuk mencapai sasaran pelancong domestik seramai 85.2 juta orang untuk tahun 2019 dan seramai 92.8 juta orang untuk tahun hadapan, tahun 2020.

Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif juga bertanya mengenai isu yang dibangkitkan tentang fokus dan bantuan kepada *homestay*. Program Pengalaman *Homestay* Malaysia ini adalah merupakan inisiatif kementerian untuk menggalakkan dan meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam sektor pelancongan berdasarkan komuniti termasuklah perkampungan *homestay* di Pulau Pinang iaitu di kawasan Nibong Tebal yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator.

Sehingga kini, sebanyak 217 buah *cluster homestay* telah pun didaftarkan melibatkan sebanyak 11 buah *homestay* dengan penglibatan sebanyak 28 buah kampung. Seramai 234 orang peserta dan yang menawarkan sebanyak 264 buah bilik bagi negeri Pulau Pinang sahaja. Kedatangan pelancong antarabangsa yang paling ramai menginap di *homestay* adalah daripada Korea Selatan, China, Singapura, Eropah dan Jepun.

Bagi tahun 2019, kementerian pun telah mengadakan kerjasama dengan peserta Program Pengalaman *Homestay* di Pulau Pinang dalam mempromosikan aktiviti dan kemudahan yang ditawarkan oleh *homestay* seperti:

- (i) sesi libat urus;
- (ii) Program Pengalaman *Homestay* ataupun *Kampungstay in Malaysia*;
- (iii) Program *Visit MyKampung*;

- (iv) Kembara Merdeka 2019 di *Homestay Sungai Setar Nibong Tebal*;
- (v) Kursus Asas Pelancongan Desa;
- (vi) *homestay* di *Homestay Kota Aur, Kepala Batas Pulau Pinang*; dan
- (vii) Program Seberang Perai *Eco Cycling* 2019 di *Homestay Sungai Chenaam, Nibong Tebal*.

Saya pun turut berbasikal dalam program ini. Di samping itu, kementerian turut juga memberikan bantuan menaik taraf kemudahan guna sama iaitu infrastruktur asas *homestay* sebanyak RM1.42 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi perkampungan *homestay* yang berdaftar untuk keselesaan dan kepuasan para pelancong yang menginap di *homestay*.

Selain itu, program pembangunan keupayaan turut diberikan kepada pengusaha *homestay* ataupun kapasiti *building* melalui pelaksanaan kursus dan latihan secara berterusan seperti kursus pembangunan pakej, pemasaran melalui media sosial dan teknik komunikasi berkesan bagi memastikan kualiti perkhidmatan *homestay* yang optimum dan memastikan pengusaha *homestay* telah menyediakan pakej-pakej *homestay* yang menarik.

Sekarang ini untuk makluman Yang Berhormat Senator, kita juga bekerjasama dengan platform yang dihasilkan oleh orang tempatan dalam mengetengahkan dan mempromosikan *homestay* ini dalam satu platform dan secara digital. Jadi, mereka dapat secara tidak langsung membuat tempahan melalui platform yang kita sediakan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan meningkatkan usaha untuk mempromosikan Malaysia kepada pelancong daripada China. Cadangan yang diusulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying ini. Pelbagai program dan inisiatif telah dijalankan oleh kementerian bagi menarik pelancong daripada China. Antaranya ialah melaksanakan aktiviti promosi dan publisiti secara lebih giat seperti pernyataan di:

- (i) *China International Travel Mart (CITM)* di Kunming, China;
- (ii) *China International Leisure Expo 2019 (CILIE)* di Shanghai;
- (iii) *China International Tourism Industry Expo 2019* di Guangzhou; dan
- (iv) *The 16th China-ASEAN Expo*, Nanning dan pameran-pameran pelancongan yang berkaitan di China.

Kedua, meningkatkan inisiatif program promosi dan pemasaran melalui *Joint International Development Tourism Programmed (JITDP)* dengan penggiat industri dalam membangunkan pakej pelancongan yang menarik. Menggalakkan operasi penerbangan sewa khas ataupun

*charter flights*, dengan izin, mempromosikan aktiviti membeli belah yang memberi tumpuan kepada pasaran pelancong mewah ataupun *high yield tourist*, dengan izin, dan pelancongan minat khas atau *niche* seperti MICE, ekopelancongan serta *island and beaches*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Bagi tempoh Julai 2018 hingga Jun 2019 di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan, sejumlah 3,038,004 orang pelancong China telah pun melawat Malaysia. So, we have past the three million mark. Kita telah pun melepassi 3 juta orang berbanding seramai 2,668,850 pelancong bagi tempoh yang sama iaitu pada tahun 2017 dan tahun 2018 dengan pertumbuhan sebanyak 13.8 peratus. Pada tahun 2019, *insya-Allah* kita akan mencapai lebih dari 3.1 juta ataupun 3.2 juta orang pelancong daripada negara China dan tahun 2020 kita menyasarkan 3.4 juta orang pelancong daripada China.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif mewujudkan peluang pekerjaan dalam industri pelancongan. Seterusnya saya ingin menjawab mengenai usul ini yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung yang tidak ada di sini. Jadi saya beri jawapan secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Begitu juga dengan latihan dan galakan kepada pengusaha pelancongan yang dibangkitkan oleh Senator yang sama. Jadi, saya beri jawapan secara bertulis juga kepada- begitu juga dengan pakej baru untuk Sandakan dan medium pemasaran yang digunakan oleh Senator yang sama. Dia bawa sembilan isu Tuan Yang di-Pertua, jadi saya bagi secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh secara bertulis.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Kota pengiklanan *online* dan *offline*, usul yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Ada di sini ya. Bukanlah menjadi amalan ini kementerian ini untuk menetapkan satu mekanisme sistem kuota dalam mana-mana gerak kerja pengiklanan mahupun aktiviti pemasaran pelancongan negara.

■2100

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, *Tourism Malaysia* sentiasa memberi perhatian pada penggunaan kreatif yang lebih menepati keperluan psikografi pasaran yang ingin disasarkan serta kesesuaian media komunikasi terbaik untuk berita praktikkan. Sama ada melalui medium

periklanan *online* atau *offline* sebagai usaha untuk menyampaikan maklumat pelancongan negara kepada umum.

Bagi memastikan keunikan produk-produk pelancongan, setiap negeri di Malaysia mampu ditonjolkan secara optimum dalam Pelan Pemasaran Pelancongan Negara, *Tourism Malaysia* sering bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan mahupun antarabangsa, untuk membangunkan pakej-pakej pelancongan negara yang akan menggabungkan pelbagai destinasi- *multi destination* pelancongan dari beberapa negeri yang juga bertujuan untuk meningkatkan kadar rentas sempadan antara negeri di Malaysia yang boleh berlaku. Ini secara tidak langsung akan menggalakkan pelancong untuk menginap lebih lama dan meningkatkan jumlah pendapatan pelancongan.

Cadangan untuk mempromosikan pelancongan seni dan budaya Orang Asli, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada? Eh!...

**Seorang Ahli:** Tidak ada.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Tidak ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid? Oh! Ada sini. Okey. Supaya kementerian mengetengahkan kawasan Orang Asli seperti *homestay*, *flea market* atau *bundle*, makanan Orang Asli, pelancongan, pendidikan, agropelancongan atau *agrotourism* serta mempromosikan seni dan budaya Orang Asli. Kementerian mengucapkan terima kasihlah kepada cadangan tersebut dan kita akan bekerjasama dan selalu bekerjasama pun dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Bagi mengenal pasti kawasan-kawasan Orang Asli yang berpotensi untuk diketengahkan sebagai produk pelancongan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, antara usaha kementerian untuk mempromosi dan memperkasakan Orang Asli adalah:

- (i) menghasilkan rekaan baharu yang moden dan kontemporari melalui projek Semarak Kraf menggunakan motif-motif Orang Asli serta bahan mentah semula jadi yang terdapat di kawasan perkampungan Orang Asli tersebut. Produk kraf yang dihasilkan adalah dalam bentuk hadiah dan cenderamata untuk ditawarkan kepada para pelancong dalam dan luar negara. Contohnya produk Orang Asli kaum Penan dari Sarawak yang saya sebut semalam,

- yang telah pun dipromosikan sebagai cenderamata bagi persidangan bertaraf antarabangsa seperti IFLA 2018 dan IFATCA baru-baru ini 2019;
- (ii) masakan produk kraf Orang Asli menerusi program pemasaran kraf seperti Hari Kraf Kebangsaan, Festival Kraf Johor dan lain-lain seperti promosi peringkat negeri dan *outlet* Syarikat Pemasaran Karyaneka Sendirian Berhad. Pada masa akan datang, Kraftangan Malaysia akan membantu komuniti Orang Asli untuk memasarkan produk mereka menggunakan kaedah pemasaran secara digital.
- (iii) memberi pengiktirafan kepada Orang Asli yang telah pun memberi sumbangan dalam pembangunan produk kraf tempatan melalui Anugerah Usahawan Kraf Orang Asli dan Etnik yang akan disampaikan semasa Majlis Perasmian Hari Kraf Kebangsaan. Melalui aktiviti pembangunan produk kraf komuniti Orang Asli pada tahun 2019 adalah seperti berikut:
- (a) Pos Kuala Mu Sungai Siput, Perak yang memberi tumpuan kepada penghasilan produk cenderamata iaitu tempo atau topi, kelarai, sumpit, anyaman, gelang tangan, rantai manik dan tikar anyaman dengan penyertaan seramai 40 orang komuniti Orang Asli.
- (b) Pulau Carey, Selangor bagi pembangunan produk kraf batik eko, produk ukiran kayu, *soft toys* dan anyaman mengkuang dengan penglibatan seramai 32 orang komuniti kraf Orang Asli.
- (c) Lubuk Legong, Baling Kedah bagi penghasilan produk cenderamata berdasarkan buluh seperti tabung buluh, lampu hiasan dan bekas lilin dengan penglibatan seramai 15 komuniti Orang Asli Kensiu; dan
- (d) Tasik Chini, Pekan Pahang bagi penghasilan produk anyaman mengkuang yang melibatkan 10 komuniti kraf Orang Asli di Tasik Chini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan penganjuran Festival Gambus Antarabangsa 2020 bagi menjawab cadangan yang telahpun diusulkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Muhammad Imran bin Ab. Hamid. Kementerian ini tiada halangan sekiranya pihak PGM ingin

membentangkan semula cadangan penganjuran Festival Gambus Antarabangsa 2020 sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi?

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Lagi dua pages Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebentar.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Okey.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat teruskan.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cadangkan supaya membentangkan semula penganjuran Festival Gambus Antarabangsa 2020 sempena *Visit Malaysia 2020*. Walau bagaimanapun, memandangkan kementerian ini tidak mempunyai peruntukan khusus bagi perkara ini, pihak PGM digalakkan untuk bekerjasama dengan pihak syarikat korporat dengan memanfaatkan insentif potongan cukai penajaan di bawah subseksyen 34(6)(k) Akta Cukai Pendapatan 1967 dengan had maksimum sekarang ini telah pun dinaikkan daripada RM700 ribu kepada RM1 juta dalam pembentangan Bajet 2020.

Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, meminta kementerian untuk memberikan perhatian terhadap keunikan warisan serta sejarah yang berpotensi seperti Daerah Larut, Matang dan Selama yang terdapat pelbagai bangunan peninggalan warisan termasuk juga bangunan lama yang boleh diangkat sebagai warisan negara.

Sehingga kini, terdapat lima bangunan yang telah pun diwartakan sebagai warisan kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, Akta 645 dalam Daerah Larut, Matang dan Selama termasuklah Muzium Perak, muzium yang pertama di Malaysia, Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama, Pejabat Telegraf, Penjara Taiping dan Gereja All Saints'.

Manakala tiga bangunan yang telah pun diwartakan sebagai warisan seperti Sekolah Menengah King Edward VII, Perpustakaan Awam Taiping dan Sekolah Kebangsaan Convent Kota. Jabatan Warisan Negara juga dalam usaha untuk mewartakan lima lagi bangunan daerah

tersebut seperti Bangunan Pejabat Pos Taiping, Sekolah Menengah Kebangsaan Saint George's, Rumah Rehat Taiping, Stesen Kereta Api Taiping dan Bangunan Sanitary Board, bangunan Majlis Perbandaran Taiping itu.

Selain bangunan, pihak JWN telah pun mewartakan Taman Tasik Taiping, Kota Long Jaafar dan Kota Ngah Ibrahim. Manakala Hutan Paya Bakau Matang, Zoo Taiping dan Pulau Kalumpang yang mempunyai potensi dan kepentingan warisan, kini dalam proses pewartaan. Kementerian mengalu-alukan mana-mana pihak untuk mencalonkan tapak atau objek yang mempunyai kepentingan sejarah dan warisan bagi diwartakan di bawah Akta 645 termasuklah Daerah Larut, Matang dan Selama. Pencalonan yang diterima akan dikaji dan dinilai oleh jawatankuasa pakar selaras dengan kriteria yang telah pun dinyatakan di bawah seksyen 67(2), Akta 645 sebelum disyorkan sebagai warisan negara.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah? Tiada. Saya berijabah bertulis ya. Terakhir sekali isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip? Tidak ada ya? Kalau tidak ada, itulah isu yang terakhir. Dengan ini, itu sahajalah isu-isu yang menyentuh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Saya amat menghargai segala pandangan, teguran, saran dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian mengenai dasar dan program sedia ada kementerian dalam usaha memajukan sektor pelancongan, seni dan budaya negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab dengan penuh, padat dan ringkas. Terima kasih lagi Yang Berhormat dan pegawai-pegawai sekalian, terima kasih. Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Menteri Kewangan. Silakan.

#### **9.09 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang sudi mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyentuh tentang hal-hal di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan.

Belanjawan 2020 adalah berpandu kepada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dengan menumpu kepada pertumbuhan ekonomi berkualiti tinggi sambil memastikan hasil tersebut dapat dikongsi secara adil dan saksama. Ini adalah satu kesinambungan daripada Belanjawan 2019 yang menumpu kepada pembaharuan institusi yang membersihkan sektor

awam sambil dan memulihkan keadaan kewangan bagi membolehkan negara maju di atas asas yang lebih cekap, amanah dan telus.

■2110

Belanjawan 2020 menekankan kepada penambahbaikan struktur ekonomi Malaysia melalui penggalakan pendigitalan, pelaburan berteknologi tinggi dan perwujudan pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Di samping itu, kerajaan memelihara kebajikan pelbagai lapisan masyarakat. Antaranya seperti pemberian bantuan sosial seperti:

- (i) Bantuan Sara Hidup;
- (ii) Skim Takaful mySalam; dan
- (iii) subsidi petrol bersasar.

Sebahagian bantuan dan skim ini ada disebut dan ditanya oleh Ahli Yang Berhormat Senator. Kerajaan juga memperkenalkan banyak inisiatif baharu dalam Belanjawan 2020 seperti:

- (i) #MalaysiaKerja;
- (ii) #WanitaKerja; dan
- (iii) e-Wallet.

Ini turut mendapat perhatian Ahli Yang Berhormat Senator di Dewan yang mulia ini. Saya mulakan dengan menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat iaitu tentang tiada inisiatif khusus dalam bajet bagi meningkatkan kedudukan daya saing negara dalam *Global Competitiveness Report*. Merujuk kepada pembentangan ucapan belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 11 Oktober 2019, kerajaan akan memberikan tumpuan untuk menambah baik persekitaran perniagaan di Malaysia.

Antaranya, pertama, penubuhan Jawatankuasa Nasional mengenai Pelaburan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang bermesyuarat setiap bulan dalam usaha untuk mempercepatkan kelulusan pelaburan asing dan tempatan.

Kedua, memudahkan urusan menjalankan perniagaan- *ease of doing business*. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat sekalian, *Index Ease of Doing Business* 2019, kita telah melonjak dan mendapat di tangga yang ke-12 berbanding tahun 2018 di mana kita di tangga ke-15. So, walaupun *Global Competitiveness Report* itu menunjukkan kita turun dua anak tangga tetapi *Index Ease of Doing Business*, kita telah meningkat kepada tiga anak tangga.

Jadi, memudahkan urusan menjalankan perniagaan melalui pengurangan bilangan langkah yang diperlukan untuk mendaftarkan perniagaan. Berdasarkan Indeks Bank Dunia, *Index*

*Ease of Doing Business 2020*, proses memulakan perniagaan di Malaysia melibatkan lapan langkah dan memakan masa 17 hari. Dalam hal ini, kerajaan akan berusaha untuk mengurangkan bilangan langkah dan tempoh melalui pengkomputeran sistem pendaftaran.

Ketiga, peruntukan tambahan sebanyak RM10 juta disediakan kepada MITI, untuk meningkatkan pemantauan untuk memastikan pelaburan direalisasikan selepas diluluskan. So, *it's not just about how much*, dengan izin, FDI yang diluluskan- *approve FDI*, untuk kita jadikannya *realise FDI*, maka, diberikan RM10 juta kepada MITI untuk membuat pemantauan khusus.

Keempat, menambah *capacity* Pelabuhan Klang. Kerajaan sedang melaksanakan kajian kebolehlaksanaan untuk pembangunan Pulau Carey bagi fasa pertumbuhan seterusnya. Tuan Yang di-Pertua, Pelabuhan Klang dan pelabuhan yang ada di sekitarnya itu, kita adalah *port* untuk kontena yang ke-12 terbusy, tersibuk di dunia. Terbusy pula- tersibuk di dunia.

Jadi, kita perlu untuk memastikan bahawa- Kita menjangkakan *capacitynya* akan *full* dalam masa yang terdekat. Jadi, untuk memastikan ini, maka, Pelabuhan Klang tidak cukup dengan *West Port* dan *North Port*, maka perlu untuk kita lihat sekitar Pulau Carey untuk kita bangunkan dan untuk memastikan bahawa kita dapat *cater* pertumbuhan yang pesat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, paling sibuk ya?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya, ya. Ke-12 paling sibuk. Kita akan bagi ia jadi ke-10 paling sibuk selepas ini Tuan Yang di-Pertua.

Kelima, memperuntukkan RM50 juta untuk pembaikan dan penyelenggaraan jalan raya ke Pelabuhan Klang. Jadi, untuk kontena sampai ke situ dan juga untuk dibawa keluar setelah sampai daripada luar negara, maka, sistem jalan raya yang ke situ juga perlu ditambah baik.

Terakhirnya ialah melaksanakan kajian kebolehlaksanaan Projek Serendah *Port Klang Rail Bypass* serta kajian kebolehlaksanaan Koridor Logistik Klang iaitu lebuh raya logistik baharu yang akan dibangunkan khusus untuk perdagangan melalui kemudahan pembayaran tertunda, dengan izin, *deferred payment facility* oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia menghubungkan *North Port*, *West Port* dan rangkaian lebuh raya yang sedia ada dengan lebih cekap.

Jadi, buat masa sekarang, kalau melalui rel, kontena itu terpaksa melalui KL Sentral dan sebagainya. Akan tetapi, ini kita hendak buat *bypass* daripada Serendah, boleh terus ke Pelabuhan Klang. Jadi, lebih banyak dapat kita bawa kontena ini.

Kemudian, bagi menjawab apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff, tentang perancangan Belanjawan 2020, yang mampu membangkitkan keyakinan pelabur dan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2020

telah dirangka bagi memacu pertumbuhan ekonomi. Antaranya, melalui langkah menggalakkan pelaburan dan penjanaan pekerjaan untuk warganegara.

Pada masa yang sama, kerajaan juga melaksanakan langkah reformasi untuk memulihkan institusi dan kewangan kerajaan berikutan dengan apa yang telah berlaku sebelum-sebelum ini. Penekanan juga diberikan kepada transformasi ekonomi khususnya dalam menggunakan teknologi terkini selari dengan era digital dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Antaranya seperti berikut iaitu pertama, pakej galakan pelaburan istimewa bernilai RM1 bilion untuk tempoh lima tahun untuk menarik pelaburan syarikat antarabangsa dalam bidang teknologi tinggi, pembuatan kreatif dan ekonomi baharu. Kita bagi insentif kepadanya tetapi ia juga kena membawa masuk pelaburan yang tinggi untuk mendapatkan insentif ini.

Kedua, pelaburan keseluruhan berjumlah RM21.6 bilion bagi membangunkan infrastruktur Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP). Ketiga, bagi menambah peluang pekerjaan dengan memberikan tumpuan kepada belia dan graduan yang menganggur, wanita kembali bekerja, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing dan menggalakkan belia menyertai kursus TVET.

Melalui langkah-langkah yang dibentangkan ini, kita yakin akan mendapat memberikan keyakinan tinggi kepada pelabur untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan di samping meneruskan momentum pembangunan negara, merangsang ekonomi dan meningkatkan akses kepada peluang pekerjaan di sebalik ketidaktentuan ekonomi global.

Seterusnya, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen...

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Menteri, boleh tanya kah sebelum ke Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan tadi. Cumanya saya hendak tanya sedikit daripada bajet yang dulu, sekarang kita sudah bajet yang baharu ini, konteksnya sama juga, China dan Amerika Syarikat ini tengah duduk bergaduh ini. Apakah yang telah kita buat terutamanya sekali untuk meyakinkan bahawa di rantau ini, ia ada negara jiran, Singapura dan segala macam. Hong Kong bergolak. Akan tetapi, keyakinan itu lebih datang ke sini. Ada tidak perkara-perkara khusus yang dibuat kerana bagi saya kalau bergolak di Hong Kong pergi ke negara selatan, pergi- saya rasa rugi. So, mungkin kalau ada satu gerak kerja khusus kalau boleh dikongsi.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Sebenarnya, apabila berlaku *trade war* inilah antara China dan Amerika Syarikat dan kita tahu bahawa *China is our biggest trading partner and America is second biggest trading partner*. Jadi, memang ada kesan apabila itu berlaku.

Cumanya kita sedang- ancaman yang ada ini, cuba kita ubahkan daripada ancaman menjadi peluang. Ya, memang ada peluang sebab mana-mana syarikat mengeluarkan produk sama ada di Amerika ataupun China, mereka akan cuba untuk mengubah lokasi pengeluaran mereka itu supaya apabila dikeluarkan daripada negara, bukan dari China ataupun daripada Amerika, mereka tidak dikenakan tarif yang dikenakan yang kadang-kadang cukup tinggi itu yang menyebabkan ia tidak lagi *competitive*.

Jadi, ini yang sedang kita mengambil peluang dan saya sebutkan tadi antaranya ialah untuk kita memastikan yang disebutkan tadi, *ease of doing business, our competitiveness* ini dapat kita tingkatkan.

## ■2120

Untuk itu, saya sebutkan tadi kita buat suatu mesyuarat khas tiap-tiap bulan yang dipengerusikan oleh Menteri MITI. Dia memang *in charge* untuk mencari pelaburan sama ada domestik dan sudah tentulah daripada *foreign* dan juga Menteri Kewangan sebab nak *match* dengan insentif cukai dan sebagainya. Mereka berjumpa tiap-tiap bulan setelah semua permohonan untuk dibawa masuk pelaburan itu di skrin oleh pihak pegawai. Jadi, ini adalah untuk memastikan bahawa ia akan dapat dibuat keputusan dengan segera kerana *competitor* kita macam Yang Berhormat sebut tadi memang betul.

*Malaysia is the* destinasi yang mereka hendak *but of course* ada benda-benda lain lagi kalau mereka minat di sini kerana *talent* kita adalah baik. Kita, maknanya dari segi *qualification*, komunikasi dan sebagainya memang baik. Cuma kita perlu pastikan bahawa jangan mengambil masa yang terlalu lama dengan birokrasi yang terlalu panjang yang menyebabkan ada negeri-negeri lain yang sanggup menerima mereka dengan lebih cepat. Jadi, ini yang kita lakukan untuk memastikan bahawa *our competitiveness, the ease of doing business* dan sebagainya akan dapat kita *improve*.

Menjawab Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, tidak ada? Saya dok tunggu juga, minta maaf sesetengah itu tidak berapa hendak kenal lagi. Jadi saya *skip* ini dan jawab secara bertulis, *insya-Allah*. Juga inisiatif Malaysia Kerja di bawah Datuk Lim Pay Hen, juga saya jawab secara bertulis.

Kemudian Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas tentang wanita bekerja. Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk memperkenalkan skim dan insentif kepada wanita yang kembali bekerja selepas cuti bersalin 60 hari.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, adalah didapati terdapat golongan wanita yang menghadapi kesukaran untuk kembali ke pasaran pekerjaan setelah mengambil cuti untuk menjaga anak, yang dia dapat 60 hari, kemudian kembali semula bekerja itu *maternity leave* biasa. Akan tetapi ada yang mereka membuat keputusan untuk nak *breastfeed* dan menjaga anak sehingga besar, dia mengambil masa lebih panjang. Jadi untuk dia kembali semula ke dalam alam pekerjaan ini sedikit timbul masalah.

Oleh itu, kerajaan telah merangka inisiatif #MalaysiaKerja bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan dengan turut memberi tumpuan kepada wanita yang telah berhenti kerja selama setahun atau lebih. Contohnya, sekiranya wanita yang kembali bekerja ditawarkan gaji RM3,000. Caruman pekerja di bawah KWSP adalah 11 peratus atau sebanyak RM330, ini contoh yang kita ambil ya. Gaji dia RM3,000 *contribution* dia 11 peratus, RM330. Dalam keadaan biasa tanpa mengambil kira potongan lain, pekerja tersebut akan menerima gaji bersih bulanan- *take home pay* sebanyak RM2,670 setelah RM3,000 tolak RM330.

Di bawah inisiatif #WanitaKerja, kerajaan akan memberi insentif RM500, sebahagiannya untuk menampung caruman pekerja RM330 itu dan bakinya RM170 akan dimasukkan dalam akaun baru KWSP yang dia boleh keluarkan pada bila-bila masa. RM500, RM330 itu untuk caruman KWSPnya dan lebih RM170, dia masuk mungkin kita namakan akaun ketiga contohnya. Akaun ketiga ini dia boleh keluarkan pada bila-bila masa yang dia hendak keluarkan.

Dalam keadaan ini, pekerja tersebut akan menerima gaji bersih daripada majikan sebanyak RM3,000 sebab tidak dipotong, digunakan RM500 tadi serta RM170 yang boleh dikeluarkan tanpa syarat. Dengan itu, dalam poket penerima terdapat RM500 tambahan, *extra* RM500. Di samping itu, wanita yang kembali bekerja selepas berhenti kerja- *career break* turut menerima pengecualian cukai ke atas pendapatan penggajian untuk tempoh maksimum 12 bulan berturut-turut. So, dapat *extra* daripada situ, kemudian penggajiannya juga dikecualikan cukai selama 12 bulan, setahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, garis panduan bagi inisiatif #MalaysiaKerja ini termasuk perincian wanita kerja akan diumumkan oleh KWSP dalam masa yang terdekat. Majikan juga, jadi ditanya apa yang menyebabkan majikan ini boleh untuk hendak membawa wanita yang

telah berhenti ini kembali bekerja, apa insentif untuknya. Insentif untuknya adalah juga diberikan RM300 yang digunakan untuk sumbangan majikan kepada pekerja tersebut.

Jadi kalau RM300, sumbangan majikan adalah RM350 so dia tambah lagi RM50. Akan tetapi sumbangan majikan kepada pekerja adalah RM280, so dia dapat RM280 itu sahaja, dia tidak boleh *claim* lagi RM20 bagi pada dia, tidak. Jadi semuanya akan dimasukkan ke dalam KWSP. Apa pun akan diterangkan secara lebih terperinci oleh KWSP selepas ini.

Saya tidak menjawab tadi, sebenarnya ada pertanyaan daripada Datuk Lim Pay Hen tentang kalau graduan bekerja, pun skimnya sama seperti ini. Bagi graduan yang sudah setahun menganggur, jadi insentif diberikan RM500 kepada dia dan RM300 kepada majikan. Juga untuk memberikan insentif kepada majikan untuk mengambil graduan yang tidak dapat kerja lebih daripada setahun. Begitulah juga dengan watan kerja, maknanya kita berikan insentif kepada majikan untuk dia mengambil pekerja tempatan bagi mengantikan pekerja asing yang bekerja di syarikatnya itu. Kita akan berikan insentif untuk memastikan bahawa yang bekerja adalah pekerja tempatan dan bukan lagi pekerja asing.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Datuk Mohan, tidak ada saya *skip*. Ini tentang BSH dan BR1M, perbandingan. Elok juga dijawab tetapi oleh kerana beliau tidak ada, saya *skip*lah.

Kemudian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak, dia ada di dalam ini. Apakah strategi baharu kerajaan untuk meningkatkan pendapatan negara selain daripada SST? Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang melaksanakan reformasi cukai bagi meningkatkan pendapatan negara untuk tidak bergantung pada hasil SST semata-mata. Objektif reformasi cukai adalah untuk meningkatkan peratusan hasil kepada KDNK, mengurangkan jurang cukai dan memaksimumkan kutipan hasil.

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pembayaran Cukai (TRC) bagi melaksanakan reformasi struktur cukai dan menjalankan kajian menyeluruh mengenai sistem percukaian negara termasuk mengenal pasti sumber pendapatan baharu. Antara langkah utama untuk meningkatkan hasil negara adalah seperti berikut; pertama, mengkaji semula layanan cukai dan insentif sedia ada di bawah pelbagai perundangan bagi memastikan ianya kekal relevan dan dapat mengurangkan ketirisan hasil. Jadi dalam hal ini, kita sedang mengkaji untuk meminda insentif cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 serta Akta Cukai Pendapatan 1967 dan dijangkakan apabila pindaan dibuat dan sebagainya, ia akan mula berkuat kuasa 1 Januari 2021. Itu yang pertama.

Kedua, melancarkan program khas pengakuan sukarela- *special voluntary disclosure programme*, bagi meningkatkan pengisytiharan pendapatan oleh pembayar cukai secara sukarela. Jadi ini kita berikan insentif yang sebelum ini dia tidak *disclose*. Kita beri masa untuk dia *disclose* dan kita janji kita tidak akan *prop in* dan kita terima *face value*. Ini telah juga memberikan suatu hasil yang menggalakkan setakat ini. Daripada program ini sahaja, kita mendapat sebanyak RM4 bilion.

Ketiga, mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diimport termasuk perkhidmatan atas talian, *digital tax* dan juga perkhidmatan servis yang dibuat secara atas talian dikenakan cukai perkhidmatan.

#### ■2130

Keempat, memperkemaskan cukai keuntungan harta tanah, *real property gains tax (RPGT)* ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat harta tanah dalam tahun keenam dan tahun seterusnya. Ini mungkin ada sebahagian telah pada tahun lepas membangkitkan tentang hal ini. Untuk tahun 2020, kita membuat sedikit perubahan dengan mengambil kira pandangan daripada rakyat macam yang saya selalu sebut, *we are listening government*.

Rakyat timbulkan, "Kami yang dulunya tidak kena, pada tahun yang keenam sekarang kena". Kita telah ubah ia punya *baseline* tahun perkiraan itu daripada tahun 2000, sekarang kita naikkan kepada tahun 2013. Orang tanya, "Sebab apa tahun 2013?". Sebenarnya, Yang Berhormat, tahun 2013 itu adalah tahun yang mana kedudukan harta tanah itu adalah pada tahap kemuncak paling tinggi. Bila kita ambil itu sebagai *baseline*, maka apa yang berlaku selepas itu, maknanya amaun yang kita hendak *tax* itu, adalah kecil. Jadi, rakyat kena bayar tapi jumlahnya itu adalah lebih kecil.

Ini pun adalah bagi harta tanah yang bukan yang pertama. Harta tanah yang pertama, kita *disposed*. Itu akan diberikan secara percuma sekali dalam seumur hidup. Ini yang lain selain daripada itu. Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tahu tanah bila ibu bapa memberi kepada anak, ia dikecualikan cukai keuntungan tanah. Akan tetapi, bila seorang ibu bapa meninggal dunia, harta dijual oleh pentadbir untuk mendapat duit untuk *distributed* kepada waris-waris, adakah itu kena cukai keuntungan tanah?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kena pusing belakang ini. Bukan kerana lenguh tapi kena tengok signal belakang ini apa jawapannya.

[Ketawa] Saya dapat anggukan tadi. Ya, Yang Berhormat, akan dikenakan. Cuma, macam yang saya sebutkan tadi, oleh kerana baselinanya itu adalah pada tahun 2013 pada tahap harta tanah yang paling tinggi, jadi ia akan dikenakan juga tapi amunnya itu tidaklah terlalu besar.

Akan tetapi, sekiranya dibuat hebahan kasih sayang daripada bapa kepada anak sebelum dia meninggallah, Yang Berhormat- sudah meninggal hendak hebahan apa lagi? Itu dikecualikan daripada cukai ya, Yang Berhormat.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan cukai keuntungan tanah adalah untuk spekulasi, jadi bila ibu bapa meninggal dunia, balik ke rahmatullah, kenapa bila pentadbir hendak jual bagi itu wang kepada dia punya anak kena tax? Itu bukan spekulasi.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Sekali lenguh-lenguh boleh lalu belakang ini ya. [Ketawa] Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat bersabar sekejap. Nanti semasa pembentangan Rang Undang-undang Kewangan esok, kita ada Rang Undang-undang Kewangan, mungkin Yang Berhormat boleh bangkitkan semula perkara ini dan kita akan mungkin bahas dan beri jawapan yang lebih komprehensif dalam pembentangan esok. Terima kasih.

Seterusnya, yang kelimanya ialah menaikkan kadar duti setem bagi pemindahan harta tanah melebihi RM1 juta daripada tiga peratus kepada empat peratus.

Keenam, mengkaji semula insentif percukaian Pusat Kewangan Antarabangsa Labuan (IBFC). Ketujuh, pengenaan duit eksais ke atas minuman bergula. Dan yang kelapan, mengenakan levi pelepasan bagi semua penumpang ke luar negara melalui laluan udara.

Kerajaan juga akan menerokai inisiatif memanfaatkan aset yang berpotensi termasuk langkah mengurangkan pegangan dalam syarikat bukan strategik serta menambah baik kaedah penjualan aset kerajaan khususnya melalui tender terbuka. Di samping itu, langkah-langkah percukaian baharu ini dijangka dapat meningkatkan hasil cukai dan seterusnya memastikan langkah konsolidasi fiskal mencapai sasaran serta kedudukan kewangan terus kukuh bagi jangka masa sederhana dan juga panjang.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Setelah mengutip berjenis-jenis cukai itu, berapa unjuran pendapatan negara tahun depan? *Thank you.*

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi, cukai yang semuanya itu terangkum di dalam anggaran hasil kita sama ada cukai langsung, cukai tidak

langsung dan hasil bukan cukai iaitu sebanyak RM243.5 bilion. Ini semualah termasuk yang baru yang kita sebutkan tadi Yang Berhormat.

Akan tetapi, kalau contohnya ada juga tanya tentang soda tax ataupun cukai untuk minuman yang bergula ini, sebenarnya ia dua *prong*. Kita hendak minta supaya *not so much* yang kita hendak hasil daripada cukai itu tapi kalau dapat, baguslah juga kan, tetapi sebenarnya kalau rakyat Malaysia kurangkan *consume* minuman atau makanan yang bergula, ini pun baik untuk kesihatan. Jadi, bila tidak berapa sakit, jadi kita pun kurang belanja untuk belanja kesihatan.

Akan tetapi, pengeluar produk ini mereka pun pandai, mereka telah meminta sedikit masa untuk kita *delay* sikit pelaksanaan ini dan mereka telah buat R&D mereka mengurangkan kadar gula mengikut *threshold* yang telah kita sediakan itu supaya ia dikurangkan tidak kena soda tax tapi ia masih lagi *acceptable* kepada *taste* kita yang menyebabkan orang terus menggunakan tapi dengan kadar gula yang berkurangan.

Kemudian, seterusnya, saya menjawab...

**Puan Asmak binti Husin:** Soalan tambahan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya, baru hendak jawab yang Yang Berhormat punya ini selepas ini.

**Puan Asmak binti Husin:** Eh! Ada juga? Saya ingin bertanya, dalam reformasi cukai ini, ada tidak kita hendak ambil ataupun hendak *tax* cukai daripada pekerja-pekerja warga asing yang hantar duit ke negara masing-masing? Sebab, saya tengok ada sesetengah negara mengamalkannya.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Kalau tidak sampai pada saya dalam tiga saat lagi, saya hendak minta jawab secara bertulis. Satu, dua, tiga. Tidak sampai. Okey, saya jawab secara bertulislah kepada Yang Berhormat [Ketawa]

Seterusnya ialah strategi meningkatkan produktiviti rakyat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawapan yang hendak diberikan ini agak panjang. Saya tadi dapat signal daripada Tan Sri Yang di-Pertua yang *decide* sebelum ini, katanya dia hendak beri saya had masa. Jadi, saya pun tidak tahu- jadi bila sampai masa, Tuan Yang di-Pertua beritahulah untuk saya berhenti. Kalau tidak, kena berhenti pula jam malam ini hendak dekat pukul 12 malam.

Strategi meningkatkan produktiviti rakyat yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak. Selaras dengan pelbagai strategi yang telah digariskan di bawah *Malaysia Productivity Blueprint*, produktiviti buruh meningkat kepada 2.3 peratus pada *quarter* ketiga tahun 2019

berbanding 1.8 peratus pada *third quarter* tahun 2018. Jadi, ada peningkatan ya, 2.3 peratus berbanding 1.8 peratus pada *quarter* yang sama tahun lepas.

Berdasarkan pencapaian tersebut, kerajaan yakin sasaran pertumbuhan produktiviti buruh iaitu 3.2 peratus setahun seperti yang kita sasarkan dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11 akan dapat dicapai menjelang tahun 2020.

Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi produktiviti rakyat di semua peringkat merangkumi peringkat mikro, industri dan nasional. Antara lain dengan kita, pertama, mempergiatkan pelaksanaan program-program peningkatan kemahiran- *upskilling*, dan latihan semula- *retraining* menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) kepada pekerja sedia ada.

Kedua, menyediakan insentif tambahan bagi latihan industri untuk menarik minat lebih ramai belia menyertai bidang TVET untuk memenuhi keperluan tenaga kerja industri seperti yang kita umumkan dalam Belanjawan 2020. Ini juga kita berikan sedikit insentif tambahan eluan kepada mereka yang mengikuti latihan TVET ini sebanyak RM100 tambahan.

#### ■2140

Ketiga, memperluas pelaksanaan sistem upah yang dikaitkan dengan *Productivity Linked Wage System* (PLWS) dalam kalangan majikan dan pekerja untuk meningkatkan motivasi, produktiviti seterusnya pampasan kepada pekerja.

Dan keempat, memperkuuh pelaksanaan, pengiktirafan pencapaian terdahulu *Recognition of Prior Learning* (RPL) dan akreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) bagi mengiktiraf pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pekerja yang tidak mempunyai persijilan formal.

Langkah ini akan dapat menyumbang kepada peningkatan gaji pekerja seterusnya produktiviti buruh. Kemudian, perbelanjaan kerajaan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Apakah rancangan kerajaan untuk memastikan bahawa perbelanjaan kerajaan lebih cekap dan dapat mengurangkan kos?

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi perbelanjaan mengurus (OE) pada tahun 2019 meningkat berbanding tahun 2018 terutamanya disebabkan oleh peruntukan tunggakan bayaran balik cukai secara *one-off* yang dianggarkan RM37 bilion. Walau bagaimanapun, jika peruntukan bayaran balik cukai tidak diambil kira, OE dianggarkan berkurang sebanyak 2.5 peratus kepada RM225.3 bilion ataupun 14.8 peratus daripada KDNK.

Sebahagian besar OE adalah untuk emolumen, bayaran persaraan, bayaran khidmat hutang serta perkhidmatan dan bekalan merangkumi 65.5 peratus. Peruntukan OE pada tahun 2020 meningkat 7 peratus berbanding pada tahun 2019. Ini tanpa mengambil kira peruntukan tunggakan bayaran balik cukai secara *one-off* tadi dengan sebahagian besar OE disalurkan untuk emolumen perkhidmatan dan bekalan bayaran khidmat hutang, bayaran persaraan serta subsidi dan bantuan sosial.

Peningkatan peruntukan adalah terutamanya disebabkan oleh keperluan perbelanjaan lebih tinggi bagi bayaran persaraan, pemberian dan penyelenggaraan serta perkhidmatan profesional. Selain itu, ia juga disebabkan oleh keperluan lebih tinggi oleh universiti awam dan hospital pengajar serta subsidi berkaitan pendidikan dan pertanian. Kerajaan Persekutuan akan terus meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan dengan memastikan amalan terbaik dan telus dalam pengurusan perbelanjaan awam.

Pada tahun 2020, kerajaan akan terus melaksanakan belanjawan berasaskan sifar dalam pengurusan perbelanjaan kerajaan bagi memastikan perbelanjaan cekap dan berkesan, *zero-base* ya. Dalam perbelanjaan juga akan ditumpukan kepada program dan projek yang mempunyai impak pengganda tinggi dan berpaksikan rakyat serta berdasarkan keperluan dan keupayaan untuk berbelanja tanpa menjaskan penyampaian perkhidmatan awam.

Selain itu, kerajaan turut menetapkan sasaran dan siling perbelanjaan sebagai siling *indicative* iaitu nilai ambang kepada kementerian dan agensi untuk meningkatkan kecekapan proses perancangan belanjawan di peringkat program dan aktiviti. Siling perbelanjaan yang berdasarkan sumber dan keupayaan berbelanja akan memastikan pengurusan fiskal lebih berhemat dan cekap.

Siling perbelanjaan ini akan menjadi mekanisme kawalan utama bagi memastikan konsolidasi fiskal jangka masa sederhana kekal pada landasan dan seterusnya mengukuhkan kewangan kerajaan. Kemudian Yang Berhormat lagi..

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Boleh mencelah sedikit?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Hendak tanya kah?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Ada lagi. Ada lagi?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ini yang Yang Berhormat juga tanya akan tetapi hutang pula selepas ini. Ini yang tadi kah?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Yang tadi.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Okey.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Kalau kita lihat trend perbelanjaan belanja mengurus terus meningkat setahun demi setahun. *Argument* nya ialah kerana saraan dan sebagainya dan bagaimana proses macam *make sure value for money*, ketirisan, dan *make sure* pastikan semua pentadbiran lebih cekap, penggunaan teknologi dalam IoT dalam pentadbiran yang boleh mengurangkan beban kerajaan kepada- dan juga saya dapat ada perbelanjaan yang *non-productive* yang saya rasa perlu disemak oleh pihak kerajaan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Okey terima kasih Yang Berhormat. Ya macam Yang Berhormat sebut tadi sebahagian itu adalah sesuatu yang kita tidak dapat elak ya peningkatan itu berlaku kerana Malaysia sekarang ini sedang bukan sedang sudah menjadi negara menua. Saya pun baharu belajar istilah itu, yang sedang menjadi tua. Penduduknya meningkat umurnya itu semakin meningkat.

Jadi oleh yang demikian ya kita tahu bahawa setiap tahun pegawai yang bersara akan bila cukup masa dan ketikanya bersara dia akan bersara. Kalau dahulunya ramai yang tidak sempat bersara pun meninggal atau bersara setahun meninggal. Akan tetapi sekarang *average age* sudah meningkat kalau yang wanitanya sudah 78 tahun kalau tidak silap saya dan lelaki nya 73 tahun so *hat* lelaki mati awal jadi maknanya ibu tunggal akan bertambah ramailah kan tetapi pada usia yang sedemikianlah.

Kemudian *average* nya adalah 75 tahun jadi bila itu meningkat, pegawai yang bersara makin bertambah dan kemudiannya yang baharu masuk servis, jadi gaji ini kita kena bayar dan wang persaraan pun perlu kita bayar. Jadi, itu berlaku. Itu tidak dapat kita elak tetapi yang lain ya sebab itu kita sudah *move away from-* kalau dahulunya biasanya ialah okey tahun ini OE kita berapa? Tahun depan kita *start from* situ kita naikkan 2.5 peratus sebab gaji semakin meningkat dan sebagainya.

*We have done all away with that* kita *start from zero-based budgeting*. Kita *start afresh, anew* ya. Apa benda yang hendak kita capai apa, *outcome-based* ya apa yang hendak kita capai jadi kita bermula daripada situ. Kemudian yang Yang Berhormat juga sebut supaya kita elakkan ketirisan dan sebagainya sebab *value for money* seperti Yang Berhormat sebut sebab itulah kita antaranya ialah dasar perolehan untuk setakat mana yang boleh dan memang boleh kita buat adalah secara tender terbuka untuk memastikan bahawa kita mendapat *the best offer* kecuali kita berikan pengecualian kepada perkara-perkara tertentu yang telah saya sebutkan dalam Dewan sebelum ini.

Jadi kita akan terus melihat kecekapan, *efficiency*, dalam pentadbiran kita itu melalui pemodenan penggunaan teknologi yang akan menyebabkan ia lebih efisien dan sebagainya dan akan dapat kita mengurangkan kos operasi kita ini dari semasa ke semasa. Kemudian, Yang Berhormat juga bertanya...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya melihat daripada rekod perbelanjaan mengurus kita sebenarnya berkurangan. Kalau dahulu RM257 bilion tetapi tahun ini RM241 bilion sahaja, maknanya ia berkurangan bukan kita bertambah. Cuma perbelanjaan tanggungan, dahulu RM63 bilion, tetapi tahun ini RM67.8 bilion. Jadi, saya lihat memang ada pengurangan dari segi perbelanjaan mengurus. Okey.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah sebutkan tadi, sebenarnya kalau kita buat perbandingan tahun 2020 dengan 2019 punya bajet itu, memang itulah yang Yang Berhormat sebut betul. Akan tetapi di dalam Bajet 2019 kita masukkan elemen RM37 bilion GST *refund* dan juga *income tax refund* sebanyak RM37 bilion yang perlu kita bayar balik, itu *one-off* Yang Berhormat. Ia berlaku tahun ini sahaja, tahun depan ia tidak berlaku sudah. Kalau kita tarik itu keluar jadi maknanya kita akan melihat bahawa OE kita pada tahun 2020 sebenarnya lebih daripada tahun 2019 *because of that one-off* itu Yang Berhormat ya okey.

Senator Dr. Yaakob bin Sapari bertanya tentang apakah rancangan kerajaan untuk memastikan hutang dapat dikawal dan dikurangkan? Tuan Yang di-Pertua, hutang Kerajaan Persekutuan hanya dapat dikurangkan sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan ataupun surplus yang mencukupi untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan juga membayar hutang.

Kerajaan akan terus meneroka kaedah dan inisiatif baru yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan paras hutang negara tanpa menjelaskan keyakinan pelabur kepada pasaran kewangan Malaysia.

Antara langkah yang sedang diambil termasuklah pertama, meneruskan langkah konsolidasi fiskal bagi mengurangkan paras defisit daripada 3.7 peratus KDNK pada tahun 2018, kita menyasarkan 3.4 peratus defisit daripada KDNK untuk tahun ini 2019 dan kita sedang *on track* untuk mencapainya dan 3.2 peratus asalnya hendak pergi 3.0 tetapi kita mengingatkan bahawa kita perlu lebih belanja supaya dia akan *create spin-off* dalam

perbelanjaan itu. Jadi, daripada 3.0, kita naik 3.2 peratus bagi tahun 2020. Ini konsolidasi fiskal yang sedang kita laksanakan.

#### ■2150

Kedua, meneroka aset yang berpotensi untuk dimonetisasi dan hasil penjualan aset digunakan bagi membayar hutang. Itu hasrat, ya. Untuk rekod. Oleh sebab ini dah diuar-uarkan macam-macam di dalam *Facebook* dan sebagainya.

Untuk rekod. Sejak Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan ini, tidak ada hartanah Kerajaan Pusat yang dimonetisasi- *monetize*. Ada satu yang kita cadang untuk kita *monetize* tetapi hasrat itu kita KIV-kan kerana harta tersebut berada di Hong Kong.

Jadi kalau hendak *monetize* harta yang ada di Hong Kong dalam keadaan kelam kabut ini sudah tentu harganya merudum turun, jadi kita KIV kan. Tidak ada. Ingin juga saya sebutkan bahawa tidak ada mana-mana saham pegangan kerajaan di dalam institusi yang strategik yang telah kita *dispose*-kan. Tidak ada. Apa yang ada hanyalah di bawah Khazanah Nasional. Khazanah Nasional saya ingat saya tidak pasti di Dewan yang mulia ini, tetapi di Dewan Rakyat telah pun diberi keterangannya oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi bahawa bagi Khazanah Nasional, aset dia dibahagi dua iaitu yang strategik dan juga komersial.

Strategik mereka terus pegang, yang komersial apabila sampai masa dan ketikanya sudah sampai kepada *target* yang mereka hendak- sebab dia komersial, sampai *target*-nya, *it's time to dispose* dan duit itu bukan ambil untuk joli. Dapat duit itu mereka cari pula aset lain yang boleh memberikan pulangan yang baik maka *invest* pula di situ. Itu yang berlaku di Khazanah Nasional.

Akan tetapi, bawah aset kerajaan, walaupun ada hasrat kita untuk *monetize* mana-mana yang kita rasa ada potensi untuk di-*monetize*-kan dan tidak bersifat tanah itu strategik dan sebagainya walaupun ada hasrat tetapi setakat ini tidak ada aset yang kita *monetize*-kan.

Ketiga, membuat peruntukan tahunan bagi pembayaran hutang dan faedah syarikat Menteri Kewangan diperbadankan.

Keempat, menyemak semula struktur kos projek yang menerima jaminan kerajaan seperti MRT, ECRL dan LRT supaya boleh mengurangkan pendedahan liabiliti kerajaan. Ini projek-projek yang pinjamnya ialah entiti ini yakni MRT, ECRL, LRT ini mereka pinjam, kerajaan bagi *government guarantee*.

Akan tetapi, kita hendak pastikan bahawa mereka akan kemudiannya dapat *operate* benda itu dan memberikan keuntungan ataupun kalau tidak dapat memberi keuntungan yang besar ataupun yang ini, ia tidak memerlukan banyak suntikan dana daripada kerajaan. Oleh sebab, kita

tahu bahawa *public transport* ini walaupun dia punya pembiayaan atau pun *investment* kita tinggi tetapi kita tidak boleh mengenakan tambang yang terlalu tinggi yang akan menyebabkan rakyat *shy away* daripada penggunaan *public transport* ini.

Kelima, membuat penilaian lebih menyeluruh dalam pemberian jaminan kerajaan baharu kepada entiti yang boleh menjana aliran masuk tunai bagi mengurangkan pendedahan risiko kepada kerajaan.

Untuk maklumat Yang Berhormat, kita dah ada *Debt Management Committee* dan mereka akan menilai setiap mana entiti yang hendak buat hutang, yang kemudiannya memerlukan *government guarantee* akan di *vet through* oleh DMC ini untuk memastikan bahawa kita ini masih boleh *liable* kepada *exposure* yang seperti ini ataupun tidak. Ia akan memastikan bahawa kita tidak akan berhutang dalam keadaan kita sudah terdedah kepada risiko yang terlalu tinggi.

Keenam, menambah baik tadbir urus pengurusan hutang negara dengan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Hutang dan Pejabat Pengurusan Hutang yang bertanggungjawab untuk mengurangkan hutang kepada paras yang lebih terurus serta memastikan kemapanan hutang dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Ada masa lagi kah Tuan Yang di-Pertua?...

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Boleh lagi? Saya ingat Tuan Yang di-Pertua hendak suruh berhenti sahaja.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Bagi lagi lima minit kah.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Lima minit lagi?

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya, okey lima minit lagi. Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif. Yang Berhormat membangkitkan tentang langkah mengatasi kejatuhan nilai ringgit. *Interesting subject.* Apakah langkah kerajaan dalam mengatasi kejatuhan nilai ringgit dan berapakah rizab wang yang telah digunakan untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 10 Disember 2019, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 0.7 peratus. Tidak sampai pun satu peratus. Prestasi Ringgit adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan sebanyak *minus* 06.7 peratus atau 0.7 peratus dan ada di rantau kita ini yang telah menyusut sehingga sebanyak 6.7 peratus dan ada pula yang *fair very well* iaitu naik sebanyak 6.6 peratus. Apa yang sebanyak

6.7 peratus itu Tuan Yang di-Pertua ialah Korean Won. Menyusut sehingga sebanyak 6.7 peratus dan yang *fair very well* ini ialah *Thailand Baht*.

Yang Berhormat geng-geng utara yang selalu *duk pi* Danok, Padang Besar *duk* makan tomyam akan merasai perkara ini, termasuk Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff selalu *duk pi* ke Tak Bai makan tomyam saya tidak tahu lah. Akan tetapi yang selalu pergi akan terasa benda ini.

Akan tetapi *having said that* Tuan Yang di-Pertua, Thailand sekarang sudah merasai kesan daripada *appreciation Thai Baht* mereka dan mereka *appreciated* ini sebenarnya ialah daripada aktiviti pelancongan mereka yang cukup hebat. Sama ada *health tourism* ataupun *tourism* biasa yang orang pergi ke Thailand.

Akan tetapi mereka sudah mula merasakan apabila dia naik sampai sebanyak 6.6 peratus, mereka dah mula merasakan *the bitter pills* yang mereka sendiri telah menciptanya iaitu apabila sekarang ini bila dah *appreciated* sampai 6.6 peratus, pelancong sudah merasakan bahawa untuk melancong ke Thailand adalah agak mahal berbanding dengan jiran-jirannya termasuk kita di Malaysia.

Sebab itu, kita dengar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri MOTAC telah memberitahu bahawa kita telah *hit the three million target tourist* yang kita hendak. Ini kerana orang dah lihat bila sudah sedikit mahal, orang akan cari alternatif.

Jadi, sebenarnya *depreciation* yang tidak terlalu banyak, sebenarnya kadang-kadang memberikan suatu rahmat kepada kita dan *appreciation* yang agak ketara seperti mana Thailand, menyebabkan bahawa bukan sahaja *tourist* yang datang itu semakin berkurangan bahkan eksport mereka juga terkesan kerana untuk eksport barang mereka sudah menjadi sebanyak 6.6 peratus lebih mahal berbanding dengan sebelum ini.

Jadi, sementara kita hendak pastikan- cuma yang pentingnya ialah supaya kita punya mata wang ini tidak terlalu *volatile*. Tiba-tiba turun cukup banyak dan esok melonjak tinggi, bila *volatile* ini pelabur pun akan rasa ini tidak stabil, dia susah hendak masuk untuk *invest* dan begitu lah juga peniaga ataupun pengeluar tempatan kita sukar untuk mereka membuat perancangan dalam keadaan *volatility* yang terlalu besar ini menyebabkan sukar untuk mereka membuat perubahan.

Penyusutan nilai ringgit disebabkan oleh ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik. Kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan unjuran pertumbuhan global serta keimbangan bon Kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada

*World Government Bond Index (WGBI)* oleh FTSE Russell yang menyebabkan aliran keluar dana asing.

## ■2200

Pada mulanya itu, *Federal Reserve Amerika* setelah Trump mengambil alih semua ini dia review dia punya *interest rate*, dia naikkan menyebabkan *investors* luar yang melabur di Malaysia ini kata kalau macam ini lebih baik kami keluarkan dana ini bawa pergi ke US, *invest* dekat sana, *return*-nya adalah lebih baik, itu pada awalnya dan kemudian adalah sebab-sebab yang saya sebutkan tadi.

Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjelaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, seperti saya sebut tadi, *volatility* Ringgit yang ketara boleh menjelaskan aktiviti ekonomi berikutnya kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar.

Sehubungan itu, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan modal tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan pertukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, BNM atau Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai atau *hedging instruments* dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.

Paras rizab antarabangsa negara pula dijangka mengalami peningkatan semula selepas pasaran dunia kembali pulih dan sentimen pelabur bertambah baik. Peningkatan rizab antarabangsa negara akan dijana melalui lebihan penerimaan pertukaran wang asing yang dipengaruhi oleh kegiatan teras ekonomi negara yang berterusan serta kekuuhan pasaran domestik dan antarabangsa.

Saya ingat itu cukup dahulu untuk...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh gulung Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Boleh *landing*? Boleh gulung, okey. *Landing*. Saya ini jenis kapal terbang dipanggil apa tadi boleh naik terus dan turun itu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kereta terbang?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya, *Harrier*. Jadi apabila diminta *landing* saya tidak perlu untuk berlegar lagi di udara mencari landasan untuk hendak *landing*. Saya *Harrier*, saya boleh *landing* terus Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian... [Tepuk]

Jawapan yang tidak sempat saya berikan walaupun Yang Berhormat ada dalam Dewan ataupun sebahagian yang tidak berada dalam Dewan yang saya minta untuk menjawab secara bertulis *insya-Allah* akan dapat jawapan secara bertulis.

Jadi, kita doakan semoga *insya-Allah* selepas ini bacaan kali ketiga dan apabila Belanjawan 2020 diluluskan nanti kita berdoa semoga *insya-Allah* ia akan membawa kepada hasil dan objektif yang telah kita letakkan untuk membawa negara kita ke suatu paras dan untuk menjadikan Malaysia sebuah ekonomi ataupun harimau yang sebelum ini sedang berada di sudut dengan diamnya akan bangun dan mengaum semula sebagai sebuah ekonomi Asia yang baik. Sekian, terima kasih... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang datang hari ini, kita semua soal jawab dan bahas, telah diperkatakan dengan lancar, kemas dan teratur. Saya tengok ahli keluarga saya mendengar dengan teliti yang sudah veteran tetapi berjiwa muda nampak itu contohnya.

Jadi saya ucap terima kasih dan tahniah kepada Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah dan pegawai-pegawaiannya. Inilah bukan senang hendak *prepare* perkara ini.

Seperti telah saya katakan, kita ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bak kata orang Melayu.

*Tenang-tenang air di laut;  
Sampan kolek mudik ke Tanjong;  
Hati teringat mulut menyebut;  
Budi baik anda semua patut disanjung... [Tepuk]*

Itu dia jasa kepada negara. Tengok Ahli Yang Berhormat tadi, sahabat seperjuangan saya tunggu daripada pagi tadi pukul 10 sampai malam ini dekat pukul 11 malam ada lagi. Semalam pukul 12 tengah malam. Bayangkan orang yang tidak muda lagi tetapi veteran bersemangat tinggi.

Inilah seorang pejuang, inilah contoh-contoh Ahli Yang Berhormat berhadapan dengan orang perjuangan.

Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat- sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]*

### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu telah disetujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih. Jam sudah pukul 10 malam dan hanya saya hendak berpesan sahaja sebagai bahan peringatan.

*Pakai cincin batu berlian;  
Jari disarung jangan luka;  
Amanat itu bapa berpesan;  
Janji dibuat jangan lupa... [Tepuk]*

*Hidup bermaruah hidup sihat;  
Hidup mulia, hidup berbudi;  
Hidup manusia biar beradat;  
Bahasa tidak dijual beli.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya ucapkan terima kasih banyak dan hari ini pukul 10 malam lebih. Syabas dan tahniah atas kerjasama yang diberi kepada saya dan juga kepada kita punya Menteri-Menteri. Syabas dan tahniah sekali lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 18 Disember 2019. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.09 malam]**